



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agensi di bawah KPDNHEP)

SSM DUA DEKAD: INSPIRASI KEPERCAYAAN PERNIAGAAN



== SSM DUA DEKAD ==
Inspirasi Kepercayaan Perniagaan

Buku khas berjudul '**SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan**' ini diterbitkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) khusus sempena memperingati ulang tahun penubuhannya yang ke-20 pada tanggal 16 April 2022. Buku ini merupakan dokumentasi lengkap yang memaparkan segala usaha gigih SSM selama dua dekad memacu pembaharuan dan perkembangan pesat landskap perniagaan negara dan meletakkan kedudukannya antara yang moden, mantap dan mampan di dunia. Paparan dalam buku ini menyentuh pelbagai aspek berkaitan peranan SSM, kisah kejayaan serta aspirasi masa hadapannya. Buku ini dibahagikan kepada pelbagai bab seperti berikut:

- ▶ Memperkukuh Tekad, Mendukung Mandat
- ▶ Kerangka Perundangan, Teras Pentadbiran
- ▶ Memperkasa Daftar Niaga, Mengukir Jejak Jaya
- ▶ Tegas dan Berhemat, Teras Penguatkuasaan
- ▶ Menatar Kefahaman, Memurnikan Amalan
- ▶ Melangkah Ke Hadapan, Mendepani Cabaran
- ▶ Memelihara Kebajikan, Menikmati Kesejahteraan
- ▶ Membina Jalinan, Memacu Kemajuan
- ▶ SSM Dua Dekad: Menelusuri Evolusi, Menerajui Transformasi
- ▶ 20 Tahun Berlalu dan Perjalanan SSM Seterusnya

Semoga penerbitan buku khas ini memberi manfaat kepada semua pembaca.



RASIONAL LOGO 20 TAHUN SSM

Pada 18 Februari 2022, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM telah menyempurnakan pelancaran logo secara rasmi bagi sambutan ulang tahun SSM ke-20 yang membawa tema SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan, pada Majlis Perhimpunan Awal Tahun 2022.

Logo tersebut telah dipilih sebagai lambang kejayaan dan pencapaian SSM sejak dua dekad penubuhannya hingga hari ini.

Lima bintang bermaksud kejayaan yang dicapai SSM sepanjang 20 tahun penubuhannya berdasarkan lima teras strategiknya:


- (i) Mengoptimumkan Penambahbaikan Proses
- (ii) Menggunakan Platform Teknologi Agil
- (iii) Memupuk Budaya Kerja Cemerlang
- (iv) Menyediakan Persekitaran Perniagaan yang Dipercayai
- (v) Mengintegrasikan Nilai Berkekalan

Angka 20 menggambarkan usia SSM dan bulatan menggambarkan persekitaran perniagaan. Angka 20 dalam bulatan merupakan suatu simbolik yang mewakili 20 tahun SSM melaksanakan mandatnya sebagai tonggak dan peneraju dalam persada niaga negara.

Tahun 2002 – 2022 mencerminkan tahun penubuhan SSM iaitu pada tahun 2002 hingga tahun terkini 2022, yang diraikan ulang tahun ke-20 penubuhannya.

Warna hitam dan putih menegaskan bahawa SSM sentiasa mendukung undang-undang negara dan sentiasa melaksanakan tindakan pengawalseliaan dan penguatkuasaannya berdasarkan peraturan undang-undang negara yang telah termaktub.

Ayat “SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan” merupakan tema bagi meraikan ulang tahun penubuhan SSM yang ke-20.



RASIONAL KULIT BUKU

Penubuhan SSM telah memperkasakan kepercayaan rakyat terhadap persekitaran perniagaan negara. Sebagai pusat sehenti maklumat perniagaan untuk semua usaha niaga, SSM merangsang iltizam rakyat untuk mengorak langkah dalam dunia niaga dengan penuh keyakinan lantaran tersedianya maklumat perniagaan yang serba lengkap, sistematik, berintegriti dan tepat pada masa. Persekitaran niaga dengan kepercayaan yang jitu ditunjangi SSM ini menjadi pemacu utama dalam menginspirasi semangat keusahawanan rakyat, dan seterusnya memangkin pembangunan ekonomi negara.

Kandungan

RASIONAL LOGO 20 TAHUN SSM		
RASIONAL KULIT BUKU	01	
AMANAT YB MENTERI PDNHEP	04	
PERUTUSAN Pengerusi SSM	06	
PRAKATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SSM	08	
SSM DUA DEKAD: INSPIRASI KEPERCAYAAN PERNIAGAAN	10	
<hr/>		
BAB 1		
MEMPERKUKUH TEKAD, MENDUKUNG MANDAT	13	
Fungsi SSM	14	
Visi SSM	15	
Kepimpinan SSM	16	
Teras Strategik SSM	19	
Logo SSM	20	
Lagu SSM	21	
Evolusi Ibu Pejabat SSM	22	
Pejabat-pejabat SSM di Seluruh Negara	24	
<hr/>		
BAB 2		
KERANGKA PERUNDANGAN, TERAS PENTADBIRAN		29
Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001		30
Akta Syarikat 2016		32
Akta Skim Kepentingan 2016		42
Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012		43
Akta Pendaftaran Perniagaan 1956		44
Akta Syarikat Amanah 1949		44
Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971		44
Inisiatif Pengenalan Kerangka Perundangan Harta Alih Kepentingan Bercagar		44
Agenda Tanggungjawab Sosial Korporat dalam Komuniti Niaga di Malaysia		46
<hr/>		
BAB 3		
MEMPERKASA DAFTAR NIAGA, MENGUKIR JEJAK JAYA		49
Pengenalan Evolusi Pendaftaran Perkhidmatan Teras SSM		50
Menyediakan Perkhidmatan yang Efisien untuk Memulakan Perniagaan di Malaysia		53
Evolusi Sijil Pendaftaran Perniagaan, Pemerbadanan Syarikat dan Gadaian		60
Fungsi sebagai Pembekal Maklumat Korporat Tunggal Negara		64
<hr/>		
BAB 4		
TEGAS DAN BERHEMAT, TERAS PENGUATKUASAAN		73
Pengenalan Penguatkuasaan SSM		74
Falsafah Penguatkuasaan Seimbang		74
Strategi Penguatkuasaan SSM		75
Tanggungjawab Penguatkuasaan SSM		75
Fungsi Penguatkuasaan SSM		76
Uniform Penguatkuasaan SSM		86
Pencapaian Penguatkuasaan 2003 – 2021		88

BAB 5
**MENATAR KEFAHAMAN,
MEMURNIKAN AMALAN** **89**

Pengenalan Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan SSM	90
Persidangan Kebangsaan SSM	92
Pusat Sumber SSM	99

BAB 6
**MELANGKAH KE HADAPAN,
MENDEPANI CABARAN** **103**

Pengenalan	104
Pelan Hala Tuju Strategik Pertama SSM (2004 - 2008)	104
Pelan Hala Tuju Strategik Kedua SSM (2010 - 2016)	105
Pelan Hala Tuju Strategik Ketiga SSM (2017 - 2023)	111

BAB 7
**MEMELIHARA KEBAJIKAN,
MENIKMATI KESEJAHTERAAN** **115**

Pengenalan	116
Inisiatif SSM Membantu Komuniti Korporat semasa Pandemik COVID-19	117
Inisiatif SSM bagi Menggalakkan Rakyat Memilih Perniagaan sebagai Kerjaya	123
Inisiatif SSM Membantu Masyarakat yang Kurang Berkemampuan	128

BAB 8
MEMBINA JALINAN, MEMACU KEMAJUAN **137**

Pengenalan	138
Penglibatan SSM di Peringkat Kebangsaan	138
Penglibatan SSM di Peringkat Antarabangsa	151

BAB 9
**SSM DUA DEKAD: MENELUSURI EVOLUSI,
MENERAJUI TRANSFORMASI** **165**

Aktiviti dan Pencapaian SSM	166
-----------------------------	-----

**PENUTUP:
20 TAHUN BERLALU DAN PERJALANAN
SSM SETERUSNYA** **197**

AMANAT YB MENTERI

“Setelah dua dekad berlalu, SSM telah berjaya mentransformasikan bukan sahaja proses pendaftaran perniagaan, malah telah memperkasakan ekosistem perniagaan negara, menjadi antara yang termaju di dunia dan dipercayai komuniti niaga”

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Terlebih dahulu, saya berbesar hati ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atas usaha menerbitkan buku khas bertajuk “**SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan**”, bersempena dengan ulang tahun ke-20 penubuhannya.

Dua dekad yang lalu, Kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), telah mengambil satu langkah drastik yang berani untuk melaksanakan transformasi pro pasaran yang menyeluruh dalam proses pendaftaran perniagaan negara. Tujuan inisiatif ini direalisasikan ialah untuk memacu pertumbuhan sektor perniagaan negara yang berdaya maju, sekali gus mendorong pertumbuhan ekonomi yang diterajui sektor swasta. Justeru, Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 telah dibentangkan di Parlimen untuk menggabungkan fungsi dua Jabatan di KPDNHEP ketika itu, yang mentadbir pendaftaran perniagaan dan pendaftaran syarikat, sekali gus membuka laluan kepada penubuhan SSM sebagai agensi berkanun tunggal untuk melaksanakan mandat sebagai pendaftar entiti pelbagai bentuk perniagaan di negara ini. Kita bersyukur kerana Akta tersebut telah diluluskan oleh Parlimen, dan tertubuhlah SSM dengan mandatnya yang penting pada tarikh keramat 16 April 2002.

Setelah dua dekad berlalu, SSM telah berjaya mentransformasikan bukan sahaja proses pendaftaran pelbagai entiti perniagaan, malah telah memperkasakan ekosistem perniagaan negara, menjadi antara yang termaju di dunia dan dipercayai komuniti niaga. Selaku Menteri yang bertanggungjawab ke atas SSM, saya berasa bangga atas pencapaiannya, dan menghargai khidmat bakti Anggota Suruhanjaya, warga kerja dan semua pihak berkepentingan agensi ini sepanjang 20 tahun yang lalu. Saya berharap segala naratif kejayaan yang diabadikan dalam buku yang istimewa ini akan terus mekar menjadi inspirasi pencetus semangat demi mengukir lebih banyak kejayaan dan kegemilangan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.



YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna



PERUTUSAN PENGERUSI

“SSM telah melalui evolusi yang pesat seiring dengan pendekatan berorientasikan pasaran yang dilaksanakannya. Pelbagai kemajuan dan pencapaian telah diraih dalam usaha memenuhi mandatnya sebagai pendaftar dan pengawal selia korporat negara.”

Assalamualaikum dan Salam Keluarga Malaysia.

Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana SSM telah mencapai usia dua dekad pada tahun ini, iaitu pada 16 April 2022. Sebagai memperingati penubuhan dan sumbangannya sepanjang dua dekad itu, dan perkongsian aspirasinya untuk masa hadapan, SSM menerbitkan buku khas ini yang berjudul “**SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan**”. Judul ini juga merupakan tema sambutan ulang tahun ke-20 SSM pada tahun ini.

SSM telah melalui evolusi yang pesat seiring dengan pendekatan berorientasikan pasaran yang dilaksanakannya. Pelbagai kemajuan dan pencapaian telah diraih dalam usaha memenuhi mandatnya sebagai pendaftar dan pengawal selia korporat negara. Iltizamnya untuk sentiasa menambah baik perkhidmatan, berinovasi dan usaha pembangunan yang tekal telah menjadi asas perjalanan SSM ke arah mewujudkan persekitaran yang kondusif demi menyokong perniagaan di Malaysia.

Selaku Pengerusi SSM, saya amat berbangga di atas pencapaian sepanjang dua dekad lalu dan saya yakin agensi ini akan terus berjaya menerajui persada niaga negara, dan sentiasa bersiap siaga mendepani apa jua cabaran dan rintangan yang sedang dan bakal muncul.

Di sini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan kepimpinan YB Menteri PDNHEP, rakan-rakan Anggota SSM, Ketua Pegawai Eksekutif dan warga kerja SSM sejak penubuhannya pada 2002 hingga sekarang atas sokongan dan kerjasama yang berterusan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih setingginya kepada Pengurusan Eksekutif dan seluruh warga kerja SSM atas sumbangan bakti yang dicurahkan demi meletakkan SSM di mana ia berada sekarang. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan yang telah bekerjasama dengan SSM demi mencapai matlamat kemakmuran bersama dan ke arah merealisasikan aspirasi Keluarga Malaysia. Semoga penerbitan khas ulang tahun SSM ke-20 ini dapat menyemarakkan lagi tekad SSM pada masa hadapan.

Terima kasih. Wassallam.



YBHG. DATUK SERI HAJI HASNOL ZAM ZAM BIN HAJI AHMAD
Pengerusi
Suruhanjaya Syarikat Malaysia



PRAKATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

“Kita bersyukur kerana melalui proses transformasi gerak kerja dan pemantapan keupayaan dalaman organisasi yang telah dirancang dengan terperinci, banyak kejayaan telah dicapai oleh SSM sepanjang 20 tahun lalu, dalam usahanya yang berterusan untuk memajukan ekosistem perniagaan negara”

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada ALLAH SWT atas keizinan-Nya, buku khas berjudul **“SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan”** berjaya diterbitkan sempena meraikan ulang tahun penubuhan SSM ke-20 pada tahun ini. Hasrat menerbitkan buku khas ini adalah untuk berkongsi pengetahuan dengan semua pihak berkepentingan berkenaan naratif SSM menelusuri evolusi dan menerajui transformasi yang berterusan demi memajukan persekitaran perniagaan negara sejak dua dekad yang lalu. Selain itu, buku ini juga akan memberi gambaran mengenai hala tuju SSM untuk mendepani cabaran masa hadapan.

Sememangnya, mendaftarkan perniagaan merupakan satu langkah utama yang perlu dilakukan bagi sesuatu usaha niaga demi mengukir kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan. Melalui daftar niaga yang tuntas, kepercayaan terhadap perniagaan akan diperkukuh, lantas memacu kemajuan usaha niaga yang berterusan. Kemajuan ini dicapai susulan tersedianya maklumat niaga yang lengkap lagi terperinci yang memungkinkan jalinan perniagaan yang semakin berkembang. Melalui maklumat daftar niaga juga, pelbagai inisiatif untuk menerapkan amalan terbaik perniagaan kepada komuniti niaga yang lebih luas dapat dilaksanakan, lantas mendorong kepada landskap perniagaan yang kondusif, selamat dan terus dipercayai.

Namun demikian, landskap perniagaan seumpama ini akan hanya dapat dibina dengan ekosistem yang disokong oleh kerangka perundangan yang kukuh, moden melalui penggunaan teknologi yang optimum, kemahiran dan prestasi modal insan yang tinggi dan berinovasi serta penggunaan dana yang cekap dan berkesan, antara lain. Inilah yang mendorong SSM sejak dua dekad lalu, untuk terus berusaha dengan gigih demi menyediakan satu ekosistem perniagaan negara yang moden

dan dipercayai. Kita bersyukur kerana melalui proses transformasi gerak kerja dan pemantapan keupayaan dalaman organisasi selain usaha-usaha konsultasi dan kolaborasi dengan pihak berkepentingan yang telah dirancang dengan terperinci. Hasilnya banyak kejayaan telah dicapai oleh SSM sepanjang 20 tahun lalu, dalam usahanya yang berterusan untuk memajukan ekosistem perniagaan negara.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Menteri PDNHEP, Pengerusi dan Anggota-anggota Suruhanjaya, Pasukan Pengurusan Eksekutif dan semua pihak berkepentingan, atas sokongan, pandangan, kolaborasi dan kerjasama berterusan sepanjang 20 tahun yang mencabar ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada semua rakan warga kerja SSM yang sentiasa berkhidmat dan menabur bakti dengan gigih, komited dan penuh dedikasi demi mendukung mandat yang diamanahkan.

Usaha SSM tidak ternoktah di sini, perjalanan seterusnya harus ditempuhi. Semoga semangat kerjasama dan kesepakatan yang menjadi teras kekuatan warga SSM akan diteruskan pada masa hadapan. Harapan saya, semoga apa yang dipaparkan dalam buku khas ini akan memberi manfaat kepada semua.

Terima kasih dan selamat membaca.



YBHG. DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Syarikat Malaysia





SSM 20 TAHUN: INSPIRASI KEPERCAYAAN PERNIAGAAN

PENGENALAN

Tarikh 16 April 2002 tercatat satu kisah kejayaan dalam sejarah negara. Pada tarikh keramat itu, satu transformasi penting dalam ekosistem perniagaan negara telah berjaya dibentuk, dengan penubuhan sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

SSM dibentuk dan ditubuhkan hasil daripada penggabungan Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) dengan Pejabat Pendaftar Perniagaan (ROB) yang ditubuhkan sejak sebelum negara mencapai kemerdekaan. Di bawah Akta yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia, SSM diberi mandat sebagai pihak berkuasa tunggal di negara ini untuk menyediakan perkhidmatan pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan, serta membekalkan maklumat berkaitan syarikat dan perniagaan kepada orang awam. Selain itu, SSM juga diberi mandat sebagai peneraju utama untuk mempertingkatkan tahap tadbir urus korporat negara, sekali gus berfungsi sebagai pengawal selia dan penguat kuasa pematuhan perundangan korporat dan pendaftaran entiti perniagaan.

Mandat SSM adalah sangat penting demi memastikan sektor korporat dan perniagaan negara yang berdaya maju dan menjadi kepercayaan rakyat untuk dijadikan nadi kemakmuran ekonomi negara. Dalam konteks ini, SSM hendaklah memastikan bahawa persekitaran perniagaan di negara ini sentiasa kondusif dan pro-perniagaan. Justeru, sepanjang dua dekad lalu, SSM giat membangun reformasi kerangka perundangan yang ditadbir selain dari menatar pelbagai program latihan dan bimbingan kepada para penggiat perniagaan, baik dalam kalangan sektor korporat mahupun orang awam, demi mempertingkatkan tahap kesedaran, kefahaman, kemahiran dan profesionalisme seterusnya menerapkan dan melaksanakan amalan terbaik bagi menjayakan sektor perniagaan di negara ini.

TRANSFORMASI SSM

Menyingkap sejarah penubuhan SSM serta pencapaiannya sepanjang 20 tahun yang lalu, kita dapat saksikan bahawa SSM tidak menoleh ke belakang untuk melaksanakan pelbagai transformasi penting demi memacu sektor perniagaan negara, sejajar dengan perkembangan perniagaan yang pantas di peringkat antarabangsa dan domestik.

Kejayaan SSM dalam transformasi persada niaga telah membina dan membangunkan satu ekosistem perniagaan domestik yang moden, serba lengkap dan diyakini, lantas membolehkan SSM dinobatkan sebagai teras inspirasi kepercayaan perniagaan bukan sahaja untuk rakyat Malaysia bahkan komuniti perniagaan global.

SSM telah mencatatkan pelbagai transformasi terutamanya dari segi penyampaian perkhidmatan daripada manual ke digital dengan memperkenalkan portal *EzBiz Online*, *MyCoID*, *MyLLP* dan *MBRS* yang membolehkan SSM mengubah model perniagaan serta operasi SSM dengan memanfaatkan keupayaan digital dalam menjadi sebuah agensi pengawal selia yang dipercayai dan seterusnya mendorong pertumbuhan positif sektor korporat di Malaysia.

SSM juga sentiasa menampilkan transformasi bagi sistem penyediaan perkhidmatan yang lebih unggul melalui projek-projek Hala Tujunya untuk meningkatkan keberkesanan melalui penambahbaikan kecekapan dan kebolehpercayaan kepada pelanggan serta pihak berkepentingan.

EVOLUSI PERUNDANGAN

Dalam tempoh 20 tahun ini, negara Malaysia dapat menyaksikan pengenalan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 yang telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 21 Disember 2011 dan kemudiannya diwartakan pada 9 Februari 2012. Perkongsian liabiliti terhad (PLT) adalah entiti perniagaan baharu yang boleh dibentuk oleh golongan profesional seperti Peguam, Akauntan Bertauliah dan Setiausaha Syarikat bagi tujuan menjalankan amalan profesional mereka. Di mana sebelum ini golongan profesional lebih cenderung menguna entiti pemilikan tunggal dan perkongsian konvensional. Selain daripada menjadi wahana alternatif untuk menjalankan perniagaan di Malaysia, PLT memberi peniaga kelebihan liabiliti terhad yang sama dengan syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat dan privasi perkongsian konvensional di mana penyata kewangan mereka tidak perlu difaillkan kepada Pendaftar. Oleh itu, PLT membantu menggalakkan lebih ramai usahawan menjalankan perniagaan.

Dalam usaha untuk mewujudkan iklim perniagaan yang lebih produktif di Malaysia dan setaraf dengan amalan korporat global, dua Rang Undang-Undang telah diperkenalkan dan diwartakan pada

15 September 2016 iaitu pengenalan Akta Syarikat 2016 dan Akta Skim Kepentingan 2016. Pengenalan akta-akta baharu ini membawa perubahan yang besar terhadap komuniti korporat di Malaysia berbanding dengan amalan yang telah diterima sejak 1965. Akta Syarikat 2016 yang baharu telah menggantikan Akta Syarikat 1965, manakala Akta Skim Kepentingan 2016 pula mengawal selia perundangan yang berkaitan dengan skim kepentingan. Pengenalan akta-akta baharu ini juga telah menyediakan peruntukan yang lebih fleksibel bagi syarikat-syarikat serta mempertingkatkan tanggungjawab dan perlindungan dalam kalangan komuniti korporat mengikut piawaian tadbir urus yang diiktiraf di peringkat global, serta mengurangkan beban pengawalseliaan dan kos pematuhan.

Naratif kejayaan SSM sepanjang 20 tahun dalam latar persada ekonomi negara tidak dapat dipisahkan dengan sumbangan bakti dan usaha gigih barisan kepimpinan serta seluruh warga kerjanya yang cekal memacu agensi ini ke arah perubahan dan sejajar dengan transformasi global yang sangat pesat. Di samping itu, jalinan hubungan kerjasama dan permuafakatan yang utuh antara SSM dengan pihak berkepentingan lain juga menjadi wadah kepada kisah kejayaannya sepanjang dua dasawarsa yang lalu.

BERHADAPAN DENGAN PANDEMIK COVID-19

Di persimpangan ini, tatkala dunia melangkah ke era baharu pasca pandemik COVID-19 yang mengancam setiap nyawa manusia sejangat, SSM bersiap sedia untuk menempuh gelombang dan cabaran mendatang yang lebih hebat lagi. Yang ketara, landskap ekonomi dan perniagaan baik di dalam atau di luar negara pada masa ini, dan yang akan datang, tidak akan lagi sama seperti 20 tahun yang lalu. Oleh yang demikian, SSM sebagai agensi yang telah matang dan berjaya mengharungi pelbagai krisis dan kitaran ekonomi sejak 20 tahun lalu, pastinya sudah bersiap sedia dengan strategi dan tindakan yang ampuh untuk terus mengemudi latar niaga yang kekal diyakini dan dipercayai untuk mendepani tempoh perjalanan masa hadapan.

Halaman-halaman selanjutnya memaparkan kisah kejayaan SSM sepanjang dua dekad lalu, serta aspirasinya pada masa hadapan, untuk diabadikan demi hasrat perkongsian ilmu pengetahuan dan penyampaian maklumat kepada semua pihak berkepentingan, tentang kecekalan dan ketekalan SSM memacu kemajuan landskap perniagaan negara.



Sepanjang dua dekad SSM sentiasa berusaha melaksanakan mandatnya yang termaktub dalam undang-undang negara. SSM mendukung mandat ini dan tekal dalam usaha untuk meningkatkan perkhidmatannya demi memenuhi harapan semua pihak berpentingan.

Usaha berterusan SSM untuk meningkatkan pelaksanaan fungsi yang dimandatkan kepadanya sepanjang dua dekad lalu antara lain, didorong oleh barisan kepimpinannya yang berpandangan jauh, tangkas lagi dinamik, teras strategiknya yang mantap, dan penglibatannya yang aktif bersama pihak berkepentingan melalui keberadaan pejabat cawangannya di seluruh negara.

SEJARAH PENUBUHAN SSM

Pejabat
Pendaftar Syarikat
(Ditubuhkan
pada 1898)
+
Pejabat Pendaftar
Perniagaan
(Ditubuhkan
pada 1939)

**Suruhanjaya
Syarikat Malaysia
(16 April 2002)**





BAB 1

MEMPERKUKUH TEKAD, MENDUKUNG MANDAT

Fungsi SSM	14
Visi SSM	15
Kepimpinan SSM	16
Teras Strategik SSM	19
Logo SSM	20
Lagu SSM	21
Evolusi Ibu Pejabat SSM	22
Pejabat-pejabat SSM di Seluruh Negara	24

SSM memperoleh kuasa untuk menjalankan fungsi dan peranan yang dimandatkan kepadanya melalui Seksyen 17, Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (ASSM2001). Fungsi tersebut adalah seperti berikut:

7

Menasihati Menteri secara am mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan perbadanan, syarikat dan perniagaan berhubung dengan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

6

Menjalankan penyelidikan dan mengkomisikan kajian mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan kegiatan korporat dan perniagaan.

8

Menjalankan segala kegiatan dan melakukan segala perkara yang perlu atau bermanfaat dan patut bagi pentadbiran Suruhanjaya, atau bagi apa-apa maksud lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

1

Memastikan bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditadbirkan, dikuatkuasakan, diberi kuat kuasa, dijalankan dan dipatuhi.

2

Bertindak sebagai ejen Kerajaan dan untuk mengadakan perkhidmatan mentadbirkan, memungut dan menguatkuasakan pembayaran fi yang ditetapkan atau apa-apa caj lain di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

3

Mengawal selia perkara yang berhubungan dengan perbadanan, syarikat dan perniagaan berhubung dengan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

4

Mendorong dan menggalakkan tatalaku yang sepatutnya dalam kalangan pengarah, setiausaha, pengurus dan pegawai lain sesuatu perbadanan, dan pengawalseliaan diri oleh perbadanan, syarikat, perniagaan, kumpulan perindustrian dan badan ikhtisas dalam sektor korporat demi untuk memastikan bahawa segala kegiatan korporat dan perniagaan dijalankan mengikut norma-norma yang telah mantap mengenai pentadbiran korporat yang baik.

5

Meningkatkan dan menggalakkan pembekalan maklumat korporat di bawah mana-mana undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan untuk mewujudkan dan membangunkan suatu kemudahan yang dengannya apa-apa maklumat korporat yang diterima oleh, atau yang difailkan dengan atau yang dikemukakan kepada, Suruhanjaya dapat dianalisa dan dibekalkan kepada orang ramai.

FUNGSI SSM

VISI SSM

SSM sentiasa memperkukuhkan tekad untuk mencapai Visinya iaitu:
“Untuk Menjadi Pendaftar dan Pengawal Selia Korporat Terulung”



KEPIMPINAN SSM

Sepanjang dua dekad, SSM amat bertuah kerana diterajui oleh pemimpin yang berpandangan jauh, dinamik lagi tangkas.

Barisan YB Menteri yang memimpin SSM



**TAN SRI DATO' HAJI
MUHYIDDIN HAJI MOHD. YASSIN**
15 Disember 1999 - 26 Mac 2004



**DATUK SERI PANGLIMA
HAJI MOHD SHAFIE HAJI APDAL**
27 Mac 2004 - 18 Mac 2008



**TAN SRI
SHAHRIR ABDUL SAMAD**
19 Mac 2008 - 9 April 2009



**DATO' SRI
ISMAIL SABRI YAKOB**
10 April 2009 - 15 Mei 2013



**DATO' SRI
HASAN MALEK**
16 Mei 2013 - 28 Julai 2015



**DATO' SERI
HAMZAH ZAINUDIN**
29 Julai 2015 - 10 Mei 2018



**DATUK SERI
SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL**
2 Julai 2018 - 24 Februari 2020



**DATO SRI
ALEXANDER NANTA LINGGI**
3 Mac 2020 - Kini

Barisan Pengerusi SSM



**TAN SRI DATO' SERI
DR. SULAIMAN MAHBOB**
23 Februari 2001 – 24 Julai 2004



**DATO' SERI
TALAAAT HAJI HUSAIN**
26 Julai 2004 – 28 Februari 2007



**DATO'
MOHD ZAIN MOHD DOM**
1 Mac 2007 - 25 Disember 2011



**DATUK SERI
SARIPUDDIN HAJI KASIM**
16 Januari 2012 - 15 Januari 2014



**DATO' SRI
ALIAS HJ. AHMAD**
5 Februari 2014 -1 Februari 2016



**DATUK SERI
JAMIL HAJI SALLEH**
15 Mac 2016 – 7 Januari 2019



**DATO' SRI
MUEZ ABDUL AZIZ**
9 Januari 2019 - 13 Januari 2020



**DATUK SERI HAJI
HASNOL ZAM ZAM HAJI AHMAD**
1 Februari 2020 - Kini

Barisan Ketua Pegawai Eksekutif SSM

DATO'
ABDUL ALIM ABDULLAH
16 April 2002 – 31 Ogos 2005



DATUK
ABDUL KARIM ABDUL JALIL
1 November 2005 – 1 April 2009



DATO'
AZMI ARIFFIN
16 April 2009 - 31 Oktober 2011



DATO'
MOHD NAIM DARUWISH
1 Disember 2011 - 16 September 2014



DATO'
ZAHRAH ABD WAHAB FENNER
1 Januari 2015 – 1 Julai 2019




DR
AZMAN HUSSIN
28 September 2019 – 1 Mei 2020



DATUK
NOR AZIMAH ABDUL AZIZ
1 Mei 2020 - Kini

Gerak kerja SSM didasari oleh lima teras strategik yang mantap iaitu:



LOGO SSM

Logo SSM menyerlahkan imejnya sebagai pihak berkuasa perniagaan berwibawa di Malaysia.



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agensi di bawah KPDNHEP)

Pada tahun 2002 SSM memberikan peluang kepada kakitangan Pendaftar Syarikat (RoC) dan Pendaftar Perniagaan (RoB) untuk menghasilkan reka bentuk logo SSM. Matlamatnya adalah untuk menghasilkan logo yang sesuai untuk SSM dan pada masa yang sama mengeluarkan kreativiti kakitangannya untuk menghasilkan reka bentuk dan rasional sendiri. Terdapat empat kriteria untuk penghasilan logo SSM, iaitu:

- ▶ Menunjukkan empat fungsi utama SSM iaitu pendaftaran syarikat dan perniagaan, menyediakan maklumat korporat, penguatkuasaan undang-undang yang ditadbir, pembangunan sektor korporat serta rangkaian dalam dan luar negara;
- ▶ Teras kecekapan iaitu pendaftaran syarikat dan perniagaan, dan menjadi pentadbir dokumen berkanun yang berkaitan;
- ▶ Penggabungan RoC dan RoB; dan
- ▶ Menghadapi cabaran globalisasi, penggunaan teknologi digital dan bantuan dalam penciptaan e-Kerajaan dan SSM sebagai pusat kecemerlangan.


Makna dan Pengertian Logo SSM

Dua titik bulat dan dua petak kecil



- ▶ Ini adalah keseimbangan antara peraturan dasar dan dasar yang mendorong pembangunan sektor korporat sesuai dengan prinsip undang-undang dan tadbir urus korporat yang baik
- ▶ Mewakili empat fungsi utama SSM
- ▶ Juga bermaksud penggunaan teknologi digital dan penubuhan fungsi e-Kerajaan

Separuh bulatan



- ▶ Menunjukkan kesediaan SSM untuk menghadapi masa depan dan cabaran globalisasi
- ▶ SSM sentiasa bersedia membina rangkaian kerjasama dan komunikasi dengan mana-mana organisasi, syarikat atau agensi dalam dan luar negara
- ▶ Merupakan penyatuan Pendaftaran Perniagaan dan Pendaftaran Syarikat menjadi satu entiti yang berfungsi sebagai pasukan yang dikendalikan dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi

Pusat Kecemerlangan



- ▶ Kedudukan huruf SSM di bahagian tengah dan dilingkari dengan separuh bulatan mewakili Pusat Kecemerlangan
- ▶ Diwakili oleh kedudukan kumpulan titik dan petak kecil (fungsi SSM) di atas atau di hujung cincin separuh bulatan

Warna Biru gelap



- ▶ Menunjukkan SSM sebagai entiti dengan moral yang tinggi dan etika, dan dengan itikad baik dan dengan adil, menguatkuasakan dan memantau syarikat dan perniagaan untuk mematuhi undang-undang

Warna Kuning



- ▶ Mengenal SSM sebagai badan pengawal selia yang mentadbir undang-undang

LAGU SSM

SSM SSM
Berkhidmat untuk semua
SSM SSM
Pemangkin kejayaan Negara

Berkhidmat dengan penuh berinovatif
Kecemerlangan kita untuk Negara
Inilah matlamat kami
Bergandingan tangan
Berjaya dan berwawasan

SSM SSM
Berkhidmat untuk semua
SSM SSM
Pemangkin kejayaan Negara

Berkhidmat dengan penuh berinovatif
Kecemerlangan kita untuk Negara
Inilah matlamat kami
Bergandingan tangan
Berjaya dan berwawasan

Kecekapan Produktiviti
Komited Berintegriti
Merangsang Kreativiti
Peningkatan Berkualiti

SSM bersama mu



EVOLUSI IBU PEJABAT SSM

Susulan transformasi dalam landskap perniagaan domestik dan kemajuan SSM, pejabat SSM juga mengalami evolusi yang sejajar dengan perkembangan tersebut.



1898 - 1963
Jalan Sultan Hishamuddin



1963 - 1971
Bukit Mahkamah



1971 - 1978
Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn



1978 - 1984
Kompleks Kerajaan, Jalan Duta

SSM berpindah ke ibu pejabat korporat sendiri di Kuala Lumpur Sentral pada 29 Julai 2010. Pembinaan bangunan itu bermula pada 2005 dan telah siap pada Disember 2009. Dinamakan Menara SSM@Sentral,

bangunan pejabat “hijau” 31 tingkat ultra moden itu mempunyai keluasan 34,970 meter persegi dan mempunyai jumlah keluasan binaan 26,095 meter persegi.



1984 - 1994
Menara KWSP, Jalan Raja Laut




1994 - 2011
Jalan Putra



2010 - Kini
Menara SSM@Sentral

PEJABAT SSM DI SELURUH NEGARA





IBU PEJABAT ●
PEJABAT NEGERI ●
CAWANGAN ●
UTC ●

IBU PEJABAT/ PEJABAT NEGERI/ CAWANGAN	TARIKH PENGOPERASIAN PEJABAT
● Ibu Pejabat, Kuala Lumpur	29 Julai 2010
● Kota Kinabalu, Sabah	16 April 2002
● Kuala Terengganu, Terengganu	16 April 2002
● Kota Bharu, Kelantan	1 Oktober 2003
● Seberang Prai, Pulau Pinang	1 Disember 2003
● Johor Bahru, Johor	23 Disember 2003
● Ipoh, Perak	1 Januari 2004
● Seremban, Negeri Sembilan	1 Ogos 2004
● Alor Setar, Kedah	16 April 2002
● Shah Alam, Selangor	1 Ogos 2004
● Kuching, Sarawak	14 Januari 2004
● Kuantan, Pahang	16 April 2002
● Ayer Keroh, Melaka	8 September 2006
● Wilayah Persekutuan Labuan	16 April 2002
● Perlis	1 Julai 2004
● Tawau	16 April 2006
● Miri	12 Mei 2006
● Muar	20 Jun 2008
● Putrajaya	7 Mac 2011
● Sibul	2 Mei 2018
● Temerloh	14 November 2009
● Langkawi	4 Disember 2006
● (UTC) Kuala Lumpur	11 Januari 2018

PEJABAT-PEJABAT NEGERI SSM



Pejabat Negeri Sabah



Pejabat Negeri Kelantan



Pejabat Negeri Pulau Pinang



Pejabat Negeri Terengganu



Pejabat Negeri Johor



Pejabat Negeri Perak



Pejabat Negeri Sembilan



Pejabat Negeri Kedah



Pejabat Negeri Selangor



Pejabat Negeri Sarawak



Pejabat Negeri Pahang



Pejabat Negeri Melaka

PEJABAT-PEJABAT CAWANGAN SSM



Pejabat Cawangan Labuan



Pejabat Cawangan Tawau



Pejabat Cawangan Miri



Pejabat Cawangan Muar



Pejabat Cawangan Temerloh



Pejabat Cawangan Perlis



Pejabat Cawangan Sibuan



UTC Kuala Lumpur



Pusat Perkhidmatan Langkawi



Kaunter Pendaftaran Perkhidmatan Putrajaya

SSM telah mengalami perkembangan yang pesat sepanjang 20 tahun penubuhannya, sejajar dengan perubahan dalam landskap ekonomi dan perniagaan. Dengan perancangan yang rapi dan berpandangan jauh, SSM berjaya melaksanakan mandatnya dan melaksanakan evolusi demi menyokong pembangunan negara dan sektor perniagaan.



Kepimpinan SSM yang sentiasa memandang ke hadapan telah berjaya melancarkan pejabat korporat baharu SSM iaitu 'Menara SSM@Sentral'. Bangunan 31 tingkat yang dibina dengan infrastruktur moden ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan telah membolehkan SSM menyediakan pusat perniagaan dan persekitaran kawal selia yang kondusif kepada pelanggan. Langkah ini adalah seiring dengan visi SSM untuk meletakkan Malaysia sebagai salah satu destinasi terbaik untuk pelabur, dengan amalan

perniagaan yang setanding dengan piawai antarabangsa. Sehingga kini, SSM telah mempunyai bangunan sendiri di Melaka, Perak, Miri dan Sarawak.

KESIMPULAN

SSM ditubuhkan 20 tahun lalu sebagai agensi yang berautonomi dan telah menjadi pihak berkuasa kawal selia yang melaksana mandat yang besar untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara yang pesat melalui usaha berterusan untuk mentransformasikan proses pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan. SSM juga memperkasakan undang-undang korporat negara bagi menggalakkan sektor korporat melaksanakan amalan tadbir urus terbaik, mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan menyokong usaha sektor korporat menjana ekonomi negara.

Sepanjang tempoh 20 tahun, agensi ini telah mengalami evolusi yang sangat pesat dalam usaha membina keupayaan dalamnya, demi memenuhi hasrat yang mendukung mandatnya.





BAB 2

KERANGKA PERUNDANGAN, TERAS PENTADBIRAN

Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001	30
Akta Syarikat 2016	32
Akta Skim Kepentingan 2016	42
Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012	43
Akta Pendaftaran Perniagaan 1956	44
Akta Syarikat Amanah 1949	44
Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971	44
Inisiatif Pengenalan Kerangka Perundangan Harta Alih Kepentingan Bercagar	44
Agenda Tanggungjawab Sosial Korporat dalam Komuniti Niaga di Malaysia	46

KERANGKA PERUNDANGAN, TERAS PENTADBIRAN

SSM telah ditubuhkan pada 16 April 2002 di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (ASSM2001).

Di bawah ASSM2001, SSM diberi fungsi dan kuasa mentadbir dan menguatkuasakan Akta dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta itu, iaitu:

- ▶ Akta Syarikat 2016;
- ▶ Akta Skim Kepentingan 2016;
- ▶ Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012;
- ▶ Akta Pendaftaran Perniagaan 1956;
- ▶ Akta Syarikat Amanah 1949; dan
- ▶ Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971.

Sebagai sebuah badan kawal selia korporat, SSM komited menjadi peneraju utama bagi peningkatan tahap tadbir urus korporat yang baik dengan menguatkuasakan undang-undang yang komprehensif dan terkini.

Mendukung visi **untuk menjadi pendaftar dan pengawal selia korporat terulung**, SSM sentiasa memastikan undang-undang yang ditadbir dan dikuatkuasakannya sentiasa disemak semula dan dikemas kini seiring perubahan dan perkembangan ekosistem perniagaan.

AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001 (ASSM2001)

Pada 30 Jun 1999, Kerajaan telah meluluskan cadangan yang telah dikemukakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk menubuhkan sebuah badan berkanun yang diberi nama Suruhanjaya Syarikat Malaysia, yang akan mengambil alih semua tugas dan tanggungjawab pendaftar syarikat dan pendaftar perniagaan.

Bagi tujuan tersebut, suatu Akta mengenai penubuhan SSM telah diluluskan oleh Parlimen dan mula berkuat kuasa pada 16 April 2002. ASSM2001, antara lain, memperuntukkan perihal penubuhan, fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa SSM serta perkara-perkara yang berkaitannya.

FAKTA ASSM2001

ASSM2001 merupakan asas kepada penubuhan SSM pada 16 April 2002.

Selain mengandungi peruntukan-peruntukan berkenaan penubuhan SSM, ASSM2001 juga mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa serta perkara-perkara yang berkaitan dengan SSM.

ASSM2001 telah menerima perkenan Diraja pada 6 September 2001 dan diwartakan pada 27 September 2001.

Jadual Pertama dalam ASSM2001 menyenaraikan semua Akta yang dikawal selia oleh SSM.

Sejajar dengan perkembangan pesat dalam landskap perniagaan negara, ASSM2001 telah dipinda pada tahun 2014, demi memperkukuh fungsi dan kuasa SSM untuk melaksanakan mandatnya dengan lebih cekap lagi berkesan. Antara pindaan utama membabitkan perkara-perkara yang berikut:

- ▶ Peruntukan pelbagai kuasa penguatkuasaan yang terkandung dalam setiap Akta yang ditadbir oleh SSM dihipunkan di bawah ASSM2001 yang dipinda bagi membolehkan aktiviti pengawalseliaan dilaksanakan dengan lebih berkesan di samping mengelakkan percanggahan dan ketidakseragaman tindakan penguatkuasaan.
- ▶ Beberapa peruntukan penguatkuasaan yang baharu juga diberikan kepada SSM bagi membolehkan SSM menjalankan fungsinya dalam konteks pengawalseliaan yang serba moden dan lebih efektif.
- ▶ Peruntukan kuasa kepada SSM untuk melesenkan mana-mana orang di bawah mana-mana Akta yang dikawal selia oleh SSM, contohnya, penguatkuasaan pelesenan setiausaha syarikat.

- Peningkatan fungsi-fungsi SSM untuk melaksanakan program latihan untuk penggiat industri, termasuk para pengarah dan pegawai syarikat, serta mempromosikan amalan tanggungjawab korporat dan kelestarian perniagaan dalam kalangan entiti perniagaan.

ASSM2001 dengan beberapa pindaan penting yang telah dibuat pada tahun 2014 telah dikuatkuasakan pada 20 Februari 2015.

Susulan penguatkuasaan Akta Syarikat yang baharu, iaitu AS2016 yang telah memansuhkan AS1965 yang terdahulu, serta berkuat kuasanya ASK2016 yang merupakan undang-undang baharu yang ditadbirkan oleh SSM, Jadual Pertama ASSM2001 telah dipinda pada 1 Februari 2018.

PERISTIWA PENTING PENUBUHAN SSM DAN EVOLUSI ASSM2001

PENGENALAN ASSM2001

30 Jun 1999

Kerajaan telah meluluskan cadangan KPDNHEP untuk menubuhkan sebuah badan berkanun yang akan mengambil alih semua tugas dan tanggungjawab Pendaftar Syarikat dan Pendaftar Perniagaan.

28 Mac 2001

Kerajaan telah meluluskan Rang Undang-Undang SSM bagi penubuhan, fungsi dan kuasa SSM, dan perkara berkaitan dengannya.

19 Julai 2001

Rang Undang-Undang SSM dibenteng dan diluluskan oleh Dewan Rakyat.

7 Ogos 2001

Rang Undang-Undang SSM dibenteng dan diluluskan oleh Dewan Negara.

6 September 2001

Rang Undang-Undang SSM menerima Perkenan Diraja.

27 September 2001

ASSM2001 disiarkan dalam Warta.

16 April 2002

ASSM2001 mula berkuat kuasa.

PINDAAN ASSM2001

26 November 2014

RUU SSM (Pindaan) dibenteng dan diluluskan di Dewan Rakyat.

1 Disember 2014

RUU SSM (Pindaan) dibenteng dan diluluskan oleh Dewan Negara.

30 Disember 2014

RUU SSM (Pindaan) menerima perkenan Diraja.

5 Januari 2015

Akta SSM (Pindaan) 2015 (Akta A1478) disiarkan dalam Warta.

20 Februari 2015

Akta A1478 mula berkuat kuasa, kecuali bagi Seksyen 9, 10, 11, 13, 14 dan 15.

31 Januari 2017

Seksyen 9, 10, 11, 13, 14 dan 15 Akta A1478 mula berkuat kuasa.

1 Februari 2018

Perintah SSM (Pindaan Jadual Pertama) 2018 mula berkuat kuasa bagi pindaan Jadual Pertama Akta tersebut.

AKTA SYARIKAT 2016 (AS2016)

Akta Syarikat 2016 (AS2016) adalah suatu Akta mengenai pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran syarikat dan perbadanan, dan perkara-perkara yang berkaitannya. Akta ini berasal dari Akta Syarikat 1965 (AS1965) yang telah dimansuhkan berikutan usaha SSM mempermodenkan kerangka perundangan korporat negara.

Pada tahun 2003, SSM telah mula mengambil inisiatif untuk menyemak semula AS1965 di bawah projek semakan semula undang-undang korporat. Bagi tujuan tersebut, satu Jawatankuasa Semakan Semula Undang-Undang Korporat (CLRC) telah ditubuhkan pada Disember 2003 untuk menyemak semula AS1965 dan mencadangkan pindaan yang bersesuaian. Inisiatif ini bertujuan memastikan undang-undang korporat di Malaysia lebih konsisten, moden, telus dan berdaya saing sejajar dengan piawaian tadbir urus korporat yang baik di peringkat antarabangsa. Penerbitan *Strategic Framework of the Corporate Law Reform Committee* telah dilancarkan pada 1 September 2004.

Di akhir kajiannya yang mengambil masa lebih empat tahun, CLRC telah mengemukakan 188 syor yang mana 183 daripadanya telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Kerajaan. *Companies Act 1965: Final Report by the CLRC* dikemukakan kepada YB Dato' Shahrir bin Abdul Samad, Menteri KPDNKK oleh Pengerusi CLRC Dato' K.C. Vohrah

pada 20 Oktober 2008. 183 syor tersebut kemudiannya membentuk 19 Pernyataan Polisi yang menjadi asas kepada penggubalan undang-undang syarikat yang baharu di Malaysia yang dikuatkuasakan menjadi AS2016.

JAWATANKUASA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG KORPORAT (CLRC)

SSM telah menubuhkan CLRC pada tahun 2003 untuk menjalankan kajian semula berkaitan dasar undang-undang syarikat dan mencadangkan pembaharuan yang perlu bagi memastikan sektor korporat berfungsi dalam persekitaran perniagaan yang moden, kos efektif, konsisten, telus dan berdaya saing selaras dengan piawaian tadbir urus korporat yang baik di peringkat antarabangsa.

CLRC merupakan inisiatif kerjasama pihak Kerajaan dan swasta yang pertama dalam melaksanakan semakan semula undang-undang di Malaysia. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pakar undang-undang dan pengamal korporat yang mewakili Kerajaan, pihak awam dan akademik.

Dalam tempoh kajian CLRC ini, 12 dokumen konsultasi telah berjaya dibangunkan serta menerima maklum balas daripada segenap pihak berkepentingan yang berkaitan.



Dokumen-dokumen konsultasi yang telah dikeluarkan oleh CLRC adalah seperti berikut:

1. *A Consultative Document on Auditors' Roles and Responsibilities*
2. *A Consultative Document on Capital Maintenance Rules and Share Capital: Simplifying and Streamlining Provisions Applicable to Share*
3. *A Consultative Document on Engagement with Shareholders*
4. *A Consultative Document on Company Liquidation - Reforms and Restatement of the Law*
5. *A Consultative Document on Clarifying and Reformulating the Directors' Role and Duties*
6. *A Consultative Document on Members' Rights and Remedies*
7. *A Consultative Document on Creating a Conducive Legal and Regulatory Framework for Businesses*
8. *A Consultative Document on Capital Maintenance Rules and Share Capital: Simplifying and Streamlining Provisions Applicable to Share Buy Back and Financial Assistance*
9. *A Consultative Document on Review of Provisions Regulating Substantial Property Transactions, Disclosure Obligations and Loans to Directors*
10. *A Consultative Document*
 - 1) *Reviewing the Corporate Insolvency Regime – The Proposal for a Corporate Rehabilitation Framework;*
 - 2) *Reviewing the Company Receivership Process; and*
 - 3) *Company Charges and Registration Process – Improvements to the Present Registration System*
11. *A Consultative Document on the Review of Criminal, Civil and Administrative Sanctions in the Companies Act 1965*
12. *A Consultative Document on Strategic Framework for the Corporate Law Reform Programme of CCM*

AHLI-AHLI CLRC

Dato' K.C. Vohrah
Pengerusi

Datuk Dr Abdul Samad Hj Alias
Anggota Suruhanjaya, SSM

Dato' Loh Siew Cheang
Peguam bela & Peguam cara

Datuk Simon Shim Kong Yip
Peguam bela & Peguam cara

Datuk Abdul Karim Abdul Jalil
KPE, SSM, 2005 - 2009

Tuan Abdul Alim Abdullah
KPE SSM, 2002 - 2005

Datuk Dr. Nik Ramiah Nik Mahmood
Wakil Suruhanjaya Sekuriti

Peter Lee Siew Choong
Peguam bela & Peguam cara

Cheong Kee Fong
Peguam bela & Peguam cara

Dato' Charon Wardini Mokhzani
Timbalan KPE, CIMB Investment Bank
Berhad

Eric Kang Shew Meng
Pengamal Setiausaha Syarikat

Philip Koh Tong Ngee
Peguam bela & Peguam cara

Lim Tian Huat
Akauntan Bertauliah

Selvarany Rasiah
Wakil Bursa Malaysia

Prof. Dr Khaw Lake Tee
Universiti Malaya

Prof. Dr. Aishah Bidin
Universiti Kebangsaan Malaysia

See Mee Chun
Wakil Jabatan Peguam Negara

Rozielawaty Ab Ghani
Wakil Jabatan Perdana Menteri

Dato' Hue Siew Kheng
Wakil Jabatan Peguam Negara

Ahmad Azhari Abd. Hamid
Wakil Jabatan Perdana Menteri

Mat Ghani Abdullah
Wakil Jabatan Perdana Menteri

Mat Ghani Abdullah
Wakil Jabatan Perdana Menteri

Aslam Zainudin
Wakil Jabatan Perdana Menteri

Rohatul Akmar Abdullah
Wakil Jabatan Perdana Menteri

Jeswant Singh
Wakil Jabatan Perdana Menteri

KONSULTAN CLRC

**Assoc. Prof. Dr. Aiman Nariman
Mohd Sulaiman**

SEKRETARIAT CLRC

**Nor Azimah Abdul Aziz
Norhaslinda Salleh**

Anil Joshi

Norhaiza Jemon

Sapiah Ambo

Marina Nathan

Sarazin Sheikh Mustafa

19 Pernyataan Polisi Penggubalan Rang Undang-Undang Syarikat yang Baharu bagi Menggantikan AS1965

Setelah melaksanakan proses konsultasi, CLRC kemudiannya telah menggariskan 19 Pernyataan Polisi dalam usaha menggubal Akta Syarikat yang baharu. Pernyataan tersebut mencakupi pelbagai perkara penting seperti berikut:

1. Pemodenan Akta Syarikat;
2. Memudahkan pemerbadanan sesebuah syarikat;
3. Penghijrahan ke rejim tiada nilai par;
4. Memudahkan pengurusan dan penstrukturan semula komposisi saham syarikat;
5. Memudahkan proses membuat keputusan dalaman;
6. Memperkukuh struktur tadbir urus korporat berkaitan dengan hal ehwal kepengurusan syarikat;
7. Memperkukuh peranan, fungsi dan tanggungjawab setiausaha syarikat;
8. Penubuhan rejim pendaftaran untuk amalan setiausaha syarikat;
9. Mengintegrasikan kandungan Akta Syarikat yang baharu dengan tanggapan dan elemen tanggungjawab korporat;
10. Penambahbaikan hak dan perlindungan pemegang saham;
11. Memperkukuh struktur tadbir urus korporat melalui peranan dan tanggungjawab juruaudit;
12. Menegaskan semula kepentingan penyata kewangan beraudit dan pendedahan maklumat berkenaan tepat pada masanya;
13. Memperkukuh amalan tadbir urus korporat yang baik melalui penambahbaikan kawalan dalaman dan penghalusan peraturan berkaitan dengan transaksi yang melibatkan pengarah dan pemegang saham besar;
14. Memudahkan, memperhalusi dan mempercepatkan proses penggulungan;
15. Pemodenan undang-undang insolvensi dengan memperkenalkan *corporate rescue mechanism* untuk menghidupkan semula syarikat yang mempunyai masalah kewangan;
16. Menstruktur semula konsep skim perkiraan dan pembentukan semula antara syarikat dan pemiutang;
17. Memperhalusi peranan penerima/penerima dan pengurus;
18. Memperhalusi sistem pendaftaran caj semasa dengan menambah baik prosedur dan proses yang terlibat; dan
19. Pemodenan rejim penguatkuasaan.



Wakil SSM, Bahagian Undang-Undang, KPDNHEP dan Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara semasa pembentangan Rang Undang-Undang Syarikat 2016 yang telah diluluskan di Dewan Negara pada 28 April 2016

AS2016 mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2017 dan memansuhkan AS1965. Di bawah AS2016, kerangka undang-undang syarikat yang lebih moden, mantap, kondusif, berinovatif dan dinamik setaraf dengan perundangan korporat di peringkat global telah dikuatkuasakan.

Secara umumnya, AS2016 melupuskan peruntukan-peruntukan lapuk yang tidak selaras dengan perkembangan dunia perniagaan masa kini, menambah baik peruntukan-peruntukan sedia ada di bawah AS1965 yang masih relevan dan memperkenalkan peruntukan-peruntukan baharu bagi penambahbaikan yang telah dikenal pasti di bawah 19 pernyataan polisi yang telah diluluskan oleh Kerajaan.



Pasukan SSM dan Penasihat Undang-undang KPDNHEP Datin Tay Lee Ly bersama YB Menteri PDNHEP Dato' Seri Hamzah bin Zainudin selepas sesi pembentangan RUU Syarikat 2016 diluluskan di Dewan Rakyat pada 28 April 2016

Selain itu, Undang-undang Subsidiari yang berkuat kuasa di bawah AS2016 ialah seperti berikut:

- ▶ Peraturan-peraturan Syarikat 2017;
- ▶ Kaedah-kaedah Syarikat (Mekanisme Penyelamat Korporat) 2018;
- ▶ Peraturan-peraturan Syarikat (Perakuan Amalan bagi Setiausaha Syarikat) 2019;
- ▶ Peraturan-peraturan Syarikat (Fi Juruaudit Syarikat dan Penyelesai) 2020;
- ▶ Arahan Menteri Di bawah Peruntukan AS2016; dan
- ▶ Garis Panduan, Nota Amalan, Pekeliling dan Arahan Amalan berhubung Peruntukan AS2016.

Bagi memudahkan industri perniagaan membuat peralihan kepada AS2016 dan Undang-undang Subsidiari penguatkuasaan Akta ini telah dilaksanakan secara berperingkat seperti berikut:

PENGUATKUASAAN AS2016 DAN UNDANG - UNDANG SUBSIDIARI SECARA BERPERINGKAT DARI 31 JANUARI 2017 HINGGA 15 MAC 2019

31 Januari 2017 AS2016 dikuatkuasakan (kecuali Penggal 8 Bahagian III dan Seksyen 241)	1 Mac 2018 Penggal 8 Bahagian III dikuatkuasakan	15 Mac 2019 Seksyen 241 dikuatkuasakan
--	--	--

EVOLUSI FASA I: PENGUATKUASAAN AS2016 PADA 31 JANUARI 2017 MELIPUTI PENGENALAN PERUNDANGAN SUBSIDIARI YANG BERIKUT:

Peraturan-peraturan Syarikat 2017	Peraturan-peraturan Syarikat 2017 dibaca bersama Peraturan-peraturan Syarikat (Pindaan) 2018	Arahan Amalan 1/2017 (Practice Directive 1/2017): <i>Documents Under The Companies Act 2016, The Lodgement Requirements and Related Matters</i>
Arahan Amalan 2/2017 (Practice Directive 2/2017): <i>Notification of Change in the Business Address and/or Nature of Business</i>	Arahan Amalan 3/2017 (Practice Directive 3/2017): <i>Qualifying Criteria for Audit Exemption for Certain Categories of Private Companies</i>	Nota Amalan 1/2017 (Practice Note 1/2017): <i>Clarification on the Utilisation of Credit Standing in the Share Premium Accounts and the Capital Redemption Reserves Under Section 618</i>



Pada 4 Ogos 2017, SSM telah mengeluarkan Arahan Amalan No. 3/2017 untuk memberi penekanan bahawa syarikat swasta yang tidak aktif dan tiada pendapatan adalah layak untuk menerima pengecualian audit. Inisiatif yang memberi kelegaan kepada sejumlah besar syarikat-syarikat ini, telah mendapat liputan Astro Awani dan dibincangkan dalam program wawancaranya bersama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia dan Penguatkuasaan), Puan Nor Azimah Abdul Aziz

**EVOLUSI FASA II: PENGUATKUASAAN AS2016 PADA 1 MAC 2018
MEMPERKENALKAN PERUNDANGAN SUBSIDIARI YANG BERIKUT:**

<p>Peraturan-Peraturan Syarikat (Pindaan) 2018</p>	<p>Kaedah-Kaedah Syarikat (Mekanisme Penyelamat Korporat) 2018</p>	<p>Arahan Amalan 4/2018 (Practice Directive 4/2018): <i>Documents under Division 8, Part III of the Companies Act 2016, the Lodgement Requirements and Related Matters</i></p>
<p>Arahan Amalan 5/2018 (Practice Directive 5/2018): <i>Lodgement of Annual Return and Changes or Updates of Particulars of a Company to be Lodged in the Annual Return</i></p>	<p>Arahan Amalan 2/2018 (Practice Note 2/2018): <i>Circumstances and Procedures for Rectification of Documents Lodged and Registered with the Companies Commission of Malaysia</i></p>	<p>Nota Amalan 3/2018 (Practice Note 3/2018): <i>Clarification on Application for Extension of Time under the Companies Act 2016</i></p>
<p>Nota Amalan 4/2018 (Practice Note 4/2018): <i>Procedures on Resignation of Secretary under Section 237 of the Companies Act 2016</i></p>	<p><i>Kaedah-Kaedah Syarikat (Mekanisme Penyelamat Korporat) 2018 di bawah AS2016</i></p>	

Selain itu, penguatkuasaan AS2016 pada Fasa II turut memberi perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

**SEMAKAN DAN PINDAAN KE ATAS KAEDAH-KAEDAH
PENGKULUNGAN SYARIKAT 1972**

Semakan dan pindaan ke atas Kaedah-Kaedah Pengkulangan Syarikat 1972 adalah untuk memastikan keselarasan peraturan sedia dengan AS2016 yang mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2017 dan juga menyelaraskan kaedah-kaedah tersebut dengan Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012 untuk menggantikan Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang telah dimansuhkan.

**KAEDAH-KAEDAH SYARIKAT (MEKANISME PENYELAMAT
KORPORAT) 2018 DI BAWAH AS2016**

Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah Penggal 8 Bahagian III AS2016 telah mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2018. Sehubungan dengan itu, Kaedah-Kaedah (Mekanisme Penyelamat Korporat) Syarikat 2018 berkaitan dengan Pengurusan Kehakiman (Judicial Management (JM)) dan Pengaturan Sukarela Korporat (Corporate Voluntary Arrangement (CVA)) telah diperkenalkan agar keseluruhan kerangka mekanisme penyelamat di bawah AS2016 yang dikawal selia oleh SSM dapat dilaksanakan dengan sempurna.




Liputan akhbar Berita Harian (12 Oktober 2016) telah memberi pendedahan berkaitan pemodenan AS2016 kepada syarikat-syarikat

EVOLUSI FASA III: PENGUATKUASAAN AS2016 PADA 15 MAC 2019 MENUMPUKAN PADA PERKARA YANG BERIKUT:

► Penguatkuasaan Seksyen 241 AS2016

Seksyen 241 AS2016 telah dikuatkuasakan bermula 15 Mac 2019. Seksyen 241 AS2016 adalah fasa akhir peruntukan di bawah AS2016 yang telah dikuatkuasakan secara berperingkat sejak AS2016 dikuatkuasakan pada 31 Januari 2017. Seksyen 241, membabitkan Peraturan-peraturan Syarikat (Perakuan Amalan bagi Setiausaha 2019), yang mana Seksyen ini memberi kuasa kepada SSM untuk mengeluarkan Garis Panduan berhubung dengan Sijil Amalan bagi Setiausaha Syarikat. Bagi memudahkan peralihan kepada peraturan yang baharu ini, SSM telah memberi tempoh peralihan selama 12 bulan kepada Setiausaha Syarikat dan membantu mereka dengan menyediakan panduan melalui soalan lazim.


Evolusi Fasa III pula memberi tumpuan kepada pengenalan perkara-perkara berikut:



Pada 31 Julai 2019, Parlimen telah meluluskan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2019 iaitu pindaan pertama kepada AS2016. Pindaan ini bertujuan menjelaskan beberapa peruntukan dalam AS2016 dan menambah baik prosedur dalaman syarikat untuk tadbir urus yang lebih teratur dan berkesan. Peruntukan-peruntukan yang telah dipinda, antara lain, adalah yang berkaitan dengan:

- Jaminan kos;
- Kelayakan penyelesai;
- Kuasa penerima atau pengurus mengenai penyelesaian;
- Saraan juruaudit bagi mesyuarat agung tahunan;
- Definisi subsidiari dan syarikat tempatan;
- Penyempurnaan dokumen;
- Penebusan syer keutamaan; dan
- Kuasa syarikat untuk mengubah modal syer.

AS2016 dengan pindaan yang dibuat pada tahun 2019 telah dikuatkuasakan pada 15 Januari 2020 dengan kronologi seperti berikut:



Susulan pandemik COVID-19, SSM telah melaksanakan beberapa inisiatif pada tahun 2020-2021 yang membabitkan perubahan dalam Undang-undang Subsidiari di bawah AS2016 untuk membantu perniagaan yang terjejas teruk akibat pandemik, dan antara lain termasuk memberi pelanjutan masa untuk syarikat mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan menyerahkan simpan penyata tahunan dan penyata kewangan.

KERANGKA PELAPORAN PEMUNYA BENEFISIAL DI BAWAH AS2016

Antara pembaharuan penting yang telah diperkenalkan oleh SSM dalam penguatkuasaan AS2016 pada tahun 2017 ialah Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial. Konsep Pemunya Benefisial ialah individu atau orang perseorangan yang akhirnya memiliki atau mengawal sesebuah entiti perniagaan atau bukan perniagaan. Dalam konteks entiti perniagaan, sememangnya, entiti ini merupakan antara penyumbang utama kepada pertumbuhan dan kestabilan ekonomi sesebuah negara. Namun demikian, dalam keadaan kemajuan perniagaan yang dipacu teknologi maklumat dan landskap global dunia tanpa sempadan, entiti perniagaan akan lebih mudah disalahgunakan oleh anasir yang tidak bertanggungjawab bagi menjalankan kegiatan haram seperti pengubahan wang haram, pembiayaan aktiviti keganasan dan jenayah berat yang lain.

Justeru, SSM berpandangan bahawa peruntukan ini amat penting untuk dikuatkuasakan dalam landskap perniagaan negara demi memastikan entiti perniagaan yang berdaftar atau beroperasi di atau dari Malaysia, dilindungi daripada penyalahgunaan untuk menjalankan aktiviti haram. Dengan penguatkuasaan peruntukan ini, pemilik sebenar sesebuah entiti perniagaan dapat dikenal pasti, sekali gus, tindakan yang sewajarnya dapat diambil, sekiranya terdapat apa-apa penyalahgunaan. Dalam konteks global, kerangka pelaporan seperti ini bukannya perkara baharu kerana sudah diperkenalkan di banyak negara lain seperti di United Kingdom dan Singapura sebagai langkah membanteras kesalahan korporat seperti pengelakan pembayaran cukai.

Peruntukan berkaitan Pemunya Benefisial yang dikuatkuasakan di bawah AS2016 telah mewajibkan syarikat menyerahkan penyata tahunan mereka di bawah Seksyen 68, sementara Seksyen 56 pula menyediakan panduan umum bagi syarikat untuk mendapatkan maklumat Pemunya Benefisial daripada pemegang saham mereka. Bagi PLT pula, mereka perlu menyerahkan maklumat Pemunya Benefisial kepada Pendaftar melalui perisytiharan tahunan. Sebagai panduan kepada entiti perniagaan, SSM telah memperkenalkan beberapa langkah di bawah Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial Berkaitan Entiti Perniagaan (Legal Persons) di bawah Seksyen 20C Akta SSM 2001 untuk memberikan panduan umum mengenai kerangka pelaporan Pemunya Benefisial untuk semua entiti yang didaftarkan di bawah undang-undang SSM yang berkaitan.

Dengan berkuat kuasanya peruntukan ini, **Pemunya Benefisial adalah dikehendaki untuk membuat pelaporan yang tepat demi memastikan mereka dilindungi daripada kegiatan haram dan pada masa yang sama dapat membanteras kegiatan jenayah yang berselindung di sebalik entiti perniagaan.**

INISIATIF DAN PEMBAHARUAN AS2016 YANG SETERUSNYA

Dalam usaha berterusan memastikan undang-undang korporat di Malaysia sentiasa dikemas kini, SSM sedang melaksanakan kerja semakan semula AS2016 untuk menambah baik kerangka perundangan berkaitan pemunya benefisial dan rehabilitasi syarikat termasuk mekanisme penyelamat korporat dan skim kompromi atau perkiraan. Di samping itu, SSM juga sedang dalam proses untuk memperkenalkan mekanisme penyelamat korporat di bawah Akta PLT 2012. Semua Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan pindaan ini sedang dalam proses untuk dibentangkan di Parlimen pada tahun 2022 setelah dimuktamadkan kelak.

Penambahbaikan serta pindaan ini akan membolehkan syarikat-syarikat dan entiti PLT yang menghadapi masalah kewangan memohon proses rehabilitasi korporat yang bersesuaian agar syarikat boleh terus beroperasi. Inisiatif ini adalah penting untuk membantu sektor korporat yang menghadapi masalah kewangan, terutama sekali akibat dari kesan pandemik COVID-19 agar kekal beroperasi dan menjana ekonomi negara.

SSM menjangkakan bahawa semua inisiatif yang dilaksanakan ini dapat membantu syarikat-syarikat serta entiti PLT untuk terus beroperasi, sekali gus menyokong ke arah pemulihan ekonomi negara. Inisiatif ini juga adalah sebagai pelengkap kepada pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

Selain itu, SSM juga dalam proses untuk memuktamadkan RUU berhubung dengan peruntukkan-peruntukkan mengukuhkan polisi Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial yang komprehensif. RUU ini juga dijangka dibentangkan dalam tahun 2022. Pelaporan Pemunya Benefisial adalah merujuk kepada individu yang memiliki kepentingan dalam sesuatu aset atau entiti tetapi nama mereka tidak tersenarai sebagai pemilik yang sah secara terbuka, lantas boleh menyebabkan penyalahgunaan aset atau entiti untuk tujuan yang bertentangan dengan undang-undang. Dengan adanya kerangka perundangan yang tuntas berkaitan pemunya benefisial, SSM dapat melaksanakan tanggungjawab pengawalseliaannya yang berkaitan dengan pemunya benefisial dengan lebih berkesan.

EVOLUSI PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG KORPORAT MALAYSIA (AS2016)

PENGENALAN AKTA SYARIKAT 2016 (AS2016) BAHARU DAN PEMANSUHAN AKTA SYARIKAT 1965 (AS1965)

2003

Jawatankuasa Semakan Semula Undang-Undang Korporat ditubuhkan untuk menyemak semula AS1965 dan mencadangkan pindaan yang sesuai bagi penambahbaikan perundangan korporat di Malaysia.

4 April 2016

Rang Undang-Undang Syarikat dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat.

28 April 2016

Rang Undang-Undang Syarikat dibentang dan diluluskan oleh Dewan Negara.

31 Ogos 2016

Rang Undang-Undang Syarikat menerima perkenan Diraja.

15 September 2016

AS2016 disiarkan dalam Warta.

31 Januari 2017

AS2016 mula berkuat kuasa, kecuali bagi Seksyen 241 dan Penggal 8 Bahagian III.

1 Mac 2018

Penggal 8 Bahagian III AS2016 mula berkuat kuasa.

15 Mac 2019

Seksyen 241 AS2016 mula berkuat kuasa.

PINDAAN AKTA SYARIKAT 2016 (AS2016)

31 Julai 2019

Parlimen meluluskan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2019.

15 Januari 2020

Akta Syarikat (Pindaan) 2019 mula berkuat kuasa.

PENAMBAHBAIKAN DI BAWAH AS2016

Di bawah AS2016, perundangan syarikat di Malaysia telah dimodenkan dengan penambahbaikan utama berikut:

1

SEORANG ANGGOTA DAN PENGARAH TUNGGAL

Sesuatu syarikat persendirian boleh diperbadankan oleh seorang anggota yang mana anggota itu juga boleh menjadi pengarah tunggal bagi syarikat itu. Namun, sesuatu syarikat awam wajib mempunyai sekurang-kurangnya dua orang pengarah

2

PEMERBADANAN OLEH PENGANJUR ATAU PENGARAH

Penganjur atau pengarah syarikat boleh memperbadankan sesuatu syarikat tanpa melalui setiausaha syarikat. Seterusnya, lembaga pengarah dikehendaki melantik seorang setiausaha syarikat dalam masa 30 hari dari tarikh pemerbadanan syarikat itu

3

PERLEMBAGAAN ADALAH SUATU PILIHAN

Sesuatu syarikat tidak wajib untuk mempunyai perlembagaan. Sebaliknya, syarikat itu boleh memilih untuk menerima pakai sesuatu perlembagaan selepas pemerbadanannya. Namun, Syarikat Berhad Menurut Jaminan masih dikehendaki untuk mempunyai perlembagaan pada masa pemerbadanannya

4

NOTIS PENDAFTARAN ADALAH SUATU KETERANGAN MUKTAMAD

Di bawah AS2016, notis pendaftaran adalah bukti pemerbadanan sesuatu syarikat. Namun, syarikat masih boleh memohon kepada Pendaftar untuk mendapatkan perakuan (sijil) pemerbadanannya

5

KESAN PEMERBADANAN

Sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah AS2016 mempunyai keupayaan untuk menjalankan semua fungsi suatu pertubuhan perbadanan dan mempunyai keupayaan sepenuhnya untuk menjalankan atau mengusahakan apa-apa perniagaan atau aktiviti

6

METERAI PERBADANAN ADALAH SUATU PILIHAN

Sesuatu syarikat boleh memilih untuk mempunyai meterai perbadanan atau sebaliknya. Jika syarikat memilih untuk tidak mempunyai meterai perbadanan, sesuatu dokumen disempurnakan dengan sah oleh syarikat itu jika dokumen itu ditandatangani mengikut peruntukan di bawah AS2016

7

SYER TANPA NILAI TARA

Di bawah AS2016, syer sesuatu syarikat diterbitkan tanpa nilai tara. Sebaliknya, syer itu diterbitkan pada suatu harga yang ditentukan oleh lembaga pengarah berdasarkan faktor semasa yang mempengaruhi syarikat pada masa syer itu diterbitkan. Konsep modal syer dibenarkan juga tidak lagi terpakai

8

DAFTAR ANGGOTA ADALAH SUATU KETERANGAN *PRIMA FACIE*

Daftar anggota adalah keterangan *prima facie* bagi rekod butir-butir pegangan syer oleh anggota syarikat. Sijil syer hanya akan dikeluarkan oleh syarikat jika dipohon oleh anggota syarikat itu

9

NYAHGANDINGAN BAGI PENYERAH SIMPANAN PENYATA TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan tidak lagi dikehendaki diserahkan simpan bersama penyata tahunan. Sebaliknya, syarikat persendirian dikehendaki menyerahkan simpan penyata kewangan dalam masa 30 hari dari tarikh ia diedarkan kepada anggota syarikat dan bagi syarikat awam, dalam masa 30 hari dari mesyuarat agung tahunannya. Penyata tahunan pula dikehendaki diserahkan simpan oleh syarikat dalam masa 30 hari dari tarikh ulang tahun pemerbadanannya

10

KEWAJIPAN MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Di bawah AS2016, syarikat persendirian tidak lagi dikehendaki untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan. Namun, syarikat awam masih dikehendaki mengadakan mesyuarat agung tahunan dalam tiap-tiap tahun kalendar

11

UJIAN KESOLVENAN

Kehendak ujian kesolvenan diperkenalkan di bawah AS2016 untuk membantu pengarah menilai kesolvenan syarikat dan impak sesuatu tindakan pengurangan modal syer, pembelian balik syer dan bantuan kewangan kepada syarikat itu

12

HAK ANGGOTA UNTUK MEMBERIKAN ULASAN TERHADAP PENGURUSAN SYARIKAT

Anggota syarikat diberi peluang yang munasabah dalam mesyuarat anggota untuk menyoal, berbincang dan membuat ulasan atau syor tentang pengurusan syarikat. Namun, bagi mengelakkan anggota menyalahgunakan kuasa tersebut, syor yang dibuat hanya akan mengikat lembaga pengarah jika diputuskan sebagai suatu ketetapan khas dan demi kepentingan terbaik syarikat

13

PENGAGIHAN DIVIDEN DARI KEUNTUNGAN

Pengagihan dividen hanya dibenarkan dari keuntungan syarikat dan jika memenuhi ujian kesolvenan syarikat

14

LAPORAN ULASAN PERNIAGAAN

Di bawah AS2016, laporan ulasan perniagaan diperkenalkan menjadi sebahagian daripada laporan pengarah yang disertakan bersama penyata kewangan syarikat. Laporan tersebut diperkenalkan bertujuan untuk menggalakkan syarikat membuat pelaporan secara sukarela mengenai kawalan dalaman dan inisiatif tanggungjawab korporat yang dilaksanakan oleh syarikat

15

KUASA ANGGOTA MENGHENDAKI PENGEDARAN PERNYATAAN

Pengarah dibenarkan untuk mengedarkan pernyataan yang diminta oleh anggota jika syarikat menerima permintaan daripada anggota yang memegang sekurang-kurangnya 2.5 peratus daripada modal berbayar syarikat atau 50 anggota yang mempunyai hak untuk mengundi

16

MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT

Di bawah AS2016, mekanisme penyelamat korporat iaitu perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman diperkenalkan bertujuan membantu syarikat yang mengalami masalah kewangan untuk kembali pulih bagi mengelakkan syarikat mengambil langkah terakhir dengan menggulungkan syarikat

PENGECUALIAN AUDIT WAJIB DIALU-ALUKAN OLEH KOMUNITI KORPORAT

Dengan berkuatkuasanya AS2016, pelbagai transformasi ke arah mengurangkan kos dan mempercepatkan masa dalam urusan menjalankan perniagaan telah direalisasi di negara ini. Salah satu transformasi tersebut dilaksanakan pada 4 Ogos 2017, yang mana SSM telah melaksanakan pengecualian audit wajib untuk kategori tertentu syarikat persendirian. Transformasi ini dilakukan melalui *Practice Directive* No. 3/2017, yang memberi penekanan bahawa syarikat swasta yang tidak aktif dan tiada pendapatan adalah layak untuk mendapat pengecualian audit. Dalam konteks ini, sebuah syarikat dormant layak mendapat pengecualian audit jika ia tidak pernah beroperasi sejak dari tarikh penubuhannya atau sudah tidak aktif bagi sepanjang tahun kewangan semasa dan tahun kewangan sebelumnya.

Seksyen 267 (2) AS2016, *Practice Directive* No. 3/2017 ini menggariskan bahawa syarikat-syarikat berikut layak untuk mendapat pengecualian audit.

- ▶ Syarikat dormant
- ▶ Syarikat pendapatan sifar
- ▶ Syarikat kelayakan ambang

Syarikat Dormant

Syarikat dormant merupakan entiti swasta seperti yang ditakrifkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan syarikat itu layak untuk pengecualian audit sekiranya ia telah dormant sejak diperbadankan atau ia dormant sepanjang tahun kewangan dan tahun kewangan sejeurus sebelumnya.

Syarikat Pendapatan Sifar

Syarikat pendapatan sifar merupakan entiti swasta seperti yang ditakrifkan oleh MASB dan syarikat itu layak untuk pengecualian audit sekiranya ia tidak mempunyai pendapatan semasa tahun kewangan semasa; ia tidak mempunyai apa-apa pendapatan dalam tempoh dua tahun yang lalu; dan jumlah asetnya dalam *Statement of Financial Position* (FS) semasa tidak melebihi RM300,000 dan juga dalam FS dua tahun kewangan sebelumnya.

Syarikat Kelayakan Ambang

Sebuah syarikat kelayakan ambang merupakan entiti swasta seperti yang ditakrifkan oleh MASB dan syarikat itu layak untuk pengecualian audit sekiranya:

- ▶ Ia mempunyai pendapatan tidak melebihi RM100,000 pada tahun kewangan semasa termasuk pendapatan yang diterima pada tahun semasa dan dalam masa dua tahun kewangan yang lalu;
- ▶ Jumlah asetnya dalam FS semasa tidak melebihi RM300,000 dan dalam masa dua tahun kewangan yang lalu; dan
- ▶ Ia memiliki, tidak lebih daripada lima pekerja pada akhir tahun kewangan semasa dan dalam setiap dua tahun kewangan yang lepas.

Pengecualian audit ini merupakan berita gembira yang amat dialu-alukan oleh komuniti korporat di Malaysia, terutamanya syarikat-syarikat kecil kerana ia bukan sahaja mengurangkan kos menjalankan perniagaan, tetapi juga mempermudah aspek pematuhan dan meningkatkan kawalan dalaman tadbir urus dan tanggungjawab korporat.

Dengan pelaksanaan pengecualian audit ini, SSM berharap syarikat-syarikat yang berkelayakan akan mampu berdaya saing dan kekal maju dalam bidang perniagaan.



AKTA SKIM KEPENTINGAN 2016 (ASK2016)

ASK2016 adalah suatu Akta mengenai pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran skim yang berhubungan dengan kepentingan dan perkara-perkara yang berkaitannya.

Skim Kepentingan adalah merujuk kepada kegiatan pengumpulan sumbangan kewangan daripada orang ramai sebagai tukaran untuk mendapat kepentingan dalam sesebuah skim. Kegiatan ini termasuk apa-apa skim pelaburan, kongsi-masa, rekreasi, pertanian, penternakan, percutian dan sebagainya.

Di bawah inisiatif projek semakan semula undang-undang korporat yang bermula pada tahun 2003, peruntukan undang-undang mengenai kepentingan yang dikawal selia di bawah penggal 5 Bahagian IV AS1965 telah dicadangkan supaya ditadbir dan dikuatkuasakan di bawah satu undang-undang baharu yang berasingan.

Cadangan itu telah membawa kepada pengenalan ASK2016 menjadi suatu Akta khusus dan berasingan yang mengawal selia pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran skim kepentingan bagi melindungi kepentingan pihak berkepentingannya.

Objektif utama pengenalan ASK2016 adalah, antara lain, untuk:

- ▶ Menghapuskan halangan pertumbuhan skim kepentingan dengan membenarkan penawaran kepentingan oleh semua syarikat;
- ▶ Mengiktiraf skim kepentingan yang ditawarkan di luar Malaysia oleh syarikat asing yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat;
- ▶ Menambah baik rangka kerja tadbir urus bagi memastikan kepentingan pemilik skim kepentingan sentiasa dilindungi;
- ▶ Meningkatkan hak dan perlindungan pemegang kepentingan; dan
- ▶ Memperkenalkan prinsip syariah dalam skim kepentingan.

Undang-undang subsidiari yang berkuat kuasa di bawah ASK2016:

- ▶ Peraturan-peraturan Skim Kepentingan 2017; dan
- ▶ Arahan amalan berhubung ASK2016.

EVOLUSI ASK2016

<p>7 April 2016</p> <p>Rang Undang-Undang Skim Kepentingan dibentang dan diluluskan oleh Dewan Rakyat.</p>	<p>28 April 2016</p> <p>Rang Undang-Undang Skim Kepentingan dibentang dan diluluskan oleh Dewan Negara.</p>	<p>31 Ogos 2016</p> <p>Rang Undang-Undang Skim Kepentingan menerima Perkenan Diraja.</p>
<p>15 September 2016</p> <p>Akta Skim Kepentingan 2016 (ASK2016) disiarkan dalam Warta.</p>	<p>31 Januari 2017</p> <p>Akta Skim Kepentingan 2016 (ASK2016) mula berkuat kuasa.</p>	<p>31 Januari 2018</p> <p>Perintah Skim Kepentingan (Pindaan Jadual Kedua) 2018 mula berkuat kuasa bagi pindaan Jadual Kedua Akta tersebut.</p>

PELAN INDUK SKIM KEPENTINGAN (2020-2024)



Bagi melengkapkan usaha SSM untuk mengawal selia ASK2016, pada tahun 2019, SSM telah melancarkan Pelan Induk Skim Kepentingan (2020-2024). Pelan ini bertujuan untuk menetapkan hala tuju hadapan, dengan menggariskan langkah-langkah dan strategi pelaksanaan yang mampan dan bersepadu bagi mengembangkan industri skim kepentingan di negara ini.

Pelan induk bagi industri skim kepentingan ini dirancang untuk dibangunkan bagi merevolusikan sektor skim kepentingan di Malaysia. Tiga objektif utama pelan ini termasuk membangunkan industri skim kepentingan yang lebih dinamik, berkesan dan mempunyai nilai tambah yang tinggi dalam pasaran kewangan dengan tumpuan utama pada kemakmuran bersama yang lebih besar, sekali gus mengukuhkan dan melindungi rejim kawal selia dan penyeliaan di bawah skim kepentingan.

AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012 (APLT2012)

APLT2012 adalah suatu Akta mengenai pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran perkongsian liabiliti terhad (PLT) dan perkara-perkara yang berkaitannya.

PLT adalah suatu entiti perniagaan baharu yang diperkenalkan di Malaysia dengan berkuat kuasanya APLT2012 pada 31 Disember 2012. Di bawah APLT2012, PLT menjadi entiti perniagaan alternatif kepada peniaga untuk menjalankan perniagaan selain syarikat di bawah AS2016 dan perniagaan di bawah APP1956.

PLT adalah suatu entiti perniagaan yang dinamik menggabungkan ciri-ciri sebuah syarikat dan perkongsian konvensional. Di bawah APLT2012, PLT menawarkan kaedah tadbir urus yang lebih mudah seakan perkongsian konvensional, namun mempunyai tanggungan terhad sama seperti sebuah syarikat. Justeru, reka bentuk PLT merupakan mekanisme perniagaan yang amat sesuai untuk diterima pakai oleh firma-firma profesional seperti peguam, arkitek, doktor, jurutera, akauntan dan lain-lain.

APLT2012 juga telah disemak semula dan dipinda melalui Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2015 yang mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2017. Pindaan tersebut adalah sehubungan dengan pindaan yang dibuat ke atas ASSM2001 dan bertujuan untuk menambah baik peruntukan mengenai pembubaran PLT asing.

Undang-undang Subsidiari yang berkuat kuasa di bawah APLT2012:

- ▶ Peraturan-peraturan Perkongsian Liabiliti Terhad 2012; dan
- ▶ Peraturan-peraturan Perkongsian Liabiliti Terhad (Penepian Fi) 2020.

APLT2012 kini sedang dalam proses untuk disemak semula bagi tujuan memperkenalkan peruntukan baharu mengenai pemunya benefisial serta mekanisme penyelamat korporat dan skim kompromi atau perkiraan bagi PLT.



EVOLUSI APLT2012

21 Disember 2011

Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Negara.

2 Februari 2012

Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad menerima Perkenan Diraja.

9 Februari 2012

APLT2012 disiarkan dalam Warta.

26 Disember 2012

APLT2012 mula berkuat kuasa.

31 Januari 2017

Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2015 mula berkuat kuasa.



Firma-firma profesional boleh memanfaatkan entiti perniagaan berbentuk PLT dalam menjalankan perniagaan mereka.

AKTA PENDAFTARAN PERNIAGAAN 1956 (APP1956)

APP1956 berasal dari Ordinan Bil. 47, tahun 1956, yang kemudiannya menjadi APP1956 berkuat kuasa mulai 15 Februari 1978.

Sehubungan penubuhan SSM, suatu pindaan besar juga telah dibuat ke atas APP1956 melalui Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2001 dan Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2002 yang masing-masingnya mula berkuat kuasa 16 April 2002.

Pindaan tersebut membabitkan peruntukan mengenai cara pembaharuan, perubahan maklumat dan penamatan perniagaan, serta pemeriksaan perniagaan dan fi yang dikenakan. Pindaan tersebut juga menjadi permulaan kepada pengenalan perkhidmatan pendaftaran perniagaan secara dalam talian.

Kali terakhir APP1956 dipinda adalah melalui Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2015 yang berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017. Pindaan tersebut adalah sehubungan dengan pindaan yang dibuat ke atas ASSM2001.

Undang-undang Subsidiari yang berkuat kuasa di bawah APP1956:

- ▶ Kaedah-kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957; dan
- ▶ Kaedah-kaedah Pendaftaran Perniagaan (Penepian Fi) 2016.

Kini, SSM sedang menjalankan suatu kajian semula ke atas APP1956 bagi tujuan memodenkan Akta tersebut ke arah menyediakan persekitaran yang kondusif dan dinamik yang selari dengan trend menjalankan perniagaan semasa. Pemodenan perundangan tersebut telah dimasukkan sebagai salah satu inisiatif di bawah pelan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).

AKTA SYARIKAT AMANAH 1949 (ASA1949)

ASA1949 adalah suatu Akta mengenai pendaftaran dan pengawalseliaan syarikat amanah di Malaysia. Akta ini berasal dari Ordinan Bil. 33, tahun 1949, yang kemudiannya menjadi ASA1949 berkuat kuasa mulai 15 Mac 1973.

Sejajar dengan perkembangan perniagaan semasa yang dinamik lagi pesat, SSM kini di peringkat akhir semakan semula ke atas ASA1949 bagi tujuan memodenkan undang-undang pentadbiran sesuatu syarikat amanah supaya lebih berkesan dan selaras dengan piawaian antarabangsa.

Daripada hasil semakan semula tersebut, ASA1949 dicadangkan untuk dipinda dan dikemas kini dengan antara lain, peruntukan-peruntukan baharu mengenai definisi perniagaan amanah, perlembagaan dengan objek khusus dan kerangka pelaporan pemunya benefisial berhubung syarikat amanah.

AKTA (LARANGAN) KUMPULAN WANG KUTU 1971 (ALKWK1971)

ALKWK1971 adalah suatu Akta mengenai:

- ▶ Larangan pendaftaran atau pelesenan perniagaan yang menganjurkan atau dimaksudkan untuk menganjurkan wang kutu;
- ▶ Larangan pendaftaran syarikat yang tujuannya atau salah satu daripada tujuannya ialah untuk menganjurkan rancangan atau perkiraan yang dikenali dengan pelbagai nama seperti kutu, cheetu, chit fund, hwei, tontine atau sebagainya;
- ▶ Suatu kesalahan di sisi undang-undang bagi sesiapa menjalankan perniagaan menganjurkan rancangan atau perkiraan tersebut; dan
- ▶ Perkara-perkara yang bersampingan dengannya

ALKWK1971 mula berkuat kuasa pada 30 April 1971. Akta tersebut telah dipinda pada tahun 2011 melalui Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011 yang mula berkuat kuasa pada 16 Ogos 2011. Pindaan tersebut membabitkan penalti bagi kesalahan menjalankan perniagaan menganjurkan wang kutu di bawah Seksyen 3 Akta itu.

INISIATIF PENGENALAN KERANGKA PERUNDANGAN HARTA ALIH KEPENTINGAN BERCAGAR (HAKB)


SSM sedang dalam proses untuk menyediakan suatu inisiatif penting dalam usaha pendanaan perniagaan negara iaitu dengan mewujudkan Kerangka Perundangan untuk Harta Alih Kepentingan Bercagar (HAKB) atau *Secured Transaction Framework*. Kerangka ini bertujuan untuk menubuhkan sebuah repositori pendaftaran cagaran bersepadu di Malaysia bagi memanfaatkan harta alih sebagai cagaran dan pembiayaan kerana harta alih sama ada aset ketara atau tak ketara sering menyumbang sebahagian besar modal perniagaan, terutamanya kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan firma pemula (start-up). Kerangka perundangan seumpama ini telah wujud di negara maju dan ekonomi sedang pesat membangun. Justeru, satu Rang Undang-Undang (RUU) berkenaan HAKB telah disediakan oleh SSM dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2022.



AGENDA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) DALAM KOMUNITI NIAGA DI MALAYSIA

Pada tahun 2009, SSM telah menghasilkan satu rangka kerja strategik yang menggariskan pendekatan SSM bagi mempromosikan budaya tanggungjawab korporat dalam kalangan komuniti perniagaan di Malaysia. Rangka kerja strategik tersebut dikenali sebagai Agenda Tanggungjawab Korporat SSM (Agenda CR SSM).

Agenda CR SSM berslogankan **“Driving Business Beyond Profitability”** telah menandakan satu lagi mercu tanda dalam rentetan sejarah kejayaan dan pencapaian SSM sejak dua dekad lalu. Antara lain, agenda CR SSM ini mewujudkan satu dimensi yang baharu menerusi pengiktirafan tanggungjawab korporat sebagai sebahagian daripada amalan tadbir urus korporat dan dengan objektif seperti berikut:



- ▶ Untuk memupuk budaya tanggungjawab korporat di persekitaran perniagaan di Malaysia;
- ▶ Untuk menggalakkan syarikat dan perniagaan untuk berusaha ke arah mencapai keseimbangan antara penjana keuntungan dan mewujudkan persekitaran hidup yang mampan;
- ▶ Untuk menyemai budaya tanggungjawab korporat dalam kalangan komuniti korporat yang menghargai dan memperakui bahawa inisiatif-inisiatif tanggungjawab korporat mampu mewujudkan premium bagi syarikat dan perniagaan; dan
- ▶ Untuk mendalami dan menyebarkan tadbir urus korporat yang baik melalui asas yang lebih holistik.



PEKELILING AMALAN PERNIAGAAN TERBAIK SSM 1/2010

Establishment of a Child Care Centre at the Workplace by Corporate and Business Employers

Diterbitkan pada 28 Januari 2010 yang mengandungi syor-syor umum dan cadangan-cadangan mengenai amalan-amalan terbaik berhubung penubuhan taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja.



How to Set Up a Child Care Centre at the Workplace

Diterbitkan pada 9 November 2010 sebagai satu dokumen pelengkap kepada edisi pertama Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik SSM 1/2010 mengenai penubuhan taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja.



PEKELILING AMALAN PERNIAGAAN TERBAIK SSM 2/2011


Establishing a Conducive Working Environment for Women: Nursing Mothers Programme at The Workplace

Diterbitkan pada 24 November 2011 yang mengandungi syor umum dan cadangan amalan terbaik berhubung pewujudan persekitaran mesra keluarga dan kanak-kanak melalui sokongan program penyusuan ibu.




PEKELILING AMALAN PERNIAGAAN TERBAIK SSM 3/2012
Achieving Corporate Integrity

Diterbitkan pada 27 Januari 2012 bagi tujuan menggalak Ikrar Integriti Korporat (CIP) dan Soal Selidik Penilaian Sistem Integriti Korporat (CIAQ) bagi pengukuhan komitmen sesebuah organisasi dalam mematuhi amalan perniagaan secara beretika dan menyokong kempen menentang rasuah.



SSM'S TOOLKIT
From Pledge to Practice: A Guide to Implement the Corporate Integrity System Malaysia

Diterbitkan pada 22 April 2014 sebagai dokumen pelengkap kepada Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 3/2012. Set panduan ini diterbitkan bertujuan memudahkan, menyokong dan memberi bantuan teknikal kepada syarikat dan perniagaan bagi melaksanakan sistem integriti korporat sebagai langkah pencegahan yang berkesan terhadap amalan rasuah.




PEKELILING AMALAN PERNIAGAAN TERBAIK SSM 4/2013
Promoting Technical Education and Vocational Training (TEVT)

Diterbitkan pada 5 Mac 2013 bagi menggalak dan menyokong Perkongsian Awam-Swasta (PPP) dalam menyediakan Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional (TEVT) sebagai alternatif pendidikan aliran utama terutamanya kepada pelajar yang tercicir.



SSM'S TOOLKIT
A Toolkit to Implement Green Business

Diterbitkan pada 14 April 2015 yang mengandungi panduan dan cadangan mengenai inisiatif-inisiatif hijau dan aktiviti-aktiviti yang boleh diamalkan oleh syarikat dan perniagaan dalam operasi harian perniagaan mereka.



PEKELILING AMALAN PERNIAGAAN TERBAIK SSM 5/2013
Corporate Responsibility: Guidance to Disclosure and Reporting

Diterbitkan pada 2 Julai 2013 bagi menyediakan suatu gambaran keseluruhan tentang pendekatan, wahana dan sumber yang ada bagi penzahiran tanggungjawab korporat seiring dengan objektif untuk meningkat kesedaran dalam kalangan syarikat dan perniagaan. Juga, memberikan pemahaman tentang rangka kerja baharu penzahiran tanggungjawab korporat di bawah Akta Syarikat yang baharu.



PEKELILING AMALAN PERNIAGAAN TERBAIK SSM 6/2017
Business Review Report: Guidance to Disclosure and Reporting

Suatu penerbitan oleh SSM yang menyediakan panduan berhubung penyediaan laporan ulasan perniagaan bagi membolehkan syarikat melapor maklumat penting di dalam pelan hala tuju syarikat dan prestasinya termasuk isu-isu yang memberi kesan terhadap prestasi keseluruhan perniagaan.

KESIMPULAN

Kerangka perundangan perniagaan merupakan teras kepada SSM dalam mentadbir agensi itu sendiri dan mengawal selia dan mengawasi dengan rapat landskap perniagaan negara.

20 tahun dahulu, Kerajaan Malaysia telah mengambil satu langkah yang berani untuk menggubal satu Akta yang penting (ASSM2001) untuk menggabungkan dua entiti pendaftaran perniagaan dan syarikat di Malaysia. Seterusnya melalui Akta ini, tertubuhnya sebuah badan berautonomi dan mampu berdiri dengan pembiayaan sendiri, dengan mandat untuk menyelaraskan proses pendaftaran perniagaan untuk semua jenis perniagaan, dan entiti baharu ini ialah SSM.

Sepanjang 20 tahun yang lalu, ASSM2001 dan Akta-akta lain yang di bawah pengawalseliaan dan pentadbiran SSM telah mengalami evolusi yang sangat pesat sejajar dengan perubahan yang dinamik dalam landskap perniagaan di dalam dan luar negara serta kemajuan yang sangat pesat dalam perkembangan teknologi digital. Pelbagai RUU telah dicadangkan SSM dan berjaya dibentangkan dan mendapat kelulusan Parlimen.

Pada masa hadapan, SSM menjangkakan bahawa landskap perniagaan negara akan bertambah mencabar, lebih dinamik dan sangat tidak menentu, lebih-lebih lagi dalam era pasca-pandemik. Justeru SSM akan terus mengkaji semula dan menambah baik setiap Akta dan peruntukan yang dimandatkan kepadanya agar terus relevan dengan perkembangan semasa dan masa hadapan. Iltizam SSM ini terus dicerminkan melalui beberapa RUU yang sedang menunggu masa untuk diluluskan dan dilaksanakan seperti RUU untuk memantapkan lagi kerangka pelaporan pemunya benefisial, mekanisme penyelamat dan rehabilitasi korporat dan PLT, serta harta alih kepentingan bercagar. Sesungguhnya, SSM akan terus mendukung undang-undang negara yang menjadi teras kepada mandatnya, sekali gus akan terus menerajui, memacu dan memajukan ekosistem perniagaan negara untuk menjadi antara yang moden dan mantap di dunia.



Parlimen Malaysia yang merupakan badan pengubal undang-undang tertinggi negara.



BAB 3

MEMPERKASA DAFTAR NIAGA, MENGUKIR JEJAK JAYA

Pengenalan Evolusi Pendaftaran	50
Perkhidmatan Teras SSM	50
Menyediakan Perkhidmatan yang Efisien untuk Memulakan Perniagaan di Malaysia	53
Evolusi Sijil Pendaftaran Perniagaan, Pemerbadanan Syarikat dan Gadaian	60
Fungsi sebagai Pembekal Maklumat Korporat Tunggal Negara	64

MEMPERKASA DAFTAR NIAGA, MENGUKIR JEJAK JAYA

PENGENALAN EVOLUSI PENDAFTARAN

Mendaftarkan perniagaan dengan SSM bukanlah semata-mata keperluan mematuhi undang-undang, tetapi ia satu langkah yang lebih besar dari itu. Bak kata pakar motivasi “Perjalanan 1000 langkah, bermula dengan langkah pertama”.

Sepanjang 20 tahun lalu, SSM sentiasa memikirkan cara terbaik untuk memudahkan orang ramai mendaftar entiti usaha niaga mereka dan pelbagai transformasi telah dijayakan dengan cekap lagi berkesan. Sepanjang tempoh itu, proses pendaftaran telah mengalami evolusi yang cukup pesat daripada kaedah bersemuka di kaunter SSM, sehinggalah kepada kemudahan di dalam talian yang disediakan kini. Semua ini dilaksanakan SSM, demi memudahkan dan untuk keselesaan orang ramai, di samping menggalakkan pertumbuhan usaha niaga yang sah didaftarkan, lantas merealisasikan *tagline* - **Perniagaan Anda Bermula di SSM**.



Perniagaan
8,285,467



Syarikat
1,434,323



PLT
30,252

Jumlah pendaftaran entiti perniagaan sehingga 31 Disember 2021

PERKHIDMATAN TERAS SSM



**PENDAFTARAN
PERNIAGAAN**



**PEMERBADANAN
SYARIKAT**



**PENDAFTARAN
PERKONGSIAN
LIABILITI
TERHAD**

SSM sentiasa komited dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan menyediakan persekitaran perniagaan yang mampan bersesuaian dengan Teras Strategik Ke-4 SSM iaitu **Menyediakan Persekitaran Perniagaan yang Dipercayai**.

PENDAFTARAN PERNIAGAAN



- ▶ Perniagaan milikan tunggal dan perkongsian mestilah memenuhi taksiran “Perniagaan” di bawah Seksyen 2, APP1956 dan Kaedah Pendaftaran Perniagaan (KPP) 1957.
- ▶ Perniagaan dijalankan mestilah beroperasi di Semenanjung Malaysia atau Wilayah Persekutuan Labuan sahaja.

PEMERBADANAN SYARIKAT



- ▶ Perniagaan boleh dijalankan di seluruh Malaysia.
- ▶ AS1965 kemudiannya telah dimansuhkan dan digantikan dengan AS2016 pada tahun 2017.
- ▶ AS2016 merupakan rejim perundangan yang lebih mudah, dinamik dan berdaya maju untuk peniaga.

PENDAFTARAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)



- ▶ PLT merupakan bentuk perniagaan alternatif yang menawarkan ciri-ciri hibrid di antara perkongsian konvensional dan syarikat.
- ▶ Perniagaan boleh dijalankan di seluruh Malaysia.
- ▶ Reka bentuk PLT amat bersesuaian untuk penubuhan firma profesional seperti firma guaman, perakaunan, setiausaha syarikat, doktor, kejuruteraan, konsultan dan sebagainya.

Kini, SSM memanfaatkan teknologi sepenuhnya dengan menyediakan perkhidmatan dalam talian, yang mana pendaftaran syarikat hanya terletak di hujung jari anda. Bakal usahawan boleh mengemukakan permohonan secara dalam talian untuk pemilikan tunggal dan perkongsian

melalui portal yang disediakan dan perniagaan akan didaftarkan dalam masa satu jam sahaja. Untuk pemerbadanan syarikat, usahawan boleh menggunakan portal **MyCoID**, untuk pendaftaran perniagaan, usahawan boleh menggunakan portal **EzBiz Online**, manakala PLT pula, portal **MyLLP** disediakan. Melalui portal-portal ini, pendaftaran dapat dilakukan secara di hujung jari walau di mana sahaja pengguna berada.

Evolusi yang berkembang telah disaksikan bagi pendaftaran perniagaan, syarikat dan MyLLP secara dalam talian di SSM dengan pengenalan sistem yang agil.

EVOLUSI PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN SSM

SSM telah melalui evolusi pendigitalan dalam bidang pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan sejak 20 tahun yang lalu dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan SSM. Antara evolusi yang memberi impak yang besar adalah transformasi perkhidmatan perniagaan dari kaunter kepada dalam talian melibatkan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan kepada komuniti perniagaan di Malaysia. Penambahan pelbagai kemudahan lain dalam mendaftarkan dan memperbaharui perniagaan juga telah diperkenalkan dari semasa ke semasa sejak tahun 2002 sehingga kini menyemarakkan lagi transformasi ke arah agenda digitalisasi.



EVOLUSI PERKHIDMATAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN

2002 - 2006: Perkhidmatan Kaunter Bersemuka



2007: Perkhidmatan e-Lodgement



Dilancarkan pada 19 Mei 2007 dan merupakan perkhidmatan dalam talian yang dibangunkan oleh MAMPU dengan kerjasama SSM dalam menawarkan perkhidmatan seperti Permohonan Kelulusan Nama Perniagaan (Borang PNA42), Pendaftaran Perniagaan (Borang A), Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan (Borang B), Perubahan Alamat Utama Perniagaan, Perubahan Jenis Perniagaan, Perubahan Maklumat Cawangan; dan Perubahan Maklumat Pemilik (ditamatkan pada 2009), Pemberitahuan Penamatan Perniagaan (Borang C) dan Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan (Borang A1).

2011: Pelantikan Ejen Pendaftaran Perniagaan: Bank Simpanan Nasional (BSN)



Pelantikan BSN sebagai ejen dalam mempelbagaikan saluran perkhidmatan pembaharuan perniagaan SSM telah dilakukan memandangkan BSN mempunyai lokasi kaunter strategik di seluruh Malaysia.

2014: Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan (KBPP) atau EzBiz On The Go



Diperkenalkan pada tahun 2014 dan merupakan salah satu inisiatif SSM yang telah dilaksanakan demi memenuhi jemputan daripada kementerian, agensi Kerajaan, badan korporat, institut pengajian tinggi dan pelbagai pihak lain.



2015: Pelantikan Ejen Pendaftaran Perniagaan: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia



Pelantikan Bank Rakyat sebagai ejen dalam mempelbagaikan saluran perkhidmatan pembaharuan perniagaan SSM memandangkan Bank Rakyat mempunyai lokasi kaunter strategik di seluruh Malaysia.

2016: SSM EzBiz Kiosk



SSM telah memperkenalkan SSM EzBiz Kiosk pada bulan April 2016 bagi memudahkan pelanggan untuk berurusan.

SSM EzBiz Kiosk merupakan perkhidmatan fizikal yang membolehkan pelanggan membuat transaksi perniagaan dengan cepat tanpa perlu beratur panjang di kaunter. SSM EzBiz Kiosk boleh didapati di 16 lokasi di pejabat SSM di seluruh negara.



MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN YANG EFISIEN UNTUK MEMULAKAN PERNIAGAAN DI MALAYSIA

Mengurangkan Tempoh Masa Diambil Bagi Memulakan Perniagaan Di Malaysia

Semenjak tahun 2009 SSM telah melaksanakan rekayasa proses perniagaan berkaitan dengan urusan perkhidmatan kaunter dengan:

- ▶ Mengenal pasti dan mengkelaskan prosedur kerja sedia ada berkaitan dengan pemerbadanan syarikat;
- ▶ Menyemak dan menjadikan prosedur kerja yang terlibat sebagai proses dalaman;
- ▶ Mendapatkan kuasa mematikan setem hasil;
- ▶ Menyediakan *single interaction counter*;
- ▶ Memperkenalkan pakej pasca penubuhan; dan
- ▶ Pemerbadanan syarikat dalam 1 hari.

Dengan menggunakan kaedah penilaian dalam menentukan bilangan proses kerja yang terlibat untuk memulakan perniagaan di Malaysia seperti dalam Laporan Bank Dunia - *Ease of Doing Business Report*, SSM telah mengenal pasti dan menyusun semula proses kerja sedia ada. Proses dalaman yang melibatkan kelulusan carian nama, serahan dokumen pemerbadanan syarikat dan penyeteraan Memorandum dan Artikel Persatuan (M&A) telah diperkemaskan menerusi pengenalan *single-counter interaction* dan penyatuan proses yang melibatkan aktiviti di belakang kaunter.

SSM telah mempromosikan perkhidmatan serah simpan yang boleh memberi penjimatan kepada pengguna sebanyak RM250. Melalui promosi ini, pengguna yang membuat serah simpan dokumen penubuhan syarikat boleh dibuat di SSM ekoran daripada pemberian kuasa oleh Menteri Kewangan untuk mematikan setem mulai 1 Januari 2010. Mulai 1 April 2010, SSM telah diberi kuasa pula oleh Menteri Kewangan untuk menjual setem hasil di premis SSM. Berkuatkuasa 1 Januari 2013, SSM telah diberi kuasa untuk mengkompaun setem secara elektronik. Dengan kuasa ini, proses pendaftaran dokumen bagi tujuan pemerbadanan akan bertambah lancar.

Pengenalan pakej penjimatan sebanyak RM250. Semasa serah simpan dokumen penubuhan syarikat, pemegang taruh juga boleh membuat pesanan bagi mendapatkan buku-buku berkanun, sijil saham dan meterai syarikat (pakej pasca pemerbadanan). Ketiga-tiga butiran tersebut

ditawarkan secara pakej dengan harga RM100. Harga pakej ini jauh lebih murah berbanding dengan kos yang dinyatakan dalam laporan *World Bank's Ease of Doing Business 2010* iaitu sebanyak RM350. Konsep *single-counter interaction* yang diperkenalkan oleh SSM membolehkan serahan dokumen dan perolehan pakej pasca pemerbadanan dibuat bayaran serentak.

Bagi membolehkan proses pemerbadanan syarikat dibuat dalam tempoh satu hari SSM pada waktu itu telah mengenakan terma dan syarat berikut:

- ▶ pembayaran dibuat secara tunai, bank deraf, wang pos atau kiriman wang;
- ▶ penyerahsimpanan dibuat sebelum jam 12.00 tengahari; dan
- ▶ dokumen pemerbadanan adalah sempurna.

Proses rekayasa perniagaan yang diperkenalkan oleh SSM adalah termasuk pengenalan kaunter khidmat nasihat. Sebelum dokumen pemerbadanan diserahkan simpan, pelanggan boleh menyemak kesempurnaan dokumen di kaunter ini dan mendapatkan khidmat nasihat bagi memastikan kelancaran permohonan mereka. Sebarang masalah berkaitan dengan serah simpan borang dapat diselesaikan dan ini mengelakkan kemungkinan permohonan ditolak yang seterusnya penubuhan syarikat mengambil masa lebih satu hari.

Sekiranya semua keperluan dipenuhi sebelum jam 12 tengahari, sijil pemerbadanan boleh diambil sebelum jam 5.00 petang pada hari yang sama. Proses rekayasa perniagaan yang dijalankan oleh SSM telah menghasilkan pengenalan kepada inisiatif 1 Hari Pemerbadanan Syarikat.

Pada 1 April 2013, SSM juga telah melaksanakan satu inisiatif untuk pengurangan dan penyelarasan fi pemerbadanan sebanyak RM1,000 bagi syarikat yang mempunyai modal dibenarkan tidak melebihi RM400,000. Ini adalah untuk mengurangkan kos memulakan perniagaan di Malaysia.



PERKHIDMATAN DALAM TALIAN SSM

Sepanjang 20 tahun SSM ditubuhkan, agensi ini sentiasa memikirkan cara yang terbaik untuk menyampaikan perkhidmatannya kepada orang ramai. Kini, SSM telah berjaya membangunkan 12 perkhidmatan dalam talian untuk digunakan dan memudahkan urusan orang ramai. Senarai perkhidmatan tersebut dan kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

EZBIZ ONLINE



Sistem ini menyediakan kemudahan perkhidmatan pendaftaran perniagaan dalam talian untuk membolehkan pengguna melakukan pendaftaran perniagaan baharu, pendaftaran perubahan maklumat perniagaan, pembaharuan perakuan pendaftaran dan penamatan perniagaan. Perkhidmatan EzBiz *Online* ditawarkan 24 jam sehari, 7 hari seminggu melalui portal berikut:

<https://ezbiz.ssm.com.my>

Pada masa ini kebanyakan perkhidmatan yang ditawarkan di kaunter telah dilaksanakan di portal SSM EzBiz *Online* seperti:

Pendaftaran perniagaan baharu
(Borang A)

Pembaharuan pendaftaran perniagaan
(Borang A1)

Pemberitahuan penamatan perniagaan
(Borang C)

Pendaftaran perubahan maklumat perniagaan
(Borang B)

- ▶ Perubahan alamat utama perniagaan;
- ▶ Perubahan jenis perniagaan;
- ▶ Perubahan maklumat cawangan;
- ▶ Perubahan maklumat pemilik


Pembayaran kompaun

PENAMBAHBAIKAN SSM EZBIZ ONLINE

Perancangan bagi sistem EzBiz *Online* pada masa hadapan adalah untuk menambah beberapa perkhidmatan yang belum ditawarkan di EzBiz *Online* pada masa ini seperti:

- ▶ Perubahan maklumat pemilik (kematian rakan kongsi yang tidak mempunyai ID EzBiz *Online*);
- ▶ Pendaftaran penamatan perniagaan (kematian pemilik / rakan kongsi);
- ▶ Surat pengesahan perniagaan (pendaftaran perniagaan dengan nombor pendaftaran baharu bagi perniagaan yang telah luput melebihi setahun);
- ▶ Arahan mahkamah berkaitan pendaftaran perniagaan; dan
- ▶ Permohonan menyimpan nama perniagaan yang dipilih (contoh: Taska, Tadika, Pusat Jagaan dan Pusat Tuisyen)

Transaksi SSM EzBiz *Online* sepanjang 2019 sehingga 2021



Peniaga-peniaga boleh memanfaatkan EzBiz Online untuk melakukan transaksi secara dalam talian.

MyCoID



Pembangunan MyCoID bermula dengan cetusan idea oleh Pasukan Pemudah Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) yang ditubuhkan untuk mengatasi isu birokrasi yang wujud dalam urusan perniagaan dengan Kerajaan. PEMUDAH telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi pada Januari 2007.

Persetujuan telah dicapai untuk menggunakan nombor pemerbadanan syarikat yang dikeluarkan SSM sebagai nombor rujukan MyCoID oleh kerana nombor syarikat adalah unik untuk setiap syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Setiap nombor pemerbadanan syarikat memberikan identiti kepada syarikat. Justeru, ia boleh digunakan untuk pelbagai transaksi dan rujukan dengan agensi Kerajaan.

Perkhidmatan ini boleh diakses dengan mudah melalui portal berikut:

<https://mycoid2016.ssm.com.my>

Slogan untuk MyCoID adalah:

1 IDENTITI KORPORAT



YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak dan disaksikan oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Dato' Sri Ismail Sabri, semasa majlis pelancaran MyCoID pada 11 Februari 2010

Nombor identiti Korporat Malaysia atau nama ringkasnya MyCoID merujuk kepada nombor pemerbadanan syarikat yang digunakan sebagai satu nombor rujukan tunggal untuk pelbagai urusan pendaftaran dan transaksi dengan agensi Kerajaan yang berkenaan. Dengan adanya MyCoID, komuniti korporat kini hanya perlu menggunakan satu nombor iaitu nombor pendaftaran syarikat yang dikeluarkan oleh SSM bagi urusan pendaftaran, rujukan dan transaksi dengan agensi berikut:



Projek MyCoID ini melibatkan dua fasa iaitu:

FASA I

Penggunaan nombor pemerbadanan syarikat sebagai sumber rujukan tunggal, pendaftaran dan transaksi oleh agensi Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan; dan

FASA II

Pembangunan sistem untuk penyaluran data secara automatik bagi tujuan pendaftaran dengan agensi Kerajaan yang berkenaan serentak dengan pemerbadanan syarikat.

SSM telah mewajibkan pemerbadanan syarikat melalui MyCoID bermula di Ibu Pejabat Kuala Lumpur, Seremban dan Shah Alam pada 16 Mei 2013. SSM telah menguatkuasakan langkah di mana pemerbadanan syarikat diwajibkan dibuat secara dalam talian melalui sistem MyCoID. Langkah ini ternyata memberi impak yang baik di mana proses carian nama dan pemerbadanan syarikat menjadi lebih cepat dan imej dokumen pemerbadanan syarikat boleh terus dimasukkan ke dalam sistem tanpa perlu lagi melalui proses pengimbasan yang memerlukan lebih sumber untuk menguruskannya.

Dalam tahun 2014, langkah mewajibkan pemerbadanan syarikat menerusi sistem MyCoID telah diperluaskan ke seluruh negara dan dilaksanakan secara berperingkat iaitu:

- | | |
|--|---|
| <p>Fasa 1 16 Mei 2013
Kuala Lumpur
UTC Pudu Sentral
Selangor
Negeri Sembilan</p> | <p>Fasa 2 28 Ogos 2014
Melaka
Perlis
Labuan</p> |
| <p>Fasa 3 3 November 2014
Pahang
Terengganu
Kelantan</p> | <p>Fasa 4 13 November 2014
Perak
Kedah</p> |
| <p>Fasa 5 11 Disember 2014
Johor
Pulau Pinang
Sabah
Sarawak</p> | |

Langkah ini merupakan salah satu tindakan yang diambil oleh SSM bagi memastikan indikator memulakan perniagaan di Malaysia mencapai kedudukan yang lebih baik pada tahun 2014. Langkah ini juga seiring dengan matlamat SSM untuk meningkatkan kadar penggunaan perkhidmatan dalam talian.

Selaras dengan pelaksanaan mandatori MyCoID permohonan carian nama dan pemerbadanan syarikat menerusi perkhidmatan kaunter telah ditutup.

MyCoID telah dinaiktaraf untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan dan sistem yang ditambah baik kini dilaksanakan pada 31 Januari 2017 berikutan penguatkuasaan AS2016.

MyLLP



Berikutan penguatkuasaan APLT2012, SSM telah menyediakan perkhidmatan dalam talian bagi tujuan pendaftaran PLT baharu. Ia bermula dengan pembangunan sistem MyLLP 1.0 pada 5 Februari 2013 yang menawarkan perkhidmatan secara dalam talian dan juga kaunter. Bagi membolehkan SSM memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, SSM telah menaik taraf sistem MyLLP kepada sistem MyLLP 2.0 pada 13 November 2015 untuk membolehkan semua perkhidmatan ditawarkan secara dalam talian. Pada 19 Ogos 2021, SSM sekali lagi menaik taraf sistem MyLLP 3.0 yang baharu dengan penambahan modul-modul yang baharu. Pengguna juga akan dapat melakukan transaksi-transaksi berikut dengan lebih mudah:

- ▶ Pendaftaran Pengguna
- ▶ Permohonan Penempahan Nama
- ▶ Pendaftaran
- ▶ Pertukaran Maklumat
- ▶ Perakuan Tahunan
- ▶ Permohonan Pertukaran Nama
- ▶ Permohonan Lanjutan Masa
- ▶ Permohonan Pengguguran Secara Sukarela
- ▶ Pendaftaran Dokumen Berkaitan Pengguguran oleh Mahkamah
- ▶ Pendaftaran Dokumen Berkaitan Pelikuidasian atau Pembubaran PLT Asing
- ▶ Rektifikasi
- ▶ Perintah Mahkamah



Majlis pelancaran MyLLP pada 21 Februari 2013 oleh YB Menteri PDNKK, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob disaksikan oleh Pengerusi SSM, Datuk Seri Saripuddin bin Kasim dan Ketua Pegawai Eksekutif SSM Dato' Mohd Naim Daruwish

MBRS



SSM untuk julung kalinya telah membangunkan satu platform utama bagi kemudahan penyerahan penyata tahunan dan penyata kewangan syarikat secara dalam talian dengan melancarkan *Malaysian Business Reporting System* atau akronimnya, MBRS secara rasmi pada 27 September 2018. Sistem MBRS menyediakan perkhidmatan serah simpan pelaporan syarikat berdasarkan format *eXtensible Business Reporting Language* (XBRL).

Pelaksanaan sistem MBRS bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan SSM secara khusus dan Kerajaan secara amnya melalui proses kerja yang efektif dan efisien.

Pembangunan sistem MBRS merupakan projek transformasi pelaporan syarikat yang diserahkan secara fizikal melalui perkhidmatan kaunter kepada pelaporan digital berdasarkan piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa iaitu XBRL. SSM adalah satu-satunya agensi di Malaysia yang membangunkan sistem dengan merujuk kepada piawaian XBRL yang bertaraf dunia.

Idea projek ini teretus ekoran manfaat utama format XBRL yang dapat memastikan penyata kewangan yang disediakan oleh syarikat dan seterusnya diserahkan di SSM adalah mematuhi *approved accounting standards* atau piawaian perakaunan seperti yang diwajibkan di bawah Seksyen 244 AS2016. Ini adalah lantaran sistem MBRS SSM ini telah dibangunkan bersama *taxonomy* berasaskan piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) di bawah Akta Pelaporan Kewangan 1997. Di samping itu, sistem MBRS akan membolehkan akses maklumat dengan cepat dan tepat bagi tujuan analisa, pemantauan serta mengurangkan isu integriti data yang dibekalkan kepada pihak berkepentingan.

Perkhidmatan ini disediakan melalui portal berikut:

www.ssm4u.com.my

Pelaksanaan sistem MBRS dapat meningkatkan komunikasi secara elektronik antara SSM dan pihak berkepentingan di mana ia mudah dicapai secara dalam talian pada bila-bila masa dan di mana sahaja tanpa perlu hadir ke kaunter perkhidmatan SSM.

Pembangunan sistem ini juga seiring dengan visi SSM iaitu untuk menjadikan SSM sebagai sebuah organisasi yang cemerlang dalam perkhidmatannya, sekaligus meletakkan SSM sebagai "Pendaftar dan Pengawal Selia Korporat Terulung" yang bertaraf dunia. Keberkesanan

serah simpan pelaporan syarikat mengikut format XBRL diperakui secara global. Pencapaian sejak ditubuhkan sehingga sekarang termasuklah penglibatan dalam beberapa siri persidangan di peringkat antarabangsa dan sebagai *Direct Member* XBRL International, Inc. (XII) semenjak 20 Januari 2016 sehingga kini. Pada masa kini, pelaksanaan serah simpan penyata tahunan, Penyata Kewangan Tidak Diaudit dan *Certificate for Exempt Private Company* (EPC) telah dimandatorikan untuk diserahkan melalui MBRS secara berperingkat di seluruh Malaysia bermula 1 November 2018. Manakala, serah simpan Penyata Kewangan Teraudit syarikat tempatan dan asing melalui sistem MBRS masih dilaksanakan secara sukarela.

Selaras dengan penambahbaikan sistem MBRS yang sedang berjalan, serah simpan Penyata Kewangan Teraudit secara mandatori melalui sistem MBRS dalam perancangan untuk dilaksanakan oleh SSM bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan SSM melalui proses kerja yang efektif dan efisien secara berterusan.



Majlis pelancaran MBRS pada 27 September 2018 yang dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri PDNHEP, Tuan Chong Chieng Jen disaksikan oleh Pengerusi SSM, Datuk Seri Jamil Haji Salleh dan Ketua Pegawai Eksekutif SSM Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner

Pelaksanaan sistem MBRS berjaya mengurangkan tugas secara manual bagi proses *pre-lodgement*, *receipting*, *data entry*, *verification*, *indexing*, *barcoding* dan *scanning* kerana proses ini telah diautomasi. Hasilnya, sumber tenaga kerja SSM dapat dioptimumkan untuk memberi tumpuan terhadap perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah seperti khidmat nasihat dan pemantauan syarikat.

Sementara itu, di pihak pelanggan pula, pengalaman beratur panjang akibat kesesakan di kaunter perkhidmatan SSM terutamanya pada waktu puncak dapat diatasi selain mampu menjimatkan masa dan kos pengurusan syarikat.

PIAGAM PELANGGAN SSM

Bagi menjamin kualiti perkhidmatan dan meningkatkan komitmen pekerja dalam memenuhi ekspektasi pelanggan, SSM sentiasa menyemak semula piagam pelanggan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan.

Piagam pelanggan SSM adalah seperti berikut:

PENDAFTARAN PERNIAGAAN (EZBIZ ONLINE)

- ▶ Permohonan yang diterima sebelum jam 12 tengah hari akan diproses sebelum jam 5 petang pada hari yang sama
- ▶ Permohonan yang diterima selepas jam 12 tengah hari akan diproses sebelum jam 12 tengah hari pada hari bekerja yang berikutnya
- ▶ Permohonan yang diterima pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum akan diproses sebelum jam 12 tengah hari pada hari bekerja yang berikutnya
- ▶ Penerimaan semula permohonan yang tidak sempurna untuk didaftarkan akan diproses dalam tempoh 24 jam selepas maklum balas diterima

PENDAFTARAN PERNIAGAAN (KAUNTER)

- ▶ Pendaftaran perniagaan baharu dan perubahan perniagaan diproses dalam tempoh 1 jam
- ▶ Pembaharuan dan penamatan perniagaan diproses dalam tempoh 15 minit

Nota: Tempoh masa dikira selepas bayaran diterima di kaunter

PENDAFTARAN GADAIAN

- ▶ Diproses dalam tempoh 2 hari bekerja

PENDAFTARAN PROSPEKTUS

- ▶ Pendaftaran prospektus di bawah ASK2016 dalam tempoh 3 hari bekerja

SALINAN DOKUMEN DIAKUI SAH DAN TIDAK DIAKUI SAH

Kaunter

- ▶ Salinan dokumen tidak diakui sah dalam tempoh 30 minit
- ▶ Salinan dokumen diakui sah dalam tempoh 1 jam

Dalam Talian

- ▶ Diproses serta-merta

MENJAWAB PANGGILAN TELEFON DAN MEMBERI MAKLUM BALAS SURAT/ E-MEL/ FAKS


- ▶ Menjawab panggilan telefon dalam 5 deringan
- ▶ Menjawab maklum balas surat/ e-mel/ faks dalam tempoh 3 hari bekerja

MyLLP

- ▶ Permohonan nama PLT dalam tempoh 3 hari bekerja
- ▶ Pendaftaran PLT dalam tempoh 3 hari bekerja
- ▶ Perubahan makluman dan perakuan tahunan PLT dalam tempoh 3 hari bekerja
- ▶ Pembubaran PLT dalam tempoh 5 hari bekerja

MYCOID (PEMERBADANAN SYARIKAT, PERMULAAN PERNIAGAAN SYARIKAT AWAM, PERTUKARAN STATUS/NAMA SYARIKAT)

- ▶ Diproses dalam 1 hari bekerja
- ▶ Diterima sebelum 12 tengah hari, notifikasi akan dikeluarkan pada hari yang sama
- ▶ Diterima selepas 12 tengah hari, notifikasi akan dikeluarkan pada hari bekerja berikutnya sebelum 12 tengah hari



PELAKSANAAN FORMAT BAHARU NOMBOR PENDAFTARAN BAGI ENTITI PERNIAGAAN YANG BERDAFTAR DENGAN SSM

Pelaksanaan Format Baharu Nombor Pendaftaran Entiti SSM merupakan projek untuk menyokong Program Berimpak Tinggi Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME HIP 1) yang diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbir dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) untuk tujuan integrasi pendaftaran dan pelesenan perniagaan bagi meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan.

Ini adalah inisiatif Kerajaan di peringkat nasional untuk memperkenalkan satu format nombor entiti perniagaan yang terpakai di seluruh Malaysia. Selain itu, pelaksanaan format baharu ini adalah untuk menyelaraskan semua jenis nombor pendaftaran entiti perniagaan.

Format baharu nombor perniagaan bagi entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM telah dilaksanakan berkuatkuasa pada 11 Oktober 2019.

OBJEKTIF PELAKSANAAN

- ▶ Meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan dengan integrasi pendaftaran dan pelesenan.
- ▶ Menyelaraskan semua jenis nombor pendaftaran entiti perniagaan.
- ▶ Memudahkan pengurusan data kerana mempunyai satu format yang standard.

KRITERIA FORMAT BAHARU NOMBOR PENDAFTARAN

- ▶ Mengandungi 12 digit aksara.
- ▶ Perubahan nombor pendaftaran mengikut tahun pendaftaran entiti didaftarkan.
- ▶ Format baharu nombor pendaftaran akan seragam untuk semua jenis entiti perniagaan.

FORMAT BAHARU NOMBOR PENDAFTARAN

Mengandungi 12 digit aksara iaitu:

- ▶ 4 digit - tahun entiti perniagaan didaftarkan.
- ▶ 2 digit - kod entiti perniagaan.
- ▶ 6 digit - nombor turutan.

Tahun				Kod Entiti		Nombor Turutan 000001 - 999999					
Y	Y	Y	Y	X	X	Z	Z	Z	Z	Z	Z
2	0	1	9	0	1	0	0	0	0	0	1

KOD ENTITI	ENTITI PENDAFTARAN
01	SYARIKAT TEMPATAN
02	SYARIKAT ASING
03	PENDAFTARAN PERNIAGAAN
04	PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD TEMPATAN
05	PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD ASING
06	PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD PROFESIONAL

FORMAT BAHARU NOMBOR PENDAFTARAN

Tahun				Kod Entiti		Nombor Turutan 000001 - 999999					
Y	Y	Y	Y	X	X	Z	Z	Z	Z	Z	Z
2	0	1	9	0	1	0	0	0	0	0	1

- ▶ Syarikat: BRILLIANT 67 SDN. BHD. **201901000001**
- ▶ Perniagaan: A. R. HIJRAH SUCCESS SHOP **201903000003**
- ▶ PLT: LA GARAGE SUCCESS PLT **201904000002**

KESAN PELAKSANAAN

- ▶ Syarikat, perniagaan dan PLT masih boleh menggunakan nombor pendaftaran sedia ada untuk semua jenis urusan di SSM sehingga suatu tempoh masa yang akan ditetapkan.
- ▶ Sistem SSM sedia ada berupaya untuk menggunakan format baharu nombor pendaftaran atau format sedia ada sebagai rujukan.
- ▶ Syarikat masih boleh menggunakan surat rasmi, invois dan lain-lain dokumen yang telah dicetak memaparkan nombor sedia ada sehingga suatu tempoh masa yang akan dimaklumkan.

EVOLUSI SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN, PEMERBADANAN SYARIKAT DAN GADAIAN

EVOLUSI SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN DAN PEMERBADANAN SYARIKAT (1898 - 1999)



1898



1939



1959



1971



1977



1979



1986



1990



1999

EVOLUSI SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN DAN PEMERBADANAN SYARIKAT (2001 - Kini)



2001



2003



2005



2007



2008



2010



2012




2016




2020 - Kini


EVOLUSI SIJIL GADAIAN (1969 - Kini)




1969




1985




1990



1992



1996



2005



2017


INFO FAKTA: SEJARAH PEMERBADANAN SYARIKAT DI MALAYSIA

Ladang getah, lombong bijih timah dan lain-lain perniagaan telah pun ditubuhkan di Persekutuan Negeri-negeri Melayu menjelang akhir tahun abad ke-19 apabila pentadbir British melihat ia perlu untuk tampil dengan Enakmen Syarikat 1897.

Di bawah enakmen ini, Pejabat Pendaftaran Syarikat (ROC) telah ditubuhkan pada tahun 1898. Sudah tentu, perdagangan yang tidak terkawal tidak akan mendatangkan kebaikan kepada ekonomi negara.

Sepanjang tempoh ini, beberapa undang-undang telah diluluskan kepada mempertingkatkan Enakmen Syarikat 1897. Ia bermula apabila Enakmen British dan Syarikat Asing IX 1912 telah diluluskan untuk memastikan bahawa syarikat yang ditubuhkan di luar Negeri Melayu Bersekutu tertakluk kepada undang-undang dan peraturan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Sijil penubuhan syarikat pertama dalam negara telah dikeluarkan kepada Kuala Kangsar Plantations Company Limited.




Ordinan Syarikat 1940 telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan ke atas syarikat yang diperbadankan di Negeri Selat.

Selepas Perang Dunia Kedua, Ordinan Syarikat 1946 telah digubal untuk syarikat dalam Persekutuan Negeri-Negeri Melayu dan Pendaftar Syarikat. Selepas Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada tahun 1948, tanggungjawab tambahan telah diberikan pada tahun 1949 untuk menguatkuasakan Ordinan Syarikat Amanah 1949.

Undang-undang Pentadbiran British masih terpakai apabila Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957. Manakala pada tahun 1963, Raja Badiozaman mengetuai jawatankuasa untuk menggubal Akta Syarikat untuk Malaysia.

Pejabat ROC diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.



Ayer Hitam Planting Syndicate Limited adalah antara syarikat terawal yang diperbadankan di abad ke-20.



FUNGSI SEBAGAI PEMBEKAL MAKLUMAT KORPORAT TUNGGAL NEGARA

SSM melaksanakan fungsinya sebagai pendaftar syarikat dan perniagaan dalam membekalkan maklumat korporat di bawah mana-mana undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, ASSM2001. Bagi tujuan ini, SSM telah membangunkan dan menyediakan suatu kemudahan sebagai platform pembekalan maklumat korporat secara dalam talian supaya analisa maklumat SSM yang tepat dapat disalurkan untuk digunakan oleh orang awam.

Selain itu, SSM juga memberikan perkhidmatan pengurusan khidmat pelanggan, pengaktifan akaun pengguna, khidmat nasihat perniagaan, statistik dan pelaporan, penyelidikan perniagaan, pusat panggilan dan pemasaran maklumat korporat SSM.

TRANSFORMASI PEMBEKALAN MAKLUMAT KORPORAT SSM

Evolusi pembekalan maklumat korporat SSM telah bermula sejak 2006 apabila SSM mula memperkenalkan penjualan maklumat korporat secara dalam talian melalui Portal SSM e-Info. Sebelum 2006, pelanggan hanya boleh mendapatkan maklumat korporat di kaunter SSM dan dalam waktu operasi pejabat sahaja. Pada waktu itu, SSM merupakan antara agensi Kerajaan terawal di Malaysia yang memperkenalkan perkhidmatan secara dalam talian.

Sejak 2006 sehingga sekarang, pelanggan boleh mendapatkan maklumat korporat SSM secara dalam talian 24/7 dengan pertambahan lebih banyak maklumat korporat yang dikeluarkan bagi memenuhi keperluan dan keutamaan pelanggan SSM.

Penambahan pelbagai kemudahan lain sama ada dari segi perkhidmatan SSM dan pembekalan maklumat korporat SSM juga telah diperkenalkan dari semasa ke semasa sejak 2006 dalam menyemarakkan lagi transformasi SSM ke arah agenda digitalisasi negara seperti MyData-SSM dan portal Xcess.



Senarai produk-produk maklumat korporat yang dibekalkan SSM

2006: Portal SSM e-Info



e-Info merupakan portal penjualan produk dan perkhidmatan dalam talian untuk orang ramai memperoleh maklumat-maklumat korporat daripada SSM.

Perkhidmatan ini dibangunkan secara lantikan *Service Provider* (SP) dan dilancarkan pada Julai 2006.

Penjualan maklumat korporat SSM telah dibuat secara berperingkat dan menyeluruh bermula 2007.

Terdapat pelbagai penambahan jenis maklumat korporat telah diperkenalkan selain daripada maklumat yang dijual di kaunter seperti produk *Financial Comparison*.

Perkhidmatan ini disediakan melalui portal berikut:

<https://www.ssm-einfo.my>

2011: Corporate and Business Information Data (CBID)



CBID yang diperkenalkan pada 21 Disember 2011 merupakan salah satu perkhidmatan pembekalan data syarikat dan perniagaan secara pukal sama ada

dalam bentuk senarai atau statistik yang boleh disuai padan mengikut kehendak pelanggan.

Produk CBID ini dapat membantu industri khususnya sektor swasta, penyelidik dan pihak berkepentingan yang lain bagi mendapatkan data syarikat dan perniagaan mengikut sektor atau kriteria yang diperlukan.

Pakej A

ROC 1: Company Info
ROC 2: Registered Address
ROC 3: Business Address
ROC 4: Business Code

Pakej B

ROC 1: Company Info
ROC 5: Company Officer
ROC 6: Shareholder
ROC 8: Share Capital

Pakej C

ROC 1: Company Info
ROC 9: Balance Sheet
ROC 10: Profit and Loss

Pakej D

ROC 1: Company Info
ROC 7: Charges
ROC 11: Document Lodged

Contoh produk-produk CBID

Proses pembayaran boleh dibuat secara *bank transfer* dan pembekalan maklumat akan dibuat secara *softcopy* kepada pelanggan.

Perkhidmatan ini disediakan melalui portal berikut:

<https://www.ssm.com.my>

2015: Portal MyData-SSM



MyData-SSM merupakan portal penjualan produk dan perkhidmatan dalam talian kedua yang dilantik oleh SSM untuk orang ramai memperoleh maklumat-maklumat korporat daripada SSM.

Perkhidmatan ini dibangunkan secara lantikan *Service Provider* (SP) dan dilancarkan pada tahun 2015. Melalui perkhidmatan ini, SSM mempunyai dua saluran pilihan portal pembelian maklumat korporat kepada pelanggan SSM selain portal SSM e-Info.

MyData-SSM juga memperkenalkan MyData International yang dilancarkan pada 25 Oktober 2017, sistem yang pertama di Asia menghubungkan dengan 200 pendaftar di seluruh dunia meliputi 6 bilion data. MyData International menyediakan maklumat korporat bagi syarikat/ perniagaan dari luar negara.

Perkhidmatan ini disediakan melalui portal berikut:

<https://www.mydata-ssm.com.my>


2016: Corporate Integration Data (CID)

CID merupakan perkhidmatan integrasi sistem secara dalam talian di antara jabatan, agensi Kerajaan dan badan korporat melalui platform *middleware* SSM.

Sistem ini menggunakan *Application Programming Interface* (API) antara sistem SSM dan aplikasi-aplikasi lain yang berintegrasi.

Sehingga kini sebanyak 16 jabatan, agensi Kerajaan dan badan korporat telah membuat integrasi dengan SSM.

Melalui perkhidmatan ini, maklumat korporat dibekalkan oleh SSM dalam format *raw data* dan dipindahkan ke dalam sistem jabatan, agensi Kerajaan dan badan korporat yang telah berintegrasi dengan SSM dengan syarat dan kriteria tertentu serta tertakluk kepada jumlah bayaran yang diperuntukan oleh Akta yang ditadbir oleh SSM.



Contoh integrasi sistem SSM dengan sistem-sistem organisasi luar bagi membuat semakan silang serta-merta

2017: Maklumat Korporat SSM Disahkan Benar Secara Digital (Digital Certified True Copy)

Berdasarkan pengenalan AS2016, SSM telah memperkenalkan perkhidmatan pembekalan maklumat korporat berserta *Digital Certified True Copy* (DCTC) secara dalam talian pada 31 Januari 2017 melalui portal MyData-SSM dan diikuti Portal SSM e-Info pada tahun 2018.

Perkhidmatan DCTC ini merupakan transformasi bagi menggantikan pengesahan salinan diakui sah ke atas dokumen atau maklumat korporat SSM yang sebelum ini dibuat secara manual di kaunter.

Perkhidmatan DCTC ini mempunyai ciri-ciri tandatangan digital yang dilaksanakan oleh Pemeraku Berlesen (Certification Authority) oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia dan *Quick Response Code* (QR Code) serta nombor serial untuk semakan kesahihan dokumen DCTC.

Antara anugerah yang diraih berkaitan perkhidmatan DCTC adalah:

- ▶ 17 Julai 2017: Mendapat pengiktirafan oleh *Malaysia Book Of Records* (MBR) sebagai agensi Kerajaan pertama yang melaksanakan pembekalan salinan dokumen disahkan benar secara digital atau *Digital Certified True Copy* (Digital CTC);
- ▶ 14 Disember 2017 - Johan Anugerah Inovasi dan Johan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) 2017;
- ▶ 9 Oktober 2018: Memenangi Kategori *Information Visionary* bagi *Digital Certified True Copy* (Digital CTC) di Kuala Lumpur bagi *Digital Transformation Awards* 2018; dan
- ▶ 25 Oktober 2018: Mewakili Malaysia dalam kategori *Information Visionary* peringkat Asean di Singapura bagi *Digital Certified True Copy* (Digital CTC) untuk *IDC Digital Transformation Awards* 2018 - *DX Awards*.

2018: Portal Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan (KJAKP)

Pelaksanaan pembekalan maklumat secara dalam talian kepada KJAKP adalah satu inovasi bertujuan meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada KJAKP dengan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini melalui aplikasi dalam talian berkuatkuasa pada 25 September 2018.

Pembekalan maklumat korporat kepada KJAKP secara dalam talian bagi menggantikan pembekalan maklumat korporat kepada KJAKP secara manual melalui kaunter perkhidmatan pejabat SSM seluruh negara.

Pelanggan KJAKP akan diberi kelulusan dalam mendapatkan akses pakej 1, 2 atau 3 berdasarkan surat permohonan Jabatan.

2019: SSM DCTC QR Code Reader dan Web Checker

SSM telah memperkenalkan SSM DCTC QR Code Reader dan Web Checker bagi semakan dokumen atau produk SSM yang disahkan benar secara digital (Digital Certified True Copy (DCTC)) pada 11 November 2019.

Pelanggan boleh membuat semakan melalui dua kaedah berikut:

- ▶ Melalui aplikasi SSM DCTC QR Code Reader yang boleh dimuat turun dari *Google Play* (Android) dan juga *App Store* (iOS). Pelanggan perlu mengimbas QR Code yang tertera di dokumen SSM DCTC SSM; dan
- ▶ Melalui laman web SSM DCTC Web Checker yang boleh dimuat turun <https://www.ssm4u.com.my/> dengan memasukkan nombor siri yang tertera pada dokumen DCTC SSM.

2021: Portal XCESS



Portal XCESS merupakan platform dalam talian yang disediakan oleh SSM untuk penjualan maklumat dan salinan imej dokumen berkanun untuk PLT yang telah dilancarkan pada

2 September 2021 kepada orang awam.

Portal XCESS juga membolehkan pelanggan membeli maklumat Penglibatan Peribadi di syarikat, perniagaan dan PLT secara dalam talian.


Perkhidmatan ini disediakan melalui portal berikut:

www.ssm4u.com.my


- | | |
|--|--|
| ▶ PLT | ▶ Penglibatan Peribadi sebagai Pemegang Saham |
| ▶ Profil Semasa PLT | ▶ Penglibatan Peribadi sebagai Setiausaha Syarikat atau Juruaudit |
| ▶ Sijil Pendaftaran PLT | ▶ Penglibatan Peribadi sebagai Pelikuidasi |
| ▶ Salinan Imej Dokumen Berkanun PLT | ▶ Penglibatan Peribadi dalam Perniagaan sebagai Pemilik Perniagaan |
| ▶ Penglibatan Peribadi sebagai Pegawai Perkongsian dan Pematuhan | |
| ▶ Penglibatan Peribadi Syarikat sebagai Pengarah | |

Senarai produk-produk yang ditawarkan portal XCESS

EVOLUSI PEMBEKALAN MAKLUMAT KORPORAT



KEPELBAGAIAN PERKHIDMATAN PEMBEKALAN MAKLUMAT KORPORAT SSM



e-Secretary



e-Secretary ialah perkhidmatan dalam talian untuk pendaftaran sebagai setiausaha syarikat, yang merupakan satu keperluan di bawah Seksyen 241 AS2016. Setelah permohonan diluluskan, Sijil Amalan Setiausaha akan dikeluarkan oleh SSM dan butiran pemohon yang diluluskan akan dimasukkan ke dalam Daftar Setiausaha.

Perkhidmatan ini boleh diakses 24 jam sehari dan 7 hari seminggu melalui portal berikut:

www.esecretary.ssm.com.my

- | | |
|---|--|
| ▶ Permohonan Pendaftaran untuk bertindak sebagai setiausaha | ▶ Permohonan Pembaharuan Sijil Amalan Setiausaha |
| ▶ Permohonan Sijil Amalan Setiausaha | ▶ Semakan status permohonan |
| | ▶ Memuat turun Sijil Amalan Setiausaha selepas permohonan diluluskan |

Perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan Portal e-Secretary

Kelayakan Sebagai Setiausaha Syarikat

Seksyen 241 AS2016 telah dikuatkuasakan bermula 15 Mac 2019 bagi mana-mana individu berkelayakan di bawah Seksyen 235 AS2016 yang berhasrat untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat untuk mendaftar dengan SSM dan memperolehi Perakuan Amalan Setiausaha sebelum menjadi setiausaha syarikat.

Individu yang berkelayakan di bawah Seksyen 235 AS2016 adalah merujuk kepada:

Seksyen 235 AS2016

- ▶ Seorang yang benar;
- ▶ Berumur 18 tahun ke atas;
- ▶ Seorang warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia;
- ▶ Seorang yang lazimnya menetap di Malaysia dengan mempunyai tempat kediaman yang utama di Malaysia; dan
- ▶ Merupakan seorang anggota suatu badan yang diluluskan di dalam Jadual Keempat AS2016 atau seseorang yang dilesenkan oleh Suruhanjaya di bawah Seksyen 20G ASSM2001

Senarai badan-badan yang diluluskan dalam Jadual Keempat AS2016 adalah seperti berikut:

- ▶ *Malaysian Association of Company Secretaries* (MACS);
- ▶ *Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators* (MAICSA);
- ▶ *Malaysian Institute of Accountants* (MIA);
- ▶ *Malaysian Institute of Certified Public Accountants* (MICPA);
- ▶ *Sabah Law Association* (SLA);
- ▶ *Advocates Association of Sarawak* (AAS); dan
- ▶ *Malaysian Bar* (BC).

Bagi tujuan pelaksanaan seksyen ini, SSM telah memperkenalkan peraturan dan garis panduan yang menjelaskan lebih lanjut mengenai permohonan baharu, pembaharuan, kuasa Pendaftar dan lain-lain keperluan berkaitan Perakuan Amalan Setiausaha di bawah Seksyen 241 AS2016 seperti berikut:

Seksyen 241 AS2016

- ▶ Peraturan-Peraturan Syarikat (Perakuan Amalan bagi Setiausaha) 2019; dan
- ▶ Garis Panduan berkaitan Perakuan Amalan Setiausaha di bawah Seksyen 241 AS2016

Syarat kelayakan bagi kelulusan permohonan baharu dan pembaharuan Perakuan Amalan Setiausaha di bawah Seksyen 241 AS2016 adalah seperti berikut:

- ▶ Seorang yang berkelayakan di bawah Seksyen 235 AS2016;
- ▶ Tidak hilang kelayakan di bawah Seksyen 238 AS2016;
- ▶ Pemohon tidak mempunyai apa-apa tindakan undang-undang yang masih belum selesai terhadapnya di bawah mana-mana peruntukan Akta atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ASSM2001;
- ▶ Memenuhi kriteria *fit and proper* yang diambil kira berdasarkan kepada:
 - Watak, kelayakan dan pengalaman pemohon;
 - Kepentingan awam;
 - Sama ada pemohon pernah melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang dinyatakan di bawah Jadual Pertama ASSM2001; dan
- ▶ Mematuhi mata *Continuing Professional Education* (CPE) yang ditetapkan bagi permohonan pembaharuan Perakuan Amalan Setiausaha.

e-COMTRAC



e-COMTRAC ialah sistem pendaftaran latihan dalam talian untuk membolehkan pengguna mendaftar dan membayar fi pendaftaran bagi program-program latihan korporat yang

disediakan SSM.

Pendaftaran latihan dan pembayaran boleh dilakukan secara serentak di mana-mana sahaja, selagi sambungan internet tersedia. Ini akan menjimatkan masa untuk mendaftar dan membayar yuran latihan. Pembayaran boleh dibuat secara dalam talian melalui FPX Mastercard atau Visa.

Perkhidmatan ini boleh diakses 24 jam sehari dan 7 hari seminggu melalui portal berikut:

www.e-comtrac.ssm.com.my

Rayuan Kompaun

Kini, orang ramai boleh membuat semakan dan seterusnya mengemukakan rayuan terhadap kompaun yang dikeluarkan oleh SSM menerusi pautan e-Kompaun.

Individu, pemilik perniagaan, syarikat serta pengarah-pengarah syarikat boleh membuat semakan dan pengesahan berhubung notis kompaun yang dikeluarkan melibatkan kesalahan di bawah akta-akta yang dikawal selia oleh SSM melalui modul e-Kompaun di Portal SSM seperti berikut:

www.ssm.com.my

Semakan boleh dilakukan dengan memasukkan nombor entiti iaitu nombor kad pengenalan atau nombor syarikat atau nombor pendaftaran perniagaan. Sekiranya terdapat notis kompaun tertunggak, paparan nombor notis kompaun berserta nombor entiti akan dipaparkan di skrin semakan e-Kompaun tersebut.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat terperinci berkaitan kompaun tersebut dan kemudian mengemukakan rayuan, dengan merujuk mana-mana pejabat SSM seluruh Malaysia, atau e-mel kepada:

ar_compliance@ssm.com.my

Aduan

Pada masa ini, SSM menyediakan sistem e-Aduan untuk memudahkan orang ramai mengemukakan aduan kepada SSM mengenai salah laku dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan Akta yang dikuatkuasakan oleh SSM.

Kesemua aduan yang diterima amatlah dihargai kerana ia merupakan sumber maklumat yang bernilai untuk mengesan kesalahan di bawah undang-undang yang dikawal selia oleh SSM supaya tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya dapat dilaksanakan. Aduan-aduan ini amatlah penting bagi SSM khususnya dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan dari semasa ke semasa.

Pemprosesan aduan yang cekap dan berkesan hanya boleh dilakukan sekiranya maklumat yang diberikan tepat dan lengkap. Maklumat ini termasuklah:

- ▶ Nama pengadu, alamat surat menyurat, e-mel dan nombor telefon;
- ▶ Butiran aduan yang jelas dan nyata; dan
- ▶ Dokumen sokongan sebagai asas atau bukti yang menyokong sesuatu aduan.

Pengaduan melibatkan salah laku atau pelanggaran kepada mana-mana Akta yang dikuatkuasakan oleh SSM bolehlah dibuat dengan melengkapkan borang aduan secara dalam talian yang boleh diperolehi di Portal SSM seperti berikut:

www.ssm.com.my

Orang ramai juga boleh mengemukakan aduan melalui e-mel di alamat berikut:

aduan@ssm.com.my



Para pelanggan boleh memanfaatkan terminal layan diri yang disediakan di semua pejabat SSM di seluruh negara

KOD QR SSM BIZTRUST

SSM telah memperkenalkan SSM BizTrust sebagai satu piawai yang boleh diperolehi oleh entiti perniagaan dalam talian. SSM BizTrust menyediakan platform kepada peniaga dalam talian bagi memperolehi pensijilan SSM BizTrust melalui logo atau *seal* yang akan dipaparkan pada laman sesawang atau media sosial perniagaan mereka.

Sejak mula diperkenalkan pada tahun 2017, SSM BizTrust ditawarkan secara percuma kepada semua jenis entiti perniagaan dalam talian yang berdaftar dengan SSM.

Jumlah perniagaan yang berdaftar sebagai komuniti SSM BizTrust sehingga 31 Disember 2021:

820,753
entiti perniagaan

Sebagai langkah proaktif dalam meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap sesebuah entiti perniagaan, SSM telah merencanakan semula penawaran produk SSM BizTrust kepada komuniti perniagaan melalui pengenalan Kod QR SSM BizTrust. Kod QR SSM BizTrust ini telah diperkenalkan kepada orang awam pada 31 Mac 2021 dan berfungsi sebagai satu pengesahan serta pengenalan identiti digital kepada entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM.

Sebagai permulaan, ianya ditawarkan kepada entiti perniagaan pemilikan tunggal dan perkongsian yang berdaftar di bawah APP1956.

Pelaksanaan Kod QR SSM BizTrust ini akan diperluaskan secara berperingkat ke atas entiti perniagaan lain yang berdaftar di bawah AS2016 dan APLT2012. Buat masa ini, entiti-entiti tersebut boleh membuat permohonan pendaftaran menerusi portal SSM BizTrust di pautan:

<https://biztrust.ssm.com.my>

Kod QR SSM BizTrust ini akan memaparkan maklumat seperti nama dan nombor pendaftaran entiti perniagaan, status dan alamat URL perniagaan sebaik sahaja diimbis. Kod QR SSM BizTrust akan meningkatkan lagi keyakinan pelanggan terhadap peniaga.

SSM berharap melalui usaha serta inisiatif yang telah dilaksanakan ini, SSM BizTrust dapat memberi akses kepada maklumat utama perniagaan bagi mengenal pasti kewujudan sesebuah perniagaan yang sah di sisi undang-undang. Maklumat melalui Kod QR SSM BizTrust akan membolehkan

kedua-dua pihak iaitu peniaga dan pengguna menguatkuasakan hak masing-masing di bawah transaksi perniagaan yang telah berlangsung.

Entiti perniagaan yang berdaftar di bawah APP1956 serta mempunyai akaun berdaftar di portal SSM EzBiz *Online* boleh memperolehi dan memuat turun Kod QR SSM BizTrust secara automatik melalui pautan www.ezbiz.ssm.com.my.

Pengguna boleh mengimbis Kod QR SSM BizTrust melalui aplikasi rasmi SSM, iaitu MySSM yang boleh dimuat turun secara percuma ke peranti mudah alih dari *Apple App Store*, *Google Play Store*, dan *Huawei AppGallery*.

Pelaksanaan Kod QR SSM BizTrust ini akan diperluaskan secara berperingkat ke atas entiti perniagaan lain yang berdaftar di bawah AS2016 dan APLT2012. Pendaftaran masih dibuka secara percuma sehingga 31 Disember 2022.

KOD QR SSM BIZTRUST

APA ITU KOD QR SSM BIZTRUST?



Kod QR BizTrust adalah *business starter kit* yang berfungsi sebagai satu pengesahan dan pengenalan identiti digital kepada entiti-entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM di mana pada masa ini ianya ditawarkan kepada entiti perniagaan yang berdaftar di bawah APP1956.

KELEBIHAN SSM BIZTRUST?



- Mengembangkan jenama perniagaan anda sebagai entiti perniagaan yang diperakui sah di sisi undang-undang.
- Memudahkan pengguna mengenal pasti kesahihan dan kewujudan entiti perniagaan melalui paparan kod QR SSM BizTrust.
- Membina dan mewujudkan keyakinan pengguna dalam mengurus niaga serta mengurangkan risiko kes penipuan.

Samakan kesahihan maklumat entiti perniagaan diimbis melalui aplikasi mobil rasmi SSM, iaitu MySSM yang boleh dimuat turun melalui *Apple App Store*, *Google Play Store* dan *Huawei AppGallery*.



Prinsip-prinsip SSM BizTrust

Prinsip Pendaftaran

Entiti telah berdaftar dan mempunyai kredibiliti yang baik dengan SSM serta mematuhi amalan perniagaan selari dengan prinsip pendaftaran SSM BizTrust

Prinsip Privasi

Entiti menunjukkan kebolehan untuk melindungi privasi para pelanggan selaras dengan prinsip privasi SSM BizTrust

Prinsip Keselamatan

Entiti menunjukkan kebolehan untuk melindungi keselamatan sistem selaras dengan prinsip keselamatan SSM BizTrust

Jumlah Pendaftaran BizTrust

820,418

Tahap 1

Prinsip Pendaftaran

59

Tahap 2

Prinsip Pendaftaran

+

Prinsip Privasi
ATAU

Prinsip Keselamatan

276

Tahap 3

Prinsip Pendaftaran

+

Prinsip Privasi
+

Prinsip Keselamatan

APLIKASI MySSM

MySSM merupakan satu aplikasi mobil rasmi SSM yang menawarkan modul e-Perkhidmatan SSM kepada para pelanggan SSM yang bertujuan untuk memudahkan capaian pengguna melalui telefon pintar.

Modul perkhidmatan yang ditawarkan



e-Semak



e-Kueri



e-Kompaun



Status 308



Kod QR SSM BizTrust



e-Semak

E-Semak merupakan platform dalam talian untuk membuat semakan tentang perniagaan, syarikat dan PLT. Pengguna boleh memasukkan nombor pendaftaran entiti perniagaan untuk melihat nombor pendaftaran dan status terkini entiti perniagaan tersebut.

e-Kueri

E-Kueri merupakan platform dalam talian untuk menyemak senarai status dokumen syarikat yang dikueri di bawah Seksyen 11(8) & (9) AS1965 dan di bawah Seksyen 610(2)(b) AS2016.

e-Kompaun

Individu, pemilik perniagaan, syarikat serta pengarah-pengarah syarikat boleh membuat semakan dan pengesahan berhubung notis kompaun yang dikeluarkan melibatkan kesalahan di bawah akta-akta yang dikawal selia oleh SSM melalui modul e-kompaun di laman sesawang www.ssm.com.my.

Status 308

Platform ini berfungsi untuk membuat semakan status permohonan pembatalan nama syarikat di bawah Seksyen 308 AS1965 / Seksyen 550 AS2016. Pemohon boleh membuat semakan dengan memasukkan nombor pendaftaran syarikat dan keputusan akan dipaparkan.

Kod QR SSM BizTrust

Kod QR SSM BizTrust berfungsi sebagai satu pengesahan serta pengenalan identiti digital kepada entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM. Kod QR SSM BizTrust akan memaparkan maklumat seperti nama dan nombor pendaftaran entiti perniagaan sebaik diimbas.

KESIMPULAN

Sepanjang 20 tahun SSM ditubuhkan, pelbagai evolusi dan transformasi telah dilaksanakan demi kemudahan orang ramai dalam urusan perkhidmatan pendaftaran perniagaan, syarikat dan PLT serta mendapatkan produk maklumat korporat daripada SSM. Usaha berterusan SSM telah berjaya meningkatkan kecekapan proses pendaftaran dan pembekalan maklumat, dan ini diterjemahkan oleh SSM dengan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan dan produk-produk yang pantas, keberadaan dan kepelbagaian saluran pusat

perkhidmatan termasuk dalam talian, serta perkhidmatan dan produk berkualiti yang telah disediakan. Hasilnya, bilangan perniagaan dan syarikat yang didaftarkan di negara ini juga kian meningkat sepanjang 20 tahun lalu dan kedudukan Malaysia sebagai negara yang mudah dan selesa membuat perniagaan dalam penarafan dunia juga semakin bertambah baik. Usahawan tempatan juga semakin sedar dan percaya bahawa melalui daftar niaga dan maklumat SSM, perniagaan mereka akan berkembang pesat dan jejak kejayaan yang seterusnya dapat diukir.





BAB 4

TEGAS DAN BERHEMAT, TERAS PENGUATKUASAAN

Pengenalan Penguatkuasaan SSM	74
Falsafah Penguatkuasaan Seimbang	74
Strategi Penguatkuasaan SSM	75
Tanggungjawab Penguatkuasaan SSM	75
Fungsi Penguatkuasaan SSM	76
Uniform Penguatkuasaan SSM	86
Pencapaian Penguatkuasaan 2003 – 2021	88

TEGAS DAN BERHEMAT, TERAS PENGUATKUASAAN

PENGENALAN PENGUATKUASAAN SSM

ASSM2001 memberikan mandat kepada SSM untuk melaksanakan fungsi sebagai penguat kuasa undang-undang korporat di Malaysia bagi memastikan perbadanan, syarikat dan perniagaan mematuhi semua undang-undang, peraturan, amalan terbaik dan apa-apa arahan yang berkaitan dengan pentadbiran korporat, termasuk memastikan penggiat niaga, pengarah, pegawai utama dan mereka yang berkaitan entiti niaga melaksanakan tingkah laku yang sewajarnya dalam pentadbiran usaha niaga mereka. Justeru, fungsi penguatkuasaan SSM adalah penting bagi mendorong dan meningkatkan kepercayaan orang ramai terhadap perniagaan di negara ini.

Sepanjang 20 tahun, SSM telah melaksanakan mandat ini dengan tegas dan berhemat mengikut lunas undang-undang negara dan bidang kuasanya, tanpa berkompromi dan berbelah bahagi. SSM telah menerapkan falsafah **penguatkuasaan seimbang** secara tersusun dan meluas, iaitu dengan melengkapkan usaha penguatkuasaan bersama-sama penataran pendidikan yang berterusan melalui pelbagai program dan kursus yang dikendalikan oleh Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan SSM (Companies Commission of Malaysia Training Academy atau COMTRAC) demi meningkatkan tahap pematuhan korporat. Usaha ini telah berjaya menerapkan nilai-nilai tadbir urus korporat yang baik dalam kalangan komuniti perniagaan, sekali gus menambah kadar pematuhan dalam kalangan penggiat perniagaan.



FALSAFAH PENGUATKUASAAN SEIMBANG

SSM komited dalam mewujudkan satu persekitaran perniagaan yang kondusif dan meningkatkan ketelusan korporat dalam kalangan komuniti perniagaan. Dalam konteks ini, falsafah penguatkuasaan SSM iaitu penguatkuasaan seimbang terus memainkan peranan penting dalam strategi dan inisiatif penguatkuasaan SSM. Falsafah ini telah diperkenalkan dan diterima pakai di SSM semenjak tahun 2006.



Penguatkuasaan seimbang melibatkan dua perkara utama berikut:

1

Keseimbangan aktiviti penguatkuasaan konvensional (seperti siasatan, pendakwaan, pematuhan, tawaran kompaun)

2

Aktiviti mendidik serta mewujudkan kesedaran berhubung tugas dan tanggungjawab peniaga/pengarah/ pegawai syarikat di bawah perundangan yang ditadbir oleh SSM



STRATEGI PENGUATKUASAAN SSM

TADBIR URUS, AMALAN DAN TAHAP KECEKAPAN PENGANTARA KORPORAT

Memastikan tadbir urus, amalan dan tahap berpotensi yang baik dalam kalangan pengantara korporat dengan memantau pematuhan setiausaha syarikat dan juruaudit terhadap perundangan, kaedah, kod etika dan garis panduan dalam pentadbiran sesebuah syarikat.

TINDAKAN KE ATAS KETIDAKPATUHAN

Memastikan tindakan penguatkuasaan sewajarnya diambil terhadap kesalahan undang-undang dan peraturan yang dilakukan oleh entiti-entiti yang dikawal selia oleh SSM.

KELAYAKAN YANG SESUAI

Memastikan pegawai-pegawai syarikat serta pengantara korporat mempunyai kelayakan dan kecekapan yang sesuai untuk mentadbir syarikat dengan telus dan bertanggungjawab.



KADAR PEMATUHAN DAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG KONDUSIF

Meningkatkan kadar pematuhan dan menggalakkan persekitaran perniagaan yang kondusif dengan memastikan tadbir urus korporat yang baik dalam kalangan pengarah syarikat dan pemilik perniagaan.

KUALITI DAN INTEGRITI MAKLUMAT KORPORAT

Menggalakkan tadbir urus dan tanggungjawab korporat yang baik dalam kalangan pengarah syarikat dalam memastikan ketelusan dan akauntabiliti operasi syarikat dengan memberi penekanan kepada kualiti dan integriti maklumat yang diserahkan ke SSM.

MEMINIMUMKAN RISIKO

Meminimumkan risiko penyalahgunaan syarikat untuk menjalankan aktiviti tidak sah dan bercanggah dengan kepentingan awam dan negara.

TANGGUNGJAWAB PENGUATKUASAAN SSM

SSM komited dalam mewujudkan satu persekitaran perniagaan yang kondusif dan meningkatkan ketelusan korporat dalam kalangan komuniti perniagaan. Dalam konteks ini, falsafah penguatkuasaan SSM iaitu penguatkuasaan seimbang (balanced enforcement) terus memainkan peranan penting dalam strategi dan inisiatif penguatkuasaan SSM.



Pemeriksaan syarikat dan perniagaan

Menjalankan pemeriksaan ke atas syarikat dan perniagaan untuk memastikan APP1956 dan AS1965/ AS2016 serta Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan di bawahnya dipatuhi.



Pemantauan data

Menjalankan pemantauan data ke atas syarikat-syarikat yang gagal menyerahkan dokumen berkanun di bawah AS1965 dan AS2016 dan mengeluarkan notis tawaran kompaun kepada pemilik perniagaan, syarikat dan pegawai-pegawai syarikat bagi kesalahan di bawah peruntukan akta berkaitan.



Kempen kesedaran

Menjalankan program kesedaran ke atas syarikat dan perniagaan untuk memastikan APP1956 dan AS1965 / AS2016 serta Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan di bawahnya dipatuhi.



Pelesenan firma audit dan juruaudit

SSM bertindak sebagai Pendaftar untuk firma audit dan juruaudit.

FUNGSI PENGUATKUASAAN SSM

Fungsi penguatkuasaan SSM termaktub di bawah Seksyen 17(a), 17(c) dan 17(d) ASSM2001 yang memperuntukkan bahawa SSM bukan sahaja diberi mandat untuk memastikan pematuhan perniagaan terhadap peruntukan AS2016, APP1956 dan perundangan lain di bawah bidang kuasa pentadbirannya, bahkan ia juga bertanggungjawab dalam mengawal selia perkara yang berkaitan dengan pemerbadanan syarikat dan perniagaan serta dalam menggalakkan dan mempromosikan tingkah laku yang wajar dalam kalangan pengarah, setiausaha syarikat, pengurus dan pegawai lain oleh sesuatu perbadanan untuk memastikan bahawa semua aktiviti korporat dan perniagaan dijalankan mengikut norma tadbir urus korporat yang baik. SSM berperanan meningkatkan tahap pematuhan korporat dengan menerapkan nilai-nilai tadbir urus korporat yang baik menerusi penataran pendidikan berterusan dan usaha pemantauan serta penguatkuasaan yang tegas dan berhemat.

Selain itu, SSM menjalankan penyiasatan susulan ke atas kes-kes aduan berkaitan dengan akta-akta yang dikawal selia oleh SSM dalam usaha untuk mengekalkan kepentingan semua pihak berkepentingan dan orang awam. Di samping itu, SSM juga menjalankan aktiviti penguatkuasaan secara agresif terhadap kesalahan yang berkaitan dengan salah laku korporat dan pelanggaran undang-undang yang berkaitan.

SSM juga diberi mandat untuk mendaftarkan kes-kes di Mahkamah bagi kesalahan-kesalahan di bawah ASSM2001, AS2016, ASK2016, AS1965, APLT2012, APP1956, ASA1949 dan ALKWP1971 dan melaksanakan pendakwaan untuk kepentingan SSM dan orang awam secara amnya. SSM turut mengendalikan kes-kes sivil, perbicaraan dan rayuan-rayuan berhubung kes-kes yang dimulakan oleh SSM atau terhadap SSM, membuat kajian dan penyelidikan berkaitan perkara-perkara yang melibatkan isu perundangan bagi tujuan pengendalian kes, terutamanya mendapatkan autoriti dan peruntukan undang-undang berkaitan, dan menyediakan afidavit, pliding, hujahan bertulis dan dokumen-dokumen lain untuk difailkan di Mahkamah.

Fungsi SSM selaku salah sebuah agensi penguat kuasa di Malaysia adalah termaktub di bawah Seksyen 17(a), 17(c) dan 17(d) ASSM2001 seperti berikut:

1

MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG

Memastikan kesemua undang-undang yang dikawal selia oleh SSM ditadbirkan, dikuatkuasakan, diberi kuat kuasa, dijalankan dan dipatuhi

2

MENGAWAL SELIA SYARIKAT, PERNIAGAAN DAN PLT

Mengawal selia perkara yang berhubung dengan syarikat, perniagaan, PLT berhubung dengan undang-undang yang dikawal selia oleh SSM

3

MENDORONG AKTIVITI PERNIAGAAN MENGIKUT NORMA TADBIR URUS KORPORAT YANG BAIK

Mendorong dan menggalakkan tatalaku yang wajar dalam kalangan komuniti korporat agar segala aktiviti perniagaan dapat dijalankan mengikut norma pentadbiran korporat yang baik



AKTIVITI PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN

PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN

SSM terus komited untuk memastikan integriti dan kualiti maklumat kewangan syarikat melalui pemantauan berterusan ke atas penyata kewangan yang diserahkan simpan. Semakan dilakukan terhadap rekod-rekod kewangan syarikat berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan selaras dengan kehendak AS2016, ASK2016, piawaian perakaunan yang diluluskan dan lain-lain Akta yang dikawal selia.

Pemantauan difokuskan antara lain berhubung keperluan bagi penyimpanan rekod-rekod perakaunan dan dokumen-dokumen sokongan syarikat disediakan secara teratur serta dapat menjelaskan setiap transaksi yang terlibat. Selain itu, penekanan terhadap penggunaan penyata kewangan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan yang betul turut diberi perhatian serta memastikan penyata kewangan yang disediakan memberikan gambaran yang benar dan adil, sebagaimana kehendak Seksyen 259 AS2016.

Melalui aktiviti pemantauan yang berterusan ini, tahap kesedaran dalam kalangan pengarah dan setiausaha syarikat telah dapat ditingkatkan berhubung dengan keperluan untuk menyimpan rekod-rekod perakaunan dan menyediakan penyata kewangan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan dan secara tidak langsung meningkatkan sistem kawalan dalaman syarikat.

SSM yakin melalui penyediaan penyata kewangan yang mematuhi keperluan di bawah AS2016 dan piawaian perakaunan yang diluluskan dapat menggalakkan tadbir urus dan tanggungjawab korporat yang baik dalam kalangan pengarah syarikat dalam memastikan ketelusan dan akauntabiliti operasi syarikat. Akhirnya, keyakinan pihak-pihak berkepentingan terhadap maklumat yang dibekal dapat ditingkatkan dan secara tidak langsung menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara.

Tindakan administratif juga diambil seperti permohonan injuksi ke atas syarikat kepada Mahkamah Tinggi yang ingkar peruntukan akta dengan menghalang syarikat tersebut daripada meneruskan perniagaannya sehingga siasatan diselesaikan. Bagi mengukuhkan tindakan penguatkuasaan, SSM mengamalkan strategi yang komprehensif dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan efektif.



AKTIVITI PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN YANG LAIN

- ▶ Semakan ke atas maklumat syarikat dan perniagaan yang disimpan di dalam pangkalan data SSM (pemantauan data)
- ▶ Pemeriksaan fizikal ke premis perniagaan dan pejabat berdaftar
- ▶ Pemantauan perniagaan berasaskan internet dan iklan-iklan media
- ▶ Pemantauan berkaitan Intermediari Korporat ke atas Setiausaha Syarikat, Penyelesai Syarikat, Juruaudit dan Pemegang Saham Substantif
- ▶ Pemantauan ke atas Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) iaitu sebuah syarikat awam yang tidak mempunyai modal saham. SBMJ diperbadankan bukan bagi tujuan komersil atau keuntungan dan dilarang untuk menawarkan dividen kepada ahlinya
- ▶ Pemantauan Skim Kepentingan Berdaftar (SKB) untuk mengenal pasti jenis-jenis SKB untuk dijadikan asas bagi mengambil tindakan di bawah ASK2016 yang bertujuan untuk:
 - Melindungi hak dan pemegang-pemegang kepentingan SKB;
 - Memastikan pemegang amanah yang dilantik melaksanakan tugas dan tanggungjawab sepertimana yang termaktub di bawah ASK2016; dan
 - Memastikan syarikat pengurusan mematuhi peruntukan di bawah ASK2016 dan mematuhi Surat Ikatan Amanah (SIA) dan prospektus yang didaftarkan dan mengeluarkan peringatan kepada syarikat yang telah dikenal pasti.

AKTIVITI PEMERIKSAAN FIZIKAL



PENGUATKUASAAN MELIBATKAN PELBAGAI PENGAWAL SELIA DALAM NEGERI DAN ANTARABANGSA

Jawatankuasa Penyelaras Pencegahan Pengubahan Wang Haram Peringkat Kebangsaan (NCC)

Sebagai sebuah badan kawal selia penting di negara ini, SSM turut terlibat dalam menyokong agenda nasional bagi mewujudkan rejim pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan yang teguh dan berkesan yang sensitif kepada risiko, sekali gus melindungi ekonomi negara, integriti sistem kewangan dan juga memperkasakan tahap keselamatan negara dalam pelbagai aspek jenayah.

Di samping peranannya sebagai ahli Jawatankuasa Penyelaras Pencegahan Pengubahan Wang Haram Peringkat Kebangsaan (NCC), SSM yang juga merupakan salah sebuah agensi yang terlibat dalam menyelaras tindakan strategik bagi pencegahan pengubahan wang haram bersama-sama dengan agensi penguatkuasaan lain.

SSM turut mengambil bahagian dalam mesyuarat di peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh *Financial Action Task Force (FATF)* dan *Asia Pacific Group on Money Laundering (APG)* untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam mengukuhkan kemampuan pencegahan jenayah pengubahan wang haram negara.

OPERASI PEMERIKSAAN BERSEPADU

Date Palm Agro Berhad

Raided over date palm scheme

SSM checks on two firms offering investment in trees illegally

Two firms offering investment in trees illegally were raided by SSM officers. The firms were found to be offering investment in trees illegally. SSM officers conducted a raid on the firms and found evidence of illegal investment. The firms were fined and the officers issued notices of violation. The firms were also required to pay the fines and to stop the illegal investment. The officers also issued notices of violation to the firms and required them to pay the fines and to stop the illegal investment. The firms were also required to pay the fines and to stop the illegal investment.

Richway Group of Companies

Syarikat pelaburan jongkong emas diserbu



SSM officers raided a gold investment company. The officers found evidence of illegal investment and issued notices of violation. The company was fined and required to stop the illegal investment. The officers also issued notices of violation to the company and required them to pay the fines and to stop the illegal investment.

Moonspace (M) Sdn Bhd

KPDNHEP baka 72 akan syarikat bernilai RM5.5 juta milik Datuk Seri, individu Skim piramid Monospace tumpas

SSM officers raided a pyramid scheme. The officers found evidence of illegal investment and issued notices of violation. The company was fined and required to stop the illegal investment. The officers also issued notices of violation to the company and required them to pay the fines and to stop the illegal investment.

MBI Group of Companies



Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) (National Anti-Financial Crime Centre)

SSM merupakan ahli Jawatankuasa Eksekutif NFCC, yang mana fungsi pusat ini ialah sebagai suatu platform strategik dan holistik di peringkat nasional dan antarabangsa yang selaras dengan manifestasi dan komitmen Kerajaan dalam menangani jenayah kewangan pada masa kini.

Fungsi utama NFCC adalah seperti yang berikut:

- ▶ mengkoordinasi dan mengkolaborasi dalam operasi bersepadu dengan agensi penguat kuasa dalam perkara yang berhubungan dengan jenayah kewangan; dan
- ▶ menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pencegahan jenayah

Penglibatan dengan Agensi-agensi yang diluluskan di bawah Jadual Keempat AS2016

Di bawah Jadual Keempat AS2016, SSM diberi mandat untuk menjalankan penglibatan secara aktif dengan agensi seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), KPDNHEP, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Pihak Berkuasa Tempatan.

Melalui penglibatan ini, kerjasama strategik dapat dijalin dan operasi bersepadu dengan agensi penguatkuasaan lain dapat dilaksanakan bagi memantau pematuhan dan aktiviti perniagaan yang dijalankan serta memantau penglibatan warga asing dalam perniagaan di Malaysia. Hasil penglibatan ini dapat meminimumkan risiko penyalahgunaan syarikat untuk menjalankan aktiviti tidak sah dan bercanggah dengan kepentingan awam dan negara.

PROGRAM KESEDARAN YANG DIJALANKAN BAGI MENINGKATKAN PENGETAHUAN BERHUBUNG Penguatkuasaan SSM



Ceramah Korporat

Sesi ceramah dengan setiausaha dan pengarah syarikat di seluruh negara berhubung isu pematuhan



Jalinan Strategik

Sesi program jalinan strategik bersama setiausaha syarikat berhubung pematuhan terhadap AS2016



Taklimat Pematuhan

Sesi taklimat bersama agensi Kerajaan, institusi kewangan, dan pihak berkepentingan



E-Poskad

E-poskad dihantar melalui e-mel kepada pengarah syarikat dan pegawai pematuhan PLT berhubung keperluan mematuhi Seksyen 246 AS2016 dan Seksyen 69 APLT2012

Pada 2019, selain daripada tindakan siasatan ke atas kesalahan di bawah akta yang dikawal selia oleh SSM, SSM juga telah menjalankan inisiatif tambahan berbentuk pencegahan iaitu:

- Audit *Know-Your-Customer* (KYC); dan
- Semakan dan risikan ke atas syarikat dan perniagaan yang disenaraikan di laman sesawang aktiviti penguatkuasaan yang menjalankan aktiviti mencurigakan termasuk aktiviti pelaburan haram



AUDIT *KNOW-YOUR-CUSTOMER* Dilaksanakan sejak tahun 2019

OBJEKTIF



Menilai tahap kompetensi KYC setiausaha syarikat dalam mengenal pasti latar belakang dan identiti pelanggan mereka (pengarah syarikat).



Menilai praktis kesetiausahaan dalam mengenal pasti kesahihan transaksi pelanggan yang dikendalikan.



Meningkatkan integriti data yang dibekalkan oleh SSM kepada pelanggan.



Mencadangkan tindakan pentadbiran atau penguatkuasaan yang bersesuaian untuk meningkatkan tahap KYC setiausaha syarikat.



Memberikan pendedahan tentang kepentingan melaksanakan KYC terhadap pelanggan.



MENGAPA AUDIT KYC?

Bagi memastikan setiausaha syarikat mematuhi peraturan berkaitan KYC supaya entiti korporat tidak disalahgunakan bagi tujuan pelanggaran undang-undang di Malaysia.

TINDAKAN



Pemeriksaan buku dan dokumen berkanun syarikat.




Analisa data melalui maklumat yang diperolehi semasa pemeriksaan.



Pengesyoran penambahbaikan amalan KYC terbaik kepada setiausaha syarikat.

PENILAIAN AMALAN KYC



Secara keseluruhan pada tahun 2019, 68 peratus audit KYC setiausaha syarikat berada pada tahap "Memuaskan" dan "Baik". Lanjutan daripada penilaian ini, surat telah dikeluarkan kepada semua setiausaha syarikat sebagai penambahbaikan terhadap amalan usaha wajar pelanggan (customer due diligence).



BAIK



MEMUASKAN



LEMAH

- Pengesahan identiti dan semakan latar belakang pelanggan secara komprehensif;
- Maklumat pelanggan disimpan secara teratur dan tepat;
- Meningkatkan pengetahuan dengan menghadiri kursus KYC.
- Membuat semakan latar belakang pelanggan dengan semakan minima;
- Maklumat pelanggan tidak disimpan secara teratur dan tepat; dan
- Meningkatkan pengetahuan dengan menghadiri kursus KYC.
- Tiada semakan latar belakang pelanggan;
- Maklumat pelanggan tidak disimpan;
- Membuat pengesahan identiti pelanggan melalui pihak ketiga;
- Tidak mempunyai polisi dan prosedur KYC; dan
- Tidak pernah menghadiri kursus berkaitan KYC.



SEMAKAN DAN RISIKAN

KE ATAS SYARIKAT DAN PERNIAGAAN YANG
DISENARAIKAN DI LAMAN SESAWANG

OBJEKTIF PELAKSANAAN



Membuat pemeriksaan data dan fizikal terhadap syarikat dan perniagaan bagi memastikan aktiviti entiti tersebut tidak melanggar undang-undang yang dikawal selia oleh SSM.



Mengambil tindakan penguatkuasaan yang berkaitan bagi syarikat dan perniagaan yang melanggar undang-undang yang dikawal selia oleh SSM.



Memastikan dan mencegah syarikat dan perniagaan tidak disalah guna dan mematuhi peruntukan undang-undang.

TINDAKAN YANG DIAMBIL



Semakan dan risikan dibuat ke atas entiti.



Semakan maklumat di pangkalan data SSM.



Semakan maklumat dengan agensi penguatkuasaan yang lain.




Tindakan pencegahan berdasarkan pelaporan secara dalaman dan luaran.



Syarikat dan perniagaan yang menyalahi undang-undang akan dirujuk kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

IMPAK

- ▶ Memberikan nilai tambah kepada peranan SSM dari sudut mencegah salah guna entiti-entiti yang dikawal selia;
- ▶ Menjadikan SSM badan kawal selia yang lebih proaktif dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan;
- ▶ Meningkatkan tahap pematuhan entiti syarikat dan perniagaan yang ditadbir oleh SSM melalui tindakan pencegahan awal; dan
- ▶ Mendokong aspirasi kebolehppercayaan SSM dan menggalakkan persekitaran perniagaan yang selamat.



PERSIDANGAN PENGUATKUASAAN

Antara program yang diadakan ialah Persidangan Penguatkuasaan yang bertujuan untuk berkongsi maklumat dan perkembangan terkini serta mengeratkan lagi hubungan antara warga kerja Pejabat Penguatkuasaan SSM. Persidangan ini juga bertujuan untuk mengupas perkembangan mutakhir tentang pematuhan perundangan korporat.



OPERASI BANTERAS AKTIVITI HARAM (OPS BAH)

Bermula dari tahun 2018, SSM telah dijemput oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) untuk menyertai Operasi Banteras Aktiviti Haram atau dikenali sebagai OPS BAH. OPS BAH ini bertujuan untuk membanteras kegiatan penyalahgunaan dadah, pelacuran, judi haram dan lain-lain lagi.



JALINAN KERJASAMA

Jalanan Kerjasama Dan Perkongsian Maklumat Bersama Agensi

Jalanan kerjasama dan perkongsian maklumat telah diadakan dengan pelbagai organisasi bagi mengukuhkan rangkaian sedia ada di samping mewujudkan rangkaian baharu dengan agensi yang berkaitan.



IMPAK



Mengukuhkan rangkaian kerjasama bersama agensi terlibat



Maklumat dan maklum balas diperolehi daripada agensi dalam tempoh yang cepat



Kerjasama dalam perkongsian maklumat bagi tujuan pengawal seliaan pada masa hadapan



PENGUKUHAN PERUNDANGAN DAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN

SSM sebagai ahli Jawatankuasa Penyelaras Pencegahan Pengubahan Wang Haram Peringkat Kebangsaan (NCC) telah menyertai usaha negara untuk mengukuhkan perundangan pengawalseliaan bagi membanteras jenayah terancang melalui pengkelasan semula kesalahan-kesalahan predikat di bawah Jadual Kedua AMLA mengikut kategori kesalahan Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF). Berikut adalah senarai kesalahan baharu di bawah AS2016 dan ASK2016:

AS2016	
Seksyen 43	Larangan terhadap syarikat persendirian untuk menawarkan syer atau debentur atau mempelawa untuk menandatangani wang
Seksyen 213	Kewajipan dan tanggungjawab pengarah
Seksyen 217	Tanggungjawab pengarah nomini
Seksyen 218	Larangan terhadap penggunaan tidak wajar harta, jawatan dan sebagainya
Seksyen 219	Kewajipan am untuk membuat penzahiran
Seksyen 221	Penzahiran kepentingan dalam kontrak, kontrak yang dicadangkan, harta, jawatan dan sebagainya
Seksyen 222	Pengarah yang berkepentingan tidak boleh mengambil bahagian atau mengundi
Seksyen 223	Kelulusan syarikat dikehendaki bagi pelupusan atau harta syarikat oleh pengarah
Seksyen 224	Pinjaman kepada pengarah
Seksyen 225	Larangan memberi pinjaman kepada orang yang berkaitan dengan pengarah
Seksyen 226	Larangan terhadap bayaran bebas cukai kepada pengarah
Seksyen 228	Transaksi dengan pengarah, pemegang syer substansial atau individu yang berkaitan
Seksyen 246	Sistem kawalan dalaman

Seksyen 584	Memberikan maklumat dan butir-butir tentang pemegang syer
Seksyen 591	Pernyataan yang palsu dan mengelirukan
Seksyen 592	Laporan palsu
Seksyen 593	Laporan atau pernyataan yang palsu kepada Pendaftar
Seksyen 594	Mendorong orang untuk melaburkan wang secara penipuan
Seksyen 595	Penipuan oleh pegawai
Seksyen 596	Sekatan ke atas penawaran syer, debentur dan sebagainya bagi langganan atau pembelian

ASK2016	
Seksyen 3	Pengeluaran dan kehendak bagi pendaftaran skim
Seksyen 23	Kelayakan bagi pelantikan sebagai pemegang amanah
Seksyen 27	Larangan mengeluarkan prospektus atau pernyataan penzahiran produk tanpa surat ikatan amanah atau perjanjian kontraktual yang diluluskan
Seksyen 28	Kehendak untuk mendaftarkan dan menyerahkan simpan prospektus atau pernyataan penzahiran produk
Seksyen 35	Iklan tertentu disifatkan sebagai prospektus atau pernyataan penzahiran produk
Seksyen 40	Liabiliti jenayah bagi salah nyata dalam prospektus atau pernyataan penzahiran produk
Seksyen 42	Perintah berhenti
Seksyen 49	Larangan melabur dan meminjamkan wang kepada syarikat pengurusan dan sebagainya
Seksyen 82	Pernyataan yang palsu dan mengelirukan

Tindakan administratif juga diambil seperti permohonan injunksi ke atas syarikat kepada Mahkamah Tinggi yang ingkar peruntukan akta dengan menghalang syarikat tersebut daripada meneruskan perniagaannya sehingga siasatan diselesaikan. Bagi mengukuhkan tindakan penguatkuasaan, SSM mengamalkan strategi yang komprehensif dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan efektif.

SSM juga mendaftarkan kes-kes di mahkamah bagi kesalahan-kesalahan di bawah ASSM2001, AS2016, ASK2016, AS1965, APLT2012, APP1956, ASA1949 dan ALKWK1971 dan melaksanakan

pendakwaan untuk kepentingan SSM dan orang awam secara amnya.

Selain itu, SSM mengendalikan kes-kes sivil, perbicaraan dan rayuan-rayuan berhubung kes-kes yang dimulakan oleh SSM atau terhadap SSM, membuat kajian dan penyelidikan berkaitan perkara-perkara yang melibatkan isu perundangan bagi tujuan pengendalian kes, terutamanya mendapatkan autoriti dan peruntukan undang-undang berkaitan, dan menyediakan afidavit, pliding, hujahan bertulis dan dokumen-dokumen lain untuk difailkan di mahkamah.

EVOLUSI PEMERIKSAAN (DARIPADA MANUAL KE DIGITAL)



Usaha penguatkuasaan berterusan dengan sokongan dan kerjasama bersepadu dengan agensi-agensi lain serta penglibatan pihak berkepentingan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Dalam usaha berterusan demi menjaga kepentingan awam SSM telah memperkenalkan pemantauan melalui media sosial.

PEMANTAUAN MEDIA SOSIAL

Bagi memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif serta tadbir urus korporat yang baik dalam kalangan pengarah syarikat dan pemilik perniagaan, SSM meneruskan tindakan ke atas ketidakpatuhan yang dikenal pasti hasil daripada operasi, pemantauan internet dan media. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah Ops Ulat Sesawang (OUS). OUS ditubuhkan khas untuk membanteras ejen/ulat yang dikenal pasti menggunakan nama dan logo SSM dan menawarkan perkhidmatan pembaharuan perniagaan dalam talian dengan mengenakan fi yang tinggi.

SSM ONLINE BUSINESS ALERT (SSM OBA)

SSM sentiasa menyedari tentang keperluan untuk melindungi orang awam daripada kegiatan yang tidak bertanggungjawab oleh pihak-pihak tertentu yang berselindung di sebalik syarikat yang berdaftar. Lebih-lebih lagi dalam era ledakan teknologi maklumat, pihak tidak bertanggungjawab sewenang-wenangnya menggunakan platform dalam talian untuk memperdayakan mangsa dalam kalangan orang awam.

SSM OBA adalah satu langkah proaktif dan inovatif oleh SSM untuk mewujudkan satu pautan khas dalam laman sesawang rasmi SSM bagi memaparkan senarai laman sesawang / media sosial yang disyaki terlibat dalam penipuan perniagaan dalam talian berdasarkan kepada laporan aduan yang diterima. OBA diwujudkan pada 29 Julai 2020.



Tujuan SSM OBA

- ▶ Inisiatif ini dapat membantu orang ramai untuk tidak terpedaya dan tertipu dengan laman sesawang / media sosial perniagaan dalam talian yang digunakan untuk tujuan penipuan;
- ▶ SSM OBA juga dapat memberi kesedaran awal kepada orang ramai dan langkah berjaga-jaga dapat diambil sebelum membuat apa-apa pembelian menerusi perniagaan dalam talian; dan
- ▶ Penipuan perniagaan dalam talian dapat dikurangkan.

TINDAKAN DARI HASIL PEMANTAUAN



UNIFORM PENGUATKUASAAN SSM

Sebelum tahun 2017, pegawai penguat kuasa SSM hanya memakai vest penguat kuasa, tiada keseragaman semasa menjalankan pemeriksaan dan tiada aksesori vest dibekalkan bersama vest penguat kuasa. Pegawai yang tidak dibekalkan vest hanya memakai pakaian pejabat semasa pemeriksaan.

SSM mula menerima pakai pakaian seragam penguat kuasa pada tahun

2017. Mengikut ASSM2001, di bawah Seksyen 27A, Pendaftar mempunyai segala kuasa seperti mana seorang pegawai polis dalam menjalankan tugas penguatkuasaan.

Justeru, pemakaian seragam mencerminkan kedudukan SSM sebagai salah sebuah agensi penguat kuasa yang penting di Malaysia.

► 2002-2017

- ▶ Pegawai penguat kuasa hanya memakai vest penguat kuasa.
- ▶ Tiada keseragaman semasa menjalankan pemeriksaan.
- ▶ Tiada aksesori vest dibekalkan bersama vest penguat kuasa.
- ▶ Pegawai yang tidak dibekalkan vest akan memakai pakaian pejabat.
- ▶ Tiada pakaian seragam rasmi untuk penguat kuasa SSM.



► 2017 - Kini

- ▶ Pakaian seragam penguatkuasaan SSM dipakai semasa upacara rasmi atau pada hari beruniform.
- ▶ Vest penguatkuasaan dipakai semasa menjalankan pemeriksaan di premis perniagaan.
- ▶ Terdapat aksesori vest dibekalkan bersama vest penguat kuasa.



OBJEKTIF PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM

01

PENGENALAN KUASA PENGUAT KUASA

Sebagai tanda pengenalan kepada organisasi yang menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan.

02

KESERAGAMAN

Keseragaman antara pegawai penguat kuasa SSM di ibu pejabat, pejabat Negeri dan cawangan. Sejumlah 305 pegawai penguat kuasa SSM telah dibekalkan pakaian seragam ini.

03

IMEJ SSM

Meningkatkan imej SSM sama ada dalam bentuk penampilan pekerja secara fizikal serta menjadi media promosi kepada organisasi.

04

TARAF PENGUAT KUASA SSM

Menaikkan taraf penguatkuasaan setaraf dengan penguat kuasa yang lain di Malaysia.

05

KOMPONEN PENTING DALAM SSM

Menjadi komponen yang memiliki fungsi, nilai dan makna yang penting bagi organisasi.

06

TAAT SETIA KEPADA ORGANISASI

Mencambahkan rasa taat setia kepada organisasi dan kekeluargaan di antara anggota dalam suatu organisasi.

Susunan kuasa yang termaktub dalam Akta ini, pastinya warga kerja penguatkuasaan dapat menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan memastikan komuniti perniagaan menghormati undang-undang yang ditadbir SSM.




PENCAPAIAN PENGUATKUASAAN 2003 – 2021

Sepanjang dua dekad yang lalu penguatkuasaan SSM telah mencapai kadar pematuhan yang sangat membanggakan, yang mana, kadar pematuhan telah meningkat dengan sangat ketara daripada hanya 44 peratus pada tahun 2003 kepada 90 peratus pada tahun 2021. Yang paling membanggakan SSM ialah kadar ini kekal pada tahap 90 peratus ke atas sejak tahun 2011. Ini membuktikan bahawa penguatkuasaan seimbang telah diterima dengan baik oleh komuniti niaga negara. SSM akan meningkatkan aktiviti penguatkuasaan untuk mengekalkan tahap 90 peratus pematuhan pada masa hadapan.

EVOLUSI KADAR PEMATUHAN

Kadar pematuhan diukur berdasarkan serah simpan penyata tahunan bersama-sama dengan penyata kewangan yang telah diaudit pada setiap tahun. Namun, selepas tahun 2017, iaitu selepas AS2016 dikuatkuasakan, kadar pematuhan adalah berdasarkan serah simpan penyata tahunan berikutan pengenalan peruntukan Seksyen 68 yang mengkehendaki penyata tahunan diserahkan simpan 30 hari dari tarikh pemerdanaan syarikat. SSM memandang serius kadar pematuhan oleh syarikat-syarikat dan ini merupakan inisiatif penguatkuasaan yang berterusan dari segi aktiviti pemantauan untuk memastikan serah simpan dokumen-dokumen pada tempoh masa yang ditetapkan.

Pelbagai inisiatif telah diambil bagi menggalakkan pematuhan yang lebih baik terhadap keperluan menyerahkan simpan penyata tahunan dan penyata kewangan seperti pengeluaran notis pematuhan kepada syarikat dan mengeluarkan notis kompaun bagi ketidakpatuhan yang dikenal pasti melalui pemantauan pangkalan data dan pemeriksaan fizikal serta premis perniagaan.



KESIMPULAN

Sepanjang dua dekad yang lalu, sikap tegas dan berhemat menjadi tunjang kepada pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan SSM ke atas sektor perniagaan negara. Tanpa kompromi dan berbelah bahagi, undang-

undang korporat negara ditegakkan demi keadilan dan melindungi hak orang ramai, sekali gus memastikan sektor perniagaan negara sentiasa dipercayai dan diyakini.



BAB 5

MENATAR KEFAHAMAN, MEMURNIKAN AMALAN

Pengenalan Akademi Latihan
dan Pengurusan Pengetahuan SSM
Persidangan Kebangsaan SSM (SSMNC)
Pusat Sumber SSM

90

92

99

MENATAR KEFAHAMAN, MEMURNIKAN AMALAN



“SSM berpegang kepada falsafah penguatkuasaan melalui pendidikan dengan pendekatan penguatkuasaan yang seimbang. SSM percaya pendidikan dapat memperluaskan inisiatif penguatkuasaan bagi mencapai pematuhan secara sukarela apabila komuniti perniagaan dan korporat memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing di bawah perundangan yang ditadbir oleh SSM”

(Ketua Pegawai Eksekutif, SSM)

Pengenalan Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan SSM

Bahagian Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan SSM atau COMTRAC merupakan mercu tanda kepada komitmen SSM menatar pendidikan perniagaan dan korporat. COMTRAC merupakan pusat pendidikan tadbir urus korporat yang ditubuhkan untuk menyediakan pendidikan berterusan dan inisiatif kesedaran terutamanya berkaitan dengan amalan terbaik tadbir urus korporat kepada pengarah, pegawai syarikat dan entiti yang diperbadankan di bawah AS2016 serta akta-akta lain yang ditadbir oleh SSM.

Sejajar mandat dalam bidang kuasanya, SSM terus komited dengan penataran pendidikannya sepanjang 20 tahun lalu, demi meningkatkan kefahaman pihak berkepentingan terhadap nilai-nilai murni dalam perniagaan dan tadbir urus korporat, menerapkan etika yang betul serta amalan terbaik berdasarkan piawai antarabangsa. Tujuan asal penataran pendidikan dilaksanakan oleh SSM ialah untuk melengkapkan tindakan penguatkuasaannya ke arah mencapai matlamat “Penguatkuasaan yang Seimbang”, sekaligus mencegah hal-hal berkenaan penyelewengan dan salah laku korporat daripada berleluasa di negara ini.

Demi merealisasikan mandat SSM, Bahagian Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan atau singkatannya COMTRAC telah ditubuhkan pada 1 April 2007 dengan tujuan untuk menerajui program latihan dan program kesedaran kepada pihak berkepentingan serta melatih warga kerja SSM. Misi COMTRAC adalah untuk melatih dan mendidik para penggerak korporat selari dengan fungsi SSM seperti yang termaktub di bawah Seksyen 17(d) dan 18(2) ASSM2001 seperti berikut:

Seksyen 17(d):

“...untuk mendorong dan menggalakkan tatalaku yang sepatutnya dalam kalangan pengarah, setiausaha, pengurus dan pegawai lain sesuatu perbadanan, dan pengawalseliaan diri oleh perbadanan, syarikat, perniagaan, kumpulan perindustrian dan badan ikhtisas dalam sektor korporat demi untuk memastikan bahawa segala kegiatan korporat dan perniagaan dijalankan mengikut norma yang telah mantap mengenai pentadbiran korporat yang baik dan untuk merangsang dan untuk menggalakkan tanggungjawab korporat dan kemampuan perniagaan.”

Seksyen 18(2):

“...untuk membuat, menjalankan dan melaksanakan program pendidikan dan latihan yang berhubungan dengan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.”

Pada awal penubuhannya, COMTRAC disokong oleh empat Seksyen utama iaitu *Corporate Development, Centre for International Programme, Administration and Resource Centre dan Staff Development*. COMTRAC bertanggungjawab untuk merancang, membangun dan menjalankan program latihan serta penyelidikan. Objektif COMTRAC adalah untuk menjadi institusi pembelajaran terulung dalam mendidik syarikat dan orang awam mengenai pelbagai aspek pengendalian perniagaan termasuk memahami undang-undang korporat dan perniagaan serta amalan terbaik tadbir urus korporat.

Berikutan perkembangan pesat dunia perniagaan, kini SSM telah mengemas kini dan memfokuskan gerak kerja COMTRAC kepada tiga struktur pelaksana utama yang terdiri daripada *Corporate Learning & Development Section, Employee Learning & Development Section dan Knowledge Management Section*.

Dua program awal di bawah COMTRAC ialah *Corporate Directors Training Programme* (CDTP) dan *Licensed Secretaries Training Programme* (LSTP). Kedua-dua program ini direka bentuk untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kecekapan ahli lembaga pengarah dan setiausaha syarikat, sebagai pegawai utama syarikat, berkenaan dengan peranan dan fungsi mereka. Program LSTP kemudiannya dijenamakan semula kepada CSTP iaitu *Company Secretaries Training Programme*. Selain itu, COMTRAC sangat aktif menganjurkan seminar dan persidangan baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa terutamanya berkaitan dengan amalan terbaik tadbir urus korporat.

VISI COMTRAC

Untuk menjadi pusat pembelajaran korporat yang terulung

MISI COMTRAC

Untuk membangunkan serta meningkatkan kecekapan, keberkesanan, produktiviti dan kepelbagaian sumber tenaga untuk SSM melalui latihan dan program-program pembangunan

Untuk melahirkan tadbir urus korporat yang cemerlang dan mempromosikan pengendalian yang betul dalam kalangan pegawai korporat, ahli perniagaan, penggiat industri serta badan profesional melalui pembelajaran secara berterusan

Untuk membangunkan dimensi Akademi secara global melalui penganjuran dan inisiatif kerjasama strategik dengan institusi-institusi pengajian tinggi, badan profesional dan antarabangsa dalam menganjurkan program latihan dan pembelajaran

Membangunkan, menganjur dan mengendalikan program-program latihan dan pembelajaran kepada pihak berkepentingan luar SSM yang merangkumi mahasiswa institusi pengajian tinggi dan agensi-agensi.

Mengendalikan latihan korporat dengan mempromosikan etika perniagaan dan tadbir urus korporat dalam kalangan pengarah, setiausaha, pengurus dan pegawai korporat yang lain serta peraturan korporat, syarikat, perniagaan, ahli industri serta badan profesional dalam sektor korporat dan perniagaan

Mengendalikan program-program latihan dan pembelajaran untuk meningkatkan kecekapan pekerja SSM

Mengenalpasti, membangunkan dan mengekalkan kumpulan jurulatih dan pakar dalam bidang yang bersesuaian dengan urusan korporat dan perniagaan

Memasarkan dan mempromosikan program-program latihan

Membangunkan dan meningkatkan pusat sumber






PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM (SSMNC)

Persidangan Kebangsaan SSM (SSMNC) merupakan agenda tahunan yang menjadi mercu tanda penglibatan SSM dengan pihak berkepentingan. Melalui persidangan ini SSM berpeluang untuk berinteraksi secara langsung dengan pihak-pihak berkepentingan, seperti pengamal sektor korporat, serta komuniti perniagaan Malaysia yang luas.



Persidangan ini disertai oleh penceramah, ahli panel dan moderator daripada pelbagai sektor korporat yang membentangkan kertas berdasarkan tema setiap tahun yang memberi fokus kepada perubahan

landskap perniagaan serta cabaran terhadap perubahan digital pada masa kini, di mana teknologi memainkan peranan yang amat besar dalam arus informasi, proses globalisasi serta ekonomi.

Buat pertama kalinya, Persidangan Kebangsaan SSM 2021 kali ke-10 telah diadakan secara maya yang dihadiri oleh seramai 2,049 perwakilan termasuk delegasi luar negara dari Pakistan, Republik Macedonia, Kazakhstan, Filipina dan Singapura.

PERKARA	TARIKH PERSIDANGAN	TEMPAT PERSIDANGAN	JUMLAH DELEGASI	TEMA PERSIDANGAN	GAMBAR PERASMIAN PERSIDANGAN
SSMNC 2011	13 - 14 Jun 2011	Dewan Tun Dr Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur	302	<i>Driving Business Transformation Dynamics Through Regulations and Enforcement</i>	
SSMNC 2012	12 - 13 Jun 2012	Pusat Konvensyen Sime Darby, Kuala Lumpur	305	<i>Managing Corporate Governance, Creating Value, Transforming Economy</i>	
SSMNC 2013	20 - 21 Mei 2013	The Royale Chulan Kuala Lumpur	256	<i>Corporate Governance: The New Global Language for Business</i>	

PERKARA	TARIKH PERSIDANGAN	TEMPAT PERSIDANGAN	JUMLAH DELEGASI	TEMA PERSIDANGAN	GAMBAR PERASMIAN PERSIDANGAN
SSMNC 2014	3 - 4 Jun 2014	Connexion @ Nexus, Kuala Lumpur	351	<i>Modernizing the Companies Act: Impetus for Business Transformation</i>	
SSMNC 2015	8 - 9 September 2015	Pullman Bangsar, Kuala Lumpur	560	<i>Modernizing the Companies Act: Creating Synergy in Malaysian Business Landscape</i>	
SSMNC 2016	6 - 7 September 2016	Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur	661	<i>Prepare for Change: The Change is Now</i>	
SSMNC 2017	22 - 23 Ogos 2017	Sunway Resort Hotel & Spa, Selangor	1,005	<i>Implementing the Companies Act 2016. Moving Together. Greater Together</i>	
SSMNC 2018	14 - 15 Ogos 2018	Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Petaling Jaya, Selangor	1,000	<i>Doing Business in the Age of Disruption</i>	

PERKARA	TARIKH PERSIDANGAN	TEMPAT PERSIDANGAN	JUMLAH DELEGASI	TEMA PERSIDANGAN	GAMBAR PERASMIAN PERSIDANGAN
SSMNC 2019	23 - 24 Julai 2019	Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Petaling Jaya, Selangor	1,006	<i>Future-Proofing Business in the Digital Age</i>	
SSMNC 2021	24 Ogos 2021	Virtual Platform	2,049	<i>Governing Under New Normal</i>	



Tema-tema yang dipilih untuk penganjuran SSMNC adalah berdasarkan kepada realiti yang berlaku dalam dunia perniagaan baik di dalam negara mahupun di peringkat global sejajar dengan keperluan pengetahuan yang perlu diterapkan dan diterima pakai oleh sektor perniagaan dan korporat di dalam negara

SSM sentiasa meneliti dan mengikuti perkembangan dalam landskap dunia perniagaan dan korporat dari semasa ke semasa, untuk memilih tema yang bertepatan dan sekali gus berkongsi pengetahuan dengan pihak berkepentingan. Ini membolehkan SSMNC menjadi acara yang sangat dinanti-nantikan oleh pihak berkepentingan pada setiap tahun

PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM TAHUN 2021

Impak pandemik COVID-19 telah mengakibatkan perubahan yang ketara kepada gaya hidup manusia di seluruh dunia, sekali gus mencetuskan apa yang dikenali sebagai “norma baharu”. Keadaan ini menyaksikan teknologi digital dimanfaatkan secara maksimum dalam seluruh kegiatan manusia, termasuk bekerja dari jarak jauh dan pertemuan secara maya.

“Dalam krisis seperti COVID-19 ketika masalah semakin tinggi dan penelitian diperhebatkan, lembaga pengarah perlu bertindak sebagai badan pengawal yang tertinggi untuk syarikat demi mengemudi dan menyokong Pengurusan.”

Profesor Dato’ Aishah Bidin, SSMNC2021

Sejajar dengan “norma baharu” yang diamalkan di seluruh dunia, SSM pada tahun 2021, buat julung kalinya telah menganjurkan Persidangan Kebangsaan SSM 2021 (SSMNC2021) secara maya sepenuhnya, dengan tema *Governing Under New Normal* (Mentadbir Di Bawah Norma Baharu). Persidangan tahunan yang menjadi mercu tanda SSM ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha KPDPNHEP yang juga merupakan Pengerusi SSM, Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad. Persidangan sehari ini merupakan salah satu agenda tahunan utama SSM untuk berinteraksi secara langsung dengan pengamal sektor korporat dan perniagaan serta pihak berkepentingan lain dari seluruh dunia. Dalam ucapan perasmian, Pengerusi SSM menyatakan bahawa tema *Governing Under New Normal* yang diperkenalkan pada persidangan ini adalah bertepatan dengan situasi



dan cabaran semasa, yang mana pengamal sektor korporat perlu memanfaatkan teknologi semaksimum yang mungkin, di samping amalan pengurusan terbaik, demi mengekalkan daya saing dan kemampanan landskap perniagaan Malaysia.

“Tema SSMNC2021 amat bertepatan dengan perkembangan semasa dan penting kepada realiti bahawa sektor korporat hendaklah mengekalkan tadbir urus terbaik tanpa menjejaskan aktiviti perniagaan yang sedia ada”

Puan Nor Azimah, KPE SSM, SSMNC2021




Ketua Pegawai Eksekutif SSM Puan Nor Azimah Abdul Aziz, dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa SSMNC2021 yang buat julung kalinya diadakan secara maya sepenuhnya ini telah berjaya menarik lebih 2,049 delegasi dari seluruh dunia dan ini merupakan jumlah penyertaan yang paling ramai dalam sejarah penganjuran persidangan. Latar belakang peserta juga merangkumi pelbagai bidang berkaitan perniagaan yang sangat luas, daripada ahli lembaga pengarah syarikat, setiausaha syarikat, pengamal undang-undang, ahli ekonomi dan kewangan, usahawan, ahli akademik dan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk peserta delegasi luar negara daripada Pakistan, Republik Macedonia, Kazakhstan, Filipina, dan Singapura.

Penganjuran SSMNC2021 secara maya telah berjalan dengan lancar, cekap dan berkesan, tanpa ada sebarang gangguan teknikal. Justeru, penganjuran ini telah menjadi satu lagi mercu tanda kepada SSM, khususnya dalam kejayaan memanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi maklumat yang canggih dan terkini, dengan kesalinghubungan yang luas dan pelbagai.

PENDIGITALAN PROGRAM LATIHAN


Bermula pada tahun 2020, SSM menjalankan program latihan secara dalam talian (webinar) bagi memastikan pihak berkepentingan terutamanya pengarah dan setiausaha syarikat meneruskan latihan untuk menimba ilmu walaupun negara masih dilanda pandemik COVID-19. Webinar ini telah dijalankan melalui platform *Microsoft Teams* (MS Teams).



SISTEM e-COMTRAC

Sistem e-COMTRAC telah diperkenalkan pada Januari 2021. Sistem e-COMTRAC ini merupakan sistem pendaftaran program latihan secara dalam talian yang disediakan oleh SSM. Semua pendaftaran dan bayaran program latihan hendaklah dilakukan melalui sistem e-COMTRAC. Pihak berkepentingan dan orang ramai boleh melayari sistem e-COMTRAC di <https://e-comtrac.ssm.com.my> bagi perkhidmatan 24/7 yang pantas dan tanpa kesesakan untuk mendaftar program latihan seterusnya memperoleh mata *Continuing Professional Education* (CPE) SSM.

Pada September 2021, sistem e-COMTRAC telah ditambah baik yang mana peserta program boleh memuat turun sijil melalui sistem ini.



CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME (CDTP)

Pada awal penubuhannya iaitu pada tahun 2007, COMTRAC telah membangunkan program yang dikenali sebagai *Corporate Directors Training Programme* (CDTP). CDTP merupakan program latihan berterusan kepada semua pengarah, pegawai syarikat dan entiti yang diperbadankan.

Bagi mencapai sasarannya, COMTRAC menyediakan modul yang direka bentuk secara khusus untuk memberikan pemahaman tentang hak dan batasan pengarah syarikat serta tingkah laku yang sewajarnya dalam mesyuarat lembaga pengarah dan mesyuarat agung. Selain itu, modul tersebut merangkumi undang-undang dan peraturan korporat di samping memupuk kesedaran tentang kesalahan lazim serta penalti yang akan dikenakan kepada pengarah syarikat yang melakukan kesalahan tersebut. Di samping itu, modul tersebut mendorong penerapan amalan terbaik tadbir urus korporat yang melibatkan kewajipan moral dan etika ke atas pengarah dan pegawai syarikat.

Modul dan kaedah pembelajaran yang digunakan oleh COMTRAC sepanjang usaha ini diperkenalkan pada tahun 2007 tidaklah statik. Perubahan dan penambahbaikan terus dilakukan oleh COMTRAC mengikut peredaran masa, perubahan serta keperluan semasa dan masa hadapan. Susulan penguatkuasaan AS2016, modul CDTP telah ditambah baik sejajar dengan peruntukkan baharu Akta tersebut. Kini, modul CDTP juga ditambah dengan aspek-aspek ekonomi berasaskan *Environmental, Social and Governance* (ESG) dan keupayaan untuk menganalisis laporan kewangan.




LICENSED SECRETARIES TRAINING PROGRAMME (LSTP)/ COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME (CSTP)

COMTRAC juga memperkenalkan *Licensed Secretaries Training Programme* (LSTP) pada tahun 2007. Modul LSTP ini merangkumi pengetahuan asas mengenai Akta Syarikat dan amalan kesetiausahaan syarikat.

Namun, SSM berpandangan bahawa selain pengetahuan asas tentang Akta Syarikat dan amalan kesetiausahaan syarikat, setiausaha syarikat mesti mempunyai pengetahuan tambahan dalam bidang yang berkaitan untuk melonjakkan profesion mereka ke dimensi baharu. Lantaran itu, pada tahun 2012, COMTRAC telah melaksanakan penjenamaan semula LSTP kepada CSTP, iaitu *Company Secretaries Training Programme Essential* (CSTPE) yang membabitkan penyusunan semula modul sedia ada dan memperkenalkan modul pembelajaran baharu untuk setiausaha syarikat. CSTPE ialah program wajib di bawah skim mata *Continuing Professional Education* (CPE) SSM bagi setiausaha syarikat berlesen yang dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat di bawah Seksyen 235(2)(b) AS2016.

Mulai tahun 2013, COMTRAC telah memperkenalkan *Company Secretaries Training Programme Significant* (CSTPS) sebagai satu program susulan untuk CSTPE. Program ini direka khas untuk meningkatkan tahap kompetensi setiausaha syarikat serta melengkapi peranan mereka dalam mendepani cabaran mendatang yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman berkaitan dengan tadbir urus korporat, tanggungjawab korporat, etika, integriti, amalan anti-rasuah, laporan kewangan dan meneroka hubungan profesional antara lembaga pengarah dan setiausaha syarikat. Setiausaha syarikat perlu memainkan peranan mereka sebagai penasihat kepada lembaga pengarah dan memahami kepentingan hubungan tersebut untuk melaksanakan amalan terbaik tadbir urus korporat dalam organisasi mereka.



PROGRAM MALAYSIAN BUSINESS REPORTING SYSTEM (MBRS)

Pada 27 September 2018, SSM telah melancarkan *Malaysian Business Reporting System* atau akronimnya, MBRS. Bagi menyokong pelaksanaan sistem MBRS, COMTRAC telah menganjurkan program latihan yang komprehensif untuk memastikan syarikat menyerah simpan penyata tahunan, penyata kewangan dan laporan serta permohonan pengecualian yang berkaitan dengan penyata tahunan, penyata kewangan dan laporan berdasarkan *format eXtensible Business Reporting Language* (XBRL) secara dalam talian melalui sistem MBRS.

Sistem MBRS merupakan satu lagi evolusi dan transformasi yang dilakukan SSM sepanjang 20 tahun demi memudahkan syarikat untuk mematuhi keperluan pematuhan mereka.



CONTINUING EDUCATION PROGRAMME (CEP)

Selain itu, COMTRAC juga melaksanakan pelbagai program CEP untuk penggiat usaha niaga dan juga orang ramai. CEP yang telah mula diperkenalkan pada 2014 ini direka untuk membincangkan secara terperinci topik strategik terpilih yang berkaitan dengan AS2016, sektor korporat dan pemain peranan utama sektor ekonomi. Program ini telah disasarkan kepada lembaga pengarah, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, golongan profesional dan usahawan.

CORPORATE TEA TALK / CORPORATE TALK

Program *Corporate Talk* (CT) telah diperkenalkan dengan nama *Corporate Tea Talk* (CTT) pada tahun 2012. Program CT bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kesedaran kepada pihak berkepentingan tentang maklumat dan perkembangan terkini menyentuh isu korporat semasa termasuk pematuhan kepada undang-undang yang dikawal selia oleh SSM berserta peraturan perundangan yang berkaitan dengannya.

Berikutan pandemik COVID-19 pada tahun 2020, COMTRAC meneruskan pengendalian program ini dengan penjenamaan semula nama program kepada program CT yang dijalankan secara dalam talian dengan menggunakan platform *MS Teams*. Bermula pada tahun 2021, program ini mula disiarkan secara langsung melalui Laman Rasmi Facebook SSM.



WHATSAPP SSM COMTRAC

Jaringan komunikasi dan pemasaran COMTRAC diperluas dengan mewujudkan talian *WhatsApp* SSM COMTRAC pada tahun 2021. Promosi program latihan yang lebih khusus seperti SSMNC dapat dilaksanakan secara terus dengan pihak berkepentingan. Ini telah menghasilkan kebolehpasaran program dan meningkatkan komunikasi dua hala dengan lebih berkesan.

EMPLOYEE DEVELOPMENT TRAINING (EDT)

Program *Employee Development Training* (EDT) mula diperkenalkan pada tahun 2008 yang dahulunya dikenali sebagai *Knowledge Enhancement for Employee Programme* (KEEP). Program EDT ini merupakan program latihan yang dibangunkan untuk warga kerja SSM.


EDT telah melalui transformasi daripada pelaksanaan secara fizikal kepada webinar melalui platform *MS Teams*. Mulai tahun 2020, modul-modul EDT ini telah didigitalkan bagi memenuhi kompetensi asas, teknikal dan pembangunan warga kerja SSM yang ditempatkan di platform *Staff Learning & Development Site* (SLDS).



STAFF LEARNING & DEVELOPMENT SITE (SLDS)

Bagi merencanakan pendidikan dan pembangunan warga kerja SSM, satu laman sesawang telah dibangunkan secara dalaman iaitu *Staff Learning Development Site (SLDS)* yang mengguna pakai platform *Microsoft SharePoint* (SharePoint).

SLDS ini mengandungi kandungan modul-modul program EDT, program latihan kemahiran teknikal, dan program latihan kemahiran insaniah yang telah disediakan sejak tahun 2020 sehingga kini. Ia telah membuka ruang kepada warga kerja SSM untuk merujuk dan melaksanakan pembelajaran sendiri secara digital. SLDS sekali gus dilihat sebagai transformasi pembudayaan pembelajaran dan pembangunan warga kerja SSM.



SSM menggunakan platform antara muka yang canggih dan terkini, serta mesra pengguna bagi menyokong evolusi latihan dan pembelajaran kakitangannya daripada secara fizikal kepada secara maya

PUSAT SUMBER SSM

Penataran pendidikan dan pengetahuan di SSM juga dilengkapi dan disokong oleh Pusat Sumber SSM yang ditubuhkan pada tahun 2007 dan diletakkan di bawah pentadbiran COMTRAC. Perkhidmatan Pusat Sumber SSM bermula di bangunan The Mall, Kuala Lumpur dan kemudiannya dipindahkan ke Tingkat 13, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur Sentral.

Pusat Sumber SSM menempatkan sejumlah 5,266 bahan rujukan untuk kegunaan warga kerja SSM. Bahan rujukan ini terdiri daripada pelbagai kategori seperti akta-akta perundangan, pengurusan perniagaan, pengurusan pentadbiran sumber manusia, teknologi maklumat dan komunikasi, inovasi dan sebagainya.

Pusat Sumber SSM diwujudkan bertujuan untuk membantu warga kerjanya mendapatkan rujukan bagi membantu mereka dalam mengendalikan tugas kerja harian dengan lebih efektif dan berkualiti.



Kini, Pusat Sumber SSM ini dilengkapi dengan platform digital canggih, iaitu *Virtual Library (V-Lib)*, yang membolehkan warga kerja SSM mengakses ilmu pengetahuan yang lebih luas tanpa batasan secara dalam talian.



KECEMERLANGAN TRANSFORMASI COMTRAC

Seiring dengan transformasi digital, COMTRAC telah mengambil inisiatif mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan berkaitan latihan dengan memperkenalkan sistem e-COMTRAC dan SLDS.

Sistem e-COMTRAC telah dianugerahkan Naib Johan Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif serta Anugerah Dokumentasi Terbaik, Kumpulan Inovatif dan Kreatif, KPDNHEP bagi tahun 2021. Manakala SLDS telah dianugerahkan Naib Johan Anugerah Inovasi KPDNHEP bagi tahun yang sama.






COMTRAC sentiasa menyediakan modul dan kaedah pembelajaran efektif yang menggalakkan komunikasi dua hala bagi memastikan perkongsian ilmu dan pendapat yang lebih efisien

KESIMPULAN

SSM menggalakkan pendidikan dan pengetahuan dalam mencapai matlamat tadbir urus korporat yang berkesan. Untuk keberkesanan dan kecekapan pematuhan yang maksimum, SSM menggunakan metodologi pengawalseliaan melalui langkah-langkah penguatkuasaan dan pematuhan serta diperkukuh dengan langkah-langkah pencegahan melalui penataran pengetahuan demi meningkatkan kesedaran tentang larangan dan kewajipan yang dikenakan oleh peraturan dan rangka kerja undang-undang.

Sepanjang 20 tahun, SSM telah membangunkan penataran pendidikan yang unggul untuk mewujudkan kesedaran dan kefahaman umum yang lebih besar dalam kalangan syarikat, profesional dan orang awam.





BAB 6

MELANGKAH KE HADAPAN, MENDEPANI CABARAN

Pengenalan	104
Pelan Hala Tuju Strategik Pertama SSM (2004 - 2008)	104
Pelan Hala Tuju Strategik Kedua SSM (2010 - 2016)	105
Pelan Hala Tuju Strategik Ketiga SSM (2017 - 2023)	111

MELANGKAH KE HADAPAN, MENDEPANI CABARAN

PENGENALAN

Sepanjang dua dekad, SSM telah melaksanakan fungsinya berdasarkan kepada strategi yang telah distruktur dengan terperinci. Keperluan untuk mewujudkan parameter organisasi yang jelas amatlah penting bagi memastikan SSM melaksanakan mandatnya secara cekap dan efektif. Kuasa autonomi berdasarkan ASSM2001 membolehkan SSM merancang dan mengurus semua aspek pentadbiran, pengurusan, sumber manusia dan kewangannya. SSM mempunyai fleksibiliti dalam merancang dan melaksanakan agenda yang diperlukan untuk mempromosikan pembaharuan ke arah pemodenan perkhidmatan demi memajukan ekosistem perniagaan negara.

Sebagai sebuah agensi Kerajaan yang diberi mandat untuk mengawal selia sektor korporat di negara ini, perancangan dan hala tuju yang rapi oleh SSM merupakan perkara yang amat diperlukan bagi mendepani cabaran dan risiko yang mungkin timbul. Sepanjang 20 tahun penubuhannya, SSM telah menggubal dan melaksanakan tiga pelan strategik yang komprehensif untuk mengemudi kemajuannya. Pelan tersebut terdiri daripada:

- ▶ Pelan Hala Tuju Strategik Pertama SSM (SDP I) (2004 - 2008)
- ▶ Pelan Hala Tuju Strategik Kedua SSM (SDP II) (2010 - 2016)
 - Program Transformasi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSMTP)
- ▶ Pelan Hala Tuju Strategik Ketiga SSM (SDP III) (2017 - 2023)

PELAN HALA TUJU STRATEGIK PERTAMA SSM (2004 - 2008) (SDP I)

Pada tahun 2003, Pengurusan SSM telah membangunkan dokumen yang menyediakan asas strategik untuk transformasi iaitu melalui Pelan Hala Tuju Strategik (2004-2008) (SDP I) yang menggariskan visi dan misi SSM serta objektif strategik untuk pembaharuan pendaftaran perniagaan. Visi itu tertumpu kepada mewujudkan pusat kecemerlangan yang responsif untuk maklumat korporat, serta peraturan dan pembangunan yang akan meningkatkan daya saing ekonomi negara. Untuk memacu operasi hariannya ke arah pencapaian visi ini, pengurusan SSM telah menggariskan misi yang jelas. Untuk terus membimbing kakitangan, pengurusan SSM telah menerbitkan lapan objektif strategik yang memperkukuhkan lagi visi dan memantapkan bidang keutamaan yang memerlukan pembaharuan.

Selepas pelancaran SDP I, SSM telah melalui tempoh transformasi organisasi dan penstrukturan semula organisasi. Pada masa ini, SSM telah melaksanakan proses penjenamaan semula organisasi dan membangunkan rancangan untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang baharu serta mempertingkatkan produk dan perkhidmatan yang sedia ada.

Tumpuan kepada usaha penjenamaan semula yang merangkumi penambahbaikan identiti korporat SSM, termasuk penciptaan logo organisasi, laman sesawang yang baharu dan penerbitan berkala.

Dalam tempoh SDP I, SSM telah memulakan usaha transformasi yang komprehensif dalam proses pendaftaran perniagaan negara melalui pendekatan semakan semula kerangka undang-undang untuk pendaftaran perniagaan dan mempertingkat tahap penyampaian perkhidmatan yang lebih responsif.

Selain itu, SSM sentiasa proaktif terhadap perubahan yang berlaku, untuk mengekalkan hubungannya dengan pelanggan. Program Pengurusan Perubahan telah dilaksanakan bagi menyusun tindakan yang perlu diambil berdasarkan penerapan pelan hala tuju strategik merentas seluruh organisasi. Satu syarikat konsultan telah dilantik pada November 2003 untuk bekerjasama rapat dengan pasukan dalaman bagi membantu SSM mencapai sasaran ini.

Pendekatan tersebut merangkumi pembangunan pelan tugas jabatan SSM bersama Petunjuk Pencapaian Utama (KPI) organisasi, semakan semula struktur organisasi bagi memastikan ia selari dengan objektif perniagaan, serta pengenalan komponen pengurusan perubahan bagi memudahkan proses perubahan organisasi.

Dalam tempoh ini, SSM menasaskan untuk mencapai perkhidmatan pelanggan yang optimum melalui peningkatan model operasinya, mengembangkan persekitaran perniagaan dan peraturan yang lebih baik, serta mempromosikan sistem yang cekap dan efektif untuk memudahkan proses pematuhan.

SDP I merupakan asas penting yang telah meletakkan kedudukan SSM seperti mana ia berada sekarang. Pelan strategik yang menyusul merupakan kesinambungan dari hasil SDP I yang dilaksanakan dengan jayanya.

PELAN HALA TUJU STRATEGIK KEDUA SSM (2010 - 2016) (SDP II)

Pada tahun 2009, SSM telah membangunkan SDP II yang merupakan rangka kerja strategi SSM bagi jangka masa lima tahun yang bermula pada 1 Januari 2010 dan berakhir pada 31 Disember 2016.

SDP II telah dibangunkan berdasarkan tiga fasa seperti berikut:

- ▶ Membuat penilaian menyeluruh terhadap SSM sebagai sebuah organisasi berdasarkan situasi semasa;
- ▶ Mengendalikan proses penetapan wawasan dan keutamaan dalam menentukan kedudukan dan keadaan SSM; dan
- ▶ Membuat rumusan mengenai strategi organisasi dan mengenal pasti inisiatif dan projek-projek yang bakal dilaksanakan.

Fasa pertama dijalankan iaitu penilaian situasi semasa, termasuk proses mengenal pasti kekuatan dan kelemahan SSM dalam melaksanakan fungsinya sejak ditubuhkan pada April 2002. Gambaran terhadap keadaan semasa di SSM adalah berdasarkan penilaian dan faktor penentu yang antara lain seperti berikut:

- ▶ Keberkesanan pelaksanaan fungsi statutori SSM;
- ▶ Pencapaian dan kelemahan SSM;
- ▶ Tahap pencapaian dan kemajuan Pelan Hala Tuju Strategik Pertama SSM (SDP I) 2004 - 2008;
- ▶ Penilaian terhadap infrastruktur ICT, struktur organisasi dan kaedah-kaedah pelaksanaan kerja yang sedia ada di SSM; dan
- ▶ Analisa berhubung tanggapan dalaman dan luaran terhadap SSM.

Bagi fasa kedua pula, penetapan wawasan melibatkan proses mengenal pasti keadaan hal ehwal organisasi di masa hadapan dengan mengambil kira penilaian situasi semasa, serta keupayaan aliran perniagaan yang bakal berlaku di masa hadapan telah diambil kira. Di samping itu juga, perbandingan telah dibuat dengan pendaftar korporat yang lain seperti di New Zealand, Australia, United Kingdom, Singapura, Hong Kong dan Ireland di dalam bidang-bidang yang berikut:

- ▶ Rangka kerja kawal selia yang menyeluruh dan pembaharuan undang-undang;
- ▶ Pembekalan maklumat perniagaan dan korporat;
- ▶ Kos memulakan perniagaan;
- ▶ Serah simpan akaun secara dalam talian;
- ▶ Maklumat secara masa nyata;
- ▶ Rangkaian perhubungan;
- ▶ Kepuasan pelanggan;
- ▶ Penyelarasan dan kerjasama di antara agensi;
- ▶ Kadar pematuhan;
- ▶ Bilangan prosedur; dan
- ▶ Masa pemprosesan.

Seterusnya, struktur keseluruhan strategi organisasi SSM telah dikurangkan dan dipermudahkan daripada struktur tiga tahap kepada dua tahap yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- ▶ Kenyataan visi; dan
- ▶ Tujuh Teras Strategik (di samping 21 Huraian Keadaan Akhir)



SDP II - *New Frontiers** Volume 1 & Volume II

TERAS STRATEGIK SSM DAN BUTIRAN HURAIAN KEADAAN AKHIR (END STATES)

Terdapat tujuh Teras Strategik organisasi serta 21 Huraian Keadaan Akhir (HKA) yang telah disusun mengikut struktur berikut:

No.	TERAS STRATEGIK	HURAIAN KEADAAN AKHIR (END STATES)			
1	Menggalak dan memacu tadbir urus korporat yang baik untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif	Pemacu tanggungjawab korporat	Pengawal selia korporat berwibawa	Memudahkan perniagaan	
2	Menyampaikan produk dan perkhidmatan yang berinovatif untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan	Khidmat nasihat	Portal maklumat sehenti	Pusat perniagaan sehenti	
		Promosi dan pemasaran yang berkesan	Pengurusan aset	Inovasi produk yang berterusan	
3	Menyediakan perkhidmatan yang bermutu tinggi menerusi kecemerlangan operasi	Organisasi yang efisien dan efektif		Pengurusan kewangan lestari	
4	Menjana sinergi menerusi kerjasama strategik	Jalinan strategik yang berjaya		Dikenali di persada antarabangsa	
5	Berkembang menjadi organisasi berasaskan pengetahuan untuk membentuk pemikiran kompetitif	Pusat penyelidikan perniagaan	Hab ilmu		Pusat latihan yang dikenali
6	Membina kemampuan dan keupayaan ke arah budaya kerja berprestasi tinggi	Struktur <i>Middle Heavy</i>	Budaya prestasi tinggi	Pemikiran berorientasikan perkhidmatan	Pengurusan bakat yang teguh
7	Mengoptimumkan teknologi maklumat dan komunikasi untuk mempertingkatkan kecekapan, keberkesanan dan keanjalan perniagaan	Perjanjian perkhidmatan dan diterapkan di dalam teras strategik lain			

Antara projek-projek utama yang dibangunkan dan berjaya dilaksanakan dalam SDP II adalah seperti berikut:

- ▶ Membangunkan agenda Tanggungjawab Korporat (CR) untuk SSM, antaranya seperti berikut:
 - Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat SSM
 - Pekeliling Amalan Terbaik Perniagaan SSM
- ▶ Penglibatan dan kerjasama dengan hubungan pihak berkepentingan, antaranya seperti berikut:
 - Beberapa kerjasama strategik telah dijalankan dengan pihak-pihak berkepentingan untuk tujuan menyokong dan mempromosi CR selaras dengan Agenda Tanggungjawab Korporat SSM. Antaranya adalah:
 - 1) *United Nations Children's Fund* (UNICEF);
 - 2) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); dan
 - 3) *Malaysian Institute of Integrity* (IIM).
- ▶ Melaksanakan program-program pendidikan dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan antarabangsa, antaranya seperti berikut:
 - SSM dengan kerjasama *Centre for International Documentation on Organised and Economic Crime* (CIDOEC), United Kingdom telah berjaya menganjurkan *Regional Cambridge International Symposium on Economic Crime* di Kuala Lumpur. Simposium ini merupakan salah satu projek di bawah Teras Strategik ke-5 SDP II untuk memperkenalkan *Cambridge International Symposium on Economic Crime* kepada pihak-pihak berkepentingan di rantau Asia.

PROGRAM TRANSFORMASI SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSMTP)


Pada 11 Disember 2015, SSM telah melancarkan *Blueprint Program Transformasi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSMTP)* bertujuan untuk mencapai visi baharu SSM. Visi ini diilhamkan untuk menjadikan SSM sebagai sebuah organisasi yang cekap, berkesan dan cemerlang dalam perkhidmatannya untuk meletakkan SSM sebagai Pendaftar dan

pengawal selia korporat yang terulung dan bertaraf dunia. Projek SSMTP ini dibahagikan kepada lima teras utama iaitu Strategi Perniagaan, Proses Perniagaan, Orang dan Organisasi, Teknologi (EA-Cluster) dan Pengurusan Perubahan. Laporan SSMTP *Blueprint* tersebut meliputi pelan-pelan transformasi SSM untuk lima tahun seterusnya. Kesimpulannya, SSMTP *Blueprint* ini adalah merupakan lanjutan daripada beberapa inisiatif utama di dalam SDP II.

Di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), Bab 9 iaitu Mentransformasikan Perkhidmatan Awam untuk Produktiviti jelas menyarankan bahawa penyampaian perkhidmatan perlu dipertingkatkan dan dilaksanakan dengan cepat dan tepat menerusi pendekatan yang kreatif dan inovatif. Antara usaha yang disarankan adalah untuk mewajarkan saiz perkhidmatan awam, menambah baik pengurusan bakat dan membangunkan nilai kompetensi sesuatu organisasi. Penekanan juga diberikan kepada pelaksanaan projek yang memanfaatkan institusi Kerajaan tempatan melalui langkah pemerkasaan, penglibatan pihak berkepentingan serta usaha sama erat dengan komuniti perniagaan dan masyarakat setempat. Kesan menyeluruh yang disasarkan adalah peningkatan perkhidmatan awam berfokuskan rakyat (rakyat centric) yang disokong dengan bakat yang lebih berkemahiran, kurang lapisan hierarki dan birokratik, kurang pemusatan kerja serta perkhidmatan yang lebih mudah dicapai, cekap dan berkesan untuk rakyat.

Melihat kepada keperluan ini, penganalisaan lanjut ke atas projek-projek di bawah SSMTP mendapati ianya selari dengan kehendak dan keperluan RMK-11 dan seterusnya menuju ke arah visi terkini SSM iaitu “Untuk Menjadi Pendaftar Korporat dan Pengawal Selia Terulung”. Terdapat lima matlamat iaitu Penambahbaikan Proses, Platform Teknologi Agil, Budaya Kerja Cemerlang, Persekitaran Perniagaan yang Dipercayai dan Nilai Berkekalan.

Projek-projek ini dilihat selari dengan agenda nasional, sebagai contoh, projek *To-Be Organisation Structure, Performance Based Reward Strategy, Core and Technical Competency Framework* yang akan menambah baik pengurusan bakat dan membangunkan nilai kompetensi warga kerja SSM. Manakala perubahan di dalam akta-akta baharu yang lebih moden dan komprehensif dapat mempercepatkan proses kerja, mengurangkan pemusatan kerja serta perkhidmatan yang lebih mudah dapat ditawarkan kepada rakyat.



PROJEK TRANSFORMASI SUMBER MANUSIA

PENYUSUNAN SEMULA STRUKTUR ORGANISASI *TO-BE*

Struktur organisasi *To-Be* mentakrifkan bagaimana aktiviti seperti pengagihan tugas, penyelarasan dan penyeliaan disusun ke arah pencapaian matlamat SSM. Dengan penggunaan teknologi baharu yang diadaptasi melalui SSMT, akan terdapat pengurangan dalam beberapa proses kerja dan prosedur. Oleh yang demikian, keperluan untuk mengkaji semula dan menilai keupayaan sumber manusia sedia ada adalah perlu bagi menggambarkan perubahan-perubahan tersebut.

Selain daripada itu, terdapat juga keperluan untuk merangka penempatan baharu, *reskill* dan peningkatan kemahiran kakitangan sokongan SSM dalam usaha untuk mengambil peranan yang lebih mencabar dan menyokong struktur berbentuk “Berlian” dan beralih daripada struktur “Piramid” tradisional.

Setelah melalui proses transformasi organisasi, kini SSM mempunyai tiga Pejabat utama di bawah Ketua Pegawai Eksekutif, 12 Bahagian dan enam Seksyen bebas di Ibu Pejabat serta 22 Pejabat Negeri/Cawangan/Kaunter servis di seluruh negara.

STRATEGI PENGAMBILAN

Talent Acquisition (TA) menyumbang dalam memenuhi pelan tenaga kerja organisasi dan ini dilakukan dengan mengisi kekosongan calon dalaman atau luaran. Strategi pemerolehan bakat akan mendorong pasukan TA untuk beralih daripada mod reaktif kepada pandangan yang lebih strategik dan secara proaktif menyediakan bakat dengan secara konsisten, mendapatkan dan mengekalkan kumpulan bakat yang aktif, merekrut dan melatih bakat yang terbaik untuk organisasi.

Proses pengambilan ialah sub proses TA, kerana pengambilan boleh dilihat sebagai penetapan jangka pendek untuk mengisi kekosongan, manakala TA dilihat sebagai peranan strategik perancangan jangka panjang yang lebih lama dalam membantu organisasi mencapai matlamat perniagaannya.

Antara strategi pengambilan dan kenaikan pangkat di SSM adalah menggunakan kaedah seperti *Succession Planning* dan *Talent Identification* melalui kaedah *Talent Pool*, Psikometrik, *Harrison Assessments* dan teknik temuduga *Competency Based Evaluation* (CBE).

Personality Balance

Attitudes

Motivation

Interpersonal Skills

Decision Making Skills

Work Environment

Interest

Task Requirements

Harrison Assessments™ Talent Solutions 8 Suitability Areas



STRATEGI GANJARAN BERASASKAN PRESTASI

Sistem pengurusan prestasi SSM memberi tumpuan kepada penilaian prestasi dan kecekapan yang menonjolkan kepentingan prestasi dan kecekapan dalam usaha untuk mencapai kejayaan di tempat kerja. Tujuan utama melaksanakan Sistem Pengurusan Prestasi dan Kecekapan (PCMS) baharu adalah untuk mencipta dan mengekalkan pasukan produktif yang penting untuk melaksanakan dan menyampaikan hasil. Akhirnya, SSM akan meningkatkan keupayaan kakitangannya dan menuju ke arah budaya berasaskan prestasi tinggi. Di samping itu, ia bertindak sebagai platform untuk memastikan semua pekerja dinilai dan diukur secara objektif berdasarkan KPI dan kecekapan. Ia mengukur dan menambah baik prestasi dan keupayaan pekerja, dan seterusnya meningkatkan potensi dan nilai masa depan mereka kepada organisasi.



PENGURUSAN BAKAT

SSM telah menyediakan kerangka tambahan kepada sistem Pengurusan Bakat iaitu Program Pembangunan Eksekutif dan *Talent Pipeline* untuk memastikan penyediaan kumpulan bakat yang berterusan untuk SSM. Program tersebut merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- ▶ Mengguna pakai metodologi grid sembilan kotak untuk mengenal pasti pekerja berprestasi tinggi dan berpotensi tinggi di G54 dan ke atas untuk dimasukkan ke dalam kumpulan bakat;
- ▶ Membangunkan pelan pembangunan yang tersusun dan dipercepatkan untuk mereka yang berada dalam kumpulan bakat untuk menjadi pengganti berpotensi untuk jawatan kritikal. Pembangunan ini akan disemak secara berkala oleh Jawatankuasa Pembangunan Bakat dan Pelan Penggantian (JPBPP).
- ▶ Membangunkan proses untuk mengurus pekerja G54 dan ke atas yang lain yang tidak berada dalam kumpulan bakat.



Semua kemasukan pekerja baharu akan melalui kursus yang menyeluruh berhubung operasi SSM dan pembinaan jati diri bagi meningkatkan keupayaan mental dan fizikal untuk berhadapan dengan persekitaran pekerjaan yang dinamik

PEMBANGUNAN KOMPETENSI TEKNIKAL

SSM mengambil inisiatif untuk menyemak semula Kompetensi Teknikal dan melihat semula kaitannya dengan fungsi tugas Bahagian dan Seksyen mengikut kesesuaian deskripsi masing-masing. Sesi semakan telah dijalankan bersama-sama Ketua Bahagian, Ketua Unit dan ahli-ahli Seksyen/Bahagian masing-masing.

Hasil akhir bagi projek Kompetensi Teknikal ialah pembangunan Rangka Kerja Kompetensi Teknikal yang boleh menjadi garis panduan kesemua warga kerja SSM.

DEVELOPMENT NEEDS ANALYSIS

SSM juga menjalankan aktiviti *Training Needs Analysis* (TNA) dan *Course Content Review* setiap tahun berasaskan kamus kompetensi teknikal, asas dan kepimpinan bagi memastikan keperluan latihan pekerja sentiasa dikemaskini dan mengikut perkembangan semasa. Carta aliran bagi proses tersebut adalah seperti berikut:



PROGRAM KEPIMPINAN STRATEGIK

SSM juga turut mengenal pasti empat Kompetensi Kepimpinan untuk digunakan di dalam pelbagai inisiatif seperti menganjurkan Program Kepimpinan SSM berdasarkan Kompetensi Kepimpinan tersebut. Program Kepimpinan SSM dijalankan setiap tahun sama ada secara fizikal atau dalam talian mengikut kesesuaian keadaan semasa. Empat Kompetensi Kepimpinan tersebut adalah seperti berikut:

LC: LEADING CHANGE

CT1 - Critical Thinking: Logically identifying how different possible approaches are strong and weak, and analyzing these judgments

SL: STRATEGIC LEADERSHIP

BA1 - Business Alignment: Aligns the direction, products, services, and performance of a business unit in line with the rest of the organisation. Sees the big, long-range picture and translates that into actionable vision / plans

LI: LEADING & INSPIRING OTHERS

RB1 - Relationship Building: Builds constructive working relationships characterised by a high level of acceptance, cooperation, and mutual respect

102 - Influencing Others: Gets others excited about and committed to furthering the organisation's objective



Kursus Kepimpinan SSM 2021


PELAN HALA TUJU STRATEGIK KETIGA SSM (2017 - 2023) (SDP III)

Pelan Hala Tuju Strategik SSM III (SDP III) yang dilaksanakan oleh SSM bermula dari tahun 2017 sehingga 2023 adalah merupakan kesinambungan daripada *Suruhanjaya Syarikat Malaysia Transformation Program Blueprint* (SSMTP Blueprint).

Antara projek-projek utama yang dirancang untuk dibangunkan dan berjaya dilaksanakan dalam SDP III adalah seperti berikut:



SSM STRATEGIC DIRECTION
PLAN III



Projek utama dalam SDP III yang sedang dalam pelaksanaan pembangunan adalah Projek Hala Tuju SSM. Projek Hala Tuju SSM adalah merupakan pelan transformasi teknologi dan IT untuk mengoptimumkan seluruh proses SSM (sama ada manual dan automatik) untuk menjadi persekitaran bersepadu yang responsif terhadap perubahan dan menyokong penyampaian perkhidmatan pendigitalan SSM.

PEMBANGUNAN SISTEM-SISTEM BAHARU SSM DI BAWAH PELAN HALA TUJU (HT) SSM



HT1 MYLLP

- ▶ Sistem interim bagi transaksi melibatkan entiti perkongsian liabiliti terhad (PLT).
- ▶ Dilaksanakan secara dalaman dan *Quick Win*.
- ▶ Objektif projek adalah untuk menggantikan sistem MYLLP sedia ada serta menjimatkan kos penyelenggaraan dan sokongan.

HT2 Revenue Management System (RMS)

- ▶ Merupakan satu sistem kutipan hasil yang bersepadu yang dapat menyatukan pelbagai sistem kutipan hasil di SSM.
- ▶ Kepelbagaian sistem kutipan hasil iaitu daripada sistem utama SSM dapat berintegrasi dengan sistem RMS dan seterusnya berintegrasi dengan sistem kewangan SSM yang baharu iaitu sistem *Financial Management System (FMS)*.

HT3 Registration of Business (ROB)

- ▶ Dilaksanakan secara *Quick Win* melalui penambahbaikan EzBiz Portal bagi memastikan semua aktiviti pendaftaran perniagaan dapat dilakukan secara dalam talian iaitu:
 - Membangunkan modul B4 - Perubahan Maklumat Pemilikan Perniagaan.
 - Insentif Orang Kurang Upaya (OKU).
- ▶ Projek ini telah berjaya diselesaikan sepenuhnya pada 28 Januari 2021 dan mendapat pengesahan bagi *Project Certificate Completion (PCC)* pada 25 Februari 2021.

HT4 Corporate Registry System (CRS)

- ▶ Merupakan pembangunan sistem teras SSM yang menggabungkan entiti perniagaan, syarikat dan PLT dan dibangunkan menggunakan konsep *Single Database*.
- ▶ Skop kerja yang terlibat di dalam HT4-CRS adalah terdiri daripada:
 - Pembangunan *Module Registration, Module Information Updates, Module Enforcement, Module Common Functional and Module Non Common Functional*
 - Menaik taraf IDAMAN (Sistem Repositori Dokumen Berpusat)
 - Melaksanakan integrasi sistem dengan *source system* seperti MBRS, Product Portal IDAMAN, RMS, CRM, *Data Analytic* dan MPSI
 - Melaksanakan kerja-kerja data migrasi dari sistem legasi CBSROC, CBSROB dan LLP
 - Melaksanakan *change management*, latihan pengguna, *train the trainer* dan *transfer of technology*

HT5 Enterprise Content Management (ECM)

- ▶ Pelaksanaan ditangguhkan sehingga projek HT4-CRS dilaksanakan untuk melihat sejauh mana penambahbaikan Sistem IDAMAN yang dilaksanakan di dalam HT4-CRS memenuhi keperluan organisasi.

HT6 Data Management

- ▶ Membangunkan sistem kepada pekerja SSM yang terlibat di dalam pengurusan data dan maklumat di SSM melalui dasar tadbir urus pengurusan data, amalan terbaik industri dan platform teknologi terkini.
- ▶ Mewujudkan budaya analitik yang kondusif di SSM dan dapat memenuhi keperluan pihak berkepentingan dengan menyalurkan maklumat yang bernilai tinggi, cepat dan cekap.
- ▶ Membudayakan amalan pengurusan data yang cekap dan berkesan di SSM.

HT7 *Single Database*

- ▶ Konsep dan *prototype single database*.
- ▶ Pembangunan konsep dan *prototype* bagi pelaksanaan *single database* di SSM.

HT8 *Financial Management System (FMS)*

- ▶ Sistem pengurusan kewangan yang komprehensif, berautomasi dan berintegrasi penuh dengan sistem-sistem lain iaitu Sistem Pengurusan Hasil SSM (RMS), Sistem Pengurusan Gaji, Sistem Tuntutan HR (e-BSK), Sistem Perolehan, Sistem Pengesanan dan Penandaan Aset (FATTS), serta Sistem Pemantauan Pengurusan Stor (SPPS)
- ▶ Mematuhi piawaian perakaunan oleh Jabatan Akauntan Negara dan mematuhi keperluan *Standard Accounting System for Government Agency (SAGA)*.

HT9 *Customer Relationship Management (CRM)*

- ▶ Pembangunan Projek HT9-CRM adalah usaha SSM untuk memberikan pengalaman pelanggan yang terbaik dengan penuh hormat melalui khidmat nasihat yang berkualiti, serta pada masa yang sama menjana pendapatan melalui inovasi perkhidmatan.
- ▶ Projek HT9-CRM yang melibatkan pembangunan sistem CRM adalah merupakan kaedah pengurusan pelanggan secara sistematik yang membolehkan organisasi membuat analisis berdasarkan rekod pelanggan bagi tujuan menambah baik pengalaman.

HT10 *Building Facilities System* *Computerised Maintenance Management System (CMMS), Room Booking and Asset Management*

- ▶ Keperluan pengguna dicapai dengan penambahbaikan sistem sedia ada.

HT11 *Administration System* *(e-Perolehan, Fleet Management)*

- ▶ Pelaksanaan sistem e-Perolehan sahaja
- ▶ Sistem e-Perolehan dirancang untuk dibangunkan bagi menyediakan satu sistem kepada Unit Perolehan SSM untuk menggantikan proses-proses manual yang dilakukan pada masa sekarang.

HT12 *Human Resource Management System (HRMS) & e-SSM*

- ▶ Penambahbaikan akan dilaksanakan di dalam Sistem HRMS dari *Version 7* kepada *Version 10* bagi sistem sedia ada.
- ▶ Sistem e-SSM tidak akan diteruskan tetapi penambahbaikan akan dilakukan bagi Sistem e-BSK sedia ada.

HT13 *Knowledge Management & e-Learning*

- ▶ Projek ini ditangguhkan pelaksanaan bagi tahun 2021 dan akan dijalankan pada tahun berikutnya.

HT14 *Movable Property Security Interest (MPSI)*

- ▶ Projek ini akan memperkenalkan kerangka perundangan dan sistem pendaftaran untuk harta alih yang digunakan sebagai sekuriti kepentingan atau cagaran bagi mendapatkan pinjaman, pembiayaan atau menjalankan suatu obligasi. Kerangka perundangan ini juga akan memberikan pengiktirafan kepada kelas-kelas harta alih yang sebelum ini tidak diterima secara meluas oleh institusi pembiayaan kewangan sebagai kolateral (seperti harta intelek) sekaligus membolehkan peminjam terutamanya PKS untuk memanfaatkan semua harta alih yang dimiliki bagi membantu membangunkan dan mengembangkan perniagaan.
- ▶ Projek ini dijangka akan dilaksanakan pada suku kedua 2023.

KESIMPULAN

Pelan Hala Tuju Strategik (SDP) dan Program Transformasi SSM (SSMTP) yang dilaksanakan SSM menjadi asas kepada perubahan penting dalam proses kerja dalaman dan merupakan pendorong dalam menjayakan proses penstrukturan semula SSM daripada sebuah entiti baharu 20 tahun lalu kepada organisasi dinamik pada masa ini yang berupaya untuk mara ke hadapan dan mendepani cabaran demi mencapai objektif strategik yang disasarkan.

Perubahan struktur yang berlaku terhadap penggunaan teknologi, sumber modal insan dan proses kerja dalaman telah memacu SSM untuk mempertingkatkan produk dan perkhidmatan baharunya. Melalui SDP, sistem IT SSM telah mengalami perubahan yang ketara bagi mendorong peningkatan kecekapan dalam kedua-dua sistem pendaftaran perniagaan elektronik baharu, e-Lodgement dan dalam mendapatkan maklumat tentang perniagaan yang telah didaftarkan. Seterusnya melalui SSMTP pelbagai kejayaan dicapai dalam pembangunan teknologi yang membantu komuniti usaha niaga negara untuk mengurangkan kos membuat perniagaan dengan kepantasan masa.

Hasil daripada transformasi merentas organisasi secara menyeluruh, SSM telah berjaya melaksanakan pendekatan baharu yang lebih berorientasikan pasaran untuk penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien kepada masyarakat awam.



Majlis Penghargaan Projek HT3-Registration of Business (ROB)

Namun begitu, perkembangan digital yang kian rancak kebelakangan ini dan ditambah pula dengan norma baharu kehidupan yang berpunca daripada pandemik COVID-19 telah menyebabkan orang ramai semakin peka tentang kualiti, kepantasan dan keselesaan perkhidmatan yang diterima dan pilihan yang disediakan untuk mereka. Keperluan untuk bertindak balas kepada perubahan teknologi, terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan awam, telah menyebabkan SSM terbeban dengan peningkatan kos operasi.

Permintaan daripada pihak berkepentingan untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih cekap, telus dan lebih berorientasikan pelanggan selain penyediaan penyelesaian bagi isu perniagaan yang lebih rumit telah menyebabkan peningkatan kos operasi. Cabaran besar bagi SSM adalah untuk mencari cara baharu untuk memenuhi permintaan ini tetapi masih mengekalkan keseimbangan antara kekangan perbelanjaan yang terhad dan memenuhi jangkaan pihak berkepentingan.

Justeru, adalah dijangkakan bahawa dalam menempuh cabaran era pasca pandemik untuk beberapa tahun yang akan datang, SSM mungkin berdepan beberapa cabaran paling sukar sebagai Pendaftar dalam persekitaran ekonomi yang pesat berubah dan tidak menentu. Namun begitu, SSM sebagai agensi yang matang akan terus berusaha demi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pihak-pihak yang berkepentingan.



Bengkel Semakan Dokumen Request for Information dan Memuktamadkan Dokumen Data Governance Framework and Policy Serta Data Management Organization Chart Bagi Projek HT6-Data Management



BAB 7

MEMELIHARA KEBAJIKAN, MENIKMATI KESEJAHTERAAN

Pengenalan	116
Inisiatif SSM Membantu Komuniti Korporat semasa Pandemik COVID-19	117
Inisiatif SSM bagi Menggalakkan Rakyat Memilih Perniagaan sebagai Kerjaya	123
Inisiatif SSM Membantu Masyarakat yang Kurang Berkemampuan	128

MEMELIHARA KEBAJIKAN, MENIKMATI KESEJAHTERAAN



YB Menteri PDNHEP, Dato Sri Alexander Nanta Linggi menyampaikan sijil pendaftaran perniagaan kepada Mohd Nor Abdullah yang mendaftar di bawah Skim 1 OKU 1 Perniagaan secara percuma. Mohd Nor Abdullah, individu kurang upaya menjalankan perniagaan menjual nasi lemak di Cheras, Kuala Lumpur pada 2 Disember 2020

PENGENALAN

Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility, CSR) adalah satu agenda global penting yang diamalkan dalam kalangan organisasi di seluruh dunia. CSR merupakan agenda global penting yang dimanfaatkan untuk membolehkan golongan masyarakat yang terpinggir dan kurang berkemampuan untuk meneruskan kelangsungan hidup dan seterusnya berupaya untuk menyertai ekonomi arus perdana.

SSM sebagai sebuah agensi berautonomi dan mempunyai sumber kewangan yang tersendiri, mempunyai mandat serta keflexibelan untuk melaksanakan pelbagai program di bawah agenda CSR. SSM sentiasa cakna dan prihatin terhadap nasib golongan yang terpinggir dan kurang berkemampuan khususnya di negara ini, dan beriltizam untuk berkongsi sedikit sebanyak perolehan pendapatannya bersama rakyat di negara ini demi memelihara kebajikan dan menikmati kesejahteraan. Di samping itu, sebagai agensi yang mempromosikan agenda CSR untuk dilaksanakan oleh syarikat korporat dan organisasi lain di negara ini, SSM sendiri perlu menunjukkan contoh yang terbaik dalam pelaksanaan CSR.

Program-program di bawah agenda CSR SSM dilaksanakan melalui tiga pendekatan, iaitu dengan:

- ▶ Menyediakan kelonggaran dari segi perundangan dan peraturan kawal selia sewaktu berlakunya krisis. Contohnya dalam tempoh krisis pandemik COVID-19, SSM telah menyediakan pelbagai inisiatif pelonggaran peraturan kawal selia demi membantu perniagaan dan syarikat yang terkesan.
- ▶ Menawarkan kemudahan perkhidmatan dan produk SSM secara percuma atau mengecualikan bayaran fi yang tertentu kepada golongan kurang berkemampuan dan golongan sasar. Ini termasuk memberikan pengurangan kompaun buat sementara waktu dan menggantikan semula sijil pendaftaran yang hilang atau rosak pada tempoh berlakunya bencana alam atau krisis yang meruncing.
- ▶ Memberikan bantuan kewangan atau bantuan barang keperluan secara langsung kepada golongan rentan secara bersasar melalui program wakalah zakat korporat SSM.

Bahagian yang selanjutnya dalam Bab ini akan memberikan pencerahan tentang ketiga-tiga pendekatan yang dilaksanakan oleh SSM dalam usaha berterusan menjayakan agenda CSR ini demi mencapai kemakmuran bersama.

INISIATIF SSM MEMBANTU KOMUNITI KORPORAT SEMASA PANDEMIK COVID-19

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia pada akhir suku keempat tahun 2019 telah memberi impak kemudaratan yang besar kepada kehidupan manusia sejagat dan kegiatan ekonomi global. Krisis kesihatan awam yang terburuk, dan belum pernah berlaku sejak 100 tahun lalu telah melumpuhkan hampir sepenuhnya kegiatan perniagaan di seluruh pelosok dunia, dan Malaysia, tidak terkecuali.

Bagi membendung pandemik COVID-19, Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang meliputi hampir keseluruhan tahun 2020 dan sebahagian besar tahun 2021. PKP ialah langkah pencegahan yang dilaksanakan bagi menghalang orang ramai bergerak bebas agar virus COVID-19 tidak menular dengan meluas dan menjangkiti manusia. Selain itu, Kerajaan juga mengarahkan pelaksanaan norma baharu bertujuan membendung gejala itu, seperti larangan berkumpul, mengadakan majlis keraian, mengehadkan aktiviti sosial, dan sebagainya. Keadaan ini mengakibatkan impak yang sangat besar kepada rakyat, lebih-lebih lagi terhadap para penggiat sektor perniagaan.

Pandemik ini telah benar-benar merubah dunia, lantas kesinambungan kehidupan dan kegiatan perniagaan pasca pandemik masih tidak menentu.

Dalam sejarah penubuhan SSM sejak tahun 2002, inilah krisis ekonomi terburuk yang pernah dialami SSM. Namun, SSM tetap cakna kepada kebajikan komuniti rentan dan terkesan akibat pandemik.


“Semasa tempoh pandemik yang meruncing dalam tahun 2020, dapat diperhatikan bahawa bilangan perniagaan yang ditutup dan syarikat yang dibubarkan adalah berkurangan berbanding dengan tempoh pra-pandemik pada tahun 2019. Perkembangan ini boleh dikaitkan dengan impak positif hasil daripada pelbagai bentuk inisiatif yang disediakan Kerajaan, termasuk inisiatif SSM dalam membantu entiti perniagaan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS).”

*Puan Nor Azimah Abdul Aziz, KPE SSM,
The Edge Malaysia Weekly: Edisi 29 Mac - 4 April 2021*

Pada tahun 2020 hingga 2021, Kerajaan telah mengumumkan pelbagai langkah bagi mengurangkan bebanan yang ditanggung golongan rentan yang terjejas akibat COVID-19, termasuk untuk komuniti perniagaan dan sektor korporat.

SSM menyokong usaha Kerajaan Malaysia membantu golongan yang terkesan dan bersama-sama melaksanakan inisiatif bagi membantu rakyat untuk mendepani akibat pandemik COVID-19 yang sangat dahsyat.

YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) pada 17 Mac 2021¹ di mana tiga daripada inisiatif yang tersebut melibatkan SSM. Beliau juga mengumumkan inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Rakyat Prihatin (PRIHATIN) PKS+ pada 5 April 2020 di mana satu inisiatif tersebut melibatkan SSM².



- ¹ 1. Daftar perniagaan percuma untuk OKU
2. Nilai ambang keterhutangan dinaikkan kepada RM50,000
3. Pendaftaran perniagaan percuma B40 dan pelajar IPT
- ² Moratorium 30 hari dari tarikh akhir PKP untuk serah simpan dokumen berkanun

INISIATIF SSM PADA TAHUN 2020 BAGI MEMBANTU KOMUNITI PERNIAGAAN SEMASA PKP



Melaksanakan tempoh moratorium 30 hari dari tarikh berakhir Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk serah simpan dokumen berkanun SSM. Bermula 18 Mac 2020 sehingga 30 September 2020, sejumlah 250,640 dokumen berkanun telah diberi kemudahan moratorium ini.



Pengecualian fi lewat serah simpan bagi serah simpan dokumen berkanun syarikat berikutan arahan Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa kawasan di Malaysia bagi membendung gelombang ketiga pandemik COVID-19. Sehingga 31 Disember 2020, SSM telah memberikan pengecualian fi kepada 57,693 permohonan.



Melanjutkan jangka masa 3 bulan serah simpan penyata kewangan kepada SSM dan pematuhan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) serta pengecualian fi sebanyak RM100 bagi kedua-dua transaksi. Sebanyak 261,891 syarikat yang mempunyai tahun kewangan berakhir pada 1 September 2019 hingga 31 Mac 2020 telah mendapat manfaat daripada inisiatif ini. Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada 3,570 syarikat Berhad yang diberikan pelanjutan masa untuk mengadakan AGM dengan membuat permohonan kepada SSM.




Menaikkan nilai ambang keterhutangan daripada RM10,000 kepada RM50,000 dan memberikan tempoh enam bulan untuk menjawab notis tuntutan. Inisiatif ini telah berjaya menunjukkan penurunan yang ketara dalam jumlah Petisyen Penggulangan yang diserahkan simpan ke SSM bagi tempoh bulan April 2020 hingga Disember 2020 iaitu sebanyak 665 petisyen berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019 dengan 1,760 petisyen dan 2018 sebanyak 1,533 petisyen.



Memberi pengecualian kelulusan kepada Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) membuat kutipan sumbangan. Pengecualian ini diberikan untuk tempoh kutipan sumbangan sehingga 31 Disember 2020.



Melanjutkan tempoh masa bagi setiausaha syarikat mematuhi keperluan 20 mata untuk Continuing Professional Education (CPE) bagi pembaharuan perakuan amalan sehingga 31 Disember 2020 iaitu pematuhan kepada Seksyen 241 AS2016. Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 683 daripada 4,138 permohonan pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Setiausaha (PC) telah diluluskan dengan lanjutan masa diberikan untuk mengumpul jumlah mata CPE yang ditetapkan.




Pengurangan
Kompaun

Memberikan kadar pengurangan kompaun dengan maksimum sebanyak 90 peratus bagi kesalahan lazim di bawah AS1965 dan AS2016. Dalam tempoh 1 April 2020 hingga 30 Jun 2020, sebanyak 2,406 notis kompaun telah mendapat pengurangan melalui inisiatif ini.



Pengecualian
Kompaun

Inisiatif pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan di bawah APP1956. Sehingga 31 Disember 2020, sejumlah 191,802 pemilik perniagaan telah menerima manfaat pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan.



Pengurangan
Kompaun

Insentif pengurangan kompaun sebanyak 90 peratus bagi permohonan pembatalan nama syarikat di bawah Seksyen 549/550 AS2016. Dalam tempoh daripada 17 Ogos 2020 hingga 31 Disember 2020, sebanyak 2,626 syarikat telah menerima manfaat pengurangan kompaun ini.



Pengecualian
Kompaun

Pengecualian kompaun bagi kegagalan serah simpan dokumen berkanun di bawah AS2016. Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada 194,352 syarikat yang berkewajipan untuk membuat serah simpan penyata tahunan kepada SSM dalam tempoh bulan September 2020 hingga Disember 2020.



Memberikan pelanjutan masa untuk pendaftaran percuma SSM BizTrust. Statistik sehingga 31 Disember 2020 menunjukkan sebanyak 4,410 entiti perniagaan dalam talian telah berdaftar dengan SSM BizTrust dengan sejumlah 858 entiti perniagaan didaftarkan sepanjang tahun 2020.

INISIATIF SSM PADA TAHUN 2021 BAGI MEMBANTU KOMUNITI PERNIAGAAN SEMASA PKP



Memperkenalkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang memberikan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa. Bermula pada 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 26,302 pendaftaran perniagaan secara percuma telah diberikan kepada 17,908 usahawan kumpulan B40 dan 8,394 pelajar IPT sepenuh masa.



S101P

Meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S101P). Statistik jumlah pendaftaran perniagaan di bawah S101P bagi tempoh 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 adalah sebanyak 1,752.




Melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2021. Sejak dari pengenalan SSM BizTrust sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 820,753 entiti perniagaan secara fizikal berdaftar dengan SSM BizTrust melalui inisiatif terbaharu ini.

Pengecualian
Kompaun

Mengecualikan kompaun atas kelewatan pembaharuan dan kelewatan mendaftarkan perniagaan sehingga 31 Disember 2021.

Statistik pengecualian kompaun bagi tempoh 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti di bawah:

- ▶ Kompaun kelewatan pembaharuan perniagaan
 - Jumlah perniagaan: 518,911
- ▶ Kompaun kelewatan mendaftarkan perniagaan
 - Jumlah perniagaan: 3,876

Pengurangan
Kompaun

Mengurangkan kompaun sebanyak 90 peratus daripada nilai asal bagi permohonan pembatalan nama syarikat di bawah Seksyen 549/ 550 AS2016 sehingga 31 Disember 2021. Kompaun pembatalan nama syarikat di bawah Seksyen 549/ 550 AS2016 bagi tempoh 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti di bawah:

- ▶ Jumlah notis: 27,105
- ▶ Jumlah syarikat: 6,355
- ▶ Jumlah pengarah: 8,574



Menaikkan nilai ambang keterhutangan dari RM10,000 kepada RM50,000 secara kekal berkuatkuasa pada 1 April 2021. Inisiatif kenaikan nilai ambang keterhutangan dari RM10,000 ke RM50,000 telah berjaya menunjukkan penurunan yang ketara dalam jumlah petisyen penggulungan yang diserahkan simpan ke SSM.



Mengiktiraf semua 20 mata Continuous Professional Education (CPE) setahun dikumpul melalui latihan secara dalam talian bagi tujuan pembaharuan Sijil Amalan Setiausaha Syarikat bermula 1 Januari 2021. Sebanyak 4,045 permohonan pembaharuan Perakuan Amalan Setiausaha telah diterima dan diluluskan melalui sistem *e-secretary* mulai 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021.



RUU AS2016

Mencadangkan pindaan bagi menambahbaik peruntukan-peruntukan di bawah AS2016 berkaitan mekanisme penyelamat korporat dan skim kompromi atau perkiraan.

Rang Undang-Undang (RUU) ini bertujuan untuk memperkasa dan menambahbaik kerangka perundangan sedia ada berkaitan rehabilitasi korporat untuk membantu syarikat yang menghadapi masalah kewangan.

RUU ini juga membolehkan syarikat yang menghadapi masalah kewangan tetapi mempunyai kemampuan untuk terus berdaya saing memasuki rehabilitasi dengan pemiutang melalui cadangan pindaan yang bersifat fasilitatif.

RUU
APLT2012

Memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkaitan mekanisme penyelamat korporat di bawah APLT2012

Pindaan yang dicadangkan antaranya bagi tujuan memperkenalkan keseluruhan kerangka mekanisme penyelamat korporat dalam AS2016 serta pindaan-pindaan yang berkaitan untuk turut terpakai ke atas PLT.



Memperkenalkan moratorium 30 hari selepas tamat tempoh *Total Lockdown* untuk serah simpan dokumen berkanun di bawah AS2016 dan APLT2012 dan pengecualian fi lewat serah simpan. Jumlah transaksi yang mendapat pengecualian fi lewat serah simpan bermula 1 Jun 2021 sehingga 31 Disember 2021 adalah sebanyak 208,367 transaksi.

³ SSM memberikan *pelanjutan masa 90 hari bagi syarikat dengan tahun kewangan berakhir 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021* bagi:

- ▶ Mengedarkan *penyata kewangan*;
- ▶ Mengadakan *Mesyuarat Agung Tahunan (AGM)*; dan
- ▶ Menyerah simpan *penyata kewangan*.



Melanjutkan masa 90 hari bagi syarikat dengan tahun kewangan berakhir 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021. Sejak mula diperkenalkan sehingga 31 Julai 2021, inisiatif ini telah berjaya memberi manfaat kepada sejumlah 102,743 syarikat yang mempunyai tahun kewangan berakhir pada 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021³.

Syarikat-syarikat boleh menyediakan penyata kewangan dan menyempurnakan dokumen-dokumen statutori berkaitan serta membolehkan firma-firma audit menyiapkan tugas yang tertanggung dalam jangka waktu yang lebih selesa.

*Fi sebanyak RM100 dikecualikan terhadap syarikat yang terjejas bagi tujuan *pelanjutan masa* tersebut.*

KISAH KEJAYAAN INISIATIF SSM: IMPAK KENAIKAN NILAI AMBANG KETERHUTANGAN

Untuk mengurangkan tindakan penggulungan terhadap syarikat yang terkesan dengan krisis pandemik COVID-19, SSM telah menaikkan nilai ambang keterhutangan di bawah Seksyen 466 AS2016 daripada RM10,000 kepada RM50,000.

Selain itu, memandangkan impak pandemik COVID-19 ini boleh menjejaskan aliran tunai syarikat dan memberi impak terhadap kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa yang agak panjang, tempoh untuk menjawab notis tuntutan oleh sesebuah syarikat juga telah dipanjangkan kepada enam bulan berbanding tempoh 21 hari sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Pelanjutan tempoh* untuk menjawab notis tuntutan dari 21 hari ke enam bulan berkuatkuasa dari 23 April 2020 hingga 31 Disember 2020.

Kesan pelaksanaan ini telah menunjukkan penurunan yang ketara dalam jumlah Petisyen Penggulungan yang diserahkan ke SSM. Bagi tempoh bulan April 2020 hingga Disember 2020, hanya 665 petisyen penggulungan diserahkan simpan berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019 dan 2018 iaitu sebanyak 1,760 dan 1,533. Penurunan ini sekaligus membuktikan bahawa inisiatif tersebut dapat membantu mengekalkan *survival* syarikat dalam menghadapi cabaran COVID-19.

Setelah mengambil kira ketidakpastian keadaan ekonomi global dan dalam negara yang berterusan akibat pandemik COVID-19, SSM sekali lagi mengambil inisiatif untuk menaikkan nilai ambang keterhutangan syarikat dari RM10,000 kepada RM50,000 secara kekal berkuatkuasa 1 April 2021.

Tindakan pengendalian nilai ambang keterhutangan syarikat kepada amaun yang melebihi RM50,000 berbanding nilai ambang keterhutangan sedia ada iaitu RM10,000 adalah penting bagi meringankan beban syarikat yang menghadapi masalah aliran tunai daripada tindakan penggulungan.

Kenaikan nilai ambang keterhutangan syarikat ini dijangka akan dapat mengurangkan jumlah petisyen penggulungan syarikat dan syarikat mampu meneruskan urusan perniagaan korporat dengan yakin serta masih mematuhi undang-undang syarikat berdasarkan relief kekal nilai amaun keterhutangan yang diberikan.

Jumlah ini dianggap bersesuaian kerana ianya tidak terlalu rendah sehingga menyebabkan syarikat diambil tindakan penggulungan oleh mana-mana pemiutang dengan jumlah hutang yang kecil, tetapi tidak terlalu tinggi sehingga menyebabkan pemiutang kecil terbeban akibat tidak boleh mengambil tindakan penggulungan terhadap syarikat tersebut.

Melalui inisiatif ini, hanya 1,245 permohonan penggulungan telah didaftarkan pada tahun 2021.

SSM percaya pelaksanaan inisiatif ini dapat membantu menyokong sektor korporat dalam tempoh pemulihan ekonomi khususnya kepada syarikat yang terjejas akibat tempoh wabak COVID-19.

INISIATIF SSM PADA TAHUN 2022 BAGI MEMBANTU PEMULIHAN EKONOMI NEGARA



Melanjutkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang memberikan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa.




Melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2022



S101P

Meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S101P)



Mengurangkan kompaun sebanyak 90 peratus daripada nilai asal kompaun bagi semua kesalahan di bawah AS1965 bermula 1 Mac 2022 sehingga 30 Jun 2022.

Pengurangan
Kompaun



RUU AS2016

Mencadangkan pindaan bagi menambahbaik peruntukan-peruntukan di bawah AS2016 berkaitan mekanisme penyelamat korporat dan skim kompromi atau perkiraan

SSM sedang dalam proses memuktamadkan draf-draf Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan). Rang Undang-Undang (RUU) ini bertujuan untuk memperkasa dan menambahbaik kerangka perundangan sedia ada berkaitan rehabilitasi korporat untuk membantu syarikat yang menghadapi masalah kewangan tetapi mempunyai kemampuan untuk terus berdaya saing memasuki rehabilitasi dengan pemiutang melalui cadangan pindaan yang bersifat fasilitatif, antaranya adalah seperti berikut:

- ▶ meluaskan pemakaian mekanisme penyelamat korporat sedia ada iaitu perkiraan sukarela korporat (corporate voluntary arrangement) dan pengurusan kehakiman (judicial management) kepada lebih banyak kategori syarikat termasuk syarikat awam yang disenaraikan (public listed company);
- ▶ menambahbaik peruntukan berkaitan skim perkiraan atau kompromi (scheme of arrangement) dengan menyediakan prosedur yang lebih efisien bagi membolehkan syarikat mendapatkan perintah halangan daripada tindakan penggulungan atau perundangan oleh pemiutang;
- ▶ memberikan kuasa kepada mahkamah untuk meluluskan skim perkiraan atau kompromi dengan memastikan hak-hak pemiutang minoriti tidak diprejudis;

- ▶ membolehkan syarikat yang telah memasuki skim perkiraan atau kompromi atau yang telah mendapat perintah pengurusan kehakiman mendapatkan pembiayaan penyelamat (rescue financing) serta memberikan perlindungan terhadap pembiayaan tersebut; dan
- ▶ menyediakan peruntukan yang melindungi pembekalan perkhidmatan atau barangan yang penting (supply of essential goods and services) kepada syarikat yang telah memasuki proses rehabilitasi.

Terdapat sejumlah 25 cadangan pindaan untuk diperkenalkan di dalam RUU ini yang merupakan penambahbaikan penting untuk membantu sektor korporat yang menghadapi masalah kewangan, terutama sekali akibat dari kesan pandemik COVID-19 terhadap ekonomi negara serta peranan SSM dalam menyokong inisiatif berterusan oleh Kerajaan.



RUU
APLT2012

Memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkaitan mekanisme penyelamat korporat di bawah APLT2012

SSM juga sedang melaksanakan pindaan RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2021 (RUU PLT). Pindaan yang dicadangkan antaranya bagi tujuan memperkenalkan keseluruhan kerangka mekanisme penyelamat korporat di dalam AS2016 serta pindaan-pindaan yang berkaitan untuk turut terpakai ke atas PLT.

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menambahbaik kerangka perundangan sedia ada berkaitan rehabilitasi korporat bagi PLT. Penambahbaikan serta pindaan untuk memperluaskan pemakaian perundangan berhubung mekanisme penyelamat korporat ini akan membantu PLT yang menghadapi masalah kewangan memohon proses rehabilitasi korporat agar PLT boleh terus beroperasi.

Tanpa kerangka perundangan yang komprehensif, entiti perniagaan seperti PLT akan menghadapi risiko untuk diambil tindakan penggulungan sekiranya mereka berdepan dengan masalah kewangan walaupun perniagaan tersebut hakikatnya masih berdaya maju. Dengan adanya peruntukan ini, manamana PLT yang menghadapi masalah kewangan tetapi masih berkemampuan serta berdaya saing boleh memanfaatkan mekanisme penyelamat korporat dengan memasuki pelan rehabilitasi dengan pemiutang mereka. Inisiatif ini adalah penting untuk membantu PLT yang menghadapi masalah kewangan, terutama sekali akibat dari kesan pandemik COVID-19 agar kekal beroperasi dan menjaga ekonomi negara.

LIPUTAN AKHBAR BERKAITAN INISIATIF-INISIATIF SSM BAGI MEMBANTU KOMUNITI PERNIAGAAN MENGHARUNGI CABARAN COVID-19



Bisnes

PENGURANGAN KOMPAUN 90%

KPDNHEP perkenal inisiatif baharu bagi semua kesalahannya Akta Syarikat 1965 hingga 30 Jun ini

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Perdagangan (KPDNHEP) akan memperkenalkan inisiatif baharu untuk memudahkan pengurusan kompaun sebanyak 90 peratus daripada nilai aset korporat bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 yang sedang dilaksanakan terutamanya. Menteri, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, inisiatif KPDNHEP ini bertujuan untuk memudahkan pengurusan kompaun bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 yang sedang dilaksanakan terutamanya. Menteri, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, inisiatif KPDNHEP ini bertujuan untuk memudahkan pengurusan kompaun bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 yang sedang dilaksanakan terutamanya.

Liputan Harian Metro - 28 Februari 2022



Pengurangan diberi bagi bantu peniaga hadapi suasana mencabar akibat Covid-19

SSM beri diskaun 90 peratus kompaun

Oleh SITI AYSYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA - Suruhannya Syarikat Malaysia (SSM) mengurangkan kompaun sebanyak 90 peratus daripada nilai aset korporat bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 yang telah dimansuhkan mulai esok.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Perdagangan, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pengurangan tersebut adalah sehingga 30 Jun, sekali gus diharap membantu komuniti peniaga memenuhkan perniagaan di dalam persekitaran perniagaan yang mencabar akibat penerusan wabak Covid-19.

Katanya, dalam masa sama, SSM juga memerasakan pelaksanaan inisiatif yang diperkenalkan tahun lalu seperti di bawah inisiatif kedua iaitu Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP).

Ujarnya, ia menawarkan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar Institut Pergajian Tinggi (IPT) sepenuh masa.

"Bagi inisiatif ketiga, SSM memerasakan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) secara percuma yang diharapkan dapat menggalakkan golongan orang kelainan upaya (OKU) mencuba bidang perniagaan secara sah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Inisiatif keempat pula, Alexander berkata, SSM akan melanjutkan hidang perniagaan secara sah, katanya dalam satu kenyataan semalam.

Secara percuma sehingga 31 Disember ini. Manakala inisiatif kelima, katanya, SSM mencadangkan pinjaman bagi menambak baik perniagaan.

"Inisiatif ini penting untuk bantu sektor korporat yang hadapi masalah kewangan, terutama sekali akibat daripada kesan pandemik Covid-19 agar kekal beroperasi dan menjaga ekonomi negara," ujarnya.

Liputan Kosmo - 28 Februari 2022



Inisiatif SSM bantu syarikat harungi cabaran COVID-19

Tindakan pengurangan jadi pilihan terakhir apabila inisiatif perniagaan terbukti mengambil tindakan rehabilitasi

Putrajaya, 28 Feb. - Suruhannya Syarikat Malaysia (SSM) mengurangkan kompaun sebanyak 90 peratus daripada nilai aset korporat bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 yang telah dimansuhkan mulai esok.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Perdagangan, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pengurangan tersebut adalah sehingga 30 Jun, sekali gus diharap membantu komuniti peniaga memenuhkan perniagaan di dalam persekitaran perniagaan yang mencabar akibat penerusan wabak Covid-19.

Katanya, dalam masa sama, SSM juga memerasakan pelaksanaan inisiatif yang diperkenalkan tahun lalu seperti di bawah inisiatif kedua iaitu Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP).

Ujarnya, ia menawarkan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar Institut Pergajian Tinggi (IPT) sepenuh masa.

"Bagi inisiatif ketiga, SSM memerasakan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) secara percuma yang diharapkan dapat menggalakkan golongan orang kelainan upaya (OKU) mencuba bidang perniagaan secara sah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Inisiatif keempat pula, Alexander berkata, SSM akan melanjutkan hidang perniagaan secara sah, katanya dalam satu kenyataan semalam.

Secara percuma sehingga 31 Disember ini. Manakala inisiatif kelima, katanya, SSM mencadangkan pinjaman bagi menambak baik perniagaan.

"Inisiatif ini penting untuk bantu sektor korporat yang hadapi masalah kewangan, terutama sekali akibat daripada kesan pandemik Covid-19 agar kekal beroperasi dan menjaga ekonomi negara," ujarnya.

Liputan Berita Harian - 15 Mac 2021



20 inisiatif lagi bantu rakyat, pacu ekonomi

Langkah proaktif posticon negara pulih daripada kesan pandemik

Putrajaya, 19 Mac. - Suruhannya Syarikat Malaysia (SSM) mengumumkan 20 inisiatif baharu untuk membantu rakyat dan pacu ekonomi negara pulih daripada kesan pandemik Covid-19.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Perdagangan, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, inisiatif ini bertujuan untuk memudahkan pengurusan kompaun bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 yang sedang dilaksanakan terutamanya.

Menteri, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, inisiatif KPDNHEP ini bertujuan untuk memudahkan pengurusan kompaun bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 yang sedang dilaksanakan terutamanya.

Liputan Berita Harian - 19 Mac 2021



Inisiatif SSM bantu komuniti bisnes

9 inisiatif SSM 2021

Putrajaya, 21 Feb. - Suruhannya Syarikat Malaysia (SSM) mengumumkan 9 inisiatif baharu untuk membantu komuniti bisnes dan pacu ekonomi negara pulih daripada kesan pandemik Covid-19.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Perdagangan, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, inisiatif ini bertujuan untuk memudahkan pengurusan kompaun bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 yang sedang dilaksanakan terutamanya.

Menteri, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, inisiatif KPDNHEP ini bertujuan untuk memudahkan pengurusan kompaun bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 yang sedang dilaksanakan terutamanya.

Liputan Mingguan Malaysia - 21 Februari 2021

INISIATIF SSM BAGI MENGGALAKKAN RAKYAT MEMILIH PERNIAGAAN SEBAGAI KERJAYA

Sebagai sebuah agensi Kerajaan yang mempunyai visi untuk menjadi pendaftar dan pengawal selia korporat terulung, SSM sentiasa menjadi pendorong utama untuk orang ramai menceburi bidang perniagaan sama ada sebagai penjana pendapatan yang utama atau sampingan.

Bidang perniagaan menjadi lebih kritikal pada zaman dunia dilanda pandemik COVID-19 di mana banyak syarikat dan perniagaan terpaksa gulung tikar dan ramai kehilangan sumber pendapatan bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Selari dengan itu, SSM memainkan peranan besar dan penting dalam membantu memacu ekonomi negara yang memfokuskan kepada usaha membantu golongan peniaga dengan memperkenalkan pelbagai bentuk inisiatif atau skim bagi semua golongan usahawan atau bakal usahawan, terutamanya golongan peniaga kecil dan penjaja.

Inisiatif-inisiatif ini diperkenalkan dengan tujuan untuk mengalakkan lebih ramai golongan usahawan B40 yang terjejas akibat pandemik COVID-19 untuk menceburi bidang perniagaan, menjana pulangan pendapatan tambahan yang dapat menampung kehidupan seharian mereka seterusnya merancakkan lagi pertumbuhan sektor perniagaan di negara ini.

Antara inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan oleh SSM untuk tujuan ini adalah Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) dan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P).


Bukan setakat itu, SSM juga sentiasa mengalakkan orang ramai yang mempunyai perniagaan untuk mendaftarkan perniagaan dengan SSM bagi memastikan perniagaan yang dijalankan adalah sah di sisi undang-undang.

Memiliki entiti perniagaan yang sah adalah penting untuk memberikan keyakinan kepada pelanggan yang ingin mendapatkan perkhidmatan atau produk yang ditawarkan. Perniagaan yang sah juga membolehkan usahawan merebut pelbagai bantuan yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti TEKUN, MARA dan lain-lain.

Selain itu, akaun semasa perniagaan boleh didaftarkan, peniaga boleh mengadakan kontrak atau perjanjian perniagaan dan berpeluang menyertai latihan keusahawanan yang disediakan oleh agensi serta Kerajaan.

SKIM 1 OKU 1 PERNIAGAAN (S1O1P)

Berkuatkuasa 23 Oktober 2012, SSM memperkenalkan S1O1P bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang ingin mendaftarkan perniagaan mereka dengan SSM di bawah APP1956 dengan pengecualian fi pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan.



Saya telah mendaftarkan perniagaan di bawah Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) secara percuma. Kepada sahabat OKU yang berminat menjalankan perniagaan, pastikan anda mendaftarkan perniagaan di bawah skim ini. Dengan ini, anda berpeluang menikmati bantuan latihan kemahiran, bantuan pembiayaan dan pelbagai bantuan yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan.

Muhamad Suhaimi Bin Sayuti
(202103243606)

Kategori Ketidakupayaan Fizikal
Usahawan Telekomunikasi
Kuala Terengganu

Di bawah APP1956, pengecualian fi pendaftaran dan pembaharuan perniagaan bagi S1O1P adalah RM30 setahun bagi perniagaan milikan tunggal menggunakan nama sendiri seperti di kad pengenalan dan RM60 setahun bagi perniagaan milikan tunggal atau perkongsian menggunakan nama tred.

Permohonan yang layak untuk skim ini adalah warganegara berumur 18 tahun dan ke atas mengikut syarat pendaftaran perniagaan, OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan OKU yang belum mendaftarkan perniagaan dan pembaharuan pendaftaran perniagaan menggunakan skim ini di SSM.

SSM ONLINE NETWORKING ENTREPRENEURS



SSM memperkenalkan sebuah program yang dikenali dengan nama *Online Networking Entrepreneurs* (ONE) bertujuan untuk menyalurkan maklumat berkaitan insentif oleh agensi-agensi Kerajaan, perkongsian maklumat, latihan dan kemudahan pembiayaan khususnya untuk golongan usahawan perniagaan dalam talian. Program ini berjaya mendorong bakal usahawan untuk menceburi bidang perniagaan dan secara tidak langsung merangsang pertumbuhan ekonomi negara.



YB Menteri PDNKK, Datuk Seri Hasan Malek melancarkan SSM-ONE 2015 di The Curve, Kuala Lumpur pada 4 Jun 2015. Turut hadir, YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim

SSM telah memperkenalkan program *Carnival Online Networking Entrepreneurs* (SSM ONE) pada tahun 2015 dan berjaya menganjurkan program SSM ONE diseluruh negara untuk menghubungkan usahawan-usahawan yang menjalankan perniagaan secara dalam talian dan menggalakkan mereka untuk menjalankan perniagaan secara formal dengan mendaftarkan perniagaan mereka di bawah APP1956. Setelah perniagaan dalam talian ini telah didaftarkan, usahawan dapat memanfaatkan pelbagai kelebihan yang disediakan kepada entiti perniagaan yang ditubuhkan secara sah, seperti pengiktirafan dari segi undang-undang dan keupayaan penguatkuasaan transaksi perniagaan, kelayakan mendapatkan pinjaman dan lain-lain insentif yang ditawarkan oleh agensi Kerajaan. Malah pengguna dapat berasa lebih selamat apabila berurusan dengan kedai maya kerana identiti dan kesahihan kewujudan perniagaan akan menjadi lebih telus.

Selain itu, program SSM ONE menyediakan pusat sehenti untuk mendapatkan nasihat berkaitan pematuhan undang-undang di bawah kawal selia SSM, maklumat disalurkan tentang pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, penyumberan kredit dan insentif untuk pembangunan perniagaan. Mendekati usahawan dalam talian

dan memastikan mereka mengetahui bahawa terdapat pelbagai insentif ditawarkan oleh Kerajaan yang membolehkan perniagaan kecil menjadi sebuah perniagaan yang disegani.

Program SSM ONE telah dilaksanakan dengan jayanya bermula di pusat membeli-belah The Curve pada 4 hingga 5 Jun 2015. Karnival ini bertujuan untuk merapatkan kumpulan usahawan dalam talian dengan usahawan konvensional dan pada masa yang sama, menawarkan khidmat nasihat, latihan dan bimbingan dari segi pembangunan model perniagaan, bantuan modal dan lain-lain. Karnival ini seterusnya diadakan di Pasir Gudang, Johor dari 2 hingga 3 Oktober 2015, di Kuching Sarawak dari 13 hingga 15 November 2015 dan seterusnya dijalankan di seluruh negara.

Melalui karnival ini juga, para usahawan dapat memperluaskan pengetahuan masing-masing dan merebut peluang untuk mendapatkan bantuan-bantuan Kerajaan, badan berkanun dan pertubuhan bukan Kerajaan sedia ada secara berpusat. Selain daripada pameran dan khidmat nasihat yang diberikan oleh SSM, karnival ini juga memperkenalkan personaliti tempatan yang berjaya dalam bidang perniagaan agar mereka boleh berkongsi pengalaman dan seterusnya memberi inspirasi kepada para usahawan. Pengunjung yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi membanjiri karnival ini dan dianggarkan sebanyak 20,000 ribu peserta telah turut serta.



YB Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berucap semasa Karnival Online Networking Entrepreneurs (ONE) yang berlangsung di Plaza Alam Sentral, Shah Alam dari 22 hingga 24 Januari 2016

Hasil daripada inisiatif ini, kumpulan usahawan yang hadir telah mendaftarkan perniagaan mereka seterusnya dapat menikmati pelbagai insentif yang ditawarkan Kerajaan selain beroperasi menurut rangka kerja undang-undang di bawah kawal selia SSM serta meningkatkan kepercayaan pengedar dan pelanggan masing-masing. Menerusi karnival ini, pemilik perniagaan dan usahawan dapat memanfaatkan perkhidmatan dan bantuan yang disediakan oleh pelbagai kementerian, agensi Kerajaan, dana statutori untuk pembangunan perniagaan dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) melalui pusat sehenti (one stop centre).

1ST STUDENT ENTREPRENEURSHIP PROGRAMME (1ST STEP)



Pada tahun 2018, SSM telah menganjurkan 1ST STEP yang menjadi platform terbaik untuk memupuk minat pelajar daripada pelbagai latar belakang pendidikan untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan.

Program 1ST STEP ini yang berkonsepkan seminar dan aktiviti keusahawanan juga bertujuan untuk memberi pemahaman yang lebih jelas kepada pelajar tentang kaedah mendaftarkan perniagaan seterusnya memasarkan produk yang dihasilkan dengan cara yang betul dan mematuhi APP1956.



1st STEP telah berlangsung di Kolej Vokasional Sungai Buluh Selangor. Program ini merupakan penganjuran terakhir siri 1st STEP bagi tahun 2019 dengan kehadiran kehormat YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail, Menteri PDNHEP, Datuk Muez Abdul Aziz, Ketua Setiausaha KPDNHEP dan Puan Nor Azimah sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif SSM, pada 6 Ogos 2019. Penganjurannya adalah rentetan daripada siri jelajah yang telah dilaksanakan di Kolej Vokasional Nibong Tebal, Kolej Vokasional Pengkalan Chepa, Sekolah Menengah Teknik Melaka, dan Kolej Vokasional Port Dickson

Oleh itu, bagi peringkat awal perniagaan, program ini memberi matlamat kepada usahawan muda untuk memahami kepentingan mendaftarkan perniagaan dan secara tidak langsung dapat melayakkan mereka

mendapat pinjaman serta juga maklumat pelbagai perkhidmatan dalam bidang perniagaan. Ini sekaligus dapat memupuk kesedaran mengenai kepentingan bagi mendaftar perniagaan dengan bersandarkan kepada matlamat untuk memastikan statistik pengguna yang menjadi mangsa penipuan peniaga yang tidak berdaftar dapat dikurangkan secara tidak langsung.



Program jelajah 1st STEP pada 13 Oktober 2018 bertempat di Kolej Vokasional Kulim yang disertai oleh para pelajar Kolej Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik di sekitar Negeri Kedah dan Pulau Pinang

Dengan bertemakan 'Perniagaan Satu Kerjaya', terdapat pelbagai aktiviti yang menarik dan bermanfaat untuk semua para peserta. Sepanjang program ini juga, para peserta mengikuti taklimat keusahawanan daripada pakar motivasi keusahawanan termasuk taklimat khas daripada SSM dan agensi-agensi lain.

Selain itu, peserta juga mengikuti aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) bertujuan untuk memberikan peluang kepada mereka mengamalkan ilmu keusahawanan yang diperoleh sepanjang program ini berlangsung. LDK ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah tahap kemahiran pelajar-pelajar dalam melengkapkan diri dengan ilmu, kemahiran dan ciri-ciri keusahawanan.

Penganjuran Program 1st STEP ini merupakan jalinan kerjasama di antara SSM dan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia.

SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PRIHATIN (SPPP)

Pada 23 Disember 2020, SSM telah melancarkan SPPP dengan memperluaskan tawaran di bawah Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (S1P1P) kepada golongan belia, ibu tunggal serta pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta.

Berkuatkuasa 15 Februari 2021, SSM telah memperluaskan SPPP kepada semua golongan usahawan B40 di mana skim ini ditambah baik bagi membantu lebih ramai golongan usahawan kumpulan B40 yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

8,394

pelajar
IPT

17,908

usahawan
B40

Jumlah pendaftaran perniagaan percuma yang berjaya didaftarkan melalui SPPP sehingga 31 Disember 2021



Laporan akhbar Utusan Malaysia - 28 September 2021


Melalui SPPP golongan usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT dikecualikan fi pendaftaran perniagaan dengan penjimatan sebanyak RM60 bagi pendaftaran menggunakan nama tred, RM30 bagi pendaftaran menggunakan nama sendiri serta RM10 untuk cetakan maklumat.

Bagi usahawan kumpulan B40 syarat-syarat permohonan adalah pemegang MYKAD/MYPR, warganegara atau penduduk tetap berumur 18 tahun dan ke atas, penerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN) bagi golongan B40 atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan tiada rekod entiti perniagaan yang masih aktif di SSM.

“Terima kasih SSM kerana menawarkan pendaftaran perniagaan percuma kepada saya Usahawan B40 di bawah Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP). Dengan adanya entiti perniagaan yang sah ini, saya dapat menikmati banyak faedah, bantuan serta inisiatif Kerajaan dalam membantu saya dan rakan-rakan Usahawan B40 yang lain untuk terus maju ke hadapan dalam menempuh kehidupan yang serba mencabar ini. Terima kasih SSM!”

Mohd Fadly bin Yaakob
202103243653

Usahawan Pertanian Kuala
Terengganu



Manakala bagi kategori pelajar IPT sepenuh masa pula adalah pemegang MYKAD/MYPR, warganegara atau penduduk tetap berumur 18 tahun dan ke atas, pengajian kursus secara sepenuh masa di mana-mana IPTA, IPTS, politeknik, kolej, institut kemahiran atau pusat kemahiran di dalam negara dan tiada rekod entiti perniagaan yang masih aktif di SSM.

Justeru, memilih perniagaan sebagai kerjaya utama mendatangkan banyak manfaat dan mewujudkan persekitaran yang lebih terjamin kerana keperluan untuk bidang ini akan sentiasa wujud dalam setiap industri.

Dengan berbekalkan kefahaman mendalam tentang budaya berniaga dan keusahawanan ini akan memudahkan lagi golongan belia serta kumpulan B40 untuk merebut dan mencipta peluang yang baharu dalam perniagaan mengikut kehendak pasaran semasa.

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my
Buletin@bh.com The New Straits Times Press (M) Bhd. 11, Jalan Riong, 59000 Kuala Lumpur

SELASA, 8 DISEMBER 2020



Dato Sri Alexander Nanta Linggi

Jika Dekk Mat boleh, mengapa tidak kita!

Ketika membelah sebuah akhbar tempatan di pejabat saya di Parlimen tengah hari, saya tertarik laporan bertu mengenai kegiatan seorang anak muda orang kurang upaya (OKU) mengusahakan perniagaan nasi lemak di Cheras, Kuala Lumpur. Dilahirkan tanpa tangan dan tunggus, beliau tidak menjadikan kekurangan fizikalnya sebagai halangan untuk menari rezeki dalam mengaharungi fase kehidupan yang menabar ketika ini akibat pandemik COVID-19.

Ilhamnya yang cukup kuat mendorong saya menyantuni anak muda itu di gerai Dekk Mat Nasi Lemak Bering, yang diusahakannya di Amber Business Plaza berhampiran Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Cheras pada Rabu lalu.

Ya, memang banyak cerita OKU dipaparkan di media massa. Namun, kisah Dekk Mat atau nama sebenarnya, Mohd Noor Abdullah, 20, cukup menarik dan menyentuh hati saya, lebih-lebih lagi melihat teladanya mencari rezeki untuk keluarga.

Saya tidak datang berseorangan, sebaliknya turut ditemani Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Haniff Zaini Ahmad, bersama Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Nor Azimah Abd Aziz, bagi meninjau sendiri perniagaan Dekk Mat.

Dekk Mat insan cukup istimewa, tidak menjangka kekurangan pada dirinya sebagai alasan untuk meminta-minta atau menagih simpati. Baginya, selagi memiliki tenaga dan kudrat, selagi itulah beliau akan berusaha walaupun insan seperti ini sudah mindapadatkan luntaran jika ditengah daripada pihak tertentu, termasuk orang ramai.

Rutin paginya mengutip peralihan perniagaan menggunakan bahagian dagu dan dadanya, memuruti tangga rumah kedai dan tingkar yang dijadikan tempat tinggalnya. Dekk Mat tidak sedikit pun mengeluh walaupun jergasannya agak sakit.

Dekk Mat redha dengan ketentuan Tuhan, bahkan mengimpang setiap yang berlaku itu pasti ada hikmah tersendiri, selain sentian berpegang kepada prinsip bahawa "rezeki tidak jatuh dari langit tanpa usaha".

Perniagaannya bermula seawal 7.30 pagi setiap hari dan biasanya berakhir sekitar 10.30 pagi. Kebanyakan perniagaannya dalam kalangan penduduk setempat dan pengguna Stesen LRT Cheras.

Memang Dekk Mat tidak 'menang tangan' namun syukurilah beliau memiliki seorang sahabat baik, Tengku Mahadir Tengku Mamar, 40, yang sentiasa di sisi apabila diperlukan. (OKU) mengusahakan perniagaan nasi lemak di Cheras, Kuala Lumpur. Dilahirkan tanpa tangan dan tunggus, ada barinya jualan hari dan ada barinya barangan jualan itu masih berbekal. Namun, yang mengagumkan saya apabila Dekk Mat tidak pernah lupa bersekolah.

Malah, ketika saya sedang berbual dengannya, tiba-tiba beliau ternampak seorang warga tua berlagu Cina memulak kereta sorong sarat dengan bahan asas barangan kitar semula, lalu meminta sahabatnya membungkus tiga nasi lemak untuk diberikan kepada lelaki itu.

Tidak cukup dengan itu, beberapa kecutng berkolaborasi di sekeliling gornainya turut diberikan makanan. Pada hari tertentu pula, Dekk Mat akan menghantar bungkusan nasi lemak ke beberapa rumah kebajikan, termasuk pusat perlindungan kanak-kanak berhampiran.

Lalu saya sengaja bertanyakan kepada Dekk Mat, tidak rugikah berniaga jika berturusan begitu? Namun, jawapan ringkasnya - "Ya (Yang berbarakat), tidak salah kita sama-sama mencari rezeki 'Tuhan' - cukup membantukan saya terpujan.

Melihatkan keadaan itu, memang saya ada cukup hebat anak muda ini dan ada semangat dalam dirinya yang boleh menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada saya, begitu juga segenap lapisan rakyat negara ini, lebih-lebih lagi dalam kalangan OKU.

Dekk Mat cukup serius menguruskan perniagaannya dan mahu mengubah nasib dirinya. Saya meminati SSM, sebuah agensi di bawah Kementerian saya untuk membantu anak muda ini dengan mendaftarkannya dalam Program Skim i OKU i Perniagaan (SIOKUIP).

Insan seperti Dekk Mat perlu dibimbing dan dibantu untuk mengembangkannya perniagaannya, termasuk secara dalam talian yang kini menjadi norma baharu perniagaan di Malaysia, seterusnya kepada bidang francais.

Pada pertemuan singkat itu, saya menyerahkan sendiri sijil pendaftaran perniagaan kepada Dekk Mat, manakala Datuk Seri Haniff yang juga Pengerusi SSM menyerahkan zakat perniagaan bagi membantunya beliau.

Ini cukup signifikan kerana berlangsung sehari sebelum sambutan Hari OKU Antarabangsa 2020 dan ini hadiah amat istimewa untuk golongan itu.

Dilalui, saya amat terharu sepanjang pertemuan itu kerana ia menyedarkan kita bahawa jangan sesekali 'kalah sebelum berjuang' dan perlu berani bangkit untuk mencuba mencipta kejayaan.

Justeru, saya menyeru semua yang terkesan akibat COVID-19, termasuk OKU memanfaatkan peluang perniagaan sebagai satu inisiatif untuk memruskan kelangsungan hidup.

Caranya mudah, hanya daftar perniagaan dengan SSM di bawah skim khas untuk OKU dan jalankan

perniagaan masing-masing sama ada secara fizikal atau dalam talian.

Jika berniaga dalam talian, jangan lupa mendaftar melalui BizTrust, satu lagi inisiatif disediakan secara percuma oleh SSM, khusus bagi mewujudkan persekitaran perniagaan dalam talian yang sah, selamat dan diyakini.

KPDNHEP berhasrat mengembangkannya peluang ini kepada golongan terimpit pandemik COVID-19, malah ramai yang memuat tertolan dan kausap putus asa dengan impak yang berlaku.

Namun, saya percaya kita masih mempunyai pilihan untuk bangkit semula dengan menorekai bidang baharu yang mungkin mempunyai prospek yang baik, malah banyak peluang disediakan SSM merangkumi pelbagai kumpulan sauar dan bidang perniagaan.

Untuk rekod, sehingga 31 Oktober lalu, sebanyak 12,161 perniagaan sudah didaftarkan di bawah skim SIOKUIP, manakala sepanjang Januari hingga Oktober lalu, seramai 1,606 golongan OKU memanfaatkan skim ini.

Ayuh Malaysia! Mari kita sama-sama bangkit memban semula ekonomi negara. Jangan mudah putus asa dan jadikan setiap keculuran itu sebagai peluang untuk kita cerah kejayaan.

Jika Dekk Mat boleh, mengapa tidak kita!

Penulis adalah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)



Nanta Linggi (tengah) bersama Haniff Zaini Ahmad (dua dari kiri) dan Nor Azimah menyerahkan Sijil Pendaftaran Perniagaan SSM dan Sijil Penyerahan Ajiaran Zakat Korporat SSM bernilai RM1,000 kepada Mohd Noor (dua dari kanan) di Cheras, hari-baru ini.

Sidang Redaksi

Pengerang Kumpulan SAIDON IDRIS saidon@bh.com.my

Pengerang Eksekutif Kandung & Digital M THILLINADAN thilly@bh.com.my

Pengerang Eksekutif Edisi Cetak AZHAR A SAMAH azharas@bh.com.my

Ketua Konvergen, Kamervel & Multimedia NSIP DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN madzaini@bh.com.my



SSM sentiasa aktif meningkatkan pengalihan usahawan tentang pentingnya mendaftarkan perniagaan dan memulakan operasi melalui talian yang sah. (LADANGHATI)

180,000 usahawan memanfaatkan SPPP

PETALING AJAY - Skim Pendaftaran Perniagaan - Pelanggan (SPPP) yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah dimanfaatkan kira-kira 180,000 usahawan daripada golongan B40 dan juga pelajar ke-10000an pengajian tinggi (PT).



NOR AZIMAH

Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Nor Azimah Abd Aziz berkata, skim tersebut bertujuan untuk membantu individu terjejas akibat pandemik Covid-19 dengan memulakan perniagaan secara secara percuma dan membenarkan pengurangan 5 peratus.

Menurutnya, sehingga 20 Februari lalu, sebanyak 2,240 perniagaan telah dibenarkan merangkumi perniagaan runcit, hampar dan perniagaan.

"Pada peringkat awal pelaksanaan, skim ini ditawarkan kepada golongan B40 dan 100,000 pelajar IPT sepanjang 2020 (SPPP) sebagai sokongan dan galakan kepada usahawan untuk

memulakan bidang perniagaan. Sehingga kini, SPPP telah mendapat sambutan yang baik daripada usahawan dan pelajar yang telah mendaftarkan lebih daripada 400 perniagaan.

"Terdapat hampir 200 orang yang mendaftar untuk menyertai program berkenaan melalui platform secara online, Microsoft Teams (MSTeams)," ujarnya.

Terdah Nee Annah, berhasrat mengedarkan perniagaan, SPPP telah memberikan satu platform bersejarah dan pengalihan yang baik daripada usahawan dan pelajar yang telah mendaftarkan lebih daripada 400 perniagaan yang sah di sisi undang-undang.

"Terdapat akhbar telah diberi pendidikan tentang keperluan perniagaan yang berkesan, banyak perniagaan berkesan serta perolehan menggunakan strategi pemasaran secara digital," ujarnya.

Laporan akhbar Kosmo berkaitan SPPP - 26 Mac 2021

Artikel berita dengan tajuk 'SPP ringan beban komuniti perniagaan' dan 'Usahawan Bijak, Usahawan Berdaftar'. Artikel ini membahas tentang kemudahan pendaftaran perniagaan melalui SPPP dan pentingnya mendaftar perniagaan secara sah. Terdapat gambar dan kutipan teks dari artikel tersebut.

INISIATIF SSM MEMBANTU MASYARAKAT YANG KURANG BERKEMAMPUAN

SSM bersama-sama mendokong aspirasi Kerajaan untuk membantu golongan yang memerlukan melalui aktiviti CSR dan aktiviti agihan zakat yang dijalankan. Ia merupakan inisiatif SSM dalam menunjukkan kesungguhan SSM untuk berkongsi lebih rezeki kepada golongan yang memerlukan, di samping membuka ruang kepada SSM untuk mendekati masyarakat.

AGIHAN WAKALAH ZAKAT KORPORAT SSM

Sejak tahun 2014, SSM telah menjalankan tanggungjawabnya untuk membayar zakat perniagaan melalui beberapa pusat pungutan zakat. Kemudian, SSM telah menerima wakalah zakat untuk diagihkan bagi pihak pusat pungutan zakat tersebut kepada kumpulan asnaf yang layak.

Wakalah merupakan dasar pengembalian wang zakat oleh Majlis Agama Islam negeri-negeri kepada entiti yang membayar zakat kepada pusat pungutan zakat masing-masing untuk diagihkan kepada asnaf yang menepati syarat tertentu.

RM77
juta

Jumlah bayaran zakat perniagaan yang dibayar SSM dari 2014 - 2020

RM30.8
juta

Jumlah agihan wakalah zakat korporat SSM dari 2015 -2021

Agihan wakalah zakat yang diterima SSM telah dilaksanakan bermula pada tahun 2015 melalui sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan bagi mengurus agihan wakalah zakat ini yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan Zakat SSM (JPZSSM). Bermula 1 Januari 2021 jawatankuasa ini telah diberi fungsi tambahan iaitu mengurus aktiviti dan sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR). Selaras dengan pertambahan fungsi tersebut, jawatankuasa baharu yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan Zakat & Tanggungjawab Korporat SSM (JPZCSR) telah ditubuhkan bagi menggantikan JPZSSM.

Bagi melaksanakan tanggungjawab ini, SSM telah mengagihkan wakalah zakat korporat kepada golongan asnaf fakir miskin, muallaf, Al-Riqab dan Al-Gharimin. Selain itu, penerima agihan fisabilillah terdiri daripada masjid, surau, sekolah-sekolah dan hospital seluruh negara turut menerima agihan ini.

SUMBANGAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT SSM

Prihatin dengan nasib golongan yang kurang berkemampuan, SSM telah melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah agenda CSR bagi memperkasakan dan memelihara kebajikan mereka.

RM4.7
juta

Jumlah sumbangan CSR SSM dari 2018 - 2021

Antara inisiatif yang diusahakan oleh SSM termasuk pemberian sumbangan bantuan kewangan dan barangan kepada golongan yang memerlukan, serta membantu memudahcara pengurusan rumah-rumah kebajikan.

Lebih daripada bantuan berbentuk kewangan, usaha CSR SSM juga berunsurkan penerapan nilai-nilai murni dalam masyarakat agar lebih prihatin kepada insan yang memerlukan dan menyuburkan budaya bantu-membantu dalam kalangan orang ramai sewaktu negara sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19.

Bukan setakat itu, aktiviti CSR SSM juga berperanan menggalakkan penglibatan semua pihak dalam kerja-kerja amal kepada masyarakat.

Justeru, SSM beriltizam untuk terus melipatgandakan usaha murni di bawah agenda CSR untuk menghulurkan bantuan dan menyokong kehidupan demi kesejahteraan bersama, seperti hasrat aspirasi Keluarga Malaysia.



YB Menteri PDNHEP Dato' Seri Hamzah Zainudin dan Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner menyampaikan zakat kepada golongan asnaf semasa program Serahan Zakat Selama pada 20 April 2017

Paparan selanjutnya dalam Bab ini ialah kisah-kisah aktiviti agihan wakalah zakat korporat SSM dan sumbangan CSR SSM.

PROGRAM JEJAK PESARA SSM 2021

Program Jejak Pesara SSM telah diadakan buat julung kalinya pada 15 April 2021 sempena Sambutan Ulang Tahun SSM ke-19. Program yang diadakan ini telah memberi manfaat kepada pesara-pesara SSM sekitar Lembah Klang termasuk daripada beberapa buah negeri seperti Melaka, Perak, Kedah, Kelantan, Sarawak dan Labuan.

Matlamat utama Program Jejak Pesara SSM adalah bertujuan untuk menzahirkan keprihatinan dan penghargaan di atas jasa, komitmen serta sumbangan pesara-pesara berkenaan sepanjang perkhidmatan mereka dengan SSM.

Selain itu, SSM juga telah mengadakan program berterusan menghulurkan bantuan sumbangan CSR kepada pesara sekitar Lembah Klang sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Negara ke-64 dan Sambutan Hari Malaysia 2021 kepada pesara-pesara yang telah dikenal pasti.

Melihat kepada kejayaan dan keberkesanan Program Jejak Pesara SSM 2021 yang telah menyentuh hati semua warga kerja termasuk Pengurusan Tertinggi dan Anggota SSM, SSM bersetuju program ini diteruskan sebagai aktiviti berkala setiap tahun.

Pada 15 September 2021, Puan Nor Azimah mengunjungi dua orang pesara SSM yang mengalami masalah kesihatan seperti penyakit jantung dan buah pinggang dengan menyumbangkan bakul makanan serta wang tunai sebanyak RM1,000 di kediaman mereka yang terletak di Batu Caves dan Setapak.



Sumbangan kepada pesara-pesara SSM yang memerlukan:

1. Ms. Lee Siew Kim merupakan bekas pekerja di Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran. Beliau juga merupakan pesakit pemindahan buah pinggang dan masih menjalani rawatan susulan di Hospital Kuala Lumpur (HKL)
2. Tuan Haji Khalid Hj. Ahmad merupakan bekas pekerja di Unit Maklumat Korporat. Beliau juga menghidap penyakit jantung dan menjalani rawatan dialisis

SUMBANGAN KEPADA HOSPITAL KAPIT, SARAWAK

Hospital Kapit, Sarawak menerima lima buah mesin ventilator sumbangan wakalah zakat korporat SSM.



Penyerahan mesin ventilator yang bernilai RM125,000 telah disempurnakan oleh YB Menteri PDNHEP, Dato Sri Alexander Nanta Linggi pada 18 Julai 2021

PROGRAM AGIHAN BAKUL MAKANAN KEPADA PERTUBUHAN PEMBANGUNAN ORANG BUTA MALAYSIA (PPOBM)

Pada 15 September 2021, bakul makanan bernilai RM100 setiap satu telah diagihkan kepada 60 orang penerima dalam kalangan OKU cacat penglihatan beserta sumbangan wakalah zakat korporat SSM sebanyak RM6,000 kepada PPOBM untuk memenuhi keperluan OKU di bawah seliaan mereka.



Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Puan Nor Azimah Abdul Aziz telah menyampaikan sumbangan wakalah zakat korporat SSM kepada Presiden PPOBM, Encik Muhammad Huzaifah Ahmad

SUMBANGAN KEPADA MANGSA BANJIR DI YAN, KEDAH

Pada 30 September 2021, SSM menyampaikan sumbangan berjumlah RM10,000 bagi membantu aktiviti pengurusan dan kawalan ke atas kesan banjir yang melanda penduduk di Yan, Kedah pada Ogos 2021.



1. Penyerahan sumbangan kepada Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Yan, Kedah telah disampaikan oleh Puan Ismanani Khazali, Pengarah SSM Negeri Kedah kepada Encik Mohd Akmal bin Azmi Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) Yan di Pejabat Daerah dan Tanah Yan, Kedah
2. Puan Ismanani turut menyerahkan sumbangan CSR SSM berjumlah RM3,000 kepada Puan Rohaya Abd. Razak, Pembantu Tadbir di Pejabat SSM Kedah yang juga merupakan salah seorang mangsa banjir tersebut

SUMBANGAN PERALATAN KEPADA HOSPITAL SUNGAI BULOH

Pada 18 Oktober 2021, SSM menyalurkan bantuan peralatan sokongan pernafasan bernilai RM50,000 kepada Hospital Sungai Buloh (HSB) melalui peruntukan wakalah zakat korporat SSM.



Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz telah menyampaikan sumbangan wakalah zakat korporat SSM kepada Pengarah Hospital Sungai Buloh, Dr Kuldip Kaur A/P Prem Singh

SUMBANGAN PERALATAN KEPADA HOSPITAL SULTANAH AMINAH JOHOR BAHRU

Pada 11 Disember 2021, SSM telah menyalurkan bantuan peralatan hospital bernilai RM113,400 kepada Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru (HSAJB) melalui peruntukan wakalah zakat korporat SSM.

Sumbangan tersebut meliputi *Emergency Electronic Transport Ventilator* dan *Manual and Biphasic Defibrillator* yang akan digunakan oleh pihak HSAJB untuk membantu merawat pesakit COVID-19 yang memerlukan.



Penyerahan sumbangan wakalah zakat korporat SSM ini telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz kepada Timbalan Pengarah (Perubatan) Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Dr. Sharath Chandran A/L Subhas Chandaran

SUMBANGAN VAN JENAZAH



SSM telah menyerahkan sumbangan dua buah van jenazah untuk kegunaan ahli-ahli kariah Masjid Kampung Bukit Diman dan Kampung Gaung di daerah Hulu Terengganu yang telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri PDNHEP, YB Dato' Rosol Bin Wahid sempena majlis iftar peringkat DUN Ajil pada 30 April 2021

PROGRAM USAHAWAN B40

Pada 11 Januari 2022, SSM telah menyalurkan sumbangan berjumlah RM100,000 kepada usahawan B40 yang terkesan akibat pandemik COVID-19 melalui peruntukan CSR SSM yang diagihkan kepada 200 penerima, di mana setiap usahawan akan menerima bantuan sebanyak RM500.

Pelancaran inisiatif sumbangan CSR SSM ini telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri PDNHEP secara simbolik kepada 10 penerima dalam kalangan usahawan B40.



YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri PDNHEP menyampaikan bantuan kepada usahawan-usahawan B40

SSM AGIH RM2.197 JUTA WAKALAH ZAKAT KORPORAT SSM DALAM PROGRAM ASNAF USAHAWAN 2021

SSM juga memainkan peranannya untuk mengagihkan wakalah zakat korporat SSM kepada golongan asnaf usahawan dalam program khas yang melibatkan jalinan kerjasama strategik bersama agensi-agensi Kerajaan lain.

Pada tahun 2021 juga, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti pakej Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat & Ekonomi (PEMERKASA), Program Strategik Memperkasa Rakyat & Ekonomi Tambahan (PEMERKASA Tambahan) dan Pakej Perlindungan Rakyat & Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan seterusnya memulihkan semula ekonomi negara yang terjejas akibat pelaksanaan PKP.

Bagi menyokong hasrat Kerajaan tersebut, SSM turut melaksanakan inisiatif bagi membantu memulihkan semula ekonomi negara. SSM telah memperuntukkan sebanyak RM3 juta dengan kadar RM1,000 setiap asnaf

usahawan untuk diagihkan kepada asnaf usahawan seluruh negara yang terkesan akibat pelaksanaan PKP bagi mencegah penularan COVID-19.

Bagi melaksanakan inisiatif ini, pengarah-pengarah SSM Negeri di seluruh negara telah membantu mengenal pasti asnaf-asnaf usahawan yang berdaftar dengan SSM ataupun pihak berkuasa tempatan melalui kerjasama bersama Majlis Agama Islam Negeri masing-masing.

Sehingga 31 Disember 2021, sejumlah RM2,197,000 wakalah zakat korporat SSM telah berjaya diagihkan kepada 2,197 orang asnaf usahawan seluruh negara melalui *Electronic Funds Transfer* (EFT) ke akaun masing-masing.

Bantuan wakalah zakat korporat ini bertujuan untuk dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh setiap asnaf usahawan untuk memulakan semula perniagaan mereka setelah tidak dapat menjalankan perniagaan akibat pelaksanaan PKP di seluruh negara pada tahun 2020 dan 2021 dan seterusnya memulihkan semula ekonomi negara.

RM2.197
juta

Jumlah agihan wakalah zakat korporat SSM dalam Program Asnaf Usahawan 2021

2,197
asnaf
usahawan

Jumlah asnaf usahawan yang menerima agihan wakalah zakat korporat SSM dalam Program Asnaf Usahawan 2021



Wakalah zakat korporat sebanyak RM134,000 telah diserahkan kepada asnaf usahawan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Pahang. Turut hadir TKPE (Baitulmal dan Operasi) MUIP, Dr Asmadi Abdul Rahman dan Pengarah SSM Negeri Pahang, Encik Kamarudin Mohd Daud pada 10 November 2021

MAJLIS PENYERAHAN WAKALAH ZAKAT KORPORAT SSM DI MELAKA

SSM telah menyampaikan wakalah zakat korporat sebanyak RM16,000 kepada asnaf fakir miskin Parlimen Tangga Batu pada 28 Februari 2021 di Kompleks Jawatankuasa Pembangunan & Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Paya Rumpot. Seramai 32 asnaf fakir miskin yang telah disahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Melaka (MAIM) menerima RM500 setiap seorang.



Penyampaian serahan Zakat Korporat SSM disempurnakan oleh Exco Perindustrian, Perdagangan dan Pelaburan Negeri Melaka, YB Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen pada 28 Februari 2021

SSM SUMBANG DUA MESIN HEMODIALISIS KEPADA HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN (HRPB)

SSM menyumbangkan dua buah mesin hemodialisis bernilai RM80,000 kepada HRPB dalam usaha membantu pesakit yang memerlukan rawatan untuk penyakit buah pinggang.



YB Dato' Henry Sum Agong, Timbalan Menteri PDNKK dan Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Dato' Zahrah Abdul Wahab Fenner melawat pesakit buah pinggang di HRPB pada 25 April 2017 – Sumber: Astro Awani

SSM DAN PPZ-MAIWP BEKERJASAMA SUMBANG RM350,000 DALAM MISI PASCA BANJIR KHAIRA 2021

Pada 13 Februari 2021, Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) bekerjasama dengan SSM bagi mengagihkan bantuan berjumlah RM350,000 untuk membantu 900 mangsa banjir di tiga negeri.

la dilaksanakan menerusi misi bantuan kemanusiaan pasca banjir bagi menghantar sumbangan barangan keperluan rumah kepada mangsa bencana di Temerloh, Pahang, Kemaman, Terengganu dan Johor Bahru, Johor.

Antara barangan yang disumbangkan termasuk tilam, selimut, dapur gas, periuk nasi, kipas meja dan pengisar dengan nilai keseluruhan berjumlah RM350,000.



Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Puan Nor Azimah Abdul Aziz dan Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, Ahmad Shukri Yusoff melepaskan konvoi Misi Pasca Banjir Khaira PPZ & SSM 2021 ke negeri Pahang, Terengganu dan Johor pada 13 Februari 2021. Turut hadir pada program ini ialah Pengerusi PPZ-MAIWP, Datuk Seri Syed Ali Al-Habshee

PROGRAM BIZGRANT SSM 2018

BizGrant SSM merupakan inisiatif SSM untuk melaksanakan satu program pemberian bantuan kepada peniaga-peniaga kecil dalam bentuk peralatan bagi menjalankan perniagaan.

Objektif BizGrant SSM adalah untuk membantu peniaga-peniaga kecil mengembangkan perniagaan dan terus kekal menjalankan perniagaan. SSM telah membelanjakan sebanyak RM10 juta bagi melaksanakan BizGrant SSM di setiap negeri di seluruh negara.

Bantuan yang diberikan bernilai sehingga RM3,000 kepada setiap pemohon yang berjaya, dengan objektif untuk membantu peniaga-peniaga kecil mengembangkan perniagaan dan terus menjalankan perniagaan masing-masing.

RM10
juta

*Jumlah agihan dana
CSR melalui program
BizGrant SSM*

RM3,000
seorang

*Jumlah dana BizGrant
SSM yang diterima
oleh setiap usahawan*

3,333
usahawan

*Jumlah usahawan
yang menerima
manfaat daripada
program BizGrant
SSM*

BizGrant SSM merupakan satu program pemberian bantuan kepada peniaga-peniaga kecil dalam bentuk peralatan bagi menjalankan perniagaan dengan nilai sehingga RM3,000 kepada setiap pemohon yang berjaya. Antara peralatan yang dibekalkan kepada pemohon yang berjaya adalah seperti mesin jahit, oven, chiller, kerusi mencuci rambut dan sebagainya.

BizGrant SSM telah selesai dilaksanakan di semua negeri pada 22 April 2019. Sejumlah 7,177 orang telah memohon BizGrant SSM dan 3,333 orang telah berjaya dalam permohonan mereka.

Secara keseluruhannya, BizGrant SSM yang dilaksanakan di seluruh negara ini telah dapat mencapai objektif yang disasarkan.



YB Menteri PDNHEP Dato' Seri Hamzah Zainudin bersama Ketua Pegawai Eksekutif SSM Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner mengedarkan bantuan untuk rakyat yang berinspirasi menjadi usahawan di bawah program BizGrant dengan peruntukan RM10 juta di majlis penyerahan bantuan di Batu Kurau, Perak pada 12 Jun 2018



Program majlis penyerahan BizGrant dan Zakat Korporat SSM diadakan pada 20 Disember 2018 bertempat di Ballroom Stadium Hang Jebat Melaka. Seramai 106 penerima BizGrant berjumlah RM318,000 dan juga penerima 200 asnaf fakir miskin yang telah disahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Melaka (MAIM) menerima sebanyak RM100 seorang. Penyampaian serahan BizGrant & Zakat Korporat SSM disampaikan oleh Exco Kanan Negeri Melaka. YB Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen, Exco Perindustrian, Perdagangan dan Pelaburan Negeri Melaka. Turut hadir ialah Pengarah SSM Negeri Melaka, Encik Azrin Bin Mohd Ripin

INISIATIF SSM MEMBANTU MANGSA BANJIR 2021

Pada penghujung tahun 2021, Malaysia dilanda musibah banjir terbesar dalam sejarah. Musibah banjir ini melanda kawasan Semenanjung Malaysia susulan hujan lebat berterusan di kebanyakan kawasan. Bencana ini menjejaskan beberapa buah negeri dan paling ketara ialah di Lembah Klang lantas menyebabkan puluhan ribu orang awam terpaksa dipindahkan. Dianggarkan kira-kira lebih ribuan mangsa yang terkesan dengan bencana banjir ini.

Musibah ini telah mencetuskan krisis kemanusiaan yang besar dan tentu sekali memerlukan bantuan daripada semua pihak. Walau bagaimanapun, rakyat Malaysia telah bekerjasama dalam menyelamatkan mangsa yang terkandas dan terperangkap di rumah mereka. Tanpa mengira bangsa dan agama, rakyat Malaysia telah berjaya bergerak sebagai satu pasukan dalam membantu mangsa-mangsa yang terjejas dari segi makanan, pakaian, barangan keperluan dan juga kewangan.

Justeru, dalam memperkasakan peranan membantu rakyat ketika negara dilanda musibah tersebut, SSM turut bersama-sama menghulurkan bantuan kemanusiaan demi meringankan bebanan mangsa yang terlibat. Segala inisiatif yang diambil merupakan tanggungjawab SSM untuk menyuburkan budaya saling membantu dalam masyarakat sewaktu negara sedang berhadapan dengan bencana alam.



Gambaran dari atas keadaan bencana banjir akibat hujan lebat yang berterusan di Hulu Langat, Selangor

Inisiatif Penggantian Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Musnah Akibat Bencana Alam Secara Percuma

Pada 23 Disember 2021, SSM mengambil inisiatif untuk menggantikan semula Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan pemilik-pemilik perniagaan yang musnah akibat bencana banjir secara percuma melalui inisiatif 'Pengecualian Bayaran Bagi Cetakan Perakuan Pendaftaran Kepada Pemilik Perniagaan Yang Terlibat Dengan Bencana Alam'.



Laporan akhbar dalam talian Berita Harian - 23 Disember 2021

Inisiatif ini diperkenalkan bagi membantu pemilik perniagaan yang terlibat atau terkesan dengan apa-apa musibah bencana alam yang melanda negara. Justeru, berikutan musibah banjir yang telah melanda beberapa buah negeri pada penghujung 2021, orang awam yang terjejas boleh mendapatkan salinan cetakan sijil berkenaan tanpa sebarang bayaran.

Bagi mendapatkan salinan cetakan sijil perakuan secara percuma, pemilik perniagaan yang terkesan boleh hadir ke kaunter perkhidmatan SSM di seluruh negara bersama laporan polis atau dokumen berkaitan yang membuktikan bencana berlaku di premis perniagaan atau alamat kediaman pemilik perniagaan itu.

Tempoh pengecualian itu berkuat kuasa dalam tempoh 60 hari selepas berlakunya bencana alam.

Penubuhan Skwad Kilat SSM Bagi Membantu Membersihkan Kediaman Mangsa Banjir

SSM telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Skwad Bantuan Kilat SSM dalam usaha membantu dan meringankan bebanan warga kerjanya yang terjejas akibat banjir.

Skuad Bantuan Kilat SSM yang terdiri daripada 162 sukarelawan dari kalangan warga kerja SSM, telah digerakkan dari 21 Disember 2021 secara berperingkat bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan di rumah-rumah yang terkesan.



162 warga kerja SSM melalui 12 Skwad Bantuan Kilat SSM membantu membersihkan rumah-rumah mangsa banjir dalam kalangan warga SSM dan orang awam

Usaha ini turut disertai oleh penduduk setempat yang sama-sama membantu Skwad Bantuan Kilat SSM dalam melaksanakan kerja-kerja pembersihan.

Pergerakan Skwad Bantuan Kilat SSM melibatkan 12 skuad ke lokasi bantuan yang telah dikenal pasti seperti Bentong, Bangi, Shah Alam, Kajang, Sepang dan Hulu Langat.

Bantuan Kepada Pusat Penempatan Sementara (PPS) Mangsa Banjir

Prihatin dengan situasi banjir yang melanda beberapa negeri, SSM telah mengambil inisiatif untuk menyalurkan sumbangan barangan bernilai RM100,000 kepada beberapa PPS yang menempatkan mangsa-mangsa banjir.



Bantuan berbentuk barangan bernilai RM100,000 diserahkan kepada PPS yang menempatkan mangsa-mangsa banjir tahun 2021

Inisiatif bantuan prihatin ini bertujuan untuk membantu dan meringankan beban mangsa banjir, terutamanya mereka yang ditempatkan di PPS di sekitar Puchong, Hulu Langat, Sepang, Shah Alam, Bangi dan Klang.

Melalui inisiatif ini, SSM menyampaikan sumbangan barangan keperluan asas serta makanan kepada PPS Puchong, PPS Hulu Langat, PPS Dengkil dan beberapa PPS lain yang dikenal pasti melalui skuad bantuan kilat SSM.

KESIMPULAN

Peruntukkan perundangan negara telah memberi mandat kepada SSM untuk menguruskan sumber kewangan dan pendanaannya sendiri. Sepanjang dua dekad yang lalu, SSM telah menguruskan kewangannya dengan penuh berhemat dan teliti, sekali gus membolehkan agensi ini membina penampungan kewangan yang kukuh semasa tempoh ekonomi yang baik dan pesat berkembang. Melalui perancangan kewangan yang rapi, SSM berpandangan bahawa penampungan kewangan yang kukuh dapat dimanfaatkan semasa tempoh kitaran ekonomi yang lembap, lebih-lebih lagi semasa tempoh krisis yang meruncing. Dengan penampungan kewangan yang kukuh, SSM teguh menjayakan agenda CSR saban tahun dengan memberi bantuan kepada golongan kurang berkemampuan dan terpinggir. Kemuncaknya ialah apabila berlaku krisis pandemik COVID-19 yang tidak disangka-sangka dan dengan magnitud yang sungguh besar. SSM menyediakan pelbagai bantuan kepada golongan rentan dan terjejas demi meneruskan kelangsungan hidup mereka. Ini disusuli pula apabila berlaku musibah banjir besar di seluruh negara yang tidak dijangkakan sama sekali, yang mana menyaksikan SSM turun ke lapangan untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang terjejas.

Agenda CSR SSM dirancang dengan tersusun, yang mana, agensi ini telah menggunakan tiga pendekatan yang berimpak tinggi untuk memberi bantuan kepada golongan yang memerlukan, iaitu melalui kelonggaran perundangan dan peraturan kawal selia sewaktu berlakunya krisis, memberi khidmat percuma atau pengecualian pembayaran untuk kemudahan perkhidmatan dan produk SSM, dan menghulurkan bantuan kewangan atau barangan secara langsung dan bersasar kepada golongan rentan dan terkesan melalui program wakalah zakat korporat SSM.

Melalui agenda yang murni ini SSM telah berjaya memperkenalkan beberapa produk berasaskan CSR, seperti S101P, SPPP, SSM ONE dan SSM 1st STEP, untuk mendekati dan membantu golongan kelainan upaya, golongan rentan, para pelajar IPTA/ IPTS dan golongan terpinggir lain untuk menceburi bidang keusahawanan dan membina kelangsungan hidup yang lebih baik. Selain itu, semasa tempoh pandemik sedang memuncak pada tahun 2020, SSM telah menyediakan sebelas inisiatif untuk menyokong sektor perniagaan negara, dan disusuli oleh beberapa inisiatif tambahan pada tahun yang berikutnya, untuk membantu pemulihan sektor perniagaan pada tempoh pasca pandemik. Pada masa ini, SSM sedang berusaha untuk memperkenalkan beberapa perundangan baharu demi melindungi sektor perniagaan semasa tempoh krisis dan menyokong pemulihan mereka apabila krisis berakhir.

SSM juga memberikan khidmat percuma dan pengecualian fi kepada mangsa-mangsa yang terlibat, apabila berlaku musibah bencana alam, contohnya semasa berlaku musibah banjir besar di seluruh negara pada penghujung 2021. Demi membantu golongan rentan secara bersasar dan berterusan, SSM juga menyediakan bantuan melalui program wakalah zakat korporat SSM, yang boleh dimanfaatkan sepanjang masa.



Warga kerja SSM melalui Skwad Kilat SSM turut sama menghulurkan tenaga bagi membantu membersihkan rumah-rumah kediaman warga kerja SSM dan orang awam yang menjadi mangsa banjir pada akhir 2021

Begitulah antara lain sumbangan agenda CSR SSM untuk rakyat Malaysia. Sebagai agensi yang telah mempelopori dan mempromosikan agenda dan amalan CSR yang terbaik untuk dilaksanakan oleh sektor korporat dan organisasi lain di negara ini, SSM perlu menampilkan contoh yang terbaik bahawa agenda ini sentiasa menjadi keutamaan di agensi ini. Namun begitu, tidak ada hasrat lain yang tersirat di sebalik kegigihan SSM melaksanakan agenda murni CSR, melainkan hanya atas dasar untuk memelihara kebajikan, dan menikmati kesejahteraan bersama.



BAB 8

MEMBINA JALINAN, MEMACU KEMAJUAN

Pengenalan

Penglibatan SSM di Peringkat Kebangsaan

Penglibatan SSM di Peringkat Antarabangsa

138

138

151

MEMBINA JALINAN, MEMACU KEMAJUAN

PENGENALAN

SSM tidak bertindak sendirian dalam usaha memacu dan memantapkan landskap perniagaan negara. Justeru, sepanjang dua dekad lalu, SSM melaksanakan penglibatan dan kerjasama yang giat lagi berkesan dengan pihak berkepentingan dalam usaha mempromosikan amalan terbaik, pembentukan dasar dan peraturan awam serta membangunkan piawaian. Dalam dunia perniagaan yang sentiasa kompleks dan bergerak pantas, yang didorong oleh inovasi, teknologi dan analitis data, penggubal dasar dan pengawal selia seperti SSM sentiasa menghadapi cabaran yang amat besar untuk merumuskan dasar yang berkesan, berasaskan bukti dan bukti masa hadapan yang memenuhi kepentingan awam. Lantaran itu, penglibatan secara produktif dengan pihak berkepentingan ialah satu faktor kejayaan yang kritikal demi pembangunan dan kemajuan landskap perniagaan yang menyeluruh.

Dalam konteks ini, SSM telah berjaya memupuk dan membina jalinan kerjasama dengan pihak berkepentingan dalam bidang perniagaan baik di dalam dan luar negara, antaranya merangkumi pihak Kerajaan, rakan pengawal selia, persatuan perdagangan, persatuan profesional, persatuan kepenggunaan dan sebagainya. Sememangnya, bagi mencapai kemajuan yang dihasratkan, sangat penting bagi badan pengawal selia seperti SSM membina jalinan dengan pihak berkepentingan melalui pelbagai platform, dan acara, dan tidak mewujudkan kepentingan yang bercanggah dan bersaing dengan penggiat industri. Yang paling utama ialah mewujudkan latar niaga yang harmoni dengan suasana “menang-menang” antara pengawal selia, penggiat industri dan yang pentingnya, komuniti awam yang luas. Usaha SSM ini tekal sepanjang dua dekad lalu.

STRUKTUR PENGLIBATAN DAN KERJASAMA SSM DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Tatkala proses pembaharuan bermula dengan pesat pada tahun 2004, SSM telah memperkenalkan dua struktur tetap dalam penglibatannya dengan pihak berkepentingan iaitu melalui Dialog Tahunan dan Forum Rundingan Amalan Korporat secara suku tahunan. Kedua-dua struktur ini terus dilaksanakan pada masa ini. Sebagai tambahan kepada dua forum tetap untuk penglibatan dengan pihak kepentingan, SSM juga telah menganjurkan beberapa program lain, termasuk program untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang produk dan perkhidmatan SSM. Di samping itu, SSM turut mengambil bahagian dalam acara lain yang dianjurkan oleh KPDNHEP serta agensi pengawalseliaan lain baik di dalam mahupun di luar negara.

Di peringkat antarabangsa, SSM terus memainkan peranan yang penting secara aktif dalam menghadiri persidangan antarabangsa dan menerima pelawat-pelawat dari pejabat pendaftar korporat asing. SSM sentiasa berkongsi kejayaan dengan pendaftar korporat asing semasa lawatan mereka ke SSM melalui pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan. Ini termasuk wakil-wakil dari *Capital Market Authority (CMA) Kenya; Securities and Exchange Commission of Pakistan (SECP), Companies and Intellectual Properties Commission of South Africa (CIPC)* serta misi lawatan dari Timor Leste yang terdiri daripada Kerajaan Timor-Leste dan *International Financial Centre (IFC)*. Tujuan lawatan-lawatan tersebut tertumpu kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan sistem pendaftaran bagi syarikat, perkhidmatan dalam talian, isu-isu penguatkuasaan, kerjasama antara pendaftaran dan latihan. Pada masa yang sama, SSM juga mengambil peluang untuk mendapatkan gambaran yang lebih mendalam ke atas isu-isu yang berkaitan dengan pendaftaran, penguatkuasaan dan teknologi maklumat di negara-negara tersebut.

Hasil daripada jalinan ini SSM bukan saja dapat berkongsi pengalamannya, tetapi juga dapat mempelajari apa yang telah dilaksanakan oleh rakan-rakannya dari luar negara. Ini dapat melengkapkan usaha SSM dalam menerapkan amalan yang terbaik untuk komuniti niaga tempatan.

PENGLIBATAN SSM DI PERINGKAT KEBANGSAAN

FORUM RUNDINGAN AMALAN KORPORAT (CPCF)

Forum Rundingan Amalan Korporat (CPCF) menyediakan platform untuk ahlinya membincangkan secara khusus perkara yang berkaitan dengan isu amalan korporat. Forum ini dipengerusikan oleh SSM, dan ahlinya termasuk dalam kalangan ahli badan profesional dan organisasi terpilih. CPCF menggalakkan perbincangan serta cadangan daripada peserta mengenai isu-isu berkaitan undang-undang syarikat melalui rundingan secara proaktif, kerjasama, dan bantuan antara ahli CPCF dan pegawai kanan SSM. CPCF juga membincangkan dan memberikan input tentang cara menambah baik penyampaian perkhidmatan SSM.

AHLI JAWATANKUASA CPCF

Kategori

Ahli

Badan-badan Profesional Diluluskan

- ▶ Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA)
- ▶ Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- ▶ Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
- ▶ Majlis Peguam Malaysia
- ▶ Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)
- ▶ Persatuan Peguam Bela Sarawak
- ▶ Persatuan Undang-undang Sabah

Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

- ▶ Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) diwakili oleh Khazanah Nasional Berhad dan Bumiputera Commerce Holdings Berhad.

Lain-lain Badan Profesional

- ▶ Institut Setiausaha Syarikat yang Diluluskan (IACS)
- ▶ Persatuan Peguam Korporat Malaysia (MCCA)
- ▶ Persatuan Pengamal Insolvensi Malaysia (IPMA)

CPCF dianjurkan oleh SSM bagi menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara SSM dan ahli badan-badan profesional. CPCF juga merupakan satu platform perundingan bersama dan perbincangan isu amalan korporat.

CPCF Sejak 2005 Sehingga Kini



Pada tahun 2005, CPCF telah diperkenalkan bertujuan untuk menggalakkan kerjasama yang lebih erat di antara SSM, ahli-ahli badan yang ditetapkan dan persatuan-persatuan setiausaha syarikat. Forum ini bertujuan untuk membincangkan isu atau berkongsi input mengenai penambahbaikan yang boleh meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.



Pada 2006, SSM menganjurkan dua sesi (pada bulan Jun dan Disember) CPCF yang antara lain dihadiri oleh wakil:

- ▶ Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA)
- ▶ Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)
- ▶ Institut Setiausaha Syarikat yang Diluluskan (IACS)
- ▶ Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- ▶ Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
- ▶ Persekutuan Syarikat Tersenarai Awam (FPLC)

Satu memorandum yang dihantar terlebih dahulu, telah dibentangkan dan dibincangkan di forum berkenaan di mana isu-isu baharu dibincangkan secara spontan.



Pada tahun 2008, SSM menganjurkan dua sesi CPCF. Antara wakil daripada badan-badan profesional yang hadir ke forum tersebut termasuk:

- ▶ Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA)
- ▶ Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)
- ▶ Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- ▶ Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
- ▶ Majlis Peguam
- ▶ Institut Setiausaha Syarikat yang Diluluskan (IACS)

Pelbagai isu operasi dan isu undang-undang telah dibangkitkan dan dibincangkan semasa forum. Terdapat tiga mesyuarat CPCF *ad-hoc* yang diadakan untuk membincangkan pelbagai isu mendesak.



Pada tahun 2009, SSM telah menganjurkan dua mesyuarat CPCF iaitu CPCF 1/2009 pada 5 Mac 2009 dan CPCF 2/2009 pada 16 Julai 2009 di Sabah dan Sarawak. Perluasan keahlian CPCF kepada badan yang ditetapkan yang berpangkalan di Sabah dan Sarawak (Persatuan Peguam Bela Sarawak dan Persatuan Undang-undang Sabah) telah menambah dimensi baharu kepada CPCF bagi membincangkan isu, masalah dan cadangan daripada wakil Malaysia Timur yang kini boleh dilakukan dengan mudah.



Pada tahun 2010, SSM telah menganjurkan tiga CPCF iaitu CPCF 1/2010 pada 14 Januari 2010, CPCF 2/2010 pada 6 April 2010 dan CPCF 3/2010 pada 9 Ogos 2010. Penganjuran CPCF di Malaysia Timur adalah sebahagian besarnya sebagai mengiktiraf keperluan untuk SSM melibatkan pihak berkepentingan di kedua-dua negeri ini. Langkah SSM adalah konsisten dengan konsep Kerajaan 1Malaysia untuk membersihkan salah tanggapan bahawa perhatian SSM hanya tertumpu kepada perkara yang dihadapi oleh syarikat dan pihak berkepentingan di Semenanjung Malaysia.



Pada tahun 2012, SSM telah menganjurkan dua sesi CPCF iaitu pada 5 April dan 4 Oktober 2012. Selain taklimat mengenai produk baharu, polisi dan projek-projek SSM seperti MyCoID, pelaksanaan APLT 2012 dan Agenda Tanggungjawab Korporat SSM, peserta juga didedahkan dengan pelbagai isu-isu yang berkaitan dengan tadbir urus korporat.



Pada tahun 2011, SSM telah menganjurkan dua CPCF di Kuala Lumpur. Selain daripada mempromosi kerjasama yang lebih erat antara SSM dan ahli badan profesional, CPCF juga merupakan satu platform perundingan bersama dan perbincangan isu amalan korporat.



Pada tahun 2013, satu sesi CPCF telah diadakan pada 11 Mac 2013. Forum ini juga memberikan peluang kepada SSM untuk memaklumkan ahli-ahli forum berkenaan dengan produk baharu, nota amalan dan projek baharu oleh SSM.





Pada tahun 2014, satu mesyuarat CPCF telah diadakan pada 5 Mei 2014 untuk membincangkan isu-isu berkenaan polisi dan teknikal. Forum ini juga memberi peluang kepada SSM untuk memaklumkan ahli-ahli forum tentang produk baharu, nota amalan dan projek baharu.



Pada tahun 2015, dua sesi CPCF telah diadakan pada 27 April 2015 bagi membincangkan isu yang berkaitan dengan polisi dan teknikal. Selain itu, forum ini turut memberikan peluang kepada SSM untuk memaklumkan perkembangan terkini tentang produk, nota amalan dan projek baharu kepada ahli-ahli forum.



Pada tahun 2016, tiga sesi mesyuarat CPCF telah diadakan, dua sesi pada 21 November 2016 dan satu sesi pada 24 November 2016 di Kuala Lumpur yang membincangkan isu-isu berkaitan polisi dan teknikal. Forum ini juga memberi peluang kepada SSM untuk berkongsi maklumat dengan ahli-ahli CPCF berkenaan produk baharu, nota amalan dan projek baharu oleh SSM serta AS2016 baharu yang akan dikuatkuasakan pada tahun 2017.



Dalam tahun 2017, SSM telah menganjurkan dua sesi CPCF di bawah Jawatankuasa Kecil Bagi Penstrukturan Insolvensi dan Amalan (RIPSC) pada 21 April 2017 dan 15 Jun 2017. Kedua-dua sesi membincangkan tentang pindaan Peraturan (Penggulungan) Syarikat dan peraturan baharu iaitu Peraturan (Mekanisme Penyelamat Korporat) Syarikat.



Pada tahun 2018, CPCF telah menyediakan platform bagi wakil badan yang ditetapkan, setiausaha berlesen dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) untuk membincangkan dan memperhalusi perkara-perkara berkaitan dengan amalan, dasar dan rangka kerja undang-undang korporat syarikat. Pada tahun 2018 juga, satu sesi CPCF utama dan tiga mesyuarat Jawatankuasa Kecil CPCF telah diadakan.





Satu mesyuarat CPCF telah diadakan dalam tahun 2019 iaitu pada 30 September 2019. SSM turut menganjurkan satu sesi mesyuarat Jawatankuasa Teknikal CPCF pada 29 November 2019 untuk membincangkan “Garis Panduan Berkenaan Kerangka Pemunya Benefisial Bagi Syarikat (legal person).



DIALOG TAHUNAN SSM

SSM menganjurkan Dialog Tahunannya sebagai satu wadah utama untuk melibatkan pihak berkepentingan secara terbuka dalam wacana tentang proses pendaftaran perniagaan. Objektif utama Dialog Tahunan SSM adalah untuk:

- ▶ mempromosikan pembaharuan pendaftaran perniagaan di Malaysia dan membina persefahaman dan menjalin hubungan dengan industri dan badan profesional;
- ▶ platform pertukaran idea dan menjelaskan perkara yang berkaitan dengan isu operasi untuk meningkatkan kecekapan SSM;
- ▶ menyebarkan maklumat kepada peserta dan orang ramai untuk mempromosikan secara meluas pengetahuan tentang pendaftaran perniagaan; dan
- ▶ bekerjasama dalam penggubalan garis panduan yang melibatkan bidang-bidang tertentu.

Dialog Tahunan merupakan agenda tahunan SSM yang dihadiri oleh peserta dari pelbagai sektor yang terdiri daripada ahli-ahli dewan perniagaan, persatuan perdagangan, badan-badan berkanun dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC). Selain daripada memupuk hubungan yang lebih erat, sesi dialog ini telah membolehkan SSM lebih memahami keperluan dan hasrat pihak berkepentingan. Maklum balas membina yang diterima semasa sesi ini telah menyebabkan beberapa pembaharuan dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lalu demi meningkatkan kecekapan SSM.

Dialog Tahunan SSM Sejak 2005 Sehingga Kini



Pada 28 Februari 2005, Dialog Tahunan SSM telah diperkenalkan sebagai acara tahunan SSM. Dialog ini julung kali diadakan di Kuala Lumpur dan diwakili oleh 177 pihak pengurusan daripada pelbagai agensi bagi menggalakkan persefahaman dan hubungan kerja yang lebih erat antara SSM dan industri serta badan profesional. SSM juga bertukar-tukar idea dan menjelaskan perkara yang berkaitan dengan isu operasi yang seterusnya akan meningkatkan kecekapan keseluruhan sistem penyampaian perkhidmatan awamnya, menyebarkan maklumat untuk pihak berkepentingan luar untuk lebih memahami fungsi dan aktiviti SSM sebagai badan pengawal selia.



SSM telah menganjurkan Dialog Tahunan di Sarawak dan Sabah pada 13 Jun 2006 dan 21 September 2006. Dialog ini telah dihadiri oleh 219 peserta dari pelbagai badan profesional, agensi Kerajaan, persatuan perdagangan, dewan perniagaan serta firma pengurusan dan perundingan. Dialog ini telah mendapat sambutan yang sangat positif. Para peserta turut menyatakan hasrat mereka agar acara itu diadakan lebih kerap untuk dijadikan platform bagi menyuarakan pandangan dan masalah masing-masing.





Pada tahun 2007, Dialog Tahunan SSM telah diadakan di Kuala Lumpur pada 15 Mac 2007 dan bagi zon selatan telah diadakan di Johor Bahru pada 2 Ogos 2007. Sesi Dialog Tahunan ini telah dihadiri oleh wakil badan-badan profesional, dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan perindustrian dan agensi-agensi Kerajaan dengan penyertaan seramai 290 orang peserta.



Dialog Tahunan SSM di Kota Kinabalu dan Kuching telah diadakan pada 14 dan 15 Disember 2009. Kedua-dua Dialog telah dihadiri oleh kira-kira 350 peserta yang terdiri daripada agensi Kerajaan, setiausaha syarikat, ahli badan profesional dan persatuan perdagangan. Pada tahun 2009, tumpuan diberikan kepada Sabah dan Sarawak untuk merapatkan jurang berhubung dengan ketersediaan platform penglibatan pihak berkepentingan berkala.



SSM telah berjaya mengadakan Dialog Tahunan di Kuala Lumpur pada 9 Julai 2008. Dialog Tahunan tersebut telah dihadiri oleh kira-kira 200 peserta daripada syarikat serta agensi Kerajaan, badan berkanun dan badan profesional. Dialog Tahunan SSM di Kota Kinabalu dan Kuching telah diadakan masing-masing pada 24 dan 25 November 2008. Dialog tersebut dihadiri kira-kira 300 peserta dan ia mendapat penilaian dan sambutan yang baik daripada peserta.



Dialog Tahunan SSM bagi tahun 2010 telah berjaya dilaksanakan pada 2 dan 3 Disember 2010 di Kuching, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah. Dialog ini berjaya menarik 250 peserta (130 di Sarawak dan 120 di Sabah) daripada pelbagai badan profesional, dewan perniagaan, persatuan perindustrian dan agensi Kerajaan dari kedua-dua negeri bersama ahli Pengurusan Eksekutif SSM.





Sebanyak tiga sesi Dialog Tahunan telah dianjurkan di tiga tempat pada tahun 2011 iaitu di Kuala Lumpur, Kuching, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah. Dialog Tahunan ini telah dihadiri oleh 338 peserta dari pelbagai sektor yang terdiri daripada ahli-ahli dewan perniagaan, persatuan perdagangan, badan-badan berkanun dan agensi Kerajaan.



Dialog Tahunan SSM 2012 telah diadakan pada 3, 4 dan 13 Disember 2012 masing-masing di Kuching, Sarawak; Kota Kinabalu, Sabah dan Kuala Lumpur. Ia telah dihadiri oleh 287 peserta yang terdiri daripada ahli-ahli badan profesional, dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan industri dan agensi-agensi Kerajaan.



Dialog Tahunan SSM 2013 telah diadakan pada 10 dan 11 Disember 2013 di Kuching, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah. Dialog Tahunan telah dihadiri oleh wakil-wakil badan-badan profesional, dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan perindustrian dan agensi-agensi Kerajaan lain seramai 260 orang peserta. Segala isu dan maklum balas yang diterima akan diberi pertimbangan dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada pihak berkepentingan.



Dialog Tahunan SSM 2014 telah diadakan pada 19 Jun 2014 di Kuala Lumpur dan dihadiri seramai 178 orang wakil daripada badan-badan profesional, dewan perniagaan, persatuan perindustrian dan agensi Kerajaan lain.





Dialog Tahunan SSM 2015 yang diadakan pada 15 Disember 2015 di Kuala Lumpur telah dihadiri seramai 142 wakil daripada badan-badan profesional, dewan perniagaan, persatuan perindustrian dan agensi Kerajaan lain. Sesi pertama Dialog Tahunan terdiri daripada dua bahagian yang melibatkan pembentangan dua kertas kerja tentang inisiatif SSM dan sesi kedua pula membincangkan pelbagai isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak berkepentingan.



Dialog Tahunan SSM telah diadakan pada 30 November 2016 di Alor Setar, Kedah telah dihadiri oleh wakil-wakil badan-badan profesional, dewan perniagaan, persatuan perindustrian dan agensi Kerajaan lain dengan jumlah peserta seramai 131 orang. Antara perkara yang dibincangkan pada sesi dialog ini adalah perkara berkaitan penguatkuasaan SSM dan isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak berkepentingan dan telah dibincangkan secara bersama dengan SSM.



Pada tahun 2019, SSM telah menganjurkan tiga sesi Dialog Tahunan yang diadakan di Kuala Lumpur, Sarawak dan Sabah pada 10, 28 dan 29 Januari 2019. Dialog Tahunan 2019 telah dihadiri oleh 385 wakil dari badan-badan profesional, dewan-dewan perniagaan serta persatuan perindustrian di Kuala Lumpur, Sarawak dan Sabah.



Pada 20 Februari 2020, SSM telah menganjurkan sesi Dialog Tahunan di Pulau Pinang yang disertai oleh lebih 200 wakil daripada badan-badan profesional, dewan-dewan perniagaan serta persatuan perindustrian seluruh Malaysia bagi membincangkan perkara berkenaan gadaian, saham, perlembagaan dan pembubaran syarikat serta lain-lain perkara yang melibatkan akta dikawal selia SSM.





Pada 23 November 2021, SSM telah menganjurkan sesi Dialog Tahunan secara maya yang disertai oleh lebih 500 wakil daripada badan-badan profesional, dewan-dewan perniagaan serta persatuan perindustrian daripada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Perkara yang dibincangkan termasuklah isu-isu pendaftaran, bekalan maklumat, polisi, pematuhan dan penguatkuasaan SSM.



SEMINAR BERSIRI TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat (CRSS) merupakan seminar separuh hari yang bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dan menggalakkan tanggungjawab korporat serta memberi inspirasi kepada sektor swasta, terutamanya, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk mengamalkan tadbir urus yang baik, yang merupakan asas kepada tanggungjawab korporat.

Topik-topik pembentangan merangkumi rangka kerja Agenda Tanggungjawab Korporat SSM serta memaklumkan bahawa SSM selaku pengawal selia syarikat dan perniagaan dapat memainkan peranan strategik dalam menyemai budaya tanggungjawab korporat dalam kalangan komuniti korporat.



Bagi tahun 2011, SSM telah menganjurkan Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat SSM yang pertama bertajuk “Ke Arah Kelestarian Perniagaan” telah dilancarkan oleh YB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri PDNKK pada 29 November 2011.



SSM telah berjaya menganjurkan dua lagi seminar di Kota Kinabalu, Sabah dan Johor Bahru, Johor pada tahun 2012 bertemakan *Business Beyond Profitability: Towards Business Sustainability*.

CRSS, Kota Kinabalu, Sabah, telah dianjurkan pada 8 Mei 2012 di Shangri-La Tanjung Aru Resort & Spa kerana Resort tersebut mempunyai akreditasi ISO 14001 (Sistem Pengurusan Alam Sekitar), yang merupakan piawai antarabangsa pengurusan alam sekitar, yang bertujuan untuk membantu organisasi mencapai matlamat alam sekitar.

Seminar ini mengandungi tiga pembentangan yang seperti berikut:

- ▶ *Corporate Responsibility as an Ingredient to National Economic Sustainability* oleh Encik Azryain Borhan, Pengarah, Akademi Latihan SSM;
- ▶ *SSM’s CR Initiatives and Other Updates* oleh Puan Nor Azimah Abdul Aziz, Pengarah Bahagian Polisi dan Pembangunan Korporat; dan
- ▶ *Sustainable Business Practices* oleh Puan Tulip Noorazyze, Pengarah Peningkatan Kualiti & CSR Shangri-La Tanjung Aru Resort & Spa.



Bagi tahun 2013, SSM telah menganjurkan dua CRSS bertempat di Kuching dan Pulau Pinang. Tema CRSS ialah *Towards A Sustainable Future* dan ia menyediakan satu platform interaktif di antara SSM dengan pihak-pihak berkepentingan tempatan dan sektor swasta, untuk berkongsi amalan-amalan perniagaan terbaik tanggungjawab korporat.



SSM telah berjaya menganjurkan satu CRSS pada 24 Jun 2014 yang bertemakan *Achieving Corporate Integrity* di Kuala Terengganu, Terengganu.



SSM telah berjaya menganjurkan acara tahunan CRSS pada 27 Ogos 2015 di Melaka dengan tema “Amalan Hijau - Ke arah Kelestarian Perniagaan” (Green Practice – Towards Business Sustainability). Acara ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelbagai pihak berkepentingan seperti NGO, IKS dan badan Kerajaan dengan kehadiran seramai 108 peserta.

LAIN-LAIN PENGLIBATAN SSM DI PERINGKAT KEBANGSAAN



BUSINESS ENGAGEMENT CHAPTER (BEC) BERSAMA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

PKS yang terdiri daripada 99 peratus penubuhan perniagaan di negara ini merupakan pemacu utama bagi pertumbuhan ekonomi negara. Sebagai pengiktirafan peranan yang dimainkan oleh PKS, SSM telah mengadakan forum yang julung-julung kali diadakan pada 18 Oktober 2011 yang dikenali BEC (Business Engagement Chapter).



BUSINESS ENGAGEMENT CHAPTER (BEC) BERSAMA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

Pada 20 November 2012, SSM telah menganjurkan forum buat kali kedua bersama PKS yang dikenali sebagai BEC, di mana ia telah dilancarkan sejak tahun 2011.



PROGRAM OUTREACH BERSAMA UNICEF DAN DIALOG TAHUNAN SSM

Program *Outreach* bersama Tabung Kanak-kanak Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) adalah salah satu inisiatif SSM untuk mendekati pihak berkepentingannya di luar Kuala Lumpur. Bersempena dengan Program *Outreach* ini, SSM juga telah menganjurkan Dialog Tahunan SSM. Sejak diperkenalkan pada 2005, Dialog Tahunan SSM telah menjadi platform utama bagi pihak berkepentingan untuk turut serta dalam perbincangan terbuka dengan SSM. Kedua-dua program ini yang diadakan pada 30 November 2016 di Alor Setar, Kedah telah dihadiri oleh wakil-wakil badan-badan profesional, dewan perniagaan, persatuan perindustrian dan agensi Kerajaan lain dengan jumlah peserta seramai 131 orang.



Kunjungan Hormat Delegasi UAE ke SSM - 17 Februari 2014



Lawatan Accounting Corporate Regulatory Authority (ACRA) Singapura ke SSM - 11 Mac 2014



Lawatan Delegasi Bank Dunia ke SSM - 17 Mac 2014



*Lawatan Delegasi Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke SSM
15 April 2014*



Kunjungan Hormat Delegasi Kuwait National Fund for SME Development ke SSM - 3 Jun 2014



LAWATAN RASMI REPUBLIK TANZANIA

Pada 16 Oktober 2019, SSM telah menerima lawatan rasmi daripada Republik Tanzania yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif *Public Procurement Regulatory Authority (PPRA)* iaitu Eng. Leonard S. Kapongo bersama lapan orang delegasi daripada pelbagai kementerian/bahagian di Republik Tanzania.



BENKEL SANDBOX BIZTRUST BERSAMA AGENSI

SSM telah menganjurkan Bengkel *Sandbox BizTrust With Agencies* melibatkan kerjasama pihak-pihak berkepentingan yang relevan bagi tujuan kerangka pemantapan SSM BizTrust di Malaysia yang telah diadakan di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi pada 23 dan 24 April 2019. Sebanyak tujuh agensi yang hadir, antaranya wakil daripada KPDNHEP, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), SME Corporation dan Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. (MDEC).



LAZADA WECOMMERCE

Program Lazada WeCommerce telah diadakan pada 15 Ogos 2019 bertempat di Aloft Hotel, KL Sentral. Lazada telah memperkenalkan WeCommerce dengan konsep Peruncitan Baharu (New Retail) yang merupakan kaedah membeli-belah masa hadapan melalui teknologi terkini serta mendapat sokongan daripada Alibaba.



Peruncitan baharu ini menampilkan konsep untuk penjual berkomunikasi bersama pelanggan melalui integrasi dari luar talian terus ke dalam talian bagi satu pengalaman membeli-belah yang baharu. SSM telah dijemput untuk membuka *booth* pameran sepanjang program berlangsung bagi tujuan khidmat nasihat berkaitan SSM BizTrust.





PERUNDINGAN AWAM

SSM mengeluarkan perundingan awam untuk mendapatkan pandangan dan komen pihak berkepentingan dan orang ramai secara umum mengenai rangka kerja perundangan yang dicadangkan atau dasar undang-undang yang akan dilaksanakan.

Dokumen konsultasi yang diedarkan pada tahun 2019

Dokumen Konsultasi Berhubung Peraturan-Peraturan Syarikat (Sijil Amalan) 2019

Peraturan-peraturan berkaitan amalan setiausaha dan Sijil Amalan di bawah Seksyen 241 AS2016

Kertas Rundingan Berhubung Semakan Fi Permohonan dan Pembaharuan Kelulusan Juruaudit Syarikat dan Penyelesai

Cadangan kadar fi baharu juruaudit syarikat dan penyelesai bagi tujuan permohonan dan pembaharuan kelulusan

Kertas Rundingan Berhubung Garis Panduan Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial

Garis panduan berhubung kerangka pelaporan pemunya benefisial (Beneficial Ownership Reporting Framework) untuk syarikat dan PLT bagi menggalakkan ketelusan korporat di dalam perniagaan di Malaysia

Konsultasi awam yang dilaksanakan pada tahun 2019

Bengkel Pemunya Benefisial - 15 dan 16 Julai 2019

SSM telah melaksanakan bengkel bagi mendapatkan pandangan berkaitan Rangka Kerja Pelaporan Pemunya Benefisial bersama dengan organisasi-organisasi berikut:

- ▶ Bank Negara Malaysia
- ▶ Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- ▶ Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
- ▶ Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- ▶ Wakil daripada Asia Pacific Group

Rangka Kerja Pelaporan Pemunya Benefisial - 4 Disember 2019

SSM telah melaksanakan konsultasi awam berkaitan Rangka Kerja Pelaporan Pemunya Benefisial bersama dengan organisasi-organisasi berikut:

- ▶ Badan Profesional
- ▶ Kementerian Kewangan Malaysia
- ▶ Bank Negara Malaysia
- ▶ Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- ▶ Bursa Malaysia
- ▶ Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- ▶ Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan

Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar (HAKB) 14 Oktober 2021

SSM telah melaksanakan konsultasi awam berkaitan Rang Undang-Undang HAKB bersama organisasi-organisasi berikut:

- ▶ Jabatan Pengangkutan Jalan
- ▶ Jabatan Perdana Menteri
- ▶ Pejabat Ketua Pendaftaran Mahkamah Persekutuan
- ▶ Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah & Sarawak



PENGLIBATAN SSM SEBAGAI AHLI MEJA BULAT SISTEM INTEGRITI KORPORAT MALAYSIA



Pada 27 Julai 2009 Kerajaan telah mengumumkan Indeks Prestasi Utama (KPI) dan mengenal pasti Bidang Keberhasilan Utama

Negara (NKRA), yang antara lain merangkumi usaha mengurangkan kadar jenayah dan memerangi rasuah dalam sektor awam dan swasta.

NKRA dan KPI dilancarkan dengan sasaran bagi memastikan elemen kebertanggungjawab yang serius, wujud dalam kalangan anggota pentadbiran dan juga penjawat awam. Bagi melengkapi usaha ini, Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) telah ditubuhkan pada tahun 2010 dengan kerjasama lapan organisasi sebagai ahli Meja Bulat Integriti Korporat, dan keahliannya terdiri daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia, *Transparency International Malaysia*, SSM, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Bursa Malaysia Berhad dan NKRA Memerangi Rasuah. CISM telah ditubuhkan dengan objektif utama untuk menerap nilai-nilai etika dan bebas rasuah ke dalam budaya perniagaan negara.

Seterusnya, program Ikrar Integriti Korporat/ *Corporate Integrity Pledge* (CIP) telah diperkenalkan pada tahun 2011 untuk menginstitusikan struktur tadbir urus korporat dalam usaha memerangi rasuah. Ini disusuli dengan pelancaran Rantainya Nilai CISM bagi memudah cara dan menyelaraskan pelaksanaan CIP dalam komuniti perniagaan negara.

Rantainya Nilai CISM diterima pakai untuk membantu komuniti perniagaan mengenal pasti jurang dan cabaran yang dihadapi untuk melaksanakan integriti korporat. Bagi menjayakan usaha ini, SSM bertindak sebagai penggalak (Promoter) dan memainkan peranan sebagai penghubung antara Meja Bulat Integriti Korporat dan organisasi yang diwakili, mempromosikan CISM kepada pihak berkepentingan dan bersama-sama mempertingkatkan rangkaian nilai CISM dari semasa ke semasa.

Di samping itu, SSM terlibat dalam menggubal *Guidelines on Adequate Procedures* (Garis panduan Tatacara Mencukupi). Matlamat garis panduan ini adalah untuk membantu organisasi komersial memahami kaedah pelaksanaan tatacara yang boleh dilaksanakan bagi mencegah berlakunya rasuah yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan. Garis panduan ini diwujudkan berasaskan lima prinsip utama yang boleh dijadikan dasar rujukan oleh organisasi komersial untuk melaksanakan apa-apa polisi, prosedur dan langkah kawalan berkaitan pencegahan rasuah yang bersesuaian ke arah mencapai matlamat mempunyai tatacara yang mencukupi sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

MEJA BULAT INTEGRITI KORPORAT



JALINAN STRATEGIK ANTARA SSM DAN PUSAT PENCEGAHAN JENAYAH KEWANGAN NASIONAL



SSM dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional atau lebih dikenali sebagai *National Financial Crime Centre* (NFCC) kini dalam proses berhubung kerjasama agar kedua-dua pihak dapat memanfaatkan dan berkongsi data, maklumat, pengetahuan, pengalaman, kemampuan atau perkhidmatan masing-masing bagi membanteras kegiatan jenayah kewangan di Malaysia.

Melalui cadangan kerjasama ini, SSM dan NFCC akan berkongsi data dan maklumat berkaitan sesebuah entiti atau individu yang disiasat menurut peruntukkan undang-undang di bawah kawal selia SSM dan NFCC termasuk berkaitan jenayah kewangan di Malaysia.

Pada ketika ini, pihak-pihak sedang dalam proses memuktamadkan Memorandum Kerjasama dan pada masa yang sama, wakil-wakil dari SSM telah dijemput oleh pihak NFCC (dan wakil *System Developer* NFCC) untuk memberikan maklumat dari sudut pandang SSM dalam proses pembangunan sistem yang bakal dibangunkan oleh pihak NFCC.

PENGLIBATAN SSM DI PERINGKAT ANTARABANGSA

SSM merupakan agensi tunggal di Malaysia yang melaksanakan fungsi-fungsi yang dimandatkan kepadanya. Justeru SSM perlu menanda aras pencapaian dengan badan-badan yang seumpama di peringkat antarabangsa. Dalam konteks ini SSM telah menjalin hubungan yang baik dengan badan-badan antarabangsa dalam usaha untuk mempertingkatkan pencapaiannya.

Di samping itu, SSM juga sangat aktif dalam penglibatan di forum-forum antarabangsa dalam usaha untuk perkongsian pengetahuan dan mencari jalan terbaik untuk memperteguh keyakinan orang ramai terhadap landskap perniagaan negara.

FORUM PENDAFTAR KORPORAT (CRF)



CRF ataupun Forum Pendaftar Korporat telah ditubuhkan bagi tujuan memberikan ahli-ahli suatu peluang untuk meninjau perkembangan terkini daripada pendaftar-pendaftar korporat dan perdagangan di seluruh dunia. Ianya juga memberi peluang kepada para ahli untuk bertukar

pengalaman serta informasi semasa dan masa hadapan berhubung sistem daftar korporat dan perdagangan. CRF merupakan suatu organisasi bukan berasaskan keuntungan (not-for-profit). Mesyuarat-mesyuarat CRF diadakan secara tahunan dan dianjurkan oleh mana-mana negara ahli CRF mengikut persetujuan bersama. Sejalan dengan perkembangan ekonomi dan pasaran antarabangsa yang pesat membangun, SSM perlu sentiasa aktif menambah ilmu terkini berkaitan teknologi dan amalan terbaik oleh pendaftar korporat antarabangsa agar Malaysia tidak ketinggalan dalam menjalankan aktiviti seharian serta tidak mengulangi kesilapan yang telah dilakukan oleh pendaftar korporat yang lain dalam bidang yang berkaitan dengan SSM.

Selain itu, selaras dengan perkembangan peranan SSM yang kini bukan hanya berfokuskan pendaftaran perniagaan dan syarikat, adalah penting untuk SSM mendapatkan maklumat terkini dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik serta menangani isu-isu yang akan diutarakan oleh pihak berkepentingan SSM terutamanya para pelanggan dalam menerima perubahan-perubahan yang sedang dan akan dijalankan oleh SSM bagi menjayakan usaha transformasi SSM.

Ahli-ahli piagam CRF terdiri daripada pendaftar-pendaftar korporat dan perdagangan antaranya daripada Australia, Afrika Selatan, Kanada, Cook Islands, Fiji, Hong Kong, India, Malaysia, Mauritius, New Zealand, Pakistan, Samoa, Singapura, Tonga, the United Kingdom dan Vanuatu.

Ahli CRF terdiri daripada Pendaftar Korporat dari negara benua Asia, Eropah, Afrika, Amerika Selatan dan Oceania.

SSM juga telah menerima kunjungan rasmi dari beberapa ahli CRF sejak penubuhannya. Antara negara-negara yang mengunjungi SSM adalah seperti Pendaftar Korporat dari Timor Leste, Afrika Selatan, Kuwait, Kenya, Emiriah Arab Bersatu, Singapura, Tanzania, Filipina, Vietnam, India dan Pakistan.

SSM merupakan ahli CRF sejak 2003 dan telah dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi CRF pada tahun 2016 dan 2018 yang sekali gus mengiktiraf sumbangan SSM di arena pendaftar syarikat antarabangsa. Sejak 2003, SSM telah aktif mengambil bahagian dengan menyertai forum tersebut serta membentangkan kertas kerja antara lainnya berkaitan dengan isu pematuhan, pembaharuan undang-undang, evolusi ICT di SSM, perubahan dalam inovasi dan perusahaan, tanggungjawab korporat dan juga perjalanan transformasi SSM.

Pada tahun 2007, SSM bersama dengan Pendaftar Korporat Singapura iaitu *Accounting and Corporate Regulatory Authority (ACRA)* telah menganjurkan CRF di Kuala Lumpur dan Singapura. Forum tersebut telah diadakan dari 16-20 April 2007 dengan tema *Evolution of the Corporate Registers: Challenges & Opportunities*. CRF 2007 menarik sejumlah 67 perwakilan antarabangsa. Forum anjuran SSM di Kuala Lumpur CRF 2007 telah dirasmikan oleh YB Menteri PDNHEP Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Haji Apdal.

PENYERTAAN SSM DALAM CRF SEJAK TAHUN 2006 SEHINGGA KINI



2 - 6 Mac 2006

Hong Kong

Forum ini berlangsung di Hong Kong dengan tema *Compliance and Enforcement and the Role of Companies Registries in Promoting Economic and Business Development*.





16 - 20 April 2007

Kuala Lumpur dan Singapura

Tema: *Evolution of the Corporate Registers: Challenges and Opportunities.*

Di dalam persidangan ini, delegasi SSM telah membuat beberapa pembentangan seperti berikut:

- ▶ *Leading Transitions: The Shifts Toward Innovation and Enterprise*
- ▶ *The Innovation of Corporate Services*
- ▶ *The Corporate Law Reform Programme*
- ▶ *Evolution of ICT in SSM*

Pembentangan dilakukan oleh Tuan Abdul Karim Abdul Jalil, Encik Mohamed Zanyuin Ismail, Puan Nor Azimah Abdul Aziz dan Encik Khuzairi Yahya.



31 Mac - 4 April 2008

Vancouver, Canada

Tema: *Between Friends - Interoperability*

Pada persidangan ini, delegasi SSM telah membuat pembentangan bertajuk *Corporate Social Responsibility: A Regulator's Approach*

Pembentangan dilakukan oleh Encik Azryain Borhan.



6 - 11 April 2009

Companies and Intellectual Property Registration Office (CIPRO), South Africa

Tema: *Harmony and Synergy in the Administration of Corporate Law*

Pada forum ini, delegasi SSM telah membuat pembentangan bertajuk *Business Registration Reform – The SSM Perspective* dan *Reaching Out to Our Stakeholders Through Education*. Pembentangan dilakukan oleh Puan Hjh Rokiah Mohd Noor dan Encik Muhammad Redzuan Abdullah.



19 - 23 April 2010

Mauritius

Forum ini berlangsung di Mauritius dengan tema *The Integrity of Corporate Registers.*





9 - 12 Mei 2011

Singapura

Tema: *Crossing Boundaries, Building Relationships*

Semasa forum berkenaan, delegasi SSM telah membuat pembentangan bertajuk *Transcending Boundaries Towards Business Transformation* dan *Crossing Boundaries Towards Driving Businesses Beyond Profitability*.

Pembentangan dilakukan oleh Dato' Azmi bin Ariffin dan Puan Hjh Rokiah Mohd Noor.



11 - 15 Mac 2013

New Zealand

Forum ini berlangsung di Auckland, New Zealand dengan tema *Tomorrow's Registries Today – Tell, Inspire, Revolutionize*.



13 - 17 Februari 2012

New Delhi, India

Tema: *Control to Self Regulation: Sharing Knowledge - Sharing Best Practices*

Delegasi SSM membuat beberapa pembentangan seperti berikut:

- ▶ *SSM's Corporate Law Reform Programme: Revolutionising Doing Business in Malaysia*
- ▶ *Global Trends - Challenges & Opportunities*
- ▶ *Managing Service Delivery & Enforcement: Achieving Synchrony*
- ▶ *Repositioning Corporate Governance and Corporate Social Responsibility in the 21st Century Corporate Environment: The SSM Approach*

Pembentangan dilakukan oleh Puan Nor Azimah Abdul Aziz, Encik Azryain Borhan dan Puan Hjh Rokiah Mohd Noor.



17 - 21 Mac 2014

Rio de Janeiro

Tema: *Business Registration as a Means to Reach a Sustainable Economic and Social Development*

Semasa forum berkenaan, delegasi SSM telah membuat pembentangan bertajuk *SSM's Corporate Responsibility Initiatives : A Strategic Collaboration Between SSM & UNICEF On Encouraging Responsible Business & Child Rights In Malaysia*.

Pembentangan dilakukan oleh Puan Norhaslinda Salleh.





8 - 12 Mac 2015

Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu

Semasa forum berkenaan, delegasi SSM telah membuat pembentangan bertajuk *SME High Impact Program 1 Integration of Business Registration and Licensing*.

Pembentangan dilakukan oleh Encik Khuzairi Yahaya.



6 - 10 Mac 2017

Hong Kong

Tema: *Corporate Registries - Challenges and Opportunities, Today And Tomorrow*

Semasa forum berkenaan, delegasi SSM telah membuat pembentangan bertajuk *Regulation Of Company Service Providers: A Case For Malaysia* dan *Summary of Session 15*.

Pembentangan dilakukan oleh Encik Rezy Izwan Ramly dan Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner.



9 - 3 Mei 2016

City Hall, Cardiff, Wales

Tema: *New Economy Efficiencies*

Semasa forum berkenaan, delegasi SSM telah membuat pembentangan bertajuk *SSM's Journey in Implementing Reform*.

Pembentangan dilakukan oleh Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner.



21 - 25 Mei 2018

Botswana

Tema: *Corporate Registries, A Critical Vehicle For Global Economic Growth*

Semasa forum berkenaan, delegasi SSM telah membuat pembentangan bertajuk *Self-Sustainable Registries: Funding Models That Work*.

Pembentangan dilakukan oleh Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner.





7 - 11 April 2019

Skopje, Macedonia

Tema: *Transforming Registries into Cross Border Enablers - Beyond National*

Delegasi SSM telah membuat pembentangan bertajuk *Challenges in Modern Registry Management – People Transformation the Journey in SSM* semasa forum ini.

Pembentangan dilakukan oleh Puan Samsiah Ibrahim.



9 - 11 November 2021

Uganda

Tema: *Ease of Doing Business: The role of Corporate Registries*

Delegasi SSM membuat pembentangan bertajuk *SSM's Initiatives to Assist the Business Community and Corporate Sector Affected by the COVID-19 Pandemic* semasa forum ini.

Pembentangan dilakukan oleh Datuk Nor Azimah Abdul Aziz.



FORUM PENDAFTAR PERNIAGAAN EROPAH (ECRF)



ECRF telah ditubuhkan bagi tujuan mewujudkan kerjasama antarabangsa dalam kalangan pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam mendaftar entiti perniagaan di Eropah. Perjumpaan ahli pertubuhan ini diadakan secara tahunan dengan persidangan pertama telah diadakan pada tahun 1998.

Matlamat utama ECRF, yang dilahirkan dengan tujuan untuk meningkatkan perkhidmatan daftar-daftar dagang adalah:

- ▶ memudahkan pengawalseliaan untuk mengurangkan beban pentadbiran ke atas perniagaan;
- ▶ mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk memulakan dan membangunkan perniagaan yang inovatif, terutamanya PKS;
- ▶ mewujudkan persekitaran yang telus bagi perniagaan di seluruh Eropah; dan
- ▶ penyediaan negara Tengah dan Timur Eropah untuk berintegrasi dengan negara-negara Kesatuan Eropah.

Sejajar dengan perkembangan ekonomi dan pasaran antarabangsa yang pesat membangun, SSM perlu sentiasa aktif menambah ilmu terkini berkaitan teknologi dan amalan terbaik oleh pendaftar korporat antarabangsa agar Malaysia tidak ketinggalan dalam menjalankan aktiviti seharian serta tidak mengulangi kesilapan yang telah dilakukan oleh pendaftar korporat yang lain dalam bidang yang berkaitan dengan SSM.

Selain itu, selaras dengan perkembangan peranan SSM yang kini bukan hanya berfokuskan pendaftaran perniagaan dan syarikat, adalah penting untuk SSM mendapatkan maklumat terkini dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik serta menangani isu-isu yang akan diutarakan oleh pihak berkepentingan SSM terutamanya para pelanggan dalam menerima perubahan-perubahan yang sedang dan akan dijalankan oleh SSM bagi menjayakan usaha transformasi SSM.

SSM telah menghadiri ECRF buat pertama kali pada tahun 2007 yang telah diadakan di negara Latvia. Seterusnya, SSM telah menghadiri ECRF yang telah diadakan di negara Wales (2016), Lithuania (2017) dan Gibraltar (2018).



Latvia

Tema: *Registries Work Electronically*

Bonn, Jerman

Tema: *International Business Register Network – Ready for a Global Market*

Belgrade, Serbia

Tema: *Register. Work. Succeed*

2016

City Hall, Cardiff, Wales

Tema: *New Economy Efficiencies*

Vilnius, Lithuania

Tema: *Getting The Right Direction*

University of Gibraltar, Gibraltar

Tema: *Moving With the Challenges of Digital Technologies*

LAIN-LAIN PENGLIBATAN SSM DI PERINGKAT ANTARABANGSA



SIMPOSIUM ANTARABANGSA CAMBRIDGE SERANTAU PERTAMA MENGENAI JENYAH EKONOMI

Simposium Antarabangsa *Cambridge Serantau Pertama* mengenai Jenayah Ekonomi dengan tema *Attaining Corporate Resilience through Governance and Integrity* telah berjaya dianjurkan oleh SSM dengan kerjasama *Centre for International Documentation on Organised and Economic Crime (CIDOEC)* pada 22–24 Jun 2010, di Shangri La Hotel, Kuala Lumpur. Dengan 24 penceramah dan *role players* daripada CIDOEC, bersama pakar tempatan, Simposium tersebut telah dihadiri oleh 342 delegasi yang terdiri daripada peserta tempatan dan antarabangsa. Ini adalah acara pertama SSM yang dianjurkan di peringkat antarabangsa.

Simposium ini merupakan projek di bawah Teras Strategik 5 Pelan Hala Tuju Strategik Kedua (SDP II) SSM untuk memperkenalkan Simposium Antarabangsa Cambridge mengenai Jenayah Ekonomi sebagai satu bab untuk pihak berkepentingan yang berkaitan di rantau Asia Timur. Simposium ini merangkumi bidang yang luas mengenai perkara yang berkaitan dengan:

- ▶ Tadbir urus korporat dan tanggungjawab pengarah;
- ▶ Penyelewengan & kebertanggungjawaban korporat;
- ▶ Fungsi audit dalaman semasa krisis;
- ▶ Orang dalam dan konflik kewajipan fidusiari;
- ▶ Rasuah dan urusan diri sendiri;
- ▶ Integriti pelaporan kewangan korporat dan maklumat korporat lain;
- ▶ Kawalan penipuan dan penubuhan rangka kerja pemberi maklumat;
- ▶ Penguatkuasaan integriti; dan
- ▶ Penguatan rangka kerja perundangan yang berkaitan.

Simposium ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Antara penceramah yang turut serta di dalam simposium ini ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Azmi Ariffin, KPE SSM, Tun Zaki Tun Azmi, Ketua Hakim Negara Malaysia, Profesor Barry A.K. Rider, Pengarah dan Pengerusi Bersama Pusat Dokumentasi Antarabangsa mengenai Jenayah Terancang dan Ekonomi (CIDOEC),

United Kingdom, Lord Davison dari Glen Clova QC (Advokat Jeneral Scotland), Tan Sri Abdul Gani Patail, Peguam Negara Malaysia, Michael Ashe QC (UK & Eire), Perakam Mahkamah Mahkota England dan Wales, United Kingdom, Dato' Idrus Harun, Peguamcara Negara Malaysia; Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, Dato' Abu Kassim Mohamed, Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Mohammad Faiz Azmi, Pengerusi, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, Prof. Madya Dr Aishah Bidin, Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia, Datuk Idris Abdullah, Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Syarikat Malaysia; Datuk Ali Abdul Kadir, Pengerusi Yayasan Pelaporan Kewangan, Sir Kenneth Warren, bekas Pengerusi, Jawatankuasa Pilihan Perdagangan dan Perindustrian, Dewan Rakyat, United Kingdom; G. Philip Rutledge, Rakan Kongsi, Bybel Rutledge, LLP, Amerika Syarikat, Stefan Gannon, Penasihat Am/ Pengarah Eksekutif, Pihak Berkuasa Kewangan Hong Kong dan Profesor J.J. Johan Henning, Dekan Fakulti Undang-undang, Universiti Negeri Bebas, Republik Afrika Selatan.

Simposium ini diperakui oleh Bursa Malaysia Berhad, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LOFSA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan 12 badan sokongan lain yang terdiri daripada badan profesional, persatuan perdagangan dan agensi Kerajaan.



SIMPOSIUM JENYAH EKONOMI KE-29 CAMBRIDGE

Simposium Jenayah Ekonomi ke-29 *Cambridge* telah diadakan dari 4 hingga 11 September 2011 di *Jesus College, University of Cambridge, United Kingdom*. Bekas Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Dato' Azmi bin Ariffin telah menyampaikan ucap tawar yang selaras dengan tema Simposium bertajuk: *Responsibility For Risk – At the Sharp End of Fighting Crime and Terror*.



FORUM GLOBAL OECD MENGENAI KETELUSAN DAN PERTUKARAN MAKLUMAT BAGI TUJUAN PERCUKAIAN

Objektif yang utama bagi Forum Global OECD mengenai Ketelusan dan Pertukaran Maklumat bagi Tujuan Percukaihan (Forum Global) adalah untuk memastikan semua negara melaksanakan dengan sepenuhnya piawaian antarabangsa berhubung ketelusan dan pertukaran maklumat. Forum Global telah mengadakan mesyuarat pada 19 - 23 September 2011 di Pusat Persidangan OECD Paris, Perancis yang telah dihadiri oleh SSM sebagai salah satu anggota daripada delegasi Malaysia.



GLOBAL FORUM ON TRANSPARENCY AND EXCHANGE OF INFORMATION (GLOBAL FORUM)

Mesyuarat *The 15th Peer Review Group (PRG) of Global Forum on Transparency and Exchange of Information (Global Forum)* di Malta.

SSM sebagai salah satu wakil negara Malaysia, telah menghadiri Mesyuarat PRG yang ke 15 pada 17 - 20 Mac 2014 bagi tujuan pembentangan serta perbahasan draf laporan Malaysia yang bertajuk *PRA Phase 2 Malaysia Peer Review of the Implementation of the International Standards for Transparency and Exchange of Information For Tax Purposes* yang dikeluarkan oleh OECD.



BENKEL TEKNIKAL FORUM PENDAFTAR KORPORAT

SSM telah menganjurkan Bengkel Teknikal Forum Pendaftar Korporat (Bengkel Teknikal CRF) yang kedua di Aloft Kuala Lumpur pada 18 dan 19 Oktober 2016 bertemakan *The Future Role of the Registry* disertai oleh lebih 50 delegasi yang terdiri daripada delegasi luar dan dalam Malaysia antaranya dari negara Singapura, Hong Kong, New Zealand, Jerman, Qatar, Turki, UAE, Maldives, Vanuatu, Kepulauan Solomon, Vietnam dan Netherlands.



BENKEL TEKNIKAL FORUM PENDAFTAR KORPORAT

The Companies and Intellectual Property Commission's (CIPC) of South Africa telah menganjurkan Bengkel Teknikal Forum Pendaftar Korporat (Bengkel Teknikal CRF) yang ke-3 di Pretoria, Afrika Selatan bertemakan *Efficiencies of a Modernized Registry, from a Registration Office to Being a Regulator* pada 23 - 25 Ogos 2017. Bengkel ini telah disertai oleh delegasi daripada Malaysia, Afrika Selatan, Botswana, Lesotho, Mauritius, Zambia, Nigeria, Ghana, Sierra Leone, Tunisia, Uganda, The United Arab Emirates, Singapura dan Pakistan bersama delegasi daripada Bank Dunia.



LAWATAN KERJA KE DEPARTMENT OF BUSINESS DEVELOPMENT, THAILAND

SSM telah mengadakan lawatan kerja ke *Department of Business Development (DBD), Ministry of Commerce, Thailand* dan *Business Online Public Company Limited (BOL)* pada 10 hingga 11 Ogos 2017 bagi mempelajari pelaksanaan *eXtensible Business Reporting Language (XBRL)*, *Trustmark* dan perkongsian maklumat perniagaan yang dilaksanakan di Thailand.



BENKEL KERJASAMA EKONOMI ASIA PASIFIK (APEC) BERHUBUNG ONE-STOP SHOPS FOR STARTING A BUSINESS (FROM THEORY TO BEST PRACTICE)

SSM mewakili Malaysia dalam Bengkel APEC berhubung *One-Stop Shops For Starting A Business (From Theory To Best Practice)* yang diadakan pada 11 Ogos 2018 di Port Moresby, Papua New Guinea. Bengkel ini yang dianjurkan oleh APEC secara langsung menyumbang kepada inisiatif *Ease of Doing Business (EoDB)* bagi kriteria memulakan perniagaan (*Starting a Business*) dengan memberi tumpuan kepada *one-stop shops* (single windows) yang dilaksanakan oleh negara APEC bagi tujuan mendaftarkan perniagaan baharu.



SIMPOSIUM SECURED TRANSACTIONS LAW IN ASIA

Symposium Secured Transactions Law In Asia yang dianjurkan oleh Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Oxford telah diadakan di Singapura dari 26 hingga 27 Julai 2018.



2ND ASEAN POLICY DIALOGUE ON STARTING A BUSINESS/ 3RD MEETING OF ASEAN TASK FORCE ON STARTING A BUSINESS

Delegasi SSM telah menyertai dialog ini yang telah diadakan pada 2 dan 3 April 2018 di Luang Prabang, Lao People's Democratic Republic. Ini adalah di bawah objektif keseluruhan pembaharuan perundangan, memudah dan merasionalisasi prosedur dalam memulakan perniagaan di ASEAN Member State (AMS) ke arah mengharmonikan prosedur memulakan perniagaan di ASEAN.



BENGKEL BERKENAAN RASUAH DI DALAM SEKTOR SWASTA: KERANGKA UNDANG-UNDANG, PENGUATKUASAAN DAN PENCEGAHAN

United Nations Office On Drugs and Crime (UNODC) dan Komisi Pemberantasan Korupsi Indonesia (KPK) bersama-sama menganjurkan bengkel di bawah naungan *South East Asia Parties Against Corruption (SEA-PAC)* bermula daripada 23 hingga 26 September 2019. Bengkel Berkenaan Rasuah Di Dalam Sektor Swasta: Kerangka Undang-Undang, Penguatkuasaan dan Pencegahan telah diadakan di Jakarta, Indonesia dan telah dihadiri oleh 10 ahli SEA-PAC termasuklah Malaysia, Singapura, Brunei, Kemboja dan Indonesia.

Bengkel ini diadakan dengan tujuan untuk berkongsi amalan terbaik dan pengalaman yang akan menyumbang kepada keupayaan negara ahli SEA-PAC melalui aktiviti penguatkuasaan dan langkah-langkah pencegahan di dalam membanteras rasuah. Dalam bengkel tersebut, SSM telah mengambil bahagian dengan membentangkan suatu kertas berkenaan landskap kerangka undang-undang pemunya benefisial di Malaysia.



KAJIAN RUU HARTA ALIH KEPENTINGAN BERCAGAR DI KANADA

Dalam usaha untuk memuktamadkan kenyataan polisi bagi RUU Harta Alih Kepentingan Bercagar (HAKB), SSM telah menganjurkan lawatan belajar ke Kanada dari 19-21 November 2019. Seramai lima peserta terlibat dalam lawatan ini yang terdiri daripada Pegawai SSM dari Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan, Bahagian Komunikasi dan Teknologi Maklumat dan Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran.

Untuk membolehkan Pegawai mendapatkan kepakaran yang terbaik, delegasi telah mengadakan sesi perbincangan dengan wakil dari *Office of Public Registry Administration, Ministry of Justice, Government of Saskatchewan, Regina, Canada* dan pakar mengenai kerangka perundangan bagi kepentingan bercagar dari universiti-universiti berikut:

- ▶ *Osgoode Hall Law School, York University, Toronto;*
- ▶ *University of Toronto, Toronto;* dan
- ▶ *University of Saskatchewan, Saskatoon.*



Lawatan belajar ke Kanada telah dianjurkan atas pertimbangan bahawa kenyataan polisi bagi RUU HAKB adalah berdasarkan kerangka perundangan yang sama digunakan di semua wilayah di Kanada. SSM juga berminat untuk menimba pengalaman yang telah dilalui oleh Kanada memandangkan Akta yang sama telah wujud di Kanada lebih daripada 20 tahun dan untuk memahami bagaimana kerangka perundangan tersebut telah matang berdasarkan kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah. Secara keseluruhannya, objektif bagi lawatan ini adalah supaya pegawai yang berkaitan mendapat peluang untuk:

- ▶ memahami sejarah Akta yang sama di Kanada;
- ▶ mempelajari pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta tersebut; dan
- ▶ memahami sistem (dan pendaftaran) seperti yang dikawal selia oleh Akta tersebut.

Di samping itu, pegawai yang berkaitan dapat menimba pengalaman Kanada dalam menyelesaikan isu-isu praktikal (terutamanya bagi wilayah Ontario dan Saskatchewan) ketika memperkenalkan dan menguatkuasakan Akta tersebut.



THIRD POLICY DIALOGUE AND THE FOURTH ASEAN TASK FORCE MEETING ON STARTING A BUSINESS

SSM telah dijemput oleh Sekretariat ASEAN *Task Force Starting A Business* (ATFSAB) untuk menghadiri *Third Policy Dialogue and The Fourth Asean Task Force Meeting On Starting A Business* di Bangkok, Thailand pada 25 - 26 Jun 2019. Dialog selama dua hari bertajuk *Third Policy Dialogue on Starting a Business - Formalization of Micro Enterprise in ASEAN* telah dianjurkan oleh ATFSAB dengan kerjasama SME Corp Malaysia yang bertujuan untuk menggalak dan memulakan amalan perniagaan di negara-negara ASEAN.

FINANCIAL ACTION TASK FORCE (FATF)



SSM adalah salah satu agensi yang terlibat secara langsung di dalam menangani isu pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan di Malaysia memandangkan SSM adalah pengawal selia syarikat, PLT dan perniagaan di Malaysia. Ini adalah kerana entiti perniagaan telah dikenal pasti sebagai salah satu medium yang digunakan oleh penganas atau pesalah laku bagi tujuan menjalankan aktiviti-aktiviti haram tersebut.

Bagi tujuan menangani isu pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan di Malaysia, SSM sering kali terlibat dalam pengukuhan kerangka perundangan di bawah kawal selianya yang melibatkan pindaan perundangan, seperti contoh pindaan yang sedang dibuat kepada AS2016 dan APLT2012 bagi mengukuhkan kerangka pelaporan pemunya benefisial agar memenuhi piawai antarabangsa dan saranan yang telah dikeluarkan oleh FATF.



Workshop on Implementing the International AML/CFT Standards - Enhancing Entity Transparency (AMLS) (4 - 8 June 2018) di Singapura.

SSM juga melalui aktiviti-aktiviti penguatkuasaan sama ada secara bersendirian atau bersepadu dengan agensi-agensi lain seperti Bank Negara Malaysia dan Polis Diraja Malaysia menjalankan aktiviti pemantauan, siasatan dan pendakwaan bagi memastikan keberkesanan peruntukan undang-undang melalui aktiviti-aktiviti penguatkuasaan.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak SSM sama ada dari aspek peruntukan undang-undang, program kesedaran dan latihan serta aktiviti penguatkuasaan akan dilaporkan kepada pihak FATF melalui BNM.



UNODC Regional Workshop on BO (22-23 July 2019) di Kuala Lumpur, Malaysia.

Tambahan kepada perkara di atas, SSM juga terlibat secara aktif dalam sebarang mesyuarat, persidangan, bengkel atau latihan yang dianjurkan oleh FATF atau badan bebas di bawah naungannya atau yang mempunyai misi yang sama seperti *Policy Development Group* (PDG), *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) dan *Organisation for Economic Co-Operation and Development* (OECD), *The Southeast Asia Parties Against Corruption* (SEA-PAC) dan *International Monetary Fund* (IMF) yang diadakan bertujuan untuk berkongsi ilmu dan pengetahuan serta amalan terbaik dengan negara-negara lain yang memerangi dan membanteras aktiviti-aktiviti yang sama.

Bagi memastikan kepatuhan kepada saranan yang telah dikeluarkan dan sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa, negara-negara anggota perlu melalui proses penilaian yang dikenali sebagai '*Mutual Evaluation Exercise* (MEE)' secara berkala.

JAWATANKUASA PENYELARAS ASEAN COORDINATING COMMITTEE ON MICRO, SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES (ACCMSME)

ACCMSME merupakan salah satu rangkaian di bawah Rangkaian Dasar Serantau (Regional Policy Network (RPN)) dalam Program Serantau Asia Tenggara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (*Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) Southeast Asia Regional Programme*) yang bertujuan mengenal pasti bidang dasar untuk pembaharuan masa depan, serta melaksanakan pembaharuan yang berkesan bagi menambah baik persekitaran perniagaan mengikut amalan baik antarabangsa.

Inisiatif ACCMSME adalah untuk memperkukuh mekanisme pengumpulan data (Medium, Small and Micro Enterprises (MSME)) di ASEAN di peringkat kebangsaan dan serantau termasuk melalui pelaksanaan nombor pengenalan perniagaan unik (Unique Business Identification Number (UBIN)).

Malaysia sebagai negara Anggota ASEAN (ASEAN Member State (AMS)) merupakan salah satu delegasi ACCMSME dalam inisiatif ini bertujuan untuk menambah baik dan menyelaras dasar dan kawal selia Perniagaan Kecil Sederhana (PKS) yang berkesan bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang terlibat dalam ASEAN *Task Force on Starting a Business* (ATFSAB).

Melalui ATFSAB, SSM telah dijemput oleh Sekretariat Pasukan Petugas ATFSAB untuk menghadiri beberapa sesi Dialog Dasar dan Mesyuarat Pasukan Petugas Asean Mengenai Memulakan Perniagaan.

Pada 25 - 26 Jun 2019, wakil SSM telah menghadiri Dialog Dasar Ketiga dan Mesyuarat Pasukan Petugas ASEAN Keempat Mengenai Memulakan Perniagaan di Bangkok, Thailand. Dialog tersebut dianjurkan oleh ATFSAB dengan kerjasama SME Corp Malaysia yang bertujuan untuk mempromosi dan memulakan amalan perniagaan yang baik di negara-negara ASEAN.

SSM juga telah menjadi wakil dalam dialog-dialog sama yang telah diadakan di Hanoi, Vietnam (2016), Kuala Terengganu, Malaysia (2017) dan Luang Prabang, Lao People's Democratic Republic (2018). SSM telah menghantar wakil ke dialog ini.

Pada 10 November 2020, wakil SSM telah terlibat dalam ATFSAB membincangkan tentang pelaksanaan UBIN dalam kalangan AMS di peringkat kebangsaan dan juga serantau. SSM juga telah berkongsi amalan terbaik, cabaran dan pengalaman masing-masing mengenai MyCOID.

Pada 9 Mac 2021, wakil SSM telah terlibat dalam ACCSME berhubung cadangan kertas konsep bertajuk *Strengthening the Implementation of MSME Data Collection Mechanism in ASEAN*. Antara objektif cadangan kertas konsep ini adalah bagi meningkatkan ketersediaan data MSME di peringkat serantau melalui mekanisme pengumpulan data dengan pelaksanaan UBIN.

THE GLOBAL FORUM ON TRANSPARENCY AND EXCHANGE OF INFORMATION FOR TAX PURPOSES (THE GLOBAL FORUM)



The Global Forum ialah forum antarabangsa yang ditubuhkan oleh *Economic Co-operation and Development* (OECD) bagi tujuan mempromosi dan menggalakkan pelaksanaan piawaian antarabangsa mengenai ketelusan

cukai melalui aktiviti pemantauan dan *peer review* bagi meningkatkan keupayaan pihak berkuasa percukaian di seluruh dunia untuk mengesan dan menghalang pengelakan cukai. Sebanyak 163 negara telah bekerjasama dalam forum ini bagi menambahbaik ketelusan dan pertukaran maklumat mengenai percukaian.

Di Malaysia, agensi-agensi lain yang terlibat di bawah kerjasama ini ialah Bahagian Percukaian Kementerian Kewangan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Jabatan Peguam Negara. Melalui kerjasama ini, SSM bertindak memberi input yang berkaitan dua daripada 10 elemen yang dinilai oleh *The Global Forum* iaitu kesediaan maklumat dan akses ke atas maklumat.

Sebagai penyimpan maklumat korporat, SSM memainkan peranan yang besar bagi memastikan kesediaan dan akses ke atas maklumat-maklumat korporat berada pada tahap kecekapan yang maksimum berdasarkan piawaian standard antarabangsa.

Semenjak penglibatan Malaysia dalam *The Global Forum* pada tahun 2009, Malaysia telah melalui dua fasa penilaian dan SSM terlibat secara langsung dalam kedua-duanya. Fasa pertama melibatkan penilaian ke atas rangka kerja perundangan dan kawal selia di mana hampir kesemua elemen yang diperlukan dalam penilaian diiktiraf sebagai 'tersedia' kecuali berkaitan maklumat berkaitan "pemunyaan dan identiti" yang perlu ditambah baik dan telah diambil tindakan dalam fasa kedua. Bagi fasa kedua, penilaian menggabungkan rangka kerja perundangan dan kawal selia serta keberkesanan perundangan dari segi praktis.

SSM telah menyumbang dari segi peningkatan penilaian berkaitan kesediaan maklumat pemunyaan dan identiti daripada *Partially Compliant* dalam pusingan pertama kepada *Largely Compliant* dalam pusingan kedua. Manakala dari segi akses kepada maklumat, SSM telah membantu meningkatkan *rating* daripada *Largely Compliant* dalam pusingan pertama kepada *Compliant* dalam pusingan kedua.

SSM, INTERNATIONAL FINANCE CORPORATION (IFC) DAN MISI SERVE DI TIMOR-LESTE



Pada tahun 2012 SSM, dengan sokongan *International Finance Corporation* (IFC), sebuah entiti ahli dalam Kumpulan Bank Dunia, telah membantu Timor-Leste, sebuah negara kepulauan Pasifik yang baharu mencapai kemerdekaan pada tahun 2002, untuk menubuhkan sebuah agensi sehati yang mempunyai fungsi, proses dan sistem yang serupa seperti SSM di Timor-Leste. Agensi tersebut dikenali sebagai *Service for Registration and Verification of Entrepreneurs* atau SERVE.

Agensi ini membolehkan usahawan di Timor-Leste untuk membuat pendaftaran syarikat dan perniagaan, mendapatkan nombor pengenalan cukai dan lesen komersial serta membekalkan dan mengesahkan maklumat korporat di satu tempat yang sama. Sebelum tertubuhnya SERVE usahawan di Timor-Leste terpaksa mendapatkan perkhidmatan ini di tiga kementerian berasingan di negara itu.

Untuk tujuan misi SERVE ini, SSM dan IFC telah melantik seorang pegawai kanan SSM, Puan Azizah Rohani, Mantan Pengarah, Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi SSM, untuk ke Timor-Leste dan berkhidmat sebagai Konsultan bagi menjayakan misi tersebut.

Misi ini bermula pada tahun 2011 apabila lapan pegawai Kerajaan dari Timor-Leste dan beberapa pegawai IFC telah melawat SSM untuk mempelajari bagaimana Malaysia telah berjaya membuat reformasi yang tuntas dalam sistem pendaftaran perniagaan dan pembekalan maklumat korporatnya yang dahulu dikendalikan secara manual kepada perkhidmatan sehati yang serba canggih lagi pantas, yang mana mendaftar perniagaan mengambil masa tidak lebih daripada satu jam secara purata, manakala pendaftaran syarikat hanya satu hari sahaja.

Selain itu, pembekalan maklumat juga boleh dibuat tanpa kertas, dalam talian dan pantas. Misi ini telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya dan SERVE telah diiktiraf sebagai pusat sehati yang berdaya maju dalam kalangan ekonomi yang sedang membangun oleh Bank Dunia.

Sesungguhnya, pelantikan pegawai kanan SSM sebagai konsultan untuk menjayakan satu misi yang besar di Timor-Leste ini merupakan satu pengiktirafan yang besar untuk Malaysia, khususnya SSM, oleh sebuah badan yang unggul di peringkat antarabangsa iaitu IFC, sekali gus merupakan satu pengiktirafan terhadap reformasi sistem pendaftaran perniagaan Malaysia yang dilaksanakan sejak tahun 2002.



XBRL International Conference

XBRL International Conference merupakan medan perkongsian maklumat terkini berkaitan pelaporan perniagaan berdasarkan format *extensible Business Reporting Language* (XBRL), *Big Data*, *Artificial Intelligence* dan juga pelbagai topik lain yang akan memberi impak kepada pelaporan perniagaan di masa hadapan.

SSM telah membentangkan pembangunan dan pelaksanaan *Malaysian Business Reporting System* (MBRS) di *XBRL International Conference 2017* yang bertemakan *The Future of Business Reporting*.

XBRL Asian Round Table

SSM selaku *Direct Member* dalam *XBRL International* (XII) telah hadir di *XBRL Asian Round Table* yang diadakan bertujuan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan kondusif di Asia dengan penyeragaman pelaporan perniagaan menggunakan format XBRL dan seterusnya membolehkan negara-negara di Asia berintegrasi dengan negara-negara lain di seluruh dunia.

XBRL Asian Round Table 2018 telah dihadiri oleh perwakilan daripada 23 negara antaranya Malaysia, Jepun, Indonesia, Brunei, Thailand, Sri Lanka, Singapura, Vietnam, Filipina, Myanmar, China, Taiwan, India, Korea, Australia, Eropah, Amerika Syarikat, Rusia dan United Kingdom.

BANK DUNIA EASE OF DOING BUSINESS REPORT





Malaysia menyumbang dalam Laporan Bank Dunia “Ease of Doing Business” (EODB) sejak 2008 yang merupakan laporan tahunan untuk mengukur aspek-aspek peraturan perniagaan dan impaknya ke atas penubuhan serta operasi sesebuah perniagaan melibatkan ekonomi 190 negara. Tumpuan utama laporan EODB adalah “mempromosikan pembaharuan undang-undang yang memperkasakan keupayaan sektor swasta untuk mewujudkan peluang pekerjaan, membasmi kemiskinan dan mewujudkan lebih banyak peluang ekonomi untuk lebih berkembang.” Dalam Laporan *Ease of Doing Business 2020* yang diterbitkan oleh Bank Dunia, Malaysia berada di tangga ke-12 dalam kalangan 190 negara ekonomi, berbanding kedudukan ke-15 pada tahun sebelumnya.



DOING BUSINESS 2020	MALAYSIA	
Ease of Doing Business in Malaysia 	Region	East Asia & Pasific
	Income Category	Upper middle income
	Population	31,528,585
	City Covered	Kuala Lumpur
	DB RANK	12
	DB SCORE	81.5

Rankings on Doing Business topics - Malaysia



Actual	Previous	Highest	Lowest	Dates	Unit	Frequency
12.00	15.00	24.00	6.00	2008 - 2019		Yearly

Doing Business adalah satu siri laporan tahunan yang mengukur aspek-aspek peraturan perniagaan dan impaknya ke atas penubuhan dan operasi sesebuah perniagaan negara ekonomi dinilai berdasarkan kepada peraturan perniagaan dan kemudahan menjalankan perniagaan, yang merupakan indikator bagi menunjukkan setakat mana kondusifnya persekitaran perundangan dalam memudahkan penubuhan dan pengoperasian syarikat tempatan di dalam negara. SSM terlibat secara aktif dan memberikan input untuk *Doing Business Report 2019* dalam empat bahagian penilaian spesifik iaitu:

- ▶ *Starting a Business*;
- ▶ *Resolving Insolvency*;
- ▶ *Getting Credit*; dan
- ▶ *Protecting Minority Investors*.

KESIMPULAN

SSM telah menjalin hubungan yang baik dengan pihak berkepentingan melalui pelbagai platform dan wadah, sama ada yang dianjurkan oleh SSM ataupun pihak berkepentingan yang berkenaan. SSM sentiasa mendengar pandangan mereka dan peka dalam memenuhi hasrat mereka, tanpa menjejaskan mandat SSM sendiri. Selain itu, SSM

juga menjalin hubungan yang baik dengan pihak berpentingan di luar negara bagi menimba ilmu dan berkongsi pengalaman. Justeru, transformasi yang dilakukan SSM sepanjang 20 tahun lalu merupakan hasil kesefahaman dan kesepakatan yang dipersetujui bersama, lantas terbinalah persekitaran niaga dengan kepercayaan yang kukuh.



Bengkel Teknikal CRF yang diadakan pada 18-19 Oktober 2016, bertempat di Aloft Hotel, Kuala Lumpur



BAB 9

SSM DUA DEKAD: MENELUSURI EVOLUSI, MENERAJUI TRANSFORMASI

SSM DUA DEKAD: MENELUSURI EVOLUSI, MENERAJUI TRANSFORMASI

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN SSM

Selama dua dekad SSM telah berkembang pesat dalam menjulang peranan mandatnya. Dua dekad menelusuri evolusi dan menerajui transformasi ekosistem perniagaan Malaysia.

Halaman-halaman selanjutnya memaparkan aktiviti dan pencapaian SSM sepanjang dua dekad lalu yang mencerminkan usaha berterusannya ke arah mencapai visi yang disasarkan untuk memenuhi keperluan perniagaan menerusi pendaftaran, kawal selia dan khidmat nasihat yang berkesan demi mempertingkatkan daya saing ekonomi negara.

2002

1. PELANCARAN SSM

Pada 16 April 2002, SSM telah dilancarkan secara rasmi oleh YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di Dewan Tun Abdul Razak, PWTC. Penubuhan SSM yang mengambil alih tugas-tugas yang dijalankan oleh ROC dan ROB, merupakan Badan Berkanun pertama di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. SSM menerajui usaha mengawal selia dan memenuhi kehendak dan keperluan semasa sektor korporat dan perniagaan negara agar sentiasa berkembang sihat, maju dan dinamik.



2003

2. PERJANJIAN SSM DAN POS MALAYSIA BHD

SSM dan Pos Malaysia Bhd menandatangani perjanjian Jaringan Perkhidmatan Awam pada 22 Januari 2003 untuk membolehkan pembaharuan sijil pendaftaran perniagaan melalui pejabat pos mulai 5 Februari 2003. Sebanyak 30 peratus daripada pelanggan yang biasa ke SSM pada waktu itu telah mendapat perkhidmatan ini di pejabat pos.



3. KE ARAH KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN - VISI, MISI DAN OBJEKTIF STRATEGIK SSM

Pada 15 Jun 2003, Visi, Misi dan Objektif Strategik yang baharu dikenal pasti dengan input daripada profesional yang bebas, objektif dan mahir dalam proses penjanaaan semula operasi dan pengurusan perubahan untuk membawa SSM ke abad 21 dan meningkatkan model operasi SSM untuk mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan pelanggan.

4. KUNJUNGAN HORMAT ANTARABANGSA

Pada 1 Oktober 2003, SSM menerima kunjungan hormat Gordon Jones, Pendaftar Syarikat di Hong Kong, dan Peter Weir, Pendakwa Raya Kanan bagi Pendaftar Syarikat di Auckland, New Zealand.



2004

5. COMPANIES HOUSE, DEPARTMENT OF TRADE AND INDUSTRY DAN INSTITUTE OF CHARTERED SECRETARIES AND ADMINISTRATORS (ICSA) DI UNITED KINGDOM

Pada 15 - 20 Oktober 2003, Dato' Abdul Alim Abdullah, KPE SSM telah mengetuai sekumpulan lima orang anggota kerja dalam rangka kerja lawatan ke *Companies House, Department of Trade and Industry dan Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA)* di United Kingdom.



6. PROJEK SEMAKAN SEMULA UNDANG-UNDANG KORPORAT

Pada 1 Disember 2003, SSM yang diberi kuasa untuk mengawal selia dan melaksanakan AS1965 telah mengambil inisiatif untuk menyemak semula peruntukan undang-undang korporat yang sedia ada di Malaysia di bawah Projek Semakan Semula Undang-Undang Korporat. Satu Jawatankuasa Semakan Semula Undang-Undang Korporat telah ditubuhkan pada Disember 2003 untuk menyemak semula polisi perundangan semasa dan membuat cadangan pindaan yang sesuai bagi membolehkan aktiviti korporat dan perniagaan di Malaysia berfungsi dengan persekitaran perniagaan yang berkesan, konsisten, telus dan berdaya saing sejajar dengan piawai tadbir urus korporat yang baik di peringkat antarabangsa.

7. PROJEK MIGRASI TEKNOLOGI MAKLUMAT SISTEM SYARIKAT DAN PERNIAGAAN UNTUK PENDAFTARAN PERNIAGAAN (CBS ROB)

Pada 5 Januari 2004, Projek Migrasi Teknologi Maklumat Sistem Syarikat dan Perniagaan untuk Pendaftaran Perniagaan (CBS ROB) telah dilaksanakan serentak di seluruh negara pada 21 Jun 2004 setelah diuji di Labuan, Perak dan di ibu pejabat bagi menyelesaikan masalah awal. Ia merupakan kejayaan yang mengagumkan dan salah satu daripada komponen besar projek migrasi Teknologi Maklumat.

8. PELANCARAN STRATEGIC FRAMEWORK FOR CORPORATE LAW REFORM (CLR) PROGRAMME

Pada 11 Ogos 2004, pelancaran *Strategic Framework For Corporate Law Reform (CLR) Programme* (Rangka Kerja Strategik bagi Program Semakan Semula Undang-Undang Korporat) telah diadakan. Majlis pelancaran ini telah dirasmikan oleh Datuk Hj. Mohd. Shafie bin Hj. Apdal, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di Hotel Mutiara, Kuala Lumpur.



2005

9. SISTEM CBS-ROC

Penggunaan teknologi yang efisien turut menyumbang secara langsung terhadap peningkatan proses operasi dan perkhidmatan SSM. Sistem CBS-ROC telah berjaya dilancarkan di seluruh negara pada Julai 2005. Secara khususnya, pelaksanaan Sistem Syarikat dan Perniagaan (CBS) dan migrasi data daripada sistem kerangka utama yang lama telah disempurnakan (kerangka utama telah dimansuhkan manakala aplikasi dan infrastruktur CBS telah diselaraskan) pada tahun 2005.



10. KAUNTER BERGERAK PENDAFTARAN PERNIAGAAN

Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan (KBPP) telah menjadi sebahagian daripada sistem penyampaian perkhidmatan SSM sejak ia mula dilancarkan pada bulan September 2005. Objektif utama KBPP ini adalah untuk menyampaikan perkhidmatan di kawasan-kawasan yang tidak terdapat pejabat SSM dan di kawasan pedalaman. Selain daripada menyediakan perkhidmatan pendaftaran, ia juga merupakan saluran yang berkesan untuk memupuk kesedaran dalam kalangan komuniti perniagaan mengenai kehendak APP1956.



2006

11. PENGENALAN E-PERKHIDMATAN

SSM telah membangunkan perkhidmatan elektronik dalam talian (online electronic services) untuk faedah pelanggan. Pada Julai 2006, SSM melancarkan fasa pertama, inisiatif ini dengan memperkenalkan perkhidmatan e-Info kepada orang awam yang boleh diakses menerusi laman web www.ssm.com.my atau www.ssm-einfo.com.my. Laman web ini membolehkan pencarian, pemeriksaan dan pemerolehan maklumat syarikat dan perniagaan dibuat pada waktu sebenar. SSM dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah membangunkan perkhidmatan e-Lodgement bagi mempermudah proses menyerah simpan dokumen. Ia menggunakan Portal Perkhidmatan Awam (Public Service Portal, PSP) Kerajaan melalui laman web www.gov.my sebagai platform untuk membekalkan pilihan elektronik bagi memfailkan kedua-dua dokumen syarikat dan perniagaan sebagai tambahan kepada transaksi di kaunter perkhidmatan.



12. PENGENALAN LAMAN WEB SSM

Akronim SSM telah diterima pakai, singkatan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai jenama organisasi. Pendek dan ringkas. Ia mudah dikenali oleh orang ramai dan juga berfungsi sebagai nama alamat web laman web korporat rasmi iaitu www.ssm.com.my. Laman web SSM telah dirombak dan reka bentuk baharu dengan ciri yang lebih mesra pengguna telah diperkenalkan pada penghujung bulan Julai 2006. Kandungan versi asal portal tersebut hanyalah dalam Bahasa Malaysia tetapi versi Bahasa Inggeris telah dibangunkan dan telah dimuat naik pada suku pertama tahun 2007. Pada tahun 2017, terdapat keperluan untuk portal rasmi SSM dirombak dan ditambah baik sekali lagi supaya dapat kekal terkini dan menepati citarasa serta memudahkan pengguna portal. Sehubungan itu, portal rasmi SSM yang berwajah baharu telah dirasmikan pada tahun 2018. Antara penambahbaikan yang telah dilakukan kepada portal SSM yang baharu adalah memberi fokus kepada perkhidmatan-perkhidmatan penting SSM dengan meletakkannya di muka hadapan portal di bawah tajuk 'Pautan Pantas'. Selain itu, bahagian 'Apa yang ingin anda lakukan?' telah juga diletakkan di muka hadapan portal di mana pengguna diberi pilihan untuk memilih di antara mendaftar perniagaan, syarikat atau PLT, membeli maklumat korporat, pautan bagi setiausaha dan juruaudit syarikat serta membuat enkuiri.

2007

13. AKADEMI LATIHAN SSM DITUBUHKAN

Akademi Latihan SSM (COMTRAC) telah ditubuhkan untuk menerajui pendidikan dan latihan korporat berterusan kepada pihak-pihak berkepentingan. Penubuhan COMTRAC pada 1 April 2007 adalah selaras dengan fungsi SSM yang ditetapkan di bawah Seksyen 17(d) ASSM2001: “Fungsi Suruhanjaya adalah untuk mendorong dan menggalakkan tatalaku yang sepatutnya dalam kalangan pengarah, setiausaha, pengurus dan pegawai lain sesuatu perbadanan, dan pengawalseliaan diri oleh perbadanan, syarikat, perniagaan, kumpulan perindustrian dan badan ikhtisas dalam sektor korporat demi untuk memastikan bahawa segala kegiatan korporat dan perniagaan dijalankan mengikut norma-norma yang telah mantap mengenai pentadbiran korporat yang baik”.



14. PERKHIDMATAN E-LODGE MENT PERNIAGAAN DAN SYARIKAT DIPERKENALKAN

E-Lodgement, sebuah perkhidmatan dalam talian yang diperkenalkan pada 21 Mei 2007, ialah bertujuan untuk memudahkan penyerahan pelbagai dokumen berkanun melalui internet. Dalam mempertingkatkan lagi penyampaian perkhidmatannya, SSM telah membawa teknologi maklumat dengan teliti ke peringkat seterusnya seiring dengan peredaran zaman. Sejak itu, era teknologi maklumat telah diterima pakai oleh semua negara dan SSM telah bergerak ke arah pendigitalan apabila perniagaan dan syarikat boleh diperbadankan dalam talian. Dalam merealisasikan impian ini, SSM bersama-sama dengan Pemodenan Pentadbiran Malaysia dan Unit Perancang Pengurusan (MAMPU) telah memulakan pembangunan sistem yang diperlukan untuk membolehkan transaksi dalam talian dilaksanakan.

Sistem yang dikenali sebagai e-Lodgement telah membolehkan pelbagai dokumen untuk diserahkan melalui internet, tanpa perlu untuk melakukan transaksi di kaunter. Pembangunan e-Lodgement juga adalah usaha bersepadu daripada pelbagai elemen SSM dan melibatkan pindaan kepada rangka kerja undang-undang, pembangunan dasar baharu, semakan ke atas prosedur, pembelian dan pembangunan perisian dan perkakasan yang diperlukan juga sebagai penggubalan strategi.

Evolusi yang berkembang telah disaksikan bagi pendaftaran syarikat secara dalam talian di SSM daripada e-Lodgement pada dahulunya kepada pengenalan sistem MyCoID sehingga MBRS yang diguna pakai pada masa kini.

2008

15. PELANCARAN SSM E-LODGE MENT

Pada tahun 2008, kemuncak kepada segala perancangan dan pembangunan sistem yang dibuat, perkhidmatan SSM e-Lodgement telah dilancarkan secara rasmi pada 22 Januari 2008 oleh YB Datuk Mohd Shafie bin Hj. Apdal, Menteri PDNHEP. Pembangunan e-Lodgement adalah penting memandangkan ianya memperkasakan sistem penyampaian awam SSM dengan menyediakan saluran alternatif bagi menjalankan transaksi dengan SSM. Perkhidmatan e-Lodgement membolehkan tugas-tugas yang sebelum ini dilakukan secara manual, dilaksanakan melalui kepintaran komputer. Ini dapat mengurangkan masa yang diambil untuk melakukan pelbagai proses dalam mendaftarkan perniagaan, menubuhkan syarikat dan juga menyerah simpan dokumen-dokumen berkanun.



16. PELANCARAN LAPORAN AKHIR JAWATANKUASA SEMAKAN SEMULA UNDANG-UNDANG KORPORAT

Tahun 2008 juga menyaksikan pelancaran Laporan Akhir Jawatankuasa Semakan Semula Undang-undang Korporat (CLRC). Laporan Akhir ini merupakan satu usaha CLRC selama empat tahun untuk menyemak semula AS1965 secara komprehensif dan menyeluruh untuk merumus satu kerangka undang-undang korporat yang moden lagi dinamik bagi kurun ke 21. Pelaksanaan syor-syor di dalam Laporan Akhir ini bakal memastikan kerangka undang-undang korporat di Malaysia tetap komprehensif seiring dengan perubahan persekitaran ekonomi.

2009

17. INISIATIF PENGIKLANAN

Hasil daripada pengiklanan secara tetap dalam media cetak seperti akhbar-akhbar tempatan, penerbitan agensi-agensi yang berkaitan, majalah *Going Places* terbitan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan juga melalui pengiklanan perkhidmatan di dalam *Yellow Pages* TV (YPTV), kewujudan SSM serta aktiviti-aktiviti yang dijalankannya semakin mendapat perhatian. SSM telah bekerjasama dengan Media Prima Berhad berkenaan dengan beberapa iklan penting; salah satunya adalah bagi mempromosikan *e-Services*. Pada 6 Disember 2009, iklan televisyen SSM mengenai 'Perniagaan Anda Bermula di SSM' telah ditayangkan buat pertama kali di TV3 (pada slot-slot Buletin Utama dan Nightline) dan telah ditayangkan secara berterusan selama tiga bulan berturut-turut.


**18. AGENDA TANGGUNGJAWAB KORPORAT SSM (SSM CR AGENDA)**

SSM telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan Agenda Tanggungjawab Korporat SSM (SSM CR Agenda) pada Jun 2009. Agenda Tanggungjawab Korporat SSM telah dijadikan hala tuju SSM untuk menyemai budaya tanggungjawab korporat dalam kalangan komuniti perniagaan. Tanggungjawab korporat kini diiktiraf sebagai salah satu agenda antarabangsa yang diamalkan dalam kalangan pengawal selia korporat dan syarikat-syarikat di seluruh dunia. Di peringkat antarabangsa pula, amalan tanggungjawab korporat merupakan salah satu aspek penilaian ke arah menentukan tahap berdaya saing sesebuah negara berdasarkan Laporan 2010

World Competitiveness Yearbook terbitan *Institute for Management Development* di Switzerland. Manakala di peringkat domestik, konsep tanggungjawab korporat dirujuk di dalam beberapa agenda nasional seperti Wawasan 2020 dan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

**19. INISIATIF SSM BANTU 'PAKEJ RANGSANGAN NEGARA'**

Berhubung dengan penyampaian perkhidmatan awam, salah satu perkara penting pada 2009 adalah apabila SSM mengambil inisiatif untuk membantu melalui dua Pakej Rangsangan Ekonomi Negara dan pengenalan 'Pakej Rangsangan Ekonomi SSM' di mana pengurangan yuran secara sementara telah dilaksanakan untuk tempoh setahun bermula daripada 1 April 2009 sehingga 31 Mac 2010. Ini termasuk pengurangan yuran pemerbadanan syarikat baharu, yuran pembayaran untuk meningkatkan modal yang dibenarkan, yuran pendaftaran perniagaan baharu (iaitu milikan tunggal dan perkongsian), yuran pembaharuan perniagaan dan yuran program latihan anjuran Akademi Latihan SSM (COMTRAC). Selain daripada pengurangan yuran tersebut, SSM juga buat sementara waktu mengecualikan yuran langganan untuk perkhidmatan e-Lodgement dalam tempoh masa yang sama.



2010


20. MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA SSM DAN UNICEF

Pada 26 Januari 2010, Memorandum Persefahaman (MoU) antara SSM dan UNICEF telah ditandatangani dengan objektif utama adalah untuk bekerjasama dalam meningkatkan kebajikan kanak-kanak di Malaysia melalui amalan Tanggungjawab Korporat dalam kalangan korporat dan komuniti perniagaan.



21. PELANCARAN MYCOID

Fasa pertama Projek Identiti Korporat Malaysia (MyCoID) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 11 Februari 2010. Pelancaran dan mobilisasi fasa kedua MyCoID membolehkan pendaftaran serentak dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp) dan Dana Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) sebaik sahaja syarikat itu diperbadankan di SSM melalui satu penyerahan.



22. PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KEDUA

Pengenalan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua SSM dari 1 April 2010 sehingga 31 Disember 2010 untuk menggalakkan pemerbadanan syarikat baharu semasa negara menghadapi kemelesetan ekonomi. SSM memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua memandangkan impak positif yang diperolehi daripada pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama pada tahun 2009. Selain daripada usaha untuk menggalakkan pemerbadanan syarikat baharu semasa negara menghadapi kemelesetan ekonomi, Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua SSM ini merupakan inisiatif yang berterusan bagi memberi sokongan kepada usaha Kerajaan untuk mengekalkan pemulihan ekonomi negara. Pakej Rangsangan Ekonomi SSM Kedua ini menawarkan pengurangan fi sebanyak 15 peratus ke atas pemerbadanan syarikat baharu bagi modal dibenarkan tidak melebihi RM1 juta. Tempoh pengurangan ini bermula dari 1 April 2010 sehingga 31 Disember 2010.

Usaha Kerajaan Malaysia yang berterusan untuk meningkatkan ekonomi negara telah membuahkan hasil. Menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua ini juga, ekonomi Malaysia kembali melonjak dengan peningkatan sebanyak 7.2 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding pengucupan 1.7 peratus pada tahun 2009. Perbelanjaan awam melalui dua pakej rangsangan ekonomi dan dasar kewangan yang akomodatif telah membantu Malaysia kembali mengecapi pertumbuhan ekonomi negara. Sektor perkhidmatan telah menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara apabila berkembang 6.8 peratus setiap tahun sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010), dan menyumbang sebanyak 58 peratus terhadap KDNK pada tahun 2010. Pertumbuhan yang kukuh di subsektor seperti kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan syarikat, perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran serta pengangkutan dan komunikasi telah menyumbang kepada pengembangan tersebut. Malaysia telah muncul sebagai ekonomi yang berorientasikan eksport dengan dipacu oleh teknologi tinggi, ekonomi berasaskan pengetahuan, industri bermodal intensif dan produktiviti serta inovasi. Perkembangan ini telah dapat memelihara, menarik dan mengekalkan sumber manusia yang berprestasi tinggi dan menguntungkan syarikat. Ekonomi Malaysia telah meningkat sebanyak 6 peratus setiap tahun sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015) dan dapat mencapai aspirasi untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

2011

23. PELANCARAN MENARA SSM@SENTRAL

Ibu pejabat SSM yang baharu yang dikenali dengan Menara SSM@ Sentral telah dilancarkan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri PDNKK. Pelancaran Menara SSM@Sentral pada 29 Julai 2010 merupakan satu lagi kejayaan besar bagi SSM. Sebelum ditubuhkan pada 2002, SSM telah berpindah dari satu bangunan ke satu bangunan yang lain dan akhirnya memiliki bangunannya sendiri. Ibu pejabat korporat ini menjadi simbol kepada pencapaian bagi SSM. Bangunan moden 31 tingkat yang bertaraf antarabangsa ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan terkini, membolehkan SSM memberi perkhidmatan terbaik kepada orang awam.



24. PENGENALAN 1 HARI PERKHIDMATAN PEMERBADANAN SYARIKAT

Perkhidmatan ini membolehkan pelanggan SSM melalui prosedur pendaftaran (carian dan kelulusan nama, penyerahan dokumen pemerbadanan, pengecapan *Memorandum and Articles of Association* (M&A), dan pembelian buku berkanun, meterai biasa syarikat dan sijil saham) dengan cepat dan cekap di SSM pada hari yang sama. Dokumen-dokumen pemerbadanan yang diserahkan sebelum tengah hari, sijil pemerbadanan akan dikeluarkan dalam hari yang sama bagi pemerbadanan syarikat baharu dengan modal dibenarkan kurang daripada RM1 juta.



25. MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN KERJASAMA SSM DAN BSN

Urusan pembaharuan pendaftaran perniagaan boleh dilakukan di 400 cawangan BSN seluruh negara sebagai hasil kerjasama BSN dan SSM bagi tujuan memudahkan komuniti peniaga yang mungkin sukar mengunjungi pejabat SSM kerana terletak jauh dari tempat tinggal mereka.



26. PELAKSANAAN GERBANG SISTEM MYCOID

Bermula 6 Februari 2011 Gerbang Sistem *Malaysia Corporate Identity* (MyCoID) yang dibangunkan sejak tahun 2010 telah digunakan untuk pemerbadanan syarikat secara dalam talian. Pada peringkat awal pelaksanaan sistem MyCoID menawarkan perkhidmatan pendaftaran pengguna MyCoID, fungsi carian, pemerbadanan syarikat, penyerahsimpanan borang selepas pemerbadanan dan pembayaran. Menerusi MyCoID, semua data syarikat yang diperbadankan akan dihantar secara serentak kepada lima agensi utama iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SMESCorp).



2012


27. CORPORATE BUSINESS INFORMATION DATA (CBID)

Pada 21 Disember 2011, Projek *e-Corporate Business Information Data* atau lebih dikenali sebagai e-CBID telah diperkenalkan. Ia merupakan permohonan dalam talian data maklumat korporat dan perniagaan di mana permohonan boleh dilakukan melalui laman sesawang baharu SSM. e-CBID juga bertindak sebagai direktori elektronik untuk penjualan maklumat perniagaan dan syarikat.



28. BORANG PENDAFTARAN PERNIAGAAN BOLEH DIMUAT TURUN MELALUI LAMAN SESAWANG SSM

Selaras dengan langkah memudahkan pendaftaran perniagaan baharu, mulai 16 April 2011, orang ramai dibenarkan memuat turun Borang Pendaftaran Perniagaan melalui laman sesawang SSM untuk membuat pendaftaran perniagaan baharu di mana-mana pejabat SSM di Semenanjung Malaysia.



29. PAKEJ INSENTIF PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PERNIAGAAN

SSM telah melaksanakan Pakej Insentif Pendaftaran dan Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan SSM bermula pada 1 Jun sehingga 31 Disember 2012 khusus untuk golongan penjaja dan peniaga kecil. Pakej ini dilaksanakan bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan peniaga kecil dan penjaja bagi membolehkan kumpulan peniaga ini menjalankan perniagaan mereka secara sah di sisi undang-undang selaras dengan peruntukan-peruntukan APP1956. Pakej ini dilaksanakan khas untuk semua usahawan perniagaan kecil yang boleh menikmati insentif-insentif berikut:

- ▶ Bayaran pendaftaran perniagaan dan pembaharuan pendaftaran perniagaan untuk tempoh lima tahun sebanyak RM50 berbanding fi semasa sebanyak RM300 bagi perkongsian dan RM150 bagi pemilikan tunggal untuk tempoh lima tahun; dan
- ▶ Diskaun sebanyak 50 peratus telah diberikan kepada pemilik tunggal dan perkongsian untuk semua pendaftaran lewat perniagaan dan lewat membaharui pendaftaran perniagaan mengikut APP1956.

30. PAKEJ INSENTIF ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Insentif khas ini telah diumumkan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri PDNKK pada 23 Oktober 2012 sempena majlis perasmian program "Jalinan Kasih - SSM Bersama OKU" dengan tema "Kesedaran Keusahawanan Bersama Orang Kurang Upaya". Pakej ini termasuk pendaftaran perniagaan baharu dan pembaharuan perniagaan secara percuma yang bermula pada 23 Oktober 2012. Untuk kelayakan menikmati pakej ini, golongan OKU perlu memiliki kad pendaftaran OKU yang sah dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.



2013

31. PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) - KUALA LUMPUR DAN MELAKA

Pusat Transformasi Bandar (UTC) Melaka dan Kuala Lumpur telah dirasmikan pada Jun dan September 2012 oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, menggambarkan komitmen berterusan SSM dalam menyokong aspirasi Kerajaan untuk menyediakan pusat kemudahan pelbagai perkhidmatan bagi orang awam di bandar. SSM telah membuka kaunter bagi menawarkan perkhidmatan pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan.



32. FORMAT BAHARU PERAKUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN

Pada bulan Ogos 2012, SSM menyelaraskan penggunaan kertas A4 bagi pengeluaran Sijil Pendaftaran Perniagaan. Berikutan pelaksanaan inisiatif ini, perakuan yang dikeluarkan dari mana-mana kaunter perkhidmatan SSM termasuk kaunter yang dikendalikan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) di seluruh negara serta sijil yang dikeluarkan melalui perkhidmatan dalam talian, e-Lodgement telah dicetak di atas kertas A4.

33. PENGENALAN ENTITI PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)

Pada 21 Februari 2013, entiti PLT telah dilancarkan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri PDNKK. Perniagaan yang ditubuhkan sebagai PLT adalah sebuah badan korporat yang mempunyai entiti undang-undang yang berasingan daripada rakan-rakan kongsi dan kewujudannya bercirikan kekal dengan kapasiti tanpa had. PLT juga telah membantu untuk merapatkan jurang dalam kerangka perundangan korporat semasa dan menyediakan satu bentuk perniagaan alternatif bagi melengkapkan pilihan tradisional mekanisme perniagaan. Ia juga telah menyediakan fleksibiliti dan kebebasan kepada pihak yang berkepentingan untuk memilih model perniagaan yang paling sesuai dengan keperluan perniagaan masing-masing.



34. PENGOPERASIAN CALL CENTRE

Pusat Panggilan SSM telah mula beroperasi pada 18 Februari 2013 yang mempunyai kakitangan perkhidmatan pelanggan terlatih dan berdedikasi serta mampu menyediakan perkhidmatan kepada pihak berkepentingan untuk memberi maklum balas kepada pertanyaan, penyelidikan pasaran, aduan atau permintaan maklumat umum SSM.

Bilangan ejen panggilan yang bekerja ialah seramai 13 ejen yang bertugas semasa waktu operasi, dari Isnin hingga Ahad. Komunikasi antara SSM dengan pelanggan sentiasa menjadi asas kepada perkhidmatan pelanggan yang baik.



2014

35. MALAYSIA CORPORATE IDENTITY (MYCOID)

SSM telah melaksanakan sepenuhnya pemerbadanan syarikat secara dalam talian melalui sistem MyCoID berkuatkuasa 16 Mei 2013. Langkah ini merupakan salah satu tindakan yang diambil oleh SSM bagi memastikan permulaan perniagaan di Malaysia mencapai kedudukan yang lebih baik pada tahun 2014. Langkah ini juga seiring dengan matlamat SSM untuk meningkatkan kadar penggunaan perkhidmatan dalam talian.



36. PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) – PAHANG DAN KEDAH

Terdapat dua tambahan Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang dibuka masing-masing di Pahang dan di Kedah pada 1 April 2013 dan 16 Ogos 2013. Empat Pusat UTC yang sedia ada menunjukkan komitmen SSM dalam menyokong matlamat Kerajaan untuk menyediakan pelbagai kemudahan pusat-pusat perkhidmatan kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

37. SSM KE ARAH PENSIJILAN DAN PELAKSANAAN ISO 9001:2008

SSM telah mengorak langkah ke arah pelaksanaan dan pensijilan MS ISO 9001:2008 yang berteraskan Dasar Kualiti SSM. Dengan pelaksanaan standard ISO ini, SSM komited dalam memberikan perkhidmatan berkualiti menerusi penambahbaikan yang berterusan bagi memenuhi Piagam Pelanggan dan kepuasan pelanggan. Oleh yang demikian, SSM telah bekerjasama dengan pihak SIRIM Berhad bagi menyediakan dokumen pengurusan yang mengandungi Manual Kualiti, Prosedur Kualiti dan dokumen sokongan yang berkaitan seperti Pekeliling, Arahan, Peraturan dan panduan borang pendaftaran dan lain-lain dokumen. Justeru, pada 26 September 2014, SSM telah menerima pensijilan berprestij MS ISO 9001:2008 daripada pihak SIRIM Berhad bagi proses utama pendaftaran perniagaan di Ibu Pejabat SSM.

Pada 1 April 2014, SSM telah memperkenalkan borang pendaftaran baharu yang memudahkan pelanggan dengan maksima dua muka surat berbanding dengan borang terdahulu yang terdiri daripada empat muka surat bagi pendaftaran baharu dan minima lapan muka surat bagi perubahan maklumat perniagaan. Borang Pendaftaran baharu berupaya untuk mempercepat dan membantu menjimatkan masa pelanggan apabila berurusan di SSM. Tambahan pula, borang pendaftaran yang baharu boleh diperolehi daripada laman web SSM yang membolehkan pelanggan untuk memperolehinya dan mengisinya sebelum datang ke SSM.



38. LAWATAN KERJA JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIAL PDRM KE SSM - 1 APRIL 2014



2015

39. PERASMIAN KAUNTER PERKHIDMATAN PENDAFTARAN SYARIKAT TINGKAT 20, MENARA SSM@SENTRAL - 2 JUN 2014



40. MOU DI ANTARA SSM DENGAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA - 19 JUN 2014




41. JALINAN KERJASAMA DAN TAKLIMAT BERSAMA AGENSI-AGENSI YANG MENGELUARKAN LESEN KE ARAH PEMATUHAN DI BAWAH AS2016 DAN APP1956 - 27 JUN 2014



42. PENGENALAN PERKHIDMATAN E-SEMAK

SSM juga tidak lupa untuk melindungi kepentingan orang awam dengan pengenalan perkhidmatan e-Semak pada 7 Ogos 2015. Perkhidmatan percuma ini membolehkan orang ramai menentukan kesahihan mana-mana entiti perniagaan yang didaftarkan di SSM. Orang ramai hanya perlu memasukkan nombor pendaftaran syarikat, pendaftaran perniagaan atau PLT untuk mendapatkan paparan maklumat penting tentang entiti yang ingin diketahui seperti nombor pendaftaran, nama syarikat, perniagaan atau PLT, status semasa dan nombor pendaftaran GST. Perkhidmatan ini membolehkan orang ramai mengesahkan status sesebuah entiti sebelum menjalankan sebarang transaksi perniagaan dan sekiranya maklumat lanjut diperlukan, carian maklumat boleh dijalankan bagi mendapatkan profil syarikat atau perniagaan seterusnya. Dengan adanya kemudahan ini, kes-kes penipuan, salah faham dan lain-lain diharap dapat dikurangkan.



2016

43. INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

AS2016 dan ASK2016 yang baharu telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 4 April 2016 dan seterusnya oleh Dewan Negara pada 28 April 2016. Kedua-dua Akta tersebut telah menerima Perkenan Diraja pada 31 Ogos 2016 dan kemudian digazet pada 15 September 2016. AS2016 telah menggantikan AS1965 manakala skim kepentingan pula dikawal selia di bawah ASK2016. Tujuan AS2016 dan ASK2016 digubal adalah bagi mewujudkan persekitaran korporat yang kondusif dan dinamik dalam menjalankan perniagaan agar setaraf dengan amalan korporat di peringkat global.

44. PROGRAM KESEDARAN AS2016

Program Kesedaran AS2016 merupakan salah satu saluran utama bagi SSM untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan pihak berkepentingannya mengenai AS2016. Sebanyak lapan program kesedaran telah diadakan pada tahun 2016 dengan penyertaan seramai 1,368 delegasi. Program berkenaan diadakan di Kuala Lumpur (3 sesi), Terengganu (1 sesi), Johor (1 sesi), Sabah (1 sesi), Sarawak (1 sesi) dan Kedah (1 sesi). Kini, program ini masih diteruskan bertujuan untuk mencapai kesedaran terhadap akta ini pada tahap yang lebih baik dan supaya orang awam cakna akan kelebihan akta-akta baharu yang telah diperkenalkan ini.

45. SSM BIZTRUST



Selaras dengan pembangunan teknologi dan perubahan keperluan komuniti perniagaan masa kini, SSM telah memperkenalkan SSM BizTrust sebagai satu piawaian yang boleh diperolehi oleh entiti perniagaan dalam talian. SSM BizTrust menyediakan platform kepada peniaga dalam talian bagi memperolehi pensijilan SSM BizTrust

melalui logo atau seal yang akan dipaparkan pada laman sesawang atau media sosial perniagaan mereka. Sejak mula diperkenalkan sehingga sekarang, SSM BizTrust ditawarkan secara percuma kepada semua jenis entiti perniagaan dalam talian yang berdaftar dengan SSM sebagai langkah proaktif dalam meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap sesebuah entiti perniagaan.

Antara kelebihan SSM BizTrust adalah mengembangkan jenama perniagaan sebagai entiti perniagaan yang diperakui sah di sisi undang-undang, Memudahkan pengguna mengenal pasti kesahihan dan kewujudan entiti perniagaan melalui paparan kod QR SSM BizTrust, membina dan mewujudkan keyakinan pengguna dalam mengurus niaga serta mengurangkan risiko kes penipuan.

Sebagai langkah proaktif dalam meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap sesebuah entiti perniagaan, SSM telah merencanakan semula penawaran produk SSM BizTrust kepada komuniti perniagaan melalui pengenalan Kod QR SSM BizTrust. Kod QR SSM BizTrust ini telah diperkenalkan kepada orang awam dan berfungsi sebagai satu pengesahan serta pengenalan identiti digital kepada entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM. Sebagai permulaan, ianya ditawarkan kepada entiti perniagaan pemilikan tunggal dan perkongsian yang berdaftar di bawah APP1956. Pelaksanaan Kod QR SSM BizTrust ini akan diperluaskan secara berperingkat ke atas entiti perniagaan lain yang berdaftar di bawah AS2016 dan APLT2012.



2017

46. PERKHIDMATAN MYDATA INTERNATIONAL

Portal MyData SSM *International* telah dilancarkan pada 24 Oktober 2017 oleh YB Dato' Henry Sum Agong, Timbalan Menteri PDNKK. *MyData International* merupakan satu-satunya platform yang dihubungkan ke lebih 180 pendaftar di seluruh dunia. Portal ini telah dibangunkan dengan kerjasama Big Dataworks Sdn. Bhd., iaitu penyedia perkhidmatan maklumat korporat SSM dan KYCKR Ltd, sebuah syarikat tersenarai di Bursa Sekuriti Australia yang berpangkalan di Sydney, Australia, yang memberi perkhidmatannya dari Ireland.

**47. EZBIZ ONLINE**

Pada tahun 2017 EzBiz *Online* telah ditambah baik dengan memperkenalkan konsep “Daftar *Online*, Bayar *Offline* dan *Self Service Registration*”. Konsep ini membenarkan pemilik perniagaan membuat bayaran secara tunai bagi transaksi yang ditawarkan dalam EzBiz *Online*. Pemilik perniagaan boleh membuat pengaktifan *ID User* sendiri di Kiosk *Self Service Registration* tanpa perlu melalui kaunter SSM. SSM juga telah memperkenalkan kemudahan pembaharuan pendaftaran perniagaan, pembayaran kompaun dan bekalan maklumat secara dalam talian dengan pertambahan kemudahan bayaran secara tunai di kaunter-kaunter SSM seluruh negara.

**48. EZBIZ KIOSK**

Pada tahun 2017, SSM telah menambah perkhidmatan EzBiz Kiosk sebanyak 18 unit yang menjadikan keseluruhan 29 unit EzBiz Kiosk di seluruh Malaysia. Pada bulan Jun 2017, penambahbaikan fungsi EzBiz Kiosk dengan pengaktifan penggunaan kad *debit / credit* (cashless) telah dilaksanakan. Perluasan kemudahan pembaharuan pendaftaran perniagaan dan bekalan maklumat perniagaan melalui kiosk ke Pejabat Negeri dan Pusat Perkhidmatan SSM seperti Pejabat SSM Selangor, Pejabat SSM Johor, Pejabat SSM Pulau Pinang, Pejabat UTC Kuala Lumpur dan Pusat Perkhidmatan SSM di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Putrajaya.

**49. SKIM 1 PELAJAR 1 PERNIAGAAN**

Pelancaran geran Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (S1P1P) sebanyak RM10 juta berkuatkuasa pada 1 Januari 2017 untuk tempoh sepuluh tahun atau sehingga geran berkenaan habis digunakan mengikut mana yang terdahulu.



50. PENGUATKUASAAN AS2016 DAN ASK2016

Tahun 2017 amat signifikan kerana AS2016 dan ASK2016 mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2017 dan memansuhkan AS1965. Di bawah akta-akta yang baharu ini, kerangka undang-undang syarikat yang lebih moden, mantap, kondusif, berinovatif dan dinamik setaraf dengan perundangan korporat di peringkat global telah dikuatkuasakan. Secara umumnya, AS2016 dan ASK2016 melupuskan peruntukan-peruntukan lapuk yang tidak selaras dengan perkembangan dunia perniagaan masa kini, menambah baik peruntukan-peruntukan sedia ada di bawah AS1965 yang masih relevan dan memperkenalkan peruntukan-peruntukan baharu bagi penambahbaikan yang telah dikenal pasti di bawah 19 pernyataan polisi yang telah diluluskan oleh Kerajaan.

Pengenalan akta-akta baharu ini telah menyediakan peruntukan yang lebih fleksibel bagi syarikat-syarikat serta mempertingkatkan tanggungjawab dan perlindungan dalam kalangan komuniti korporat mengikut piawai tadbir urus yang diiktiraf di peringkat global, serta mengurangkan beban pengawalseliaan. Di bawah akta-akta yang baharu ini juga telah memodenkan undang-undang syarikat sambil mengurangkan kos pematuhan, memudahkan prosedur pemerbadanan syarikat dan mengurangkan duplikasi serta konflik.

51. PELANCARAN PRODUK *DIGITAL CTC*

Produk salinan dokumen disahkan benar secara digital (Digital Certified True Copy) bagi Salinan Imej Dokumen Berkanun Syarikat telah mula diperkenalkan bermula 31 Januari 2017 bagi menggantikan salinan dokumen yang dibekalkan melalui pengesahan secara manual. Kejayaan besar Produk *Digital CTC* ialah pengiktirafan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), dan *Malaysia Book of Records* (MBR) pada 17 Julai 2017 di mana MBR telah menyenaraikan SSM sebagai agensi pertama yang melaksanakan *Digital CTC* ini.



52. PELAKSANAAN PERKHIDMATAN INKUBATOR

SSM dengan kerjasama RS Centre Cube Sdn. Bhd. telah mengambil inisiatif mewujudkan *one-stop-centre* atau inkubator yang bersifat sebagai pusat penyediaan perkhidmatan sewaan pejabat kepada peniaga-peniaga dalam talian yang menetap di Sarawak untuk mendaftarkan perniagaan di bawah APP1956. Permohonan pendaftaran perniagaan melalui inkubator untuk penduduk negeri Sarawak boleh dibuat di portal *EzBiz Online*.

Pendaftaran perniagaan melalui inkubator juga telah dikembangkan dalam kalangan pelajar di bawah S1P1P di negeri Sarawak menerusi program YPGO dan KBPP. Sehingga Disember 2017 sebanyak 172 perniagaan telah didaftarkan menggunakan perkhidmatan inkubator.



53. PROGRAM TRANSFORMASI SSM

SSM telah melalui proses transformasi secara menyeluruh. Salah satu aspek yang diberi keutamaan ialah pemodenan prasarana teknologi maklumat.

Vforum 2017 telah mengiktiraf SSM melalui jemputan sebagai penceramah bagi slot *Data Center Modernisation*, yang berlangsung di Hotel One World pada 21 November 2017.



54. GERBANG INTEGRASI NASIONAL 2017

SSM telah melaksanakan Projek Gerbang Integrasi Nasional (Middleware) yang dibangunkan pada 6 Mei 2016 dengan kerjasama Mesiniaga Berhad. Projek ini bertujuan untuk merealisasikan capaian integrasi di antara sistem SSM dengan sistem lain yang terdiri daripada aplikasi dalaman dan juga luaran.

Projek ini telah mendapat pengiktirafan semasa *REDHAT APAC Innovation Awards* bagi pembangunan *Middleware Services* pada 3 Oktober 2017 yang berlangsung di Hilton KL.



55. KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF

Pasukan KIK Dc Tech telah berjaya dinobatkan sebagai johan di Konvensyen KIK KPDNKK 2017 di bawah kategori KIK Hibrid dan Anugerah Dokumentasi Terbaik. Salinan Dokumen Disahkan Benar Secara Digital telah diumumkan sebagai johan Anugerah Inovasi Peringkat KPDNKK 2017.



2018

56. SISTEM PELAPORAN PERNIAGAAN MALAYSIA

Malaysian Business Reporting System atau akronimnya, MBRS merujuk kepada platform serah simpan berdasarkan format *eXtensible Business Reporting Language* (XBRL). MBRS membolehkan serah simpan bagi penyata tahunan, penyata kewangan dan laporan serta Permohonan Pengecualian berkaitan penyata tahunan dan penyata kewangan. Pelancaran MBRS telah diadakan pada 27 September 2018 di Auditorium Tun Dr. Hasmah, Menara SSM@Sentral oleh YB Tuan Chong Chieng Jen, Timbalan Menteri PDNHEP.



57. PENGIKTIRAFAN DIGITAL CTC

Digital CTC merupakan satu transformasi perkhidmatan pengesahan dokumen secara manual kepada digital melalui gabungan teknologi pengimejan dokumen berkanun, tandatangan digital, *date time stamping* dan *Quick Response Code* (QR code) dengan ciri-ciri keselamatan. Ketika ini, SSM merupakan satu-satunya agensi yang menawarkan *Digital CTC* kepada pelanggan yang mana proses tandatangan digital ini dilaksanakan oleh Pos Digicert Sdn Bhd (Pos Digicert) selaku pihak berkuasa pemerakuan berlesen (Certification Authority) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di bawah Akta Tandatangan Digital 1997 dan Peraturan Tandatangan Digital 1998.

Melalui *Digital CTC*, SSM telah memperolehi pelbagai anugerah dan pengiktirafan seperti IDC *Digital Transformation Awards 2018* Kategori *Information Visionary* pada 9 Oktober 2018 dan *DX Awards* Kategori *Information Visionary* pada 25 Oktober 2018.



58. INFRASTRUKTUR KESELAMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Di bawah Program SSMTF, salah satu komponen selain daripada Projek Peningkatan Teknologi adalah Projek Infrastruktur Keselamatan Teknologi Maklumat. Hasil dari iltizam ini, SSM telah menerima anugerah *Cyber Security Project of the Year* daripada *Malaysia Cyber Security Awards* (MCSA) pada 26 September 2018. Anugerah ini disampaikan sewaktu Forum CSM-ACE iaitu satu acara keselamatan siber berprestij yang dikendalikan oleh *CyberSecurity Malaysia* dengan kolaborasi bersama *National Cyber Security Agency* (NACSA) dan diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara.



59. MAJLIS PENGHARGAAN UNTUK SEPULUH PELANGGAN TERBAIK MYDATA-SSM DAN SSM E-INFO SERTA TIGA CAWANGAN TERBAIK EJEN PERKHIDMATAN SSM

Pada 2 Ogos 2018, SSM telah menganjurkan majlis penghargaan kepada sepuluh pelanggan yang telah membuat pembelian tertinggi kepada maklumat korporat SSM melalui portal perkhidmatan MyData-SSM dan portal perkhidmatan SSM e-info serta tiga cawangan terbaik Bank Simpanan Nasional (BSN) & Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM) yang telah membuat kutipan hasil tertinggi pada tahun 2017. Majlis ini dihadiri oleh lebih kurang 60 jemputan yang dirasmikan oleh Encik Khuzairi Yahaya, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan).



60. SSM BIZRUN

BizRun 2018 anjuran SSM yang buat pertama kali diadakan pada 18 Ogos 2018 telah mendapat pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* (MBOR). Menteri PDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail telah merasmikan acara larian yang berlangsung di Padang Merbok, Kuala Lumpur telah memecahkan rekod MBOR dari segi jumlah penyertaan syarikat yang mengambil bahagian dalam larian 10KM dan 5KM. Acara tersebut telah menerima penyertaan sebanyak 740 buah syarikat berdaftar dengan lebih 5,000 orang peserta.



61. PENCAPAIAN SSM DI THE 18TH MALAYSIA -INTERNATIONAL HR AWARDS 2018 ANJURAN MALYSIAN INSTITUTE OF HUMAN RESOURCES MANAGEMENT (MIHRM)

SSM telah menyertai pertandingan *Malaysia Awards 2018* dalam kategori *Organisational - Employer of Choice (Public/Social)* pada 9 Julai 2018. Pertandingan ini merupakan satu acara tahunan yang dianjurkan oleh *Malaysian Institute of Human Resources Management (MIHRM)*. Objektif utama penganjuran pertandingan ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada organisasi yang terbukti berjaya menjadi rakan niaga yang strategik dan penting kepada pekerja dan pelanggan untuk mencapai matlamat organisasi. Pertandingan ini juga berfungsi sebagai platform menilai dan meningkatkan kualiti pengurusan sumber manusia di samping memberi pengiktirafan kepada organisasi yang mengamalkan piawaian cemerlang dalam bidang sumber manusia.

Anugerah ini telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia iaitu YB Dato Mahfuz Omar pada Majlis Makan Malam *The 18th Malaysia - International HR Awards 2018* yang diadakan pada 16 November 2018 di Sunway Resort & SPA Hotel, Subang.



62. SSM DI KONVENSYEN INOVATIF DAN KREATIF KPDNHEP 2018 DAN ANUGERAH INOVASI KPDNHEP 2018

SSM telah diwakili oleh enam pasukan KIK dalam Konvensyen Inovatif dan Kreatif KPDNHEP 2018 yang telah diadakan pada 29 - 30 Oktober 2018 dan 27 - 28 November 2018.

Pertandingan ini bertujuan untuk menekankan konsep pengurusan secara kemanusiaan yang mengutamakan aspek modal insan dan konsep pengurusan secara penyertaan tanpa mengira kedudukan dalam organisasi diberi peluang untuk memberi sumbangan yang bermakna kepada organisasi dan merupakan satu mekanisme yang melibatkan pekerja dalam proses penyelesaian masalah atau penambahbaikan proses kerja sedia ada atau memperkenalkan sesuatu yang baharu. Selain itu, pertandingan ini menerapkan konsep *knowledge-based* dan *creativity-driven* bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan agensi sektor awam dalam penyampaian perkhidmatan dan memelihara kesejahteraan rakyat.

Hasil daripada penyertaan tersebut, kumpulan Dynamic 10 telah dinobatkan sebagai Juara Anugerah Inovasi KPDNHEP 2018. Kumpulan Detective Conan mendapat tempat ketiga untuk Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif KPDNHEP 2018 dan kumpulan Fusebiz diumumkan sebagai pemenang Anugerah Dokumentasi Terbaik Kumpulan Inovatif dan Kreatif KPDNHEP 2018.



63. KONVENSYEN INOVATIF DAN KREATIF SSM 2018

Majlis Konvensyen Inovatif dan Kreatif SSM 2018 telah dianjurkan buat julung kalinya pada 28 Jun 2018. Sebanyak 22 kumpulan dari pejabat SSM di seluruh Malaysia telah bertanding di Konvensyen ini. Program ini telah dirasmikan oleh Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner, Ketua Pegawai Eksekutif SSM.

Konvensyen ini dianjurkan bertujuan untuk menyemarakkan serta membudayakan inovasi dan kreatif dalam kalangan warga kerja SSM di samping memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada warga kerja yang terlibat dalam KIK. Selain itu, konvensyen ini dapat mengenal pasti idea-idea baharu yang boleh diaplikasikan di SSM bagi meningkatkan sistem penyampaian dan seterusnya menyediakan pasukan terbaik bagi mewakili SSM dalam pertandingan Konvensyen Inovatif dan Kreatif di peringkat Kementerian dan Kebangsaan.



64. PELAN INTEGRITI SSM

Pelan Integriti SSM (PISSM) 2018 - 2020 telah dilancarkan pada 7 Mac 2018 yang merupakan salah satu tunjang dalam tadbir urus korporat SSM.

Objektif utama Pelan Integriti SSM diwujudkan adalah untuk meningkatkan serta mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap budaya integriti yang dipraktikkan oleh SSM. Pencapaian ini dapat direalisasikan dengan kewujudan pelan integriti di SSM dengan penumpuan seperti berikut:

- ▶ Meningkatkan pemahaman integriti warga kerja SSM;
- ▶ Mempromosikan dan membudayakan nilai-nilai murni, beretika dan berintegriti dalam kalangan warga kerja SSM;
- ▶ Mewujudkan jalinan kerjasama yang utuh dalam kalangan warga kerja SSM; dan
- ▶ Meningkatkan tahap kesedaran dan tanggungjawab warga kerja kepada SSM.



65. SESI DIALOG SSM BERSAMA USAHAWAN DALAM TALIAN

Lebih seratus usahawan hadir pada sesi dialog bersama usahawan dalam talian yang julung kali diadakan oleh SSM pada 2 Mei 2018. Sesi dialog ini turut mendapat kerjasama Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM) dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM). Sesi dialog ini bertujuan untuk memperkenalkan produk SSM BizTrust kepada para usahawan dalam talian selain berkongsi buah fikiran.



66. KERJASAMA BERSAMA LAZADA

SSM selaku rakan strategik Lazada telah turut serta dalam siri jelajah LAZADA di Nexus Connection, Bangsar South yang dianjurkan pada 7 Julai 2018. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada usahawan baharu yang mendaftar di platform Lazada berkenaan etika ketika menjalankan perniagaan secara sah dan mengikut etika yang baik secara dalam talian.



67. PELANCARAN KEMPEN #JOMJUAL

Kempen #JomJual telah dilancarkan pada 13 Ogos 2018 oleh Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner. Kempen ini merupakan inisiatif bagi menggalakkan warga kerja SSM mengenali dan mempromosi produk dan perkhidmatan SSM.



68. JELAJAH UPTOWN

SSM telah mengambil inisiatif untuk turun padang dan bertemu para perniaga di *uptown* dan kawasan sekitarnya. Dua lokasi sasaran adalah di *Uptown Puchong Night Bazaar* dan *Uptown Danau Kota*, masing-masing pada 12 Oktober 2018 dan 19 Oktober 2018. SSM menawarkan perkhidmatan pendaftaran perniagaan, pembaharuan perniagaan serta khidmat nasihat. Selain itu, SSM turut memperkenalkan produk SSM BizTrust kepada usahawan yang mempunyai platform dalam talian untuk menjalankan perniagaan.



2019

69. SSM PERFORMANCE EXCELLENCE AND EXPANDS DISTINCTION 2019

Program *SSM Performance Excellence & Expands Distinction* (SPEED) yang dijenamakan semula (rebranding) dari program *ALL STAR* telah dilaksanakan pada 3 hingga 5 Julai 2019 yang disertai oleh 60 orang pekerja SSM di Marriot Hotel Putrajaya. Peserta didedahkan dengan kaedah *Coaching* menggunakan model GROW (Goal, Reality, Options dan Way Forward) dan peserta telah diberikan tugas selama lima bulan di mana peserta dilantik sebagai *coach* untuk membimbing seorang *coachee* dengan menggunakan ilmu yang dipelajari daripada program SPEED ke arah melahirkan lebih ramai lagi pekerja-pekerja cemerlang SSM.



70. SSM PERKENAL FORMAT BAHARU 12 DIGIT NOMBOR PENDAFTARAN ENTITI PERNIAGAAN

Format baharu ini diperkenalkan bagi menggantikan nombor pendaftaran syarikat, perniagaan dan PLT yang sedia ada.

Ia selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk menggunakan satu format pendaftaran tunggal bagi entiti perniagaan di Malaysia di bawah Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana 2012 hingga 2020.



71. BENGKEL BUSINESS MODAL CANVAS (BMC)

Bengkel *Business Modal Canvas* (BMC) telah diadakan pada 19 November 2019 bersama pengurusan tertinggi SSM. Bengkel ini bertujuan memberi pemahaman mengenai BMC kepada pengurusan tertinggi SSM.



72. SSM BIZTRUST ONE-TO-ONE COACHING

Sebagai peneraju tadbir urus korporat di Malaysia, SSM sedia memberi khidmat nasihat yang berkualiti serta melayani para pelanggan dengan penuh hormat. Seiring dengan itu, melalui penganjuran SSM BizTrust *One-to-One Coaching* kepada pihak-pihak berkepentingan terutamanya para peniaga dalam talian dapat memberikan kesedaran kepada mereka berkaitan produk SSM BizTrust. Sepanjang tahun 2019, sebanyak lapan sesi *one-to-one coaching* telah dianjurkan yang dihadiri oleh pemohon-pemohon yang berstatus kueri serta individu yang berminat dengan pendaftaran SSM BizTrust.



73. BENGKEL SANDBOX BIZTRUST BERSAMA AGENSI

SSM telah menganjurkan Bengkel *Sandbox BizTrust With Agencies* melibatkan kerjasama pihak-pihak berkepentingan yang relevan bagi tujuan kerangka pemantapan SSM BizTrust di Malaysia yang telah diadakan di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi pada 23 dan 24 April 2019. Sebanyak tujuh agensi yang hadir, antaranya wakil daripada KPDNHEP, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), SME Corporation dan Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. (MDEC).



74. LAZADA WECOMMERCE

Program Lazada *WeCommerce* telah diadakan pada 15 Ogos 2019 bertempat di Aloft Hotel, KL Sentral. Lazada telah memperkenalkan *WeCommerce* dengan konsep Peruncitan Baharu yang merupakan kaedah membeli-belah masa hadapan melalui teknologi terkini serta mendapat sokongan daripada Alibaba. Peruncitan baharu ini menampilkan konsep untuk penjual berkomunikasi bersama pelanggan melalui integrasi dari luar talian terus ke dalam talian bagi satu pengalaman membeli-belah yang baharu. SSM telah dijemput untuk membuka booth pameran sepanjang program berlangsung bagi tujuan khidmat nasihat berkaitan SSM BizTrust.

75. KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KPDNHEP

Pasukan KIK SSM yang terpilih menyertai Konvensyen KIK peringkat KPDNHEP diberi pemahaman dalam latihan khusus secara komprehensif dengan konsep bersemuka setiap pasukan bersama perunding yang dilantik. Latihan yang diberikan memfokuskan tentang penyediaan dokumentasi dan persembahan yang terbaik berdasarkan kriteria penilaian projek yang telah ditetapkan dalam garis panduan Konvensyen KIK KPDNHEP 2019.



2020

76. PELANCARAN SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PRIHATIN (SPPP)

Pada 23 Disember 2020, SSM telah melancarkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) dengan memperluaskan tawaran di bawah Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (S1P1P) kepada golongan belia dan ibu tunggal untuk mendaftarkan perniagaan mereka dengan SSM di bawah APP1956 tanpa dikenakan fi pendaftaran.



77. #JOMDAFTARSSM

Program #JOMDAFTARSSM2020 ini telah berjaya mencatatkan sebanyak 2,705 pendaftaran perniagaan baharu yang merupakan rekod tertinggi pernah dicatatkan oleh SSM dalam tempoh 1 hari memandangkan secara purata rekod harian pendaftaran baharu perniagaan di seluruh Malaysia adalah sebanyak 1,100 pendaftaran sahaja. Rekod ini sekaligus melayakkan SSM memperoleh pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* sebagai agensi pertama mencipta rekod pendaftaran perniagaan terbanyak di negara ini.



78. 11 INISIATIF SSM 2020


SSM telah mengumumkan sebelas inisiatif bagi membantu mengurangkan bebanan komuniti perniagaan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Pengumuman yang dibuat oleh Pengerusi SSM, Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam Haji Ahmad di Ibu Pejabat SSM, menekankan kepada inisiatif-inisiatif penting yang memberi manfaat buat komuniti perniagaan terlibat.



2021

79. PERLUASAN SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PRIHATIN (SPPP)

Berkuat kuasa pada 15 Februari 2021, SSM telah memperluaskan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) kepada semua usahawan dalam kumpulan B40. SPPP yang telah dilancarkan pada 23 Disember 2020 lalu telah ditambah baik di mana sebelum ini hanya memberi manfaat kepada usahawan dari kalangan belia dan ibu tunggal B40 serta pelajar sahaja. SPPP diperkenalkan sebagai sokongan dan galakan kepada masyarakat khususnya golongan B40 untuk menceburi bidang perniagaan bagi menjana sumber pendapatan alternatif kepada penggajian terutamanya apabila hilang pekerjaan.



80. 11 INISIATIF SSM 2021

YAB Perdana Menteri ke-8, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin telah mengumumkan inisiatif bantuan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA +) pada 31 Mei 2021 untuk mengurangkan bebanan komuniti perniagaan dan sektor korporat yang terkesan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dan *Total Lockdown* Fasa Pertama. Empat (4) daripada inisiatif-inisiatif yang diumumkan tersebut turut melibatkan SSM yang bertujuan untuk membantu mengurangkan beban yang dihadapi oleh sektor korporat untuk memenuhi kewajipan mereka di bawah undang-undang yang dikawal selia oleh SSM.



81. PELAKSANAAN SISTEM E-COMTRAC

Mulai 13 Januari 2021, pendaftaran dan pembayaran bagi program-program latihan korporat SSM anjuran COMTRAC boleh dilakukan secara dalam talian melalui modul e-COMTRAC yang dibangunkan di atas platform sistem EzBiz Online.

e-COMTRAC

82. PELAKSANAAN SISTEM MYLLP YANG BAHARU

Sistem bagi melaksanakan transaksi berkaitan entiti PLT yang merupakan salah satu projek *Quick Win* telah direalisasikan dengan pelaksanaan sistem MyLLP yang baharu pada 19 Ogos 2021.



83. APLIKASI MYSSM

MySSM merupakan aplikasi rasmi SSM boleh dimuat turun sejak 25 Mac 2021 yang menawarkan modul e-Perkhidmatan kepada para pelanggan SSM tanpa sebarang kos, bertujuan untuk memudahkan capaian pengguna melalui peranti mudah alih.



84. PELANCARAN PORTAL XCESS

Pada 2 September 2021, SSM melancarkan portal XCESS yang menawarkan maklumat PLT dan penglibatan peribadi secara dalam talian. Portal XCESS dibangunkan bertujuan untuk melengkapkan penawaran maklumat yang tidak ditawarkan melalui portal pembekalan maklumat korporat SSM sedia ada iaitu SSM e-Info dan MyData-SSM.




85. SESI JALINAN KERJASAMA BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (MMEA) PADA 18 MAC 2021



86. SESI JALINAN KERJASAMA BERSAMA BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA PADA 12 APRIL 2021



87. PROGRAM BIMBINGAN USAHAWAN (PBU21) DAN PROGRAM USAHAWAN MUDA 2021 (PUM21) PADA 29 JUN 2021 & 9 NOVEMBER 2021



88. MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA (DOSM) DENGAN SSM PADA 19 NOVEMBER 2021



89. SAMBUTAN 100 HARI ASPIRASI #KELUARGAMALAYSIA

Sempena Sambutan 100 Hari Aspirasi #KeluargaMalaysia bertempat di KL Convention Centre yang berlangsung pada 9 hingga 12 Disember 2021, YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob diiringi Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Sri Haji Hasnol Zam Zam telah mengunjungi booth SSM dan beramah mesra dengan para petugas kaunter dan pelanggan SSM yang terletak di pavilion KPDNHEP.



90. PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA PARLIMEN BERA PADA 12 DISEMBER 2021

Pada 12 Disember 2021, Pejabat SSM Pahang telah menyertai program Jualan Keluarga Malaysia bertempat di sekitar Econsave Triang, Bera yang dihadiri oleh YAB Perdana Menteri.

Program ini telah berlangsung dari jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 3.00 petang. Turut hadir ialah Datin Roszanina Wahab, TKSU KPDNHEP.

Susulan ini, pelaksanaan program Jualan Keluarga Malaysia yang dilancarkan pada 2 Disember lalu oleh Kerajaan diadakan sebagai inisiatif untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat terutamanya pengguna dalam kalangan berpendapatan rendah.

Program ini menawarkan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian seperti ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras serta barangan proses dengan harga hingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran setempat.



91. HARI INTEGRITI SSM 2021

SSM menganjurkan sambutan Hari Integriti 2021 bertempat di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@ Sentral.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Hj Hasnol Zam Zam Hj Ahmad, Ketua Setiausaha KPDNHEP merangkap Pengerusi SSM serta turut dihadiri oleh Dato' Abdul Samat Kasah, Mantan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM selaku penceramah yang diundang khas di dalam majlis ini.

Turut menghadiri majlis ini adalah Anggota SSM, wakil-wakil agensi daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM) dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM).

Penganjuran Hari Integriti SSM Tahun 2021 juga disemarakkan dengan pelancaran Buku Kod Etika SSM 2021 dan penganugerahan Pensijilan MS ISO 37001: 2016 *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM QAS) kepada SSM.



**92. MAJLIS PENGHARGAAN DAN PENYAMPAIAN SIJIL
PENGLIBATAN SME SERTA SIJIL *PROJECT COMPLETION
CERTIFICATE* (PCC) BAGI PROJEK HALA TUJU SSM (HT3-ROB)
PADA 12 MAC 2021**



**93. PEMBUKAAN DAN PERASMIAN PEJABAT BAHARU SSM
CAWANGAN TEMERLOH PADA 12 APRIL 2021**



**94. PENGENALAN VERSI BAHARU KAUNTER BERGERAK SSM
PADA 14 JULAI 2021**



95. **PELAKSANAAN PROJEK HT1 – LIMITED LIABILITY PARTNERSHIP (MYLLP) FASA 1A SSM PADA 19 OGOS 2021**



96. **SESI VIVA & KONVENSYEN KIK KPDNHEP 2021 PADA 27 OKTOBER 2021**



97. **PENYEDIAAN JAWAPAN BAGI WAKTU PERTANYAAN MENTERI (MQT), PERTANYAAN PARLIMEN MALAYSIA JAWAB LISAN DAN BERTULIS UNTUK PERSIDANGAN PARLIMEN 11 NOVEMBER 2021**



98. **SESI JALINAN KERJASAMA BERSAMA JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN) MALAYSIA MELALUI SESSI PERBINCANGAN DAN MESYUARAT**



99. **PELANCARAN SKIM PELABURAN DURIAN YANG PERTAMA DI MALAYSIA DIDAFKARKAN DI BAWAH AKTA SKIM KEPENTINGAN 2016 PADA 12 NOVEMBER 2021**



100. BENGKEL SEMAKAN RFI DAN MEMUKTAMADKAN KERANGKA BAGI PROJEK HALA TUJU SSM (HT6- DATA MANAGEMENT – DM) PADA 14 NOVEMBER 2021



101. KURSUS PENGUKUHAN KAWALAN RAHSIA RASMI KEPADA PEGAWAI PENGELAS SSM PADA 15 - 24 NOVEMBER 2021



102. PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI PERINGKAT KPDNHEP 2021 PADA 18 NOVEMBER 2021



103. INISIATIF-INISIATIF SSM SEMASA MUSIBAH BANJIR PADA DISEMBER 2021

Berikutan bencana banjir yang melanda beberapa negeri di Malaysia pada penghujung tahun 2021, SSM telah mengambil inisiatif untuk turut bersama-sama menghulurkan bantuan kemanusiaan demi meringankan bebanan mangsa yang terlibat. Segala inisiatif yang diambil merupakan tanggungjawab SSM dalam memberi respons untuk membantu mangsa-mangsa bencana banjir yang memerlukan bantuan dengan segera.

Antara inisiatif yang diambil ialah Inisiatif 'Penggantian Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Musnah Akibat Bencana Alam Secara Percuma', 'Penubuhan Skwad Kilat SSM Bagi Membantu Membersihkan Kediaman Mangsa Banjir' dan 'Bantuan Kepada Pusat Penempatan Sementara (PPS) Mangsa Banjir'.



104. PEJABAT SSM NEGERI PERAK BERPINDAH KE BANGUNAN SENDIRI DI LOKASI BAHARU MULAI 6 DISEMBER 2021

A large audience is seated in a hall, many holding small Malaysian flags. The hall has a balcony with more people. The text "AUDITORIUM TUN DR. SITI HASMAH" is visible on a wall above the audience.

AUDITORIUM TUN DR. SITI HASMAH

PENUTUP
20 TAHUN
BERLALU DAN
PERJALANAN SSM
SETERUSNYA

PENUTUP: 20 TAHUN BERLALU DAN PERJALANAN SSM SETERUSNYA

Paparan buku ini telah sampai ke penghujungnya. Imbauan 20 tahun yang dipaparkan di sini menjadi bukti kegigihan SSM melaksanakan transformasi dalam bidang mandatnya, dan berjaya meletakkan kedudukannya sebagai **“Inspirasi Kepercayaan Perniagaan”**.

Sesungguhnya, langkah berani Kerajaan pada tahun 2001 menggabungkan dua entiti pendaftaran yang sedia ada pada ketika itu, untuk menubuhkan satu entiti baharu yang bebas, dengan sumber pendanaan sendiri, dengan kuasa autonomi dan kemampanan sendiri, iaitu agensi yang diberi nama Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan lebih dikenali sebagai SSM telah berjaya memberikan impak yang sangat besar dalam usaha mentransformasikan ekosistem perniagaan negara.

Dengan perancangan yang teliti dan rapi, agensi ini telah melancarkan transformasi yang menyeluruh dengan cukup tersusun dan sistematis, dengan memberi penekanan ke arah pembangunan rangka kerja yang berdaya maju dalam proses evolusi organisasi dalaman dan mempertingkatkan rangka kerja pentadbirannya, dan memperkasakan kerangka undang-undang dan teknologi, memperluas rangkaian pejabat wilayah dan saluran-saluran alternatif untuk terus mendekati pengguna. Agensi ini telah berjaya menghasilkan perubahan yang ketara dalam membentuk ekosistem perniagaan negara yang didorong pasaran dan diterajui sektor swasta. Kejayaan ini memberikan manfaat yang berpanjangan kepada ekonomi negara dan juga kesejahteraan rakyat.

Melalui perubahan yang pesat terhadap undang-undang korporat negara dan langkah-langkah menerapkan amalan terbaik dalam sektor perniagaan negara, transformasi yang diterajui dan dipacu SSM telah mendorong kepada pembaharuan yang lebih cekap dan telus, dan mendapat kepercayaan perniagaan.

Sepanjang dua dekad juga SSM telah melancarkan pembaharuan besar-besaran dalam penggunaan teknologi digital yang berorientasikan pelanggan, bagi membolehkan pendaftaran dalam talian dan akses kepada data dan maklumat dengan pantas. Tumpuan terhadap penggunaan teknologi digital yang meluas dan terkini untuk menyokong pengurusan pendaftaran entiti dan pembekalan maklumat korporat telah membina

satu landasan yang kukuh untuk memacu perubahan yang berorientasikan sistem pada masa hadapan.

Selain itu, SSM telah bekerjasama dan mengadakan penglibatan yang aktif dengan sektor swasta dan pihak berkepentingan demi memastikan transformasi ini menghasilkan kemakmuran bersama dan dikongsi bersama. Hasilnya, perubahan yang diterajui SSM ini difahami secara mendalam dan diterima secara meluas dalam kalangan pihak berkepentingan.

Meskipun 20 tahun SSM gah di mercu mengawasi persada niaga, namun ia tetap merendah turun ke gelanggang, menyantuni yang lemah dan menyayangi yang rentan, dengan agenda tanggungjawab korporat (CR) yang digarap tuntas demi kemakmuran dan kesejahteraan bersama.

Tatkala kita sedang mara ke hadapan, SSM, kekal dengan mandatnya untuk memperkasa ekosistem perniagaan negara, dan akan terus melakukan transformasi. Namun begitu, perjalanan masa hadapan masih penuh ranjau dan duri. Dunia pasca pandemik terus berisiko dan tidak menentu dan SSM perlu mendepani cabaran ini. Dengan Ekonomi Digital menerajui pertumbuhan dan ledakan teknologi yang sangat pesat, kemajuan masa hadapan bakal didominasi dan dipacu oleh data raya (big data) dan analitis data, dan seterusnya kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI), yang semua ini bakal membawa bersama bukan sahaja manfaat yang banyak, malah akan meningkatkan lagi risiko. Perniagaan melangkaui sempadan menjadi norma, manakala kepantasan dan ketepatan pula adalah kunci kelebihan berbanding serta nilai pemacu daya saing. Di tengah-tengah kemajuan ini, agenda kelestarian alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) akan terus diperjuangkan pada masa hadapan. Justeru, dalam konteks cabaran yang mendatang ini, kematangan dan pengalaman SSM sejak dua dekad akan terus menjadi sandaran negara.

Coretan tinta dalam mengimbuai kembali 20 tahun SSM melakar kejayaan dalam menerajui persada niaga negara sudah pun sampai ke penghujungnya, namun, yang pasti, tekad membara yang mengiringi perjalanan SSM sejak 20 tahun lalu tidak ternoktah di sini.



SSM DUA DEKAD: INSPIRASI KEPERCAYAAN PERNIAGAAN

ISBN 978-629-96585-0-4

©Hak Cipta Terpelihara

HAK CIPTA TERPELIHARA. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Menara SSM@Sentral, No 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur

Dicetak oleh:

CN Communications Network Sdn. Bhd.

3-46A 1, Block M, Jalan Desa 2/4, Desa Aman Puri, Kepong, 52100 Kuala Lumpur

MENARA SSM@SENTRAL

No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur

TEL. *603 7721 4000 :: **FAKS.** *603 2299 4411 :: **EMEL.** enquiry@ssm.com.my

MEDIA SOSIAL.     /ssmofficialpage

www.ssm.com.my

ISBN 978-629-96585-0-4

